
USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

اينيله ڤندڠنکو

inilah pandanganku

DISUSUN OLEH: USTAZAH KHADIJAH AAM



USTAZ
ASHAARI MUHAMMAD

اينله ڤنداڠنكو

inilah pandanganku

DISUSUN OLEH: USTAZAH KHADIJAH AAM



01-24-41

Cetakan Pertama Julai 1988
Cetakan Kedua Ogos 1988

Diaturhuruf dan Rekaletak oleh Pusat Komputer Al Arqam
Muka Taip Teks: Tunes Roman
Saiz Taip Teks: 1 l/13 poin

Rekabentuk Kulit: Ustaz Ahmad Dinie Juri
Fotografi: Unit Fotografi Al Arqam

Diterbitkan oleh:
Penerangan Al **Arqam**
Sg. Penchala, Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-7187820

Dicetak oleh:
Polygraphic Press Sdn. Bhd.
Lot 14 Jalan I, Kawasan Perusahaan
Cheras Jaya, Balakong
Batu 11, Cheras
43200 Selangor Darul Ehsan.

KANDUNGAN

KU UNTUKKAN BUKU INI PADA:

Hamba-hamba Allah yang sedang berusaha untuk memberikan cinta agung mereka pada Allah dan *Rasul-Nya.*

Pada semua, aku *berpesan:*

1. Ambillah ilmu itu sekalipun dari seorang budak, agar kamu tidak termasuk senarai orang yang sombong.

2. Berendah dirilah serendah-rendahnya nanti Allah akan mengangkatmu setinggi-tingginya.

3. Redhailah takdir Allah nescaya manusia akan redha padamu.

4. Sekiranya engkau yang menang, maka katakanlah: Kemenangan ini kepunyaan Allah. Manakala aku tetaplah seorang hamba yang dhaif lagi berdosa.

Dan kiranya engkau tewas katakanlah moga-moga ujian ini menghapuskan dosa-dosaku.

5. Kalau buku ini terasa kurang, moga-moga andalah orang yang menyempurnakannya.

6. Dan kalau ianya benar, ketahuilah kebenaran itu bukan milikku. Ia datang dari Allah. Maka engkau hendaklah jadi orang yang tidak meragu-ragukannya.

TELAH LAMA AKU KATAKAN

Kawan-kawan seperjuangan!
Anak-anak yang dikasihi!
Isteri-isteriku yang dicintai!
Adik-adikku yang diingati!

Telah lama aku katakan
Sebagai peringatan buat kalian
Apakah kamu masih ingat lagi
Ucapan-ucapan yang selalu kulafazkan
secara tidak rasmi
Di dalam kereta di masa perjalanan
Waktu ramai-ramai sambil makan
Ketika berjemaah di waktu rehat
Jemaah kita perjuangan akhir zaman
Terjadi sendiri, anugerah Ilahi
Tanpa persidangan, tanpa muktamar
Tanpa KDN yang diberi
Akan ada yang pergi, banyak yang datang
Orang lama akan jadi orang baru
Orang baru akan jadi lama

Ujian sentiasa silih berganti
Yang bermacam-macam bentuk dan corak

Ada yang datang dari rumahtangga
Ada yang dicipta oleh manusia yang dengki
Namun kereta perjuangan tetap mara
Siapa yang lari akan kehilangan segalanya
Namanya hilang ditelan zaman
Walau sebelum ini orangnya ternama
Musuh-musuh geram tetapi tidak boleh buat apa-apa
Hatinya sakit, jiwa tersiksa
Ada yang ditimpa penyakit jiwa
Otak tidak boleh berfikir lagi
Perjuangan kita dibantu Allah walaupun banyak halangannya
Kereta kita tetap berjalan terus
Menuju ke tempat yang dicita-cita
Duduklah baik-baik di dalam kereta
Walaupun sekali-sekala diombang-ambingnya kita.

Ashaari Muhammad
Julai 1988
Markaz Al Arqam , Bangkok

P KATA

setiap kali berdiri sembahyang mengadap-Nya.

Suka juga kuberitahu pada para pembaca bahawa aku merasakan bantuan Allah yang kuperolehi dalam menulis buku-buku, memberi ceramah, memimpin, mendidik dan menyusun program-program perjuangan Darul Arqam ini. Bukanlah kerana aku ini sudah cukup baik, sudah cukup' bertaqwadengantaqwayanglayakuntukmendapatbantuan~ Allah. Diriku sebenamya masih terlalu dhaif dan banyak dosa. Tapi aku mendapat barakah dari seorang kekasih Allah, yang kurasakan ketua kepada wali-wali Allah akhir zaman. Yakni As Syeikh Sayyid Muhammad As Suhaimi Rahimahumullahu Taala, pengasas Aurad Muhammadiah. Beliau inilah yang kuramalkan bakal Imam Mahdi dalam bukuku *'Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam'*. Perjuangan Darul Arqam berjaya melepaskan diri dari satu serangan ke satu serangan yang sungguh bahaya dan serius olehmusuh-musuhnya, adalah kerana bantuan Allah berkat Syeikh Suhaimi dan Aurad Muhammadiah. Hingga kerana itu aku kini merasakan Jemaah ini lebih tepat kalau dinamakan dengan Jemaah Muhammadiah.

Buku ini seperti buku-bukuku yang lain, dengan izin Allah akan membawa anda mengembara bersama Iman dan Islam. Menjangkau soal-soal dunia dan akhirat, hidup dan mati. Tentang Padang Mahsyar, syurga, neraka, kubur, tentang kebenaran, keadilan, kebahagiaan, tentang mahmudah dan mazmumah. Tentang watak-watak manusia, tentang habluminallah dan habluminannas. Fardhu ain dan fardhu kifayah. Tentang politik, ekonomi, sosio-budaya, perpaduan ummah, tentang kaedah memahami masyarakat, perjuangan Islam dan kemuncaknya ialah tentang cita-citaku mahumelihat bumi ini bersih dan aman makmurdenganmendapatkeredhaanAllahSWT.Bacalah!

Nanti anda akan rasa apa yang kumaksudkan dan mudah-mudahan anda suka untuk bersamaku menempuh jalan ini. Jalan yang sukar dan sempit yang dulu telah pemah dilalui oleh salafussoleh, sahabat-sahabat besar dan junjungan mulia Muhammad SAW. Jalan yangkirikanannyadipenuhi oleh barisan musuh-musuh ketat Allah dan Rasul yakni iblis laknatullah, nafsu terkutuk, Yahudi dan Nasrani, orang-orang munafik dan manusia-manusia penentang perjuangan ini. Mereka telah, sedang dan akan terus menyusun tentera penyerang yang handal dan licin untuk mungkin membawa kita kepada apa yang sering kita doakan iaitu mati syahid. Ayuh, ini peluang keemasan bagi orang-orang yang ikhlas hatinya terhadap Allah.

Akhimya untukTuhanku, terimalah karangan ini sebagai amal solehku untuk-Mu ya Tuhanku. Dan ampunkan aku terhadap dosa-dosa huzuzunnafsi (kepentingan diri) yang sentiasa dibisik-bisikkan ke dalam hatiku oleh nafsuku Kiranya ada lagi pahalanya maka semuanya sekali ingin kuhadiahkan pada kedua ibu bapaku, guruku dan siapa-siapa juga yang telah berjasa padaku,demi untuk membalas jasa-jasa mereka itu. Jadikanlah buku ini ya Allah ya Rahman, sesuai sepertimana yang Engkau redhai agar ia benar-benar bermanfaat bagi seluruh anggota Jemaah Muhammadiah yang kupimpin ini dan bermanfaat juga pada seluruh kaum Muslimin dan Muslimat walau di mana mereka berada. Mudah-mudahan jadilah kami hamba-hamba-Mu yang Engkau redhai.

Wabiiahil Hidayah wat Taufik.

Assalamualaikum dari,
Hamba yang hina lagi berdosa,
ASHAARI BIN MUHAMMAD.

SINOPSIS

BAGAIKAN anak aesa yang tunm ke kota mencari kehidupan, bertemu dunia yang mewah dan penuh ria, maka terlupalah ia asal-usulnya dan pesanan orang tuanya. Hinggalah tika ia lemas dalam segala dosa dan noda, tika diburu oleh kesusahan yang bertimpa-timpa barulah ia teringat pada desa dan orangtuanya. Moga-moga di sanalah ada bahagia yang sebenamya.

Begitulah yang terjadi kini. Manusia lupa asal-usulnya dan lupa pada Tuhan yang menghantarnya ke dunia. Maka bergelumanglah ia dengan kesibukan dunia yang menipu dan mengejar bahagia bagaikan mengejar bayang-bayang. Hidup terasa bagaikan bermain dengan fatamorgana. Dan ada yang sudah mati tanpa membawa apa-apa.

Maka belumkah tiba masanya untuk hati itu diserahkan pada empunyanya, yakni Allah SWT? Belumkah akal fikiran itu mahu memikirkan apa kata Allah dan Rasul? Belumkah mahu diri itu dijadikan korban pada Zat yang telah menciptakannya. Sedangkan dunia sedang beralih wajahnya pada Islam. Dan tidak lama lagi dunia akan menyerah diri pada Islam. Waktu itu siapa tidak Islam atau memandang rendah pada Islam, atauberdolakdalihdengan Islam atau mempersenda-sendakan Islam, maka tempatnya

tidak ada lagi di bumi ini. Kalau adapun hanya sebagai . orang tumpangan yang tidak punya apa-apa, sekalipun ia menganut agama Islam.

Jangan nafikan kemungkinan ini. Allah berkuasa menjatuhkanFiraundenganNabiMusa.DanAllahberkuasa mengangkat Thalut, seorang petani sebagai ketua Bani Israil. Dan tidak ada apa yang mustahil bagi Allah. Kalau begitu kan lebih baik menyerah diri pada Allah. Ikut Quran dan Sunnah. Jadi pejuang fisabilillah untuk menegakkan kehidupan sunnah? Tapi perjuangan ini bukan boleh reka-reka dengan akal dan agak-agak dengan jangkaan. Berjuanglah sebagaimana salafussoleh berjuang. Senjatanya ialah iman dan taqwa. Yakni sanggup bangun malam untuk serah diri pada Tuhan. Untuk siangnya jadi singa Allah yang gigih menegakkan Islam.

Maka akan tibalah pertolongan Allah. Pertolongan yang akan membuatkan umat Islam jadi tuan di dunia dan tuan juga di akhirat. Untuk itu mari bersamaku, mengembara melalui buku ini ke satu jalan yang di sana kelihatan bekas-bekas tapak kaki para ambiya', auliya' dan solehinberjalan menuju Tuhannya.

MUQADDIMAH

TIDAK ada seorang manusia pun yang mahu hidup dalam derita dan susah-payah. Sam ada susah di dunia, apa lagi susahdi akhirat. Yakni dalam kawah api neraka. Keranaitu semua orang memburu kesenangan, keselesaan dan kebahagiaan hidup. Masing-masing dengan cara yang tersendiri. Ada yang mencari bahagia dengan kuasa, ada pula dengan jawatan. Ada yang mencari bahagia pada Wang ringgit, pada ilmu yang tinggi yang ada pada degree-degree, atau pada populariti, pada kemewahan hidup, pada kecantikan dan pada harta benda dunia. Terlalu sedikit orang yang mencari keselamatan dan kebahagiaan hidup dengan taqwa. Sedangkan, taqwalah satu-satunya syarat yang dijamin oleh Allah. Boleh bawa bahagia di dunia apa lagi di akhirat. Selain taqwa, semuanyahanyalah sementara bahkan menipu-daya. Lihatlah penguasa-penguasa, orang-orang kaya, cendiakawan, jutawandanbangsawan hari ini, hidup dalam keluh-kesah, kebimbangan, ketidak-puasan, kesunyian dan lain-lam lagi.

Masalah hidup mereka, rasanya lebih banyak dan lebih besar dari masalah hidup kita, orang-orang awam ini. Berita mereka berkrisis, bunuh diri, rasuah, rompakan, skandal, berperang dan lain-lain adalahcerita biasa. Ertinya hidup mereka sentiasa dalam kesusahan. Nyatalah apa

yang mereka perjuangkan itu tidak memberi bahagia. walaupun di dunia. Benarlah firman Allah:

وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

Terjemahan: Tidaklah kehidupan dunia itu melainkan mata benda yang menipu daya.

(Surah Ali Imran : 185)

Kebahagiaan itu ada pada taqwa. Lihat apa kata Allah:

أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Terjemahan: Ketahuilah, dengan mengingati Allah, hati menjadi tenang.

(Surah Ar Raad : 28)

﴿٨٧﴾ يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ
سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Terjemahannya: Pada hari itu tidak berguna harta dan anak, kecuali mereka yang pergi membawa hati yang selamat sejahtera.

(Surah Asy Syurara' : 88-89)

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Terjemahannya: Barangsiapa bertaqwa pada Allah, nescaya Allah akan memberinya jalan keluar (dari kesulitan) dan memberi rezeki dari sumber yang tidak diduga.

(Surah At Talak : 2)

وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ ۗ

Terjemahannya: Bertaqwalah pada Allah nescaya Allah akan mengajat kamu.

(surah Al Baqarah : 282)

وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَل لَّهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾

Terjemahannya: Hendaklah bertaqwapada Allah, nescaya Allah akan permudahkan urusanmu.

(Surah At Talaq : 4)

وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُتَّقِينَ

Terjemahannya: Sesungguh Allah pelindung bagi orang yang bertaqwa.

(Surah Jasyiyah : 19)

Dengan taqwa si miskin boleh bahagia apa lagi kalau kaya. Dengan taqwamanusiaboleh tenang dengan masalah-masalah apa lagi kalau tidak ada masalah. Dengan taqwa orang sakit boleh rasa sihat apa lagilah kalau memang dia sihat. Dengan taqwa, si penakut boleh jadi berani apa lagilah kalau dia orang berani. Dengan taqwa, orang akan berkasih sayang, berkorban dan berjuang untuk mempertahankan agama, tanahair dan tamadun ummah. Alangkah berunhmgnya kalau seseorang itu mendapat taqwa. Jauh lebih beruntung dari dapat rumah besar, kereta besar, jawatan tinggi, isteri cantik atau apa juga nikmat dunia yang sementara dan murah ini.

Aku mahu membawa anda semua ke sana, Insya-Allah dengan buku ini. Bukan ke alam fantasi, seperti yang pernah dikatakan orang, tapi ke alam kerohanian, untuk membawa rohani anda kembali mengenali Tuhannya, dan untuk kembali menyembah Tuhannya itu.

Bukankah roh kita itu pemah berjanji dengan Tuhan, bahawa dia datang ke dunia untuk bertuhankan Allah? Untuk beribadah dan sekaligus menjadi khalifah-Nya. Kerana itu Allah bekalkan akal fikiran yang dengannya dia boleh berlikir dan mengatur tugasnya dengan baik. Dan Allah iringkan juga dia dengan nafsu, yang fungsinya untuk mendorong kemahuan membuat sesuatu. Tanpa nafsu, keinginan dan kemahuan melaksanakan sesuatu rancangan tidak ada. Ini tidak patut. Tapi Allah jadikan sifat nafsu itu, seperti juga akal tadi, kemampuannya tidak terbatas. Kemahuan nafsu bukan saja pada perkara-perkara yang baik, bahkan juga kepada perkara yang tidak baik. Begitu juga akal, bukan sahaja dia bolehberfikir yang baik, yang tidak baik pun boleh difikirkan juga. Allah menerangkan tentang ini dengan firman-Nya:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahannya: Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak pada kxjahatan. *(Surah Yusuf : 53)*

Maknanya kemahuan manusia ini lebih kepada yang tidak baik. Mengapa Allah jadikan begitu? Kenapa tidak dibuat supaya manusia lebih ingin pada kebaikan? Pada saya, apa yang dikehendaki dari takdir ini ialah:

1. Allah mahu menguji kita (yakni sesudah kita tahu

Allah Tuhan kita) dapatkah kita mengawal nafsu menggunakan akal yang diberi agar hidup ini diuntukkan hanya pada Allah.

2. Bila seseorang itu sudah mengambil keputusan untuk serahkan hidupnya pada Allah, maka mampukah dia berkorban segala-galanya untuk melaksanakan tugas khalifah Allah, agar bumi Allah ini, bersih dan indah dengan hukum-hukum Allah yakni kalimah-kalimah Allah.

Itulah dua maksud Allah menjadikan kita manusia ini. Dan itulah tugas kita hidup di dunia ini yang sebenar-benarnya. Kalau kita berjaya melaksanakannya, maka itulah kejayaan yang sebenar, berjaya di dunia dan berjaya di akhirat. Tapi berapa orangkah yang dapat melakukannya? Hampir semua manusia yang ada di dunia hari ini tidak berjaya menjadikan hidupnya untuk Allah dan perjuangan hidup ialah menegakkan kalimah Allah. Ada jugalah yang sedar dia hamba Allah dan hidup untuk Allah, tapi tidak pula mahu berkorban dan berjuang di jalan Allah, selaku khalifah Allah supaya Islamlah seluruh dunia ini. Sebaliknya dia perjuangkan sosialisma, marxisma, nasionalisma dan lain-lain. Ertinya tidak lulus jugalah dia. Sebab tidak dapat berjuang bagi pihak Allah, ditipu helahkan oleh nafsu. Akal pun terikut-ikutkan nafsu, yakni berfikir kepada kejahatan dan kebathilan saja. Mungkin ada juga akal yang terima kebaikan dan akuinya tapi akui itu tidak juga boleh kawal nafsu. Maka kebaikan itu tidak dapat dilaksanakan. Nafsu boleh dikawal oleh taqwa dan iman. Kalau dalam hati kita ada kedua-duanya itu. Tapi itulah yang sudah tidak ada. Usaha-usaha untuk mengadakannya tidak ada, maka nafsulah yang menjadi raja dan menjadi Tuhan kita.

Kita ikut saja apa katanya. Sewaktu-waktu kita sedar juga bahawa apa yang kita buat itu salah, tapi kita buat juga. Kita tidak mampu menolaknya sebab lemahnya taqwa kita.

Maka hiduplah manusia bertuhankan nafsu. Maka berjuang dan berkorbanlah mereka mengikut jalan-jalan nafsu. Hampir tidak ada yang bertuhankan Allah dan berjuang di jalan Allah. Lihat apa yang sedang terjadi dalam masyarakathari ini. Krisis demi krisis tidakberhenti-henti, malah menjadi-jadi. Krisis politik, krisis ekonomi, krisis jiwa, krisis fikiran, krisis nilai, krisis akhlak, krisis rumahtangga dan lain-lain. Akibatnya, manusia pun saling tindas-menindas, zalim-menzalim, peras-memeras, tipu-menipu, memberi dan mengambil rasuah, menyalah-gunakan kuasa, memboros, tekan-menekan, jatuh-menjatuhkan, hina-menghina, bunuh-membunuh dan saling berperangan antara satu sama lain.

Kenapa ini terjadi? Siapa yang mendorong dan merancang semua ini? Jawabnya nafsu kita. Nafsu sombong, ujub, riak, hasad dengki, marah, dendam, tamak, bakhil, nifaq, mengadu domba, takut, gelojoh, gopoh-gapah dan lain-lain. Inilah puncanya. Bila ini jadi raja, bertahta dan mentadbir dan mengarah hati kita dan akal kita, maka rosak binasalah kemanusiaan, kemuliaan, perpaduan dan keamanan dalam masyarakat. Hiduplah masing-masing dalam kebimbangan. Ulama bimbangkan statusnya, orang politik bimbangkan kuasanya, ahli ekonomi bimbangkan kekayaannya, orang miskin bimbangkan nasibnya. Wanita bimbangkan haknya. Lelaki bimbangkan kelelakiannya. Begitulah seterusnya.

Oleh itu masing-masing memikir dan merancang bagaimana hendak lari dari kebimbangan. Makaberlakulah

pertembungan dan pergelutan hidup hingga terjadilah apa. yang telah Allah katakan:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ
لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Terjemahannya: Lahirlah kerosakan di daratan dan di lautan disebabkm perbuatan tangan manusia agar Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada akibat perbuatan mereka, agar mereku kembali.

(Surah Ar Rum : 41)

Di sinilah kita berada sekarang. Dunia bagaikan telur di hujung tanduk. Manusia bagaikan berada di pinggirneraka. Kiamat patutnya sudah boleh berlaku. Cuma kita yakin pada jaminan Rasulullah bahawa jika umur dunia hanya tinggal sehari saja lagi, nescaya Allah akan panjangkan hari itu untuk menunggu Imam Mahdi. Agar dunia dan manusia ini dapat diselamatkan dari api neraka

Justeru itu, janganlah kita berputus asa. Berjuanglah tents sedaya upaya kita dengan hablumminallah dan hablumminannas. Pertolongan Allah akan tiba juga nanti. Rahmat Allah luas dan pasti akan menaungi kita. Dengan syarat kita bertaqwa. Dalam perjuangan jangan fikirnegara , Islam dulu. Tilik diri dan ke dalam hati sendiri. Sudah layakkah untuk jadi tentera Allah? Sudah tidak ingin apa-apa melainkan Allah dan Rasul? Sudah cukup warak dan zuhud, berkasih **sayang** sesama mukmin, meminta maaf dan memaafkan, pemurah dan tawaduk? Rindu syurga dan bidadari bagaikan rindu kekasih hati dan takut pada neraka bagaikan takut singa yang menerkam? Kalau sudah,

bersedialah! Janji Allah pasti tiba. Tapi kalau belum, dan rasanyapunmemangbehun, makadidiklahlagi diri sendiri, anak isteri serta ahli-ahli jemaah kita.

Didiklah sampai semuanya layak dan bersiap sedia. Tapi jangan lupa bebaskan jemaah kita dari sistem riba, sistem sekular, sistem taghut dan dari isma-isma yang menyeleweng dari Qurandan Sunnah. Bangunkan ekonomi Islam sendiri, pendidikan Islam, perubatan Islam, media massa Islam, makanan Islam dan pendek kata apa juga. keperluan hidup biarlah diambil dari Islam, dari tangan orang Islam yakni dari jemaah Islam itu sendiri. Kecuali kalau perkara itu benar-benar bersih dan halal, bolehlah diterima dari yang bukan Islam.

Iaitu melakukan tarbiah ke luar dan ke dalam jemaah itu pada diri dan jemaah kita. Proses dan kaedah ini adalah berat. Tapi hasilnya besar. Maka hendaklah kita bersabar dan bersungguh-sungguh melaksanakannya.

Itulah pandanganku. Buku ini adalah merupakan satu lagi usaha-usahaku untuk membantu proses pendidikan umat ini. Yang mana sebelum ini sudah berpuluh-puluh bukuku, ceramahku, sajak-sajakku, yang divideo-kasetkan, untuk dihantar ke seluruh dunia agar semua isi dunia ini tahu tentang pendidikan ini dan sudi menerimanya. Agar bumi ini bersih, aman dan makmur serta mendapat keampunan Allah dan selamat dari bakaran neraka. Itulah hatiku dan itulah hajatku, yang terlalu besar, dibandingkan dengan diri kerdilku yang terlalu dhaif dan berdosa ini. Sekali pun bunyinya bagaikan cerita Mat Jenin yang kuat berangan, namun aku yakin sungguh bahawa kiranya Allah memandang niat suciku, kemudian Dia berbelas kasihan untuk menunaikan hajatku itu, maka sungguh Allahbolehjadikan angan-anganku inibenar-benarberlaku.

Amin ya Allah.

Aku tidak harapkan apa-apa pun dari bukuku ini. Dan buku-bukuku yang lain, kecuali moga-moga Allah sudi terimaku sebagai hamba yang berdosa kemudian diampunkan-Nya dan diselamatkan dari gelombang api neraka. Anda bacalah. Fahamkanlah. Yakinlah. Kemudian bertaqwalah. Anda tidak akan rugi apa-apa. Bahkan pengorbanan anda itu pasti dilihat oleh Allah dan nanti Allah yang baik itu akan menghadiahkan anda syurga, yang jauh lebih indah dari syurga anda di dunia ini.

Doaku moga-moga buku ini memberikan anda ilmu yang bermanfaat, iman yang selamat, taqwa yang benar, akhlak yang mulia, ibadah yang khusyuk, dan cita-cita perjuangan yang sentiasa berkobar-kobar. Kemudian jadilah hendaknya kita dengan kehendak Allah.

رُهْبَانٌ فِي اللَّيْلِ وَفُرْسَانٌ فِي النَّهَارِ

Pendita (abid) di malam hari, singa (Allah) di siang harinya.

Hamba-Mu ini mengharapkan pada-Mu, ya Allah, moga-moga Engkau bantulah usaha ini dan jadikanlab kami sebagaimana yang Engkau perintahkanlagi Engkau redhai. Amin.

ASHAARI MUHAMMAD.

1

KESILAPAN KITA MASA KINI

AKU memandang bahawa manusia-manusia ini walau apa pun bangsanya, boleh dikategorikan pada beberapa bahagian:

1. Pemimpin-pemimpin dan orang-orang politik
2. Ulama dan para cerdik pandai
3. Orang-orang kaya dan ahli-ahli ekonomi
4. Orang-orang miskin
5. Golongan muda dan mudi (suami dan isteri)
6. Kaum ibu dan kanak-kanak

Inilah pembahagian manusia di dunia. Masing-masing hidup dan berjuang dalam bidang-bidang itu dengan cara dan matlamat yang berbagai-bagai. Para pemimpin dengan teori politiknya, berjuang memburu kuasa dan mempertahankannya. Para ulama dan cerdik pandai berada pula di dalam gelanggang perjuangan mereka, memburu 'degree' dan kemasyhuran. Orang-orang kaya denganteori ekonominya, sibuk pula dengan cara-cara mereka untuk membolot harta dunia agar masuk poket mereka sahaja. Orangmiskinjugaberjuangmenentangkemiskinandengan penuh kecewadan hasad dengki. Begitulah, masing-masing memilih jalan-jalan hidup yang difikirkan boleh bawa bahagia!

Oleh kerana jalan-jalan tadi berliku dan bersimpang-siur menuju hala yang tidak sama, maka berlakulah pertembungan, pergeseran dan pelanggaran. Dan simpang-siur itu sungguh kacau dan kelam-kabut. Hampir semuanya terusik dan tidak sampai pada matlamat dan tidak merasa bahagia yang dicari-cari.

Aku memandang kebanyakan manusia hari ini berada di tepi jurang neraka. Kesilapan dengan Allah SWT dan kesilapan sesama manusia sungguh tidak terkawal lagi. Dan dosa-dosa ini kalau tidak diampunkan dan tidak diperbetulkan, nescaya akan menghantar manusia yang sudah sedia dalam derita dan seksa hidup di dunia ini, ke neraka, di akhirat.

Pemimpin-pemimpin tidak adil. Kuasa memimpin yang Allah amanahkan digunakan sewenang-wenangnya untuk tujuan dunia dan kepentingan diri. Hingga kerana itu masyarakat terbiar. Jurang antara yang kaya dan miskin terlalu ketara. Pembahagian harta dan pemberian kerja tidak adil. Dan ramai rakyat yang tidak tahu siapa pemimpinnya untuk diadukan masalah hidupnya.

Ulama tidak mendidik. Ilmu Islam yang Allah izinkan padanyadigunakanuntukcari makan semata-mata. Agama Islam terbiar, tiada siapa lagi ulama yang menangisinya. Malah mereka takut untuk memperjuangkan kalau-kalau dibuang kerja atau dikata nista. Mereka lebih takut pada manusia daripada Allah SWT. Alangkah dahsyatnya nasib mereka di Padang Mahsyar nanti.

Orang kaya, bakhil dan pemberi rasuah dan hisap darah. Harta yang Allah pinjamkan dijadikan hak sendiri dan digunakan sewenang-wenang ikut nafsu. Harga baju mereka sama dengan harga rumah seorang fakir miskin. Alangkah kejamnya. Apa jawapan mereka nanti bila Allah tanya, ke

mana harta-harta itu kamu belanjakan?

Orang miskin tidak sabar. Kemiskinan dikira suatu penghinaan kerana itu tidak diredhainya. Justeru itu mereka sangat merindui kekayaan. Memburunya dengan berbagai cara hingga masuklah perangkap syaitan, penuh hasad dengki dan dendam kesumat. Dan masuklah dalam neraka jahanam.

Suami tidak bertanggungjawab. Isteri tidak taat. Anak-anak derhaka, ibu bapa tidak mengajar dan mendidik. Wanita-wanitahilangmalu,menjajamaruahdenganmurah dan lelaki bagaikan buaya yang sering rindukan mangsa.

Semua ini adalah dosa-dosa besar, yang kalau tidak dibetulkan nescaya manusia hilang bahagia di dunia lagi, sebelum diseksa di akhirat. Tepat sekali kata-kata Rasul tentang umat akhir zaman ini:

إِنَّ بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ سِنِيْنَ خَدَّاعَةً يُصَدَّقُ فِيْهَا ٱلْكَاذِبُ وَيُكَذَّبُ فِيْهَا ٱلصَّادِقُ، وَيُؤْتَمَنُ ٱلْخَائِنُ، وَيُخَوَّنُ فِيْهَا ٱلاَمِيْنُ، وَيَتَكَلَّمُ فِيْهَا الرُّوَيْبِضَةُ.

Terjemahannya: Sesungguhnya menjelang hari Kiamat akan berlaku beberapa tahun yang mengelirukan,pendusta-pendusta akan dibenar dan yang diberi kepercayaan, dan orang yang amanah dianggappengkhiannt, dan pemimpin fasik bercakap-cakap (berpengaruh).

(Riwayat Ahmad, Abu Ya'la, At Tabrani)

Aku memandang bahawa untuk menyelamatkan manusia-manusia ini dari pertembungan, pergeseran dan pelanggaran, dan juga untuk menyelamatkan mereka dari

api neraka, tiada lainlah jalannya yang hendak dipilih melainkan pimpin mereka kepada Allah SWT. Supaya mereka semua, walau apapun bidang hidupnya, mempunyai satu matlamat, satu cita-cita dan satu arah. Iaitu hidup untuk Allah. Barulah nanti mereka tidak berebut dan berlanggar satu sama lain, dan tidak pula melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Yang mendatangkan dosa.

Kalaulah kita dapat menjadikan seluruh manusia mempunyai satu cita-cita dan tujuan hidup iaitu untuk Allah, maka itulah dia kejayaan yang sebenar. Sebab, bila manusia sudah satu hati, itulah nanti yang akan mengurangkan masalah-masalah yang timbul di kalangan mereka.

Untuk menyatukan hati dan fikiran manusia, kita tidak boleh menggunakan nasionalisma, kapitalisma, komunisma,sosialismadanisma-ismalain.Yangsemuanya bikinan manusia. Masakan pejuang-pejuang sosialisma mahu iktiraf dan merendah diri untuk menerima nasionalisma. Sebab tentu mereka yakin bahawa apa yang mereka perjuangkan itu juga suatu kebenaran, suatu keadilan dan suatu ideologi yang tepat. Walau apa pun alasan kita mengajak mereka bersama kita, namun pasti mereka akan pertahankan prinsip mereka itu. Sebab dia yakin, apa yang dibuatnya itu benar juga. Dia rasa dia pun pandai juga, mampu juga, mengapa mesti ikut orang lain?

Tapi sekiranya kita ajak manusia bersatu di bawah nama Allah, maka tidak ada siapa yang mahu menolaknya, selagi ia sedar yang dia hamba Allah. Masakan ada orang yang rasa dia lebih hebat dari Tuhannya, lebih tahu dan lebih mampu. Mustahil. Sedangkannafasnyaitu punkalau ditarik balik oleh Allah nescaya matilah dia. Kalau begitu tentu

tidak ada manusia yang hasad dengki dengan Allah, ingin cabar Allah atau rasa hina diri untuk tunduk pada Allah;

Maka atas dasar itulah aku memandang bahawa untuk menyatukan dan menyusun kembali arah hidup manusia yang sudah kucar-kacir tidak tentu arah ini, ialah panggil mereka kepada Tuhannya, Allah SWT. Insya-Allah tidak seorang pun yang menolaknya nanti. Sebab semua orang begitu sensitif dengan Tuhannya, terutama di waktu susah.

Bila mereka datang dengan penuh keinsafan bahawa selama ini mereka sudah terlajak terlalu jauh dari Tuhan mereka, maka waktu itu tunjukkan mereka jalan-jalan yang Allah rentangkan untuk mereka. Para pemimpin, jalannya menuju keadilan. Memerintah dengan kasih sayang, kasihan belas dan penuh simpati pada rakyat dan anak buah. Mereka tidak tergamak menyuap nasi ke mulut kalau diketahui ada rakyamya yang sedang kelaparan. Mereka tidak boleh tidurmalam kalau didengar ada wanita dicerobohi maruahnya. Dan mereka tidak balik ke rumah sebelum urusanrakyat diselesaikan. Itulahciri-ciri keadilan. Yang mana kalau pemimpin boleh lakukan ini, maka termasuklah dia dalam 7 golongan yang mendapat perlindungan Arasy ketika huru-hara di Padang Mahsyar berlalu dengan dahsyamya.

Ulama-ulamaadalahoboryangmenyuluhjalanmanusia kepada Tuhan mereka, bukan untuk kerja dengan kerajaan. Tapi kerja dengan Allah, dengan bayaran gaji dari Allah, sepertimana yang Allah telah gajikan kepada salafussoleh yang bekerja sepenuh masa dengan Allah. Fit-man-Nya:

مَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Terjemahan: Barangsiapa yang bertaqwa pada Allah, muka Allah akan beri jalan keluar dan beri rezeki dari sumber yang tidak diduga.

(Surah At Talaq : 2)

Supaya tiada seorang pun manusia di bumi ini yang tidak dengar tentang Islam, tentang Allah dan Rasul, Quran dan Sunnah, dunia dan akhirat, kubur dan mahsyar, syurga dan neraka. Dan supaya semuanya dididik, dipimpin dan diberikan iman dan Islam, taqwa dan akhlak-akhlak yang mulia. Kalaulah ulama mahu menjadi pewaris tugas nabi-nabi, maka nanti merekalah golongan pertama yang dipelawa masuk ke syurga.

Orang kaya patut jadi bank pada masyarakatnya. Itulah bank Islam, yakni setiap rumah orang kaya terbuka 24 jam untuk menghulur sumbangan tanpa riba atau pulangan. Inilah cara tercepat untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara dan masalah kemiskinan masyarakat. Satu ringgit yang kita hulurkan sebagai pinjaman pada Allah, nanti akan dibayar oleh Allah tanpa hisab. Syurgalah yang layak untuknya.

Demikianlah seterusnya semua orang diajar, dididik, dipimpin dan ditunjukkan arah hidup masing-masing. Dari mana, ke mana, cara mana serta tempat tujuan masing-masing untuk menerima kebahagiaan yang dikejar selama ini. Si miskin akan senyum dengan kemiskinan, kerana bersama kemiskinan, dia akan jadi orang mulia dan dulu masuk ke syurga.

Pemuda berjiwa perwira, cintakan kemuliaan dan perjuangan hingga berhabis-habis masa dan tenaga untuk agama tercinta. Pemudi tiang negara yangmempertahankan hukum Allah sesungguh-sungguhnya, hingga sunyilah duniaini dari wanita-wanitajalanan. Isteri sungguhcintakan

suami dengan memberi ketaatan sebulat-bulatnya untuk suami. Hingga terslah oleh suami itu di rumahnya ada bidadari yang sangat disayanginya.

Tapi inilah yang tidak ada pada kita hari ini. Dan bila ini tidak ada, maka tidak adalah keselamatandan kebahagiaan. Krisis jiwa, krisis rumahtangga, krisis sesama saudara, krisis dengan jiran, krisis dengan rakan sekerja, krisis akhlak, krisis nilai, krisis ekonomi, krisis politik, krisis kaum, krisis negara dan 1001 krisis lagi.

Masalah sebenamya ialah kerana hati itu telah kotor. Hati itu busuk, sakit dan hampir-hampir buta dan tents membawa maut. Bila hati tidak berfungsi dengan baik maka tiada beza lagilah manusia dengan haiwan. Jadilah masyarakat manusiaumpamamasyarakat rimba yang hidup nafsi-nafsi dan tidak tentu haluan. Dan semuanya sudah terjadi kini. Dan akan terus menjadi-jadi bahkan makin teruklagi nanti kalaupenyelesaian sebenamya tidakdicapai. Yakni dengan membawa (memberi ilmu) semua manusia ini membersih hatinya. Kemudian isikan hati dengan cinta pada Allah atau takut pada Allah menggantikan cinta dan takut pada makhluk yang mengisinya selama ini. Maka jadilah hati itu hati yang bertaqwa. Hati yang cintakan Allah, cintakan sunnah Rasulullah dan sangat ingin hidup cara sunnah, yakni cara Islam. Maka hati itulah hati yang akan memerintahkan anggota-anggota fizikal melakukan amal-amal soleh sebanyak-banyaknya. Terutamanya dapat berkasih sayang sesama manusia. Waktu itu dengan sendirinya amalan jahiliah akan dilupakan orang. Dan masing-masing akan menjadikan bidang kerjanya untuk dan kerana Allah.

Kalaulah masing-masing dapat melaksanakan tugasnya dengan baik, denganniat yang ikhlas kerana Allah dan cara

yang tepat mengikut sunnah Rasulullah, maka akanlahirlah nanti sebuah negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan Allah SWT. Namun ini bukanlah suatu yang boleh berlaku dengan tiba-tiba. Rasulullah sendiri mengambil masa yang lama juga untuk proses pendidikan ini. Maka kita tentu tidak boleh mencapainya secara segera dan tiba-tiba. Perancangan yang baik dan kaedah yang tepat akan membawa kita secara perlahan-lahan untuk sampai kepadanya dengan selamannya. Insya-Allah.

2

ILMU APA YANG DISURUH TUNTUT

ILMU sangat penting dalam kehidupan. Untuk hidup di dunia manusia memerlukan ilmu. Untuk hidup di akhirat pun perlukan ilmu. Jadi kit a kenalah menuntut ilmu, sam ada ilmu untuk keselamatan dunia, lebih-lebih lagi ilmu yang membawa kebahagiaan akhirat. Atas dasar itulah Islam mewajibkan menuntut ilmu itu. Bahkan dalam Islam menuntut ilmu itu dilakukan tanpa had atau tempoh tertentu, ia mesti dilakukan sedari dalam buaian hinggalah ke liang lahad. Ini diberitahu oleh Rasulullah dengan sabdanya:

أُطْلُبُوا ٱلعِلْمَ مِنَ المَهْدِ اِلَى ٱللَحْدِ

Terjemahannya: Tuntutlah ilmudaridalam buaian hingga ke liang lahad.

Selagi ilmu itu membawa faedah pada kita maka kalau ke negeri China pun termasuk Amerika dan Eropah, memang dibenarkan. Cuma persoalan yang timbul sekarang ialah ilmu yang bagaimana yang disuruh tuntut itu? Ya, ilmu yang membawa faedah pada hidup di dunia dan di akhirat. Soalnya apa bentuk faedah yang dimaksudkan? Sebab bukan semua yang berfaedah pada kita itu, berfaedah juga menurut Islam. Sebab ukuran faedah pada Islam ialah

ilmu yang tidak melalaikan manusia daripada Allah SWT. Lalai dalam ertikata derhaka, iaitu perintah Allah tidak diikuti, larangan Allah dibuat juga. Lupa akhirat kerana terlalu tumpu kepada dunia. Dan lalai, dengan maksud ihnu itu membuatkan manusia sombong, takabur dan lupa diri selaku hamba Allah yang hina dina dan miskin papa.

Supaya lebih jelas biar saya senaraikan apakah faedah-faedah yang dikehendaki dandibenarkanoleh Islam, sebagai hasil dari menuntut ilmu:

1. Menjadikanseseorangkenal Allah, sifat-sifat-Nya dan af'al-Nya, serta yakin seyakin-yakinnya.
2. Ilmu itu mendorong seseorang untuk takut pada Allah dan cinta pada-Nya.
3. Mengetahui syariat (hukum-hakam) Allah seperti suruhan-Nya dan larangan-Nya.
4. Ilmu yang dapat menyuluh siapa kawan dan siapa lawan.
5. Ilmu itu menunjukkan cara menghadapi musuh.
6. Ilmu itu membuat kita dapat kekuatan dan kemahuan tmtukmengamalkan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya.
7. Ilmu itu membuatkan kita sanggup berkorban apa saja pada jalan Allah.
8. Membesarkan akhirat dan memandang hina dan murah pada dunia ini.
9. Sedar tentang hakikat diri, yakni sebagai hamba Allah yang lemah, hina dina, yang setiap saat sangat bergantung pada pertolongan dan bantuan Allahdansetiapapa yangdimiliki adalahpinjaman Allah.
10. Ilmu yang boleh membentuk sikap tawaduk dan merendah diri.

11. Ilmu yang membolehkan seseorang mengasihi dan memikirkan nasib orang lain. Dengan kata lain boleh mencetuskan perpaduan ummah.
12. Ilmuyangdapatdijadikanpanduankearahmencari rezeki yang halal, dan takut terlibat dengan sumber rezeki yang haram dan syubhat.
13. Boleh membantu pembangunan fardhu kifayah, yakni pertukangan teknikal, pertanian, perindustrian, perubatan, pembangtman dan lain-lain.
14. Ilmu yang membolehkan kita mentadbir dunia sebaik-baiknya sebagai khalifah Allah.

Itulah di antara faedah dan peranan ilmu pengetahuan yang dibenarkan oleh Islam. Yakni ilmu yang dapat membentukperibadi-peribadi yang bertaqwa sertaberjuang menegakkan sistem Islam dalam setiap aspek kehidupan. Itulah tujuan ilmu. Dan inilah yang dimaksudkan dalam doa:

اَللّٰهُمَّ انْفَعْنَا بِمَا عَلَّمْتَنَا وَزِدْنَا عِلْمًا نَافِعًا.

Terjemahannya: Ya Allah, berilah kami munafaat dengan apa yangEngkau telah ajar kepada kami, dan tambahkanlah lagi bagi kami ilmu yang bermunafaat.

Yang mana kalau ilmu tidak mendorong ke arah itu maka itu bukanlah ilmu yang diiktirafkan oleh Islam. Ilmu yang hanya meninggikan pangkat, membesarkan gaji, tapi tidak mengenal Allah, derhaka dengan Allah, derhaka dengan ibu bapa, khianat, bakhil, gila kuasa, mabuk dunia,

lupa akhirat, maka ilmu itu adalah ilmu yang salah atau ilmu yang telah disalah-gunakan dan tidak memberi manfaat.

Hari ini memang umat Islam sukakan ilmu. Dari orang-orang atas hingga orang bawah semuanya berlumba-lumba mengejar ke dalam dan ke luar negeri untuk dapat ilmu. . Universiti makin bertambah bilangannya untuk menampung para pemburu ilmu tadi. Itupun ada yang tidak dapat kerana tidak cukup lagi universiti.

Begitulah ramainya orang-orang yang inginkan ilmu tinggi. Tapi apa jadi pada lulusan-lulusan tinggi dalam dan luar negeri tadi? Adakahmereka jadi hamba yang bertaqwa? Yang bertawaduk? Yang cinta Allah? Berbakti? Berjuang menegakkan hukum Allah? Memuliakan ibu bapa yang berjasa? Membalas segala budi baikmereka, menggunakan pangkat dan gaji untuk jalan-jalan kebaikan dan keamanan diri, keluarga serta masyarakat? Menjalin kasih sayang dan berdikari?

Berapaorangyangbalikdaritmiversitimembawataqwa? Dan berapa orang pula yang membawa maksiat, kufur, engkar, degil, keras kepala, sombong, takabur, angkuh, bakhil, riak, ujub, pemberang, kasar, tamak, mementingkan diri, gila dunia, mabuk kuasa, memburu pangkat dan gaji hingga kerana itu terpaksa berbohong, tipu, menindas, dengki, dendam, mengampu, rasuah, berpura-pura dan seribu satu macam lagi.

Berapa orang menteri, pengarah, pengurus, pensyarah, doktor, arkitek, D.0, guru, kerani dan peon yangbertaqwa? Yang rendah hati, tawaduk, penyayang, pemurah, lemah lembut, timbang rasa, tolak ansur dan yang rela menyusahkan diri kerana memberi kesenangan pada orang lain? Dan berapa orang pula pegawai tadbir dan ahli-ahli

mencari jalan menyelesaikan masalah-masalah itu?

Para ilmuan Islam yang berjela-jela sijil dan ijazah pun pelik, lagi alim lagi cuai. Sepatutnya lagi alim lagilah warak. Bagaimana ini boleh terjadi? Nampaknya hari ini lagi tinggi-tinggi ilmu lagi banyak masalah. Kenapa jadi begitu? Siapa yang salah? Ilmu itukah atau orang-orangnyakah? Pada saya niat, cara mengambil ilmu serta menggunakan ilmu itu yang salah. Bukan ilmu yang salah. Dan ilmu itu telah disalah-gunakan. Misalnya niat menuntut ilmu tidak betul iaitu dengan tujuan dunia. Dan cara mengambil ilmu pun tidak betul seperti berguru kepada guru yang bukan Islam. Ertinya individu itu hanya mengambil ilmu dunia, tidak ilmu akhirat. Jadi, bila niat dan cara tidak betul maka jadilah apa yang terjadi kini. Lepas satu masalah, jadi lagi masalah timpa-menimpa. Tidak aman sungguh dunia ini. Manakala di akhirat orang yang berilmu begini akan masuk neraka dulu daripada penyembah berhala selama 500 tahun.

Kalau begitu apa dibangga pada sains dan teknologi? Pada gaji dan pangkat. Pada fakulti-fakulti di universiti yang beribu jenisnya. Belum ada seorang jurutera atau saintis Islam yang benar-benar bertaqwa, yang bekerja untuk mencipta barang-barang sendiri supaya umat Islam tidak lagi bergantung kepada orang bukan Islam Sedangkan perkara itu memang dituntut oleh Islam. Kebanyakan saintis kita kerja untuk gaji, bukan mereka, mencipta dan tidak produktif. Untuk apa belajar tinggi-tinggi dan lama-lama kalau tidakmenyelesaikan kepentingan fardhu kifayah umat Islam?

Hanya ilmu Islam jalan penyelesaian dan ilmu yang berteraskan iman dan taqwa boleh menghentikan dosa, . boleh membentuk akhlak mulia dan manusia akan ditolong

oleh Allah agar selamat dari segala masalah dan kesempitan hidup. Tanpa taqwa, jangan harap otak dan ilmu kita boleh menyelamatkan kita. Oleh itu tuntutlah ilmu setinggi manapun asalkan boleh menjadikan kita bangsa yang bertaqwa dan yang bekerja keras sebagai khalifah Allah di bumi.

3

JANGAN KAMU JUAL AYATKU DENGAN HARGA YANG SEDIKIT

KATA-KATA atau perintah-perintah Allah, atau undang-undang Allah atau hukum-hakam Allah atau dengan kata-kata yang lain ayat-ayat Allah yang merupakan isi kandungan kitab-Nya Al Quranul Karim dan SunnahNabi-Nya SAW itu, adalah suatu rang undang-undang yang tiada tolok bandingannya. Nilainya terlalu tinggi dan kebenarannya adalah mutlak dan hakiki. Di sisi Allah, siapa yang melaksanakan ayat-ayat ini maka ganjarannya ialah syurga, manakala siapa yang menolaknya, maka hukumannya ialah api neraka. Begitulah mahalnya nilai ayat-ayat Allah ini. Tapi manusia hari ini telahmenjualnya dengan harga yang sedikit sekali.

Umat Islam hari ini menjadikan ayat-ayat Allah sebagai bahan dagangan yang sangat murah. Bahkan kadang-kadang ayat-ayat itu dibuang tanpa ada harga sedikit pun. Mereka meletakkan ayat-ayat Allah begitu rendah sekali, seolah-olah kata-kata Allah itu adaIah perkataan-perkataan yang tiada erti, kurang faedah, tidak betul malah kata-kata kosong yang elok masuk bakul sampah. Sedikit sekali umat Islam ini yang menjunjung tinggi ayat-ayat Allah, menjadi pegangan hidup dan diletakkan sebagai cita-cita perjuangan yang rela ditebus dengan darah dannyawanya. Tapi mereka ini dianggap orang bodoh, orang ketinggalan

zaman dan orang-orang yang anti kemajuan, anti pembangunan. Maka usaha-usaha mereka ditentang habis-habisan.

Umat Islam hari ini tidak percaya bahawa ayat-ayat Allahadalahundang-undangpenyelamathidupmasyarakat manusia dunia dan akhirat. Sebagai gantinya mereka yakin pada undang-undang Barat atau undang-undang Jepun atau lain-lain peraturan hasil fikiran manusia, sebagai cara hidup yang boleh membawa dunia pada kebahagiaan dan kejayaan yang diharap-harapkan. Maka memka halakan pandangan ke barat, timur, utara dan selatan dan entah mana-mana lagi. Maka terbiarlah ayat-ayat Allah dilelong-lelong dengan harga yang murah sekali bahkan tidak berharga.

وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَـٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم
بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَـٰفِرُونَ

Terjemahannya: Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit. Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang kujir.

(Surah Al Maidah : 44)

Ramai orang menganggap perbuatan menjual ayat-ayat Allahdengan harga yang sedikit ini ialah menyembahyangkan jenazah untuk dapat upah beberapa ringgit demi keluarga si mati. Amalan ini memang berlaku di kalangan orang-orang pengajian pondok, yang mana bila ada orang meninggal, maka mereka ini dijemput untuk pergi sembahyangkanjenazah. Lepas sembahyang, makamereka

diberi beberapa ringgit seorang sebagai upah sembahyang. Maka mereka pun mengambilnya. Hingga perkara ini sudah jadi tradisi masyarakat. Iaitu mampu atau tidak mampu keluarga si mati, kena juga sediakan duit untuk orang-orang yang sembahyangkan jenazah. Begitulah dahsyat dan kejamnya perbuatan mereka. Kata-kata Allah atau suruhan Allah digunakan untuk kepentingan duniawi yang kecil sekali. Tidak pun diniatkan untuk taat pada Allah dan mencari keredhaan-Nya. Tapi amalan itu sudah kecil jadinya kalau dibandingkan dengan perbuatan keji yang lain, yang sering dilakukan oleh umat Islam hatta oleh para ulama sekalipun. Mari kita lihat contohnya satu persatu:

1. Dalam era dakwah hari ini, ada orang-orang yang mengambil kesempatan mencari duit dengan dakwah. Golongan ini tahu masyarakat sudah ingin dengan Islam dan masyarakat sanggup bayar duit kepada pendakwah Maka golongan ini pun terus menawar diri untuk menyampaikan Islam dan meletakkan harga tertentu untuk setiap kali dia berdakwah. Kalaulah di setengah tempat orang-orang di situ tidak sanggup membayar harga yang ditetapkan, maka tidak jadilah ia berdakwah. Inilah orang yang telah menjual ayat Allah dengan harga yang sedikit. Bukannya dia tidak tahu bahawa kerja dakwah itu adalah perintah Allah. Siapa melakukan atas dasar taat pada Allah jadilah dakwah ini satu ibadah. Dan ganjarannya di sisi Allah besar sekali. Tapi ada orang menggunakan perintah Allah ini untuk mencari keuntungan duniawi yang sedikit. Maka di akhirat dia tidak akandapat apa-apa lagi melainkan api neraka.

Hal yang sama berlaku juga pada orang-orang yang ada

ihnu dan boleh mengajarkan ilmu itu. Tapi usaha suci itu telah dijadikan modal untuk cari makan. Bukan dijadikan sembah bakti pada Allah SWT yang telah menghidupkannya. Tidak dimaksudkan langsung ilmunya itu untuk mendidik manusia agar menjadi hamba Allah yang baik. Tapi ihnu itu dijadikan bahan kerja cari makan. Kalaulah kerja mengajar itu tidak diberi gaji, pasti dia berhenti kerja, untuk cari kerja lain untuk semata-mata dapat duit. Walhal mengajar adalah perintah Allah. Kalau dibuat kerana Allah, maka syurgalah ganjarannya. Tapi ahli-ahli ihnu hari ini menyelewengkan usaha suci ini dan mereka adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang menjual ayat Allah dengan harga yang sedikit.

2. Menutup aurat, membataskan pergaulanlelaki perempuan adalah termasuk ayat-ayat Allah yang sangat tinggi nilai dan merupakan perintah yang besar dan penting di sisi Allah. Tapi berapa ramaikah yang mengambil berat dengan hal ini? Umum umat Islam di seluruh dunia, tidak pedulikan langsung kata-kata Allah itu. Mereka sindir-sindir, ketawakan, anggap kolot, ketinggalan zaman dan konon geli tmtukpakaitudung,memalukandanmacam-macamsangka buruk. Termasuklah mereka orang yang menjual ayat Allah dengan harga yang sedikit. Nanti di akhirat tentu mereka akan dapat hadiah dari Allah. Waktu itu tentu tidak malu, tidak kolot dart tidak geli lagi untuk dibakar oleh api neraka.

3. Membaca Al Quranul Karim adalah perintah Allah. Merupakan amalan mulia dan suci di sisi Allah. Siapa melakukan dengan ikhlas maka mulialah orang itu, sebab Al Quran akan mengajar dan mendidik pembacanya menjadi

seorang yang bertaqwa, berakhlak mulia, berkasih sayang, cinta akhirat, jujur, amanahdanlain-lain kemuliaan. Orang begini akan bahagia hidup di dunia dan di akhirat. Tapi sekiranya Quran dibaca untuk dapat nama dan piala, maka jadilah amalan mulia ini sebagai amalan keji. Termasuklah orang ini orang yang menjual ayat Allah dengan harga yang sedikit. Dan dia bukan dapat pahala lagi tetapi nerakalah tempatnya, wal'iyazubillah.

4. Menuntut ilmu juga diperintahkan oleh Allah SWT. Denganilmulahmanusiabolehhidupbahagiaduniaakhirat. Tanpa ilmu manusia tidak akan lebih istimewa apa-apa lagi dari seekor lembu. Lembu 1000 tahun dulu sama saja denganlembu sekarang iaitu sama-sama tidakbertamadun. Tapi manusia tidak, kalau dulu tinggal di hutan-hutan, sekarang manusia sudah begitu maju dengan segala kemudahan hidup. Cuma kalau orang dulu tidak berbaju, nampaknya sekarang pun ramai yang tidak mahu berbaju. Tutup sikit-sikit saja. Itulah akhlak buruk dan keji akibat manusia tidak lagi mahu menuntut ilmu seperti yang dikehendaki Allah.

Menuntut ilmu kerana Allah ialah agar ilmu itu membentuk peribadi dengan akhlak mulia. Tapi ilmu begini biasanya tidak ada nilai ekonomi, sedangkan manusia cinta duit lebih dari cinta pada Tuhan. Kerana itu menuntut ilmupundijadikansebabuntukdapat kerja, jawatan tinggi, dapat gaji besar dan rumah besar serba mewah. Mereka gadai ilmu untuk dapat harta dunia yang sedikit ini. Sedangkan kalaulah ilmu itu dituntut kerana Allah, untuk kenal Allah, berbakti pada Allah, maka Allah akan bagi syurga sebagai ganjarannya. Tapi jika tidak ikhlas, maka termasuklah penuntut-penuntut kita dalam golongan orang

yang menjual ayat Allah dengan harga yang sedikit. Dan di akhirat mereka tidak boleh main-main lagi sebab neraka menjerit-jerit memanggil mereka ini untuk tinggal di dalamnya.

5. Menjadi Raja, menteri, wakil rakyat, kadhi, mufti, imam, bilal adalah kerja-kerja mulia yang kalau dilakukan dengan ikhlas benar-benar kerana Allah, jadilah kerja itu ibadah kepada Allah SWT selaku perintah fardhu kifayah. Dan kalaulah para pemimpin dan para ulama ini bekerja betul-betul ikut landasan syariat, Insya-Allah masyarakat di dunia hari ini tidaklah jadi seperti sekarang. Di mana umat Islam di dunia terus menerus bersandar nasib pada bangsa lain, perpecahan dan krisis menjadi-jadi, maksiat tidak terkawal lagi, jurang kaya miskin ketara sekali, hidup nafsi-nafsi dan saling berdengki. Isteri-isteri tidak taat, anak-anak derhaka, suami tidak bertanggungjawab, ibu bapa cuai dan pemuda berpoya-poya, pemudi tidak bermaruah. Tiada siapa yang senang dengan keadaan ini tapi tiada siapa pun yang boleh menyelesaikannya kecuali kalau payung kepimpinan berkembang kembali menaungi rakyat dengan adil dan saksama serta obor pendidikan para ulama bercahaya kembali menerangi kegelapan hati-hati umat.

Bila payung berkembang dan obor terpasang, maka manusia bagaikan berada di bawah naungan cahaya yang penuh rahmat, yang menjadi dunia ini benar-benar aman dan makmur serta mendapat keampunan Allah. Tidak seperti hari ini slogan negara aman dan makmur hanya tinggal pada tulisan dan laungan sedangkan realiti masyarakat kita telah hancur berkecai, menunggu saat untuk masuk neraka. Sebab pemimpin-pemimpin hari ini

memimpin bukan kerana Allah dan tidak juga mengikut politik pimpinan yang dikehendaki oleh Allah. Yakni suatu pimpinan yang membawa manusia hidup berkasih sayang, bekerjasama dan bertolong bantu. Sebaliknya mereka jadikan kepimpinan suatu perdaganganuntukdapat untung peribadi sebanyak-banyaknya. Manakala jual beli itu sendiri penuh tipu daya yang jahat dan kotor sekali. Kerana hendak ambil hati para pengundi, jangan sentuh hal-ha1 yang mereka tidak suka seperti soal tidak sembahyang, dedah aurat, ambil loan. Para ulama-ulama pula mengisi bidang-bidang kerja mereka, bukan untuk menyambung tugas para ambiya' dan auliya', tapi turut ghairah dengan kerja-kerja sekularis dan kapitalis. Yakni menjadikan Al Quran dan Hadis sebagai tukaran untuk dapat sesuap nasi pagi dan petang.

Hukum Allah mereka gadai untuk cari gaji. Pemah kita bertanya seorang mufti, kenapa tidak turut pertahankan purdah, maka dia menjawab, saya terpaksa jaga periuk nasi. Begitu taraf taqwa yang ada pada para ulama akhir zaman - taqwa periuk nasi. Tugas mendidik umat dengan Iman dan Islam telah dipandang kecil dan tidak penting. Yang penting cari gaji, cari jawatan, cari makan. Walaupun nanti terpaksa mengunyah pohon zaqqum di dalam kawah api neraka.

Walhal tugas selaku ulama adalahamanah Allah. Seolah-olah dikatakan padanya, "Didiklahumat ini hinggamereka kenal Tuhan-Nya dan mengikut perintah Allah serta meninggalkan larangan-Nya." Tapi mereka para ulama seolah-olah menjawab, "Kami sibuk dengan kerja makan gaji ini. Tidak cukup masa untuk buat kerja itu, sedangkan kerja itu bukannya ada gaji dan kedudukan istimewa." Mereka yakm dengan rezeki dari kerajaan daripada ganjaran

yang Allah janjikan. Mereka terlupa bahawa Rasulullah pernah ditawarkan emas sebesar bukit Uhud, dan Allah boleh beri lebih dari itu kalau dia hendak. Cuma orang-orang soleh, mereka menolak kekayaan di dunia demi menanti syurga di akhirat. Sedangkan ulama-ulama hari ini menjual amanah Allah dengan harga lebih kurang $1000 sebulan.

Maka termasuklah di antara pemimpin dan ulama hari ini dalam senarai orang yang menjual ayat Allah dengan harga yang sedikit. Nanti di akhirat pasti ada hadiah setimpal dari Allah SWT.

6. Melayan suami, menjaga anak dan menjaga maruah diri adalah perintah-perintah Allah pada wanita. Mana-mana wanita yang boleh buat semua ini kerana taat pada Allah, maka Allah tunggu mereka di akhirat dengan membuka semua pintu-pintu syurga. Dan mereka boleh masuk dari pintu mana saja yang mereka kehendaki. Tapi berapa orang saja wanita yang solehah, yang relakan diri untuk melakukan apa yang Allah suruh itu? Hampir semua wanita hari ini derhaka dengan Allah. Mereka tukar perintah Allah dengan perintah boss yang memberi gaji $400 sebulan atau lebih sedikit dari itu.

Pada mereka ayat Allah itu harganya tidak sampai $400 sebulan, sebab itu mereka lebih suka pada kerja yang gajinya $400 lebih. Begitu rendahnya harga agama Allah dan Rasul itu pada mereka. Dahsyat dan kejamnya hati mereka. Sedangkan Allah-lah yang memberi nafas setiap detik hidup ini. Kalaulah Allah tarik balik nikmat nafas itu selesailah riwayat hidup di dunia ini. Gaji yang $400 itu pun berpindahlah pada orang lain. Dan mereka akan pergi ke hadrat Allah dalarn keadaan derhaka. Nerakalah

tempamya.

Sepatumya perintah Allah-lah yang mesti diutamakan. Allah yang menanggung rezeki. Allah boleh buat apa saja untuk kita. Boss pejabat atau ibu bapa atau suami yang tidak faham Islam itu, apa sajalah budinya pada kita dibandingkan dengan apa yang telah Allah berikan pada kita? Sedangkan diri mereka punberada dalam pengawasan Allah, bila-bila masa boleh diapa-sajakan. Kalau begitu kenapa berani menolak hukum Allah. Kenapa ayat Allah dijual denganharga yang sedikit? Inginmerasa azab neraka? Sedangkan masuk jel di dunia pun tiada seorang pun yang mahu.

7. Bejuangberjihad fisabilillah hukumnya adalah wajib. Rasulullah, para sahabat, salafussolehdan seluruh ulama - ulama besar menghabiskan umumya dengan memperjuangkan agama Allah. 3/4 daripada sahabat-sahabat meninggal dunia, di luar jaziratul Arab kerana merantau menyebarkan agama Allah. Jadi berjuang adalah am al kebaikan yang sangat tinggi harganya di sisi Allah. Orang yang mati dalam berjuang dikira syahid dan ke syurga tanpa hisab lagi di Padang Mahsyar nanti.

Soalnya adakah pejuang-pejuang Islam akhir zaman ini benar-benar berjuang untuk Allah, kerana Allah dan berlandaskan perjuangan Rasulullah dan para sahabat? Kalau benar, hasilnya tentu sama dengan apa yang dicapai oleh Rasulullah dan para sahabat. Yakni dapatmewujudkan masyarakat Islam contoh dan seterusnya membangunkan masyarakat Islam Madinah dan seterusnya 3/4 daripada dunia ini menyerah diri pada Islam. Tapi perjuangan Islam kini lebih cenderung untuk berkuasa dan merebut jawatan daripada untuk menegakkan hak Allah dan kalimah-kalimah

dankalimah-kalimahAllah.Masing-masingghairahhendak dapatkannegara, walaupunrumahtanggadanjemaahsendiri belumlah ada tanda-tanda yang ianya benar-benar Islam. Kalau benar ingin menegakkan Islam ke peringkat negara, bukankah sudah ada hukum-hukum yang boleh ditegakkan secara berperingkat-peringkat? Maka tanpa dapat negara pun sudah boleh ditegakkan. Tapi tidak begitu nampaknya. Seakan-akan dengan kuasa itu nanti semua boleh selesai. Sebab itu anak tidak sembahyang pun dibiarkan saja duIu. Begitulah semangat perjuangannya. Cenderung kepada kuasa lebih daripada ingin lihat anaknya bersembahyang. Walhal nanti bila sudah dapat kerusi, bertambah-tambah lagilah sibuk yang memungkinkan anak terus terbiar tanpa sembahyang.

Sebenarnya niat itu sungguh penting. Orang yang niat untuk Allah, tidak sama dengan niat untuk lain-lain seperti hendakkan nama, jawatan, kuasa, kemasyhuran. Kedua-duanya menghasilkan natijah yang jauh beza. Bahkan yang satu itu dianggap menjual ayat Allah dengan harga yang sedikit. Masakan tidak, sedangkan kerana hendak jaga hati orang, supaya orang sokong, sanggup dia bekerjasama dengan orang kafir, membiarkan dan mendiamkan pendedahan aurat, pergaulan bebas lelaki perempuan dan soal-soal maksiat lain seperti riba, akhlak liar, cuai sembahyang dan lain-lain dalam rumah atau jemaah sendiri. Memejamkan mata terhadap kesalahan anggota-anggota jemaah. Lahirnya nampak mereka cinta pada Islam, tapi hakikatnya tidakbegitu. Merekaberlindung di balik perjuangan Islam.Mereka lebih ghairah hendakkan kuasa dan kerusi itu lebih daripada hendak tegakkan hukum Allah. Sebab itu mereka diamkan maksiat depan mata, dalam rumah dan dalam jemaah. Bahkan mereka sendiri

tetap menerima (tanpa rasa berdosa) dan melibatkan diri dengan peraturan hidup yang tidak Islamik seperti ekonomi riba, pendidikan sekular, politik kotor, berjuang secara maki hamun dan budaya hidup barat yang liar dan lucah, kenduri-kendara yang tidak ikut syariat. Sedangkan kalau benar seorang itu cintakan undang-undang Allah tentu tidak tergamak mereka terlibat dengan semua itu lagi. Kuasa tidak kuasa belakang kira. Yang penting bebaskan diri dari sistem thaghut dan cara hidup sekular ala barat kemudian sedayaupaya bangunkan Islam sekali pun hanya bersama anak dan isteri.

Sebaliknya apa yang mereka lakukan ialah jual nama Islam dengan keinginan dan harapan untuk dapatkan kuasa dan kerusi. Siapa boleh jamin bahawa bila dapat kuasa mereka akan tegakkan hukum-hukum Allah, walhal sebelum itu merekamain-maindan tidak sungguh-sungguh membangunkannya. Jangan-jangan nanti bila sibuk untuk mempertahankan kuasa, harta, pangkat, nama, kemasyhuran dan lain-lain langsung tidak berpeluang dan tidak ada masa hendak bangunkan hukum Allah. Dan ini tidak mustahil. Berapa banyak sudah pengalaman orang menampakkan pada kita bahawa bila dapat kerusi, orang lebih memikirkan diri sendiri daripada memikirkan orang lain. Sekalipun orang-orang lain itu sama-sama berjuang untuk memberikan dia kerusi.

Demikianlah perihal orang yang mempermain-mainkan ayat-ayat Allah dan yang menjualkannya dengan murah. Mungkin mereka tidak sedar, sebab kurang ilmu tentang ini, atau kerana tidak boleh lawan hawa nafsu, tapi salah tetap salah. Kalaulah kesalahan ini tidak dibetulkan, saya kira hukuman-hukumannya akan terasa di dunia lagi sebelum neraka di akhirat.

4

PERBANDINGAN DALAM BERAGAMA

ALLAH SWT dalam kitab-Nya Al Quran banyak menggunakan perumpamaan atau perbandingan bagi memudahkan kita memahami tentang sesuatu ilmu atau suatu perkara yang hendak diajar-Nya pada kita. Sebab dengan membandingkan atau mengumpamakan apa yang baru atau asing bagi kita dengan sesuatu yang telah jadi pengalamanharianitu,akanmemudahkanlagikitanampak apa yang dimaksudkan. Contohnya bila Allah berkata:

مَثَلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوْلِيَآءَ
كَمَثَلِ ٱلْعَنكَبُوتِ ٱتَّخَذَتْ بَيْتًا ۖ وَإِنَّ أَوْهَنَ
ٱلْبُيُوتِ لَبَيْتُ ٱلْعَنكَبُوتِ ۖ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ

Terjemahannya: Perumpamaan, orang-orang yang mengambil perlindungan selain dari Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah, kalau mereka mengetahui.

(Al Ankabut : 41)

Maka segeralah tergambar oleh kita bahawa orang yang tidak bergantung pada Allah, tapi menaruh harapan pada selain-Nya, samalah seperti labah-labah yang berganhmg pada rumahnya. Rumah itu bukan saja tidak boleh menyelamatkan bahkan merbahaya baginya. Begitulah manusia yang menyandar hidup pada selain Allah. Ertinya meletak diri pada keadaan yang bahaya. Dengan perumpamaan itu orang segera nampak apa yang Dia maksudkan sebenarnya.

Banyak lagi tamsil ibarat yang Allah pilih untuk dikekalkan dalam kitab-Nya yang mulia. Yang semuanya sungguh tepat dan penuh makna, berguna untuk menyedar dan mengingatkan manusia. Jadi nyatalah bahawa salah satu kaedah pembelajaran dan pendidikan yang baik ialah dengan membanyakkan perumpamaan-perumpamaan dan perbandingan-perbandingan (tamsil) ketika menerangkan sesuatu konsep ilmu pengetahuan. Lebih-lebih lagi ilmu itu baru dan asing dari kehidupan, maka lebii utamalah kalau didatangkan satu hal yang biasa berlaku untuk dijadikan perbandingan yang tepat dan bennakna. Tapi ini bukanmudah, iamemerlukan daya fikirdan daya imiginasi yang pintar dan cepat. Kalau tidak, maka susah jugalah seseorang untuk melakukannya.

Di sini saya cuba untuk memberi beberapa misalan tentang apa yang saya maksudkan di samping cuba memahamkan anda sesuatu yang mungkin asing bagi anda.

A. Bandingan orang yang mencampur-adukkan perintah Allah dengan larangan-Nya.

Bandingan seseorang yang mencampur-adukkan perintah Allah dengan larangan-Nya ialah seperti seorang

pesakit yang makan ubat tapi makan juga pantang-larangnya. Al hasil sakit tidak juga baik.

Ertinya orang yang melaksanakan perintah-perintah Allah seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, berkorban, berjuang dan lain-lain. Kemudian dibuat juga larangan Allah seperti makan riba atau membantu sistem riba, judi, bergaul bebas tanpa batas lelaki perempuan, dedah aurat, mengata, hasad dengki, riak, ujub, bakhil, tamak, pemarah, ingin pangkat, mendirikan sistem pendidikan sekular dan lain-lain lagi, maka dia sebenamya tidak akan mendapat apa-apa di akhirat nanti. Samalah keadaarmya dengan seorang yang sedang terlantar kerana sakit kencing manis misalnya.

Biladoktorbagi ubat, diamakan tanpamenolak satupun. Kemudian datang tukang bawa makanan, diarnbilnya makanan-makanan yang dilarang makan oleh doktor. Teringin, katanya. Apakahhasilnya? Kalaupatut diadirawat cuma dua bulan di hospital, mungkin akan jadi lima bulan. Mungkin juga dia akan menderita sakit selama-lamanya. Tidak mungkin berlaku ubat yang disertai oleh pantang-larangnya itu dapat membawa kebaikan atau kesihatan pada orang itu. Janganlah dibandingkan perkara ini dengan berkata, “Minyak dan air tidak mungkin bercampur.”

Itu bandingan yang tidak tepat. Sebab nilai kebaikan dan kejahatan tidak boleh disamakan dengan minyak dan air sebab kebaikan dan kejahatan adalah dua perkara yang bertentangan sedangkan minyak dan air sama-sama membawa kebaikan pada manusia. Seorang yang ada air dan ada minyak adalah orang yang memiliki bahan-bahan yang berguna tetapi seseorang yang baik, tapi buat juga jahat boleh membuatkan orang tidak percaya padanya. Ya,

satu segi dia banyak kawan, orang baik pun kawan **dia.** orang jahat pun terima dia, tapi hakikatnya dia akan keseorangan. Orang baik pun tidak ambil dia masuk group mereka, sebab dia tidak baik betul. Dan orang jahat pun tidak ajak 'joint' dengan mereka, sebab dia tidaklah jahat betul. Jadi, akhimya keseoranganlah dia di atas pagar. Bila , orang jahat dan orang baik bertembung untuk mempertahankan cita-cita perjuangan mereka, maka si dia di atas pagar perhati saja, mana kuat dan nampak-nampak hendak menang dia akan lompat ke sana.

Orang begini adalah golongan hipokrit atau munafik yang tempatnya ialah di dasar neraka. Jadi janganlah lagi kita bangga kerana dapat buat baikdan buat jahat sekali (all rounder). Tetapi buatlah kebaikan kerana Allah, dan tinggalkanlah kejahatan kerana Allah. Dan janganlah mencari kepentingan-kepentingan lain di sebalik tindak-tanduk kita.

B. Bandingan orang yang buat amalan sunat sahaja atau amalan fardhu sahaja.

Bandingan orang yang buat amalan sunat saja ialah seorang yang hanya ada tangan, kaki tapi tidak ada kepala. Sebaliknya bandingan orang yang buat amalan fardhu saja tetapi tidak buat sunat, ibarat orang yang ada kepala saja tapi tiada telinga dan tidak ada jari-jari.

Bayangkanlah seorang manusia yang tiada kepala. Maknanya orang itu tidak hidup dan tidak boleh **berfungsi** lagi. Ada, bagai tidak ada. Begitulah halnya seorang hamba Allah yang sibuk dengan derma sana, denna sini, kenduri itu, kenduri ini, beri macam-macam khidmat dan kebaikan pada orang tapi dia tidak sembahyang. Kalau sembahyang pun main-main, kadang buat, kadang tidak. Orang ini

kebaikannya tidak diterima di sisi Allah. Sebab dia hanya buat kebaikan yang kecil tapi buat kesalahan yang besar. Dengan kata lain dia hanya ada kaki dan tangan, tapi tidak ada kepala. Bila kepala tidak ada, manusia tidak boleh hidup, maka tidak berguna pulalah k.aki dan tangan tadi.

Sebaliknya seorang hamba Allah yang buat amalan fardhu saja, tidak dibantu dengan yang sunat, keadaannya sama seperti orang yang ada kepala dan ada anggota-anggota penting tapi tidak ada telinga, tidak ada hidung dan tidak ada jari-jari. Orang ini boleh hidup, masih boleh berfungsi tapi tidak sempuma, tidak cantik. Siapa sanggup hidup tanpa telinga, tanpa hidung dan tanpa jari-jari? Tentu tidak. Kalau begitu, kita tidak boleh rasa cukup dengan amalan-amalan fardhu sahaja. Patutlah kita iringi dengan . amalan-amalan sunat sebanyak mungkin, supaya Islam kita nampak sempuma dan cantik.

C. Bandingan orang yang tidak kenal dirinya.

Seorang yang tidak kenal dirinya hingga meletakkan diri itu di tempat yang tidak sesuai baginya, bandingannya adalah seperti periuk kuali diletakkan di atas pelamin. Biasanya periuk dan kuali diletakkan di dalam kabinet yang bertutup di ruang dapur. Bukannya di ruang hadapan, di depan tetamu. Apalagi bertakhta pula di atas pelamin. Alangkah buruknya kalau dibuat begitu. Tapi begitulah halnya dengan orang yang tidak tahu meletakkan sesuatu pada tempatnya. Dia akan membuat sesuatu yang sangat janggal, pelik dan menyusahkan orang lain.

Maka demikianlah halnya dengan orang yang **tidak** kenal dirinya. Dia akan meletakkan dirinya di tempat yang tidak tepat. Hasilnya bukan saja dia yang susah, orang lain punturut susahdanseluruhkeadaanbolehrosakdibuatnya.

Supaya jelas elok saya contohkan kepada sebuah rumahtangga yang terdiri dari ibu ayah dengan beberapa-orang anak. Setiap orang anakmemang ingin perhatian dan kasih sayang dari ibu bapa. Manakalaibu ayahpulamemang mengasihi semua anaknya. Tapi biasanya, lain anaklainlah caranya, dan keistimewaannya. Dan kasih sayang ibu bapa pun akan tercetus melalui faktor kelainan dan keistimewaan tadi. Katalah A kebolehannya menolong ibu bapa di dapur. B boleh mengemas rumah. C boleh mengurut dan memicit ibu ayah. D pandai berbual dan berbincang dengan ibu ayah. Atas keistimewaan-keistimewaan ini maka tiap-tiap anak akan dikasihi oleh ibu ayah kalau masing-masing boleh lahirkan keistimewaan-keistimewaan itu.Emak ayah sayang malah bangga kerana ada yang menolong mereka di dapur, di dalam rumah, boleh rawat-merawat dan ada pula yang boleh diajak berunding. Kalaulah anak-anak itu sedar hakikat diri masing-masing, maka diletakkan di tempatnya akan tenang dan bahagialah rumahtangga.

Tapi sekiranya anak-anak tidak kenal diri sendiri, tidak tahu apa kerja yang sesuai dan tempat yang layak baginya, maka akan terjadi perebutan tugas dan persaingan sengit dalam rumah. Yang boleh bawa merajuk, marah-marah, berdengki, berdendam dan tegangnyarumahtangga. Dalam keadaan itu ibu ayahlah yang paling menderita. Anak-anak pun susah juga. Walhal tujuan asal berebut dan berlawan tadi ialah hendak perhatian dan kasih sayang emak ayah, tapi apa yang dapat ialah emak ayah marah dan sedih, rumahtangga tegang dan anak-anak pun renggang antara satu sama lain.

Misalnya, si A ingin buat macam C, boleh duduk dekat-dekat selalu dengan emak ayah, boleh pegang-pegang dan main-main dan manja-manja dengan emak ayah. Jadi dia

pun hendak lawan C, dia pun ambil tugas C. Yang C pula rasa tercabar maka merajuk langsung tidak mahu dekat emak ayah lagi. Al hasil sudahlah A dan C berdengki berdendam. Emak ayah pula marahkan A sebab hendak buat keja yang bukan kerja dia. C pun kena marah sebab mudah sangat merajuk. Akhirnya kucar-kacirlah keadaannya. Demikian juga kalau B yang tidak pandai berunding, ingin hendak menyertai perundingan. Sudahlah kerja dia tidak jadi, datang pula hendak kecohkan kerja orang lain. D rasa marah terus mengamuk-amuk, maka emak ayah kacaulah dibuatnya. Inilah akibat orang yang tidak kenal diri dan meletakkan diri bukan pada tempatnya. Kesannya buruk sekali. Cuba kiaskan tamsil ini pada suasana dan tempat masing-masing, supaya saudara tidak termasuk orang yang tidak kenal diri dan meletak diri bukan pada tempamya.

Setengah orang dia memang kenal dirinya, siapa dan sesuai di tempatkan di mana. Tapi oleh kerana tidak senang dengan kelebihan orang lain, hasad dengki dengan kejayaan orang, maka dia pun cari pasal untuk berada di tempat yang bukan tempatnya. Di samping itu berusaha pula untuk jatuhkan orang supaya dia saja yang naik. Hal ini amatlah bahaya dan boleh memecah-belahkan manusia seterusnya masyarakat. Jadi eloklah masing-masing didik diri supaya nafsu jangan diturutkan. Mudah-mudahan kita terpilih sebagai orang yang membawa faedah padamasyarakat dan tidaklah sebaliknya.

D. Bandingan orang yang tidak mengamalkan ilmunya.

Bandingan seorang yang tidak mengamalkan ilmunya, hanya sekadar disyarah-syarah dan dikertas-kejakan ialah bagai seorang doktor yang tahu ubat dan teori pengubatan

sebarang jenis penyakit, tapi pengetahuan itu tidak dipraktikkan. Akibamya, tidak seorang pun pesakit yang dapat disembuhkan.

Berapa ramai hari ini cerdik pandai Islam dengan berbagai jawatan dan kedudukan, dengan ilmu Islamnya yang tinggi, diiktiraf pula oleh berbagai universiti di dunia, dalam dan luar negeri. Yang mereka itu rajin pula memperkatakan bahkan memperjuangkan Islam melalui lisan dan tulisan, disyarahkan, dibahaskan, ditempikkan atau ditulis dan dikertas-kerjakan, tapi Islam tetap dan terus tidak diamalkan. Islam yang syumul, mencakup seluruh bidang hidup (bermula daripada mengucap dua kalimah syahadat, sembahyang, puasa, zakat, haji yakni hukum-hukum fardhu ain, dihias pula oleh perkara-perkara sunat ain yang beribu banyaknya, ditambahkan dengan hukum-hukum fardhu kifayah seperti membangunkan sistem pendidikan, budaya, perubatan, perhubungan, muamalah, munakahat, siasah dan serba macam lagi diperluaskan dengan perkara-perkara sunat kifayah yang ribuan banyaknya), tidak pernah dibangunkan olehmereka itu walaupun di dalam satu masyarakat kecil di sekitar kediaman mereka iaitu sebagai contoh kepada masyarakat umum tentang bentuk Islam yang mereka syarah-s yarahkan itu. Sekurang-kurangnya sebagai hasil syarahan itu, kalaupun gagal membuatkan pihak lawan terima dan laksanakan Islam, cukuplah kalau diajak kawan-kawan seperjuangan membangunkannya, supaya pencinta-pencinta Islam tidak lagi terlibat dalam sebarang sistem yang bukan Islam.

Tapi itu pun belum mereka lakukan. Hingga tertanya-tanyalah manusia, bagaimana dan bilakah teori Islam yang mereka syarah dan bahas itu hendak mereka mulakan

dalam hidup mereka dan harakah mereka sekurang-kurangnya. Sedangkan tanda-tanda untuk bermulanya kebangkitan yang mereka harapkan itu makin malap. Mana cukup kebangkitan Islam setakat pakai serban, pakai tudung kepala, mengaji, berusrah, bermuktamar, mesyuarat agong danforumsaja.KalaulahwajahIslamitutinggidanbesarnya bagai gunung maka pakai serban dan tudung kepala itu ertinya barulah membangunkan sebuah busut. Mana lebihnya yang masih banyak lagi itu?

Perjuangan Islam bukan setakat mensyarahkan Islam tapi yang lebih penting ialah menegakkannya. Kalau usaha-usaha praktikal langsung tidak ada, apa bezadengan musuh Islam (para orientalis) yang turut menulis buku Islam bahkan mensyarahkannya?

Islam bukan untuk di'mental exercise'kan. Ia adalah sistem hidup yang mesti dilakukan sepanjang hidup. Kalaulah kita gagal berbuat demikian, maka samalah kita dengan seorang doktor yang hafal semua teori perubatan tapi tidak mempraktikkannya. Berjayakah doktor itu terhadap pesakitnya? Terhadap dirinya dan terhadap cita-cita perjuangannya? Lebih dahsyat kalau doktor tahu yang hisap rokok itu bahaya tapi dia pun hisap juga!

E. Bandingan orang yang mahu terus Pslamkan negara.

Bandingan seorang yang memperjuangkan Islam tapi terus mahu Islamkan negara, samalah dengan orang yang mahu membangunkan rumah di atas lumpur. Walau bagaimana gagahpun rumah itu nescaya tidak kuat dan tidak tahan lama. Begitulah kalau negara saja Islam tapi masyarakatnya tidak, maka negara itu tidak akan kuat bahkan tidak wujud lama. Negara Islam hanya akan terbangun kalau masyarakamya dahulu yang di-Islamkan.

Tapi kalau masyaralcat belum Islam, maka pemerintah hanya dapat Islamkan undang-undang dan peraturan, tapi tidak dengan manusia-manusianya. Dan kalau masyarakat tidak terima Islam, ertinya undang-undang dan peraturan hanya diterima di parlimen, ditulis di kertas-kertas atau di papan-papan tanda atau di dinding-dinding masjid dan di lain-lain tempat.

Islam tidak dapat dilaksanakan pada diri individu manusia. Kecualilah dalam hal-hal yang boleh dipaksakan seperti curi dipotong tangan, zina direjam. Itupun belum tentu dapat dibuat,kalau tukang potong tangan pun mencuri, berzina, bagaimana? Saudara pergilah sendiri dan saksikan apa yang sedang berlaku di Pakistan dan Saudi Arabia. Sudah lebih kurang sepuluh kali saya singgah di Pakistan dan telah melihat sendiri keadaan di sana. Pakistan sudah diisytiharkan sebagai negara Islam. Saudi Arabia lebih dulu lagi. Maknanya seluruh undang-undang yang dipakai di sana adalah mengikut Al Quran dan Sunnah (dari segi pengisytiharan dan tulisan). Tapi apa yang terjadi sebenamya? Masjid-masjid kosong walaupun waktu sembahyang. Kalau ada pun, tidak padan dengan besamya masjid dan kuatnya laungan azan. Ribuan, malah jutaan rakyat terns berkeliaran ke sana sini tanpa kisahkan masjid mereka.

Di bulan puasa senang-senang saja kita tengok orang makan di kedai-kedai, minum di jalan dan hisap rokok merata-rata. Apa lagi di sana bulan Ramadhan musim panas dan siang lebih panjang, maka bilangan yang puasa boleh bilang dengan jari. Kapalterbang Pakistan PIA menghidangkan minuman dan makan tengahari untuk penumpangnya di bulan puasa. Dan hanya berapa orang saja penumpang menolak hidangan kerana puasa. Saya

tidak pasti tentang hukum zakat dan haji, berjalan atau tidak. Sebab perkara itu tidak nyata. Yang nyata ialah wanita-wanita mereka hampir tidak ada yang tutup aurat ikut Quran dan Sunnah. Wanita-wanita yang memenuhi Karachi, Lahore dan Islamabad itu lebih kurang sama saja dengan wanita-wanita yang memenuhi bandaraya New York, Christchurch dan Perth. Bezanya cuma orang-orang putih itu lebih bersih dan kemas.

Bagaimana pun tidak ada pasangan lelaki perempuan berdua-duaan berpegangan tangan di Pakistan. Sebab di sana kalau adalah yang buat begitu, nanti akan dibelasah oleh orang ramai. Ertinya perkara itu tidak dibuat bukan kerana Islam tapi takut kena belasah.' Buktinya filem-filem, majalah-majalah malah televisyen Pakistan terang-terangan menunjukkan gambar-gambar kotor dan lucah itu. Peminta sedekah berkeliaran di Karachi bagai kucing liar. Ramai dan tidak terkawal. Dan mereka itu katanya bekerja ikut kumpulan dan ketua masing-masing. Kita sentiasa takut ditipu oleh driver teksi dan diburu oleh peminta sedekah sepanjang kita berada di sana. Dan sukar untuk kita jumpadengan rakyat Pakistan yang mahu senyum dengan kita. Hampir semua kasar-kasar.

Cukuplah itu untuk buktikan bahawa bukan mesti bila negara Islam, masyarakat turut Islam. Tapi kalau kita tanya rakyat Pakistan, adakah Pakistan menjalankan undang-undang Islam? Mereka akan jawab "Yes." Undang-undangnya Islam tapi orang-orangnya tidak ikut Islam. Untuk apa kita hendak dapat negara Islam? Tentu untuk meng-Islamkan orang-orangnya. Kalau begitu perjuangan kita jangan dimulakan dengan persoalan negara, tapi mulakandenganmeng-Islamkanindividunya. Yakni Islam dalam erti kata tunduk dan taat pada semua perintah Allah

yang wajib, sunat, fardhu ain, fardhu kifayah, sunat ain dan sunat kifayah. Di samping tinggalkan perkara-perkara hat-am dan makruh kerana mentaati Allah dan Rasul-Nya. Bila semua orang sudah dididik sebegitu rupa, maka waktu itu kalau kita isytiharkan negara Islam, barulah pengisytiharanituakandidengardanditerimaolehmanusia. Kita kata jangan berzina, nanti mereka tidak zi la lagi. Tapi hari ini zina bukan saja di kelab malam tapi berlaku juga di kawasan masjid di Malaysia.

Iran yang dibanggakan sebagai negara Islam abad kini, pun sebenamya indah khabar dari rupa saja. Saya pemah bertemu seorang guru dari rakyat Iran ketika di Pakistan. Beliau dan isteri serta anak-anak sedang bercuti, kerana itu lari ke Pakistan. Lari dari peperangan. "Kami lebih suka rejim dulu, sebab tidak berperang." Itu pengakuan rakyat jelata Iran. "Bumi Iran sudah kering tandus dari pokok, kerana born. Dan kami sentiasa ketakutan kalau-kalau jadi mangsa born. Dan kami sentiasa bersedia untuk lari ke bukit sekalipun tengah makan agar selamat dari letupan born." Begitu corak pemerintahan Islam di Iran.

Rakyatnya menganggap pemerintahan Islam lebih kejam dari zaman Shah Iran. Islam agama peperangan. Begitulah Khomeini memperkenalkan Islam padadunia, khusus pada rakyatnya. Bila ditanya kenapa isterinya tidak pakai cadur semasa di Pakistan sedangkan kita difahamkan seluruh wanita Iran bercadur maka guru dari Iran itu menjawab, "Itu kalau di Iran. Kami dipaksa memakainya. Sebab itu ribuan wanita Iran yang tidak sanggup memakainya melarikan diri ke negara-negara luar." Tidak peliklah kalau pelarian Iran sekarang ialah tiga juta orang. Satu bilangan yang paling tinggi mengatasi negara lain. Ertinya rakyat Iran tutup aurat keranaundang-undang bukan kerana

Allah. Mereka boleh selamat di dunia tapi tidak dari hukuman Allah. Apalah ertinya negara Islam yang begini? Yang tidak boleh selamatkan orang daripada api neraka?

Hal yang sama berlaku di Saudi Arabia. Ketika saya terbang dari London ke Saudi, tiada seorangpun wanita dalam kapalterbang itu yang pakai cadur. Tapi ketika mendarat di Saudi, wanita-wanita Arab tadi sudah siap pakai hitam, tutup aurat. Ertinya wanita-wanitaitumenutup aurat hanya ketika berada di negeri mereka. Tapi tidak di luar negeri. Apa ertinya negara Islam yang begini? Wakil Darul Arqam di Thailand, Ustaz Mohd. Adam yang pernah belajar di Saudi 17 tahun, pemah bercerita pada saya satu hal yang sungguh dahsyat. Katanya beliau selalu sembahyang di sebuah masjid di Saudi, berimamkan seorang rakyat Saudi yang bertugas sebagai imam masjid tersebut. Kemudian ketika beliau balik ke Thailand, secara kebetulan beliau berjumpa lagi imam tadi. Terperanjatnya dia bila tengok imam itu membawa dua orang perempuan Thailand di kiri kanannya.

Begitukah peribadi imam dari sebuah negara Islam di dunia ini? Saya sendiri menyaksikan di lapangan terbang Jeddah, duaorang pekerjanyabertumbuk. Bagaimana boleh negara Islam mempunyai rakyat yang begitu buruk akhlaknya. Nampaknya negara dan undang-undang saja yang Islam, rakyatnya tidak.

Atas dasar itulah saya tetap berkeyakinan bahawa perjuanganmendapatkan negara Islam tidak sama hasilnya dengan perjuanganmendapatkanmasyarakat Islam. Dapat negara Islam lebih mudah malah lebih untung (?) daripada mendapat masyarakat Islam. Sebab itu keghairahan pejuang-pejuang Islam tertumpu kepada yang pertama.

Namun usaha-usaha mereka itu tidak akan sampai ke. mana. Sebab negara yang rakyatnya tidak Islam akan lebih mudah dipcrkotak-katikkan olehY ahudi dan Nasrani. Lihat sejarab ini di Indonesia. Parti Islam Marsyumi pemah dapat memerintah Indonesia dipimpin oleh Mohd. Nasir. Tapi kerana rakyat tidak bersedia, bahkan anggota parti pun tidak bersedia maka akhimya jatuh dan leyas itu Islam tidakdipercayailagi.MakamasuklahKristiankeIndonesia.

Perjuangan mendapatkan negara umpama membina rumah di atas lumpur. Nampaknya memang gagah tetapi kerana tapaknya tidak kuat yakni masyarakat tidak bersedia maka rumah itu mudah roboh. Rumah akan selamat kalau penghuninya sayang rumah itu. Kalau tidak, bila-bila masa saja rumah itu boleh dimasuki pencuri. Islam mesti dimulakan dengan iman, kefahaman dan penghayatan bukan dengannegara. Apa ertinya perjuangan mendapatkan negara Islam walhal keluarga dan diri sendiri pun belum benar-benar Islam. Ini adalah perjuangan lapuk dan basi.

Kalau iman sudah dididik dan diasuh agar bertapak kukuh di hati manusia maka tidak payah kita rebut negara itu, mereka akan menyerahkannya bahkan mereka sama-sama membangunkan negara Islam. Lihat bagaimana caranya Rasulullah dapat negara Islam. Iaitu sesu'dah Islamnya 313 orang sahabat yang penuh iman dan kuat taqwa. Yang menjadi pendeta di malam hari, berjuang bagai singa di siangnya. Mereka bekerja sepenuh masa untuk bangunkan sebuah masyarakat kecil Islam. Inilah asas negara Islam. Yang kemudiannya diterima di seluruh Madinah, melalui proses mendidik iman. Yahudi dan Nasrani pun hormat dan terima pemerintahan mereka. Hal yang sama dilakukan hingga Islam bertapak ke 3/4 dunia.

F. Bandingan orang yang memperjuangkan Islam dengan kasar.

Bandingan orang yang memperjuangkan Islam secara kasar campur marah (emosional), tidak tenang dan tidak ikut akhlak Islam ialah seperti orang yang menghidangkan makanan lazat berzat dan berharga kepada tetamu dengan dicampak-campak atau dilempar-lemparkan dan dalam keadaan masakannya tidak sempuma pula. Sanggupkah tetamu itu memakannya sekalipun yang dijamu itu ialah udang galah, hati dan limpa? Jawabnya tentu tidak. Sebaliknya kalau sambal belacan dan ikan kering sahaja pun tetapi dihidang dengan ramah mesra dan senyum manis di tempat yang cantik, akan terasalazatnyamakanan itu. Sebab apa yang penting ialah perasaan kita terhadap perkara itu. Kalau kita suka, yang buruk pun jadi cantik. Tapi kalau tidak suka, yang cantik pun jadi buruk.

Sebab itu kalau Islam yang cantik dan indah itu diperkatakan dan disampaikan dengan cara yang menyakitkan hati orang, tentu orang tidak akan terima Islam itu. Bukan salah Islam tetapi salah orang yang menyampaikannya itu. Konon hendak ajak atau menyuruh orang mengamalkan Islam, tetapi dikata-katanya orang itu, dihina-hina, dituduh itu ini, didedah aib orang itu, diperli-perli, kalau orang berkeras dia lagi kasar, ditengking dan dicabar pula orang itu. Macamanalah orang mahu ikut. Mungkin depan kita orang malas hendak bergaduh, tapi di belakang kita tentu dia akan lipat kita habis-habisan. Bukan saja tidak ikut bahkan lagi jauh. Bukan orang saja yang dibenci dan dikata, bahkan Islam yang kita bawa pun dikata cerca sama. Al hasil perjuangan kita tidak akan diikut orang. Musuh pun tidak segan, kawan pun tidak sayang. Orang ramai tidak simpati samalah seperti kita sudah kata dan

hinakan tetamu, kemudian kita hidang sate, lalukah dia hendak makan? Tentu tidak.

Rasulullah SAW dan para sahabat adalah orang-orang yang sangat halus akhlaknya. Allah punpuji, malaikat puji, manusia pun suka dan sayang. Hatta musuh pun mengaku bahawa yang mereka musuhi itu ialah orang yang baik hati dan akhlaknya. Dalam keadaan itulah Islam diperjuangkan. Orang terpaut pada perjuangan mereka kerana melihat baiknya mereka itu. Lemah lembut, kasih mesra, suka menolong, merendah diri, pemurah, pemaaf, ramah-tamah, tidakmarah-marah, sabar, berbaik-sangka, sentiasa senyum dan bersungguh-sungguh dalam kerja mereka. Sejarah meriwayatkan bahawa ramai orang kafir peluk Islam adalah kerana tertawan dengan akhlak Rasulullah dan para sahabat. Akhlak umpama bunga yang boleh menarik siapa saja kepadanya. Tentu agama yang dibawa itu agama yang benar, kalau tidak masakan dia boleh membuatkan orang-orang itu sebaik itu, begitulah fikir mereka. Maka mereka pun menganut Islam. Tapi kalaulah Rasulullah SAW berlaku kasar dan menyakitkan hati mereka, tentu sekali tiada sebab mereka sanggup mengorbankan kecintaan kepada agama asal mereka. Bahkan mungkin mereka semua akan terns bersatu padu untuk menentang Rasulullah.

Di sini saya suka memberikan beberapa contoh akhlak mulia Rasulullah yang ditunjukkan ketika menghadapi kerenah kaumnya. Mudah-mudahan perkara ini menjadi panduan kita untuk menghadapi ragam kaum kita.

1. Rasulullah pernah dicaci-maki, dihalau dan dilontar dengan batu hingga mengalir darah di kakinya oleh kaum Thaqif di Taif. Mereka itu marah kerana Rasulullah datang

mengajak mereka kepada agama Islam. Maka berlarilah Rasulullah menyembunyikan diri di balik bukit agar terlindung dari orang-orang yang memburunya itu. Tiba-tiba turunlah malaikat dan berkata pada Rasulullah, "Katakan apa saja untuk dilakukan pada kaum ini." Apa jawab baginda? Satu jawapan yang tidak diduga oleh sesiapa pun. Satu kata-kata yang lahir dari jiwa yang benar-benar mulia lagi suci murni. Inilah akhlak agung baginda. Dan inilah yang mesti jadi ikutan kita. Baginda memaafkan kesalahanorang yang telahmelukakan hatinya dengan berkata, "Wahai Tuhan, berilah petunjuk kepada kaumku kerana mereka tidak mengetahui." Begitulah baiknya baginda. Orang yang telah menyakitinya pun didoakan. Sedangkan kita orang yang sudah berjasa pun boleh kita derhaka.

2. Satu lagi kisah baiknya hati baginda ialah ketika baginda menziarahi seorang tua yang sakit, yang selama ini sangat menyusahkan baginda ketika pergi berdakwah. Terperanjatlah wanita tua dan berkata, "Engkau datang Muhammad, ketika aku terlantar sendirian sedangkan selama ini aku banyak menyusahkanmu. Sesungguhnya engkau memang benar, wahai Muhammad."Maka dia pun memeluk Islam.

3. Peri rendah hatinya Rasulullah itu dapat kita lihat ketika satu hari datang ke majlis makan baginda seorang fakir yang hitam legam kulitnya, kudis yang bemanah dan berair memenuhi badannya. Para sahabat seperti kurang senang dengan kedatangannya dan bimbang kalau-kalau dia masuk dan duduk di sebelah mereka. Tapi apa reaksi Rasulullah Baginda bangun dan pegang tangan si fakir,

dipimpin dan dibawa duduk betul-betul di sebelahnya. Maka makanlah baginda bersama si fakir. Begitu rendah hati baginda dan rasa kehambaan yang dicapainya. Walhal darjat baginda adalah paling tinggi, tiada manusia lain yang boleh capai darjat setinggi itu. Namanya diletakkan di sisi nama Allah, selaku manusia, yang paling dikasihi oleh Allah. Hingga kini nama itu disebut dan dilaung-laung seluruh dunia setiap masa ketika. Alangkah hebat dan mulianya baginda tapi hatinya tetap rasa dia hamba Allah yang hina. Tidak sedikit pun rasa sombong, angkuh takabur. Sebab itu baginda boleh pimpin tangan si fakir miskin yang kotor dan busuk untuk duduk dan makan bersama baginda. Itulah akhlak mulia yang telah dilaksanakan untuk jadi panduan dan contoh kepada kita untuk tegakkan Islam.

Kalaulah akhlak seperti ini dapat kita miliki, kemudian kita jadikan senjata untuk memperjuangkan Islam tentu sudah lama orang bukan Islam pun masuk Islam. Apalagi umat Islam, tentu tertarik dengan badan-badan Islam. Sebab akhlak baik memang semua orang suka. Orang kafir pun suka. Jadi bila mereka tengok pejuang Islam itu baik-baikbelaka, lemahlembut dengan mereka, sukamenolong, pemurah, pemaaf, beri kasih sayang dan rendah diri, tolak ansur, maka tentu tertarik hati mereka bahkan tertanya-tanya dan teringat-ingat pada ajaran yang dapat menjadikan manusia-manusiasebaikitu. Seakan-akanmerekabertanya, “Bagaimana kamu sebaik ini?” Tentu kita jawab, “Inilah Islam.” Maka dia akan berkata, “Saya pun ingin jadi Islam.”

Tetapi itu hanya kalau pejuang Islam menggunakan akhlak yang disuruh oleh Islam dalam memperjuangkan Islam. Ditambah dengan sistem ekonomi, pendidikan,

sosial, politik Islam yang cantik dan indah, kalau dapat kita tegakkan dan tunjukkan pada manusia sedunia (sekalipun cuma satu kampung, yakni kampung contoh) sudah tentu nasionalis, kapitalis, sosialis dan sekularis ini sudah menyerah diri pada Islam. Kerana tertarik dan terasa serta nampak kebenaran Islam. Sama sebagaimana kabilah-kabilah Auz dan Khazraj dan lain-lain menyerah diri pada Rasulullahbahkanturut sama-sama memperjuangkan Islam di kota Madinah. Tapi apa yang sebenarnya telah berlaku hari ini? Harah-harakah Islam dibenci oleh umat Islam, apalagi orang-orang bukan Islam. Benci kerana Islam yang diperjuangkan itu nampaknya begitu buruk, hodoh, jahat serta buruk sekali. Terasa oleh mereka Islam itu ialah bergaduh, bermusuh, miskin, keras, kejam, anti pembangunan, gilakuasa, sempit, jumud, pasif, tidak produktif, tiada khidmat untuk masyarakat dan kerana itu tidak layak untuk dilaksanakan dalam dunia yang serba moden, maju dan mewah serta hebat hari ini.

Kerana itu umat Islam sendiri takut pada Islam. Apalagi orang kafir. Takut-takut kalau ikut Islam nanti kehidupan mereka lebih teruk, lebih hina, lebih jahat, lebii lembab dari sebelunnya. Kalau begitu untuk apa mereka ikut peju'ang-pejuang Islam. Lebih baik dipertahankan yang lama. Setengahnya ambil sikap menentang gerakan Islam supaya tidaklah budaya yang diperjuangkan itu dapat berkembang di tengah masyarakat.

Itulah yang berlaku sekarang. Orang takut pada Islam, kerana pejuang Islam sendiri gagal membuktikan yang Islam yang dipejuangkan boleh melahirkan segala kebaikan. Menyelesaikan segala masalah sosial, masalah keruntuhan akhlak muda-mudi, masalah ekonomi dan politik, mewujudkan perpaduan, membawa keadilan,

keamanan dan kesejahteraan lahir batin semua orang dan , seluruh dunia. Pejuang Islam sendiri nampaknya sombong, takabur, bercakap banyak buat tidak, suka mengata-ngata dan menghina sesama manusia, gila kuasa, gila dunia, bersandar nasib dan rezeki dengan orang lain, tidak boleh berdikari, tidak membangun, konon anti taghut tapi ikut juga sistem taghut, konon hendak selesaikan masalah masyarakat, masalah negara, tapi masalah sesama sendiri pun tidak selesai. Kalau begitu sarnpai bila pun orang tidak berani hendak ikut Islam. Mungkin ada juga yang ikut program untuk isi masa lapang sebagai hobi, tapi untuk sama-sama tungkus-lumus bermati-matian untuk perjuangan, tentu tidak. Sebab mereka nampak perjuangan tidak menjamin keselamatan hidup. Kalau pengikut pun tidak yakin untuk 'full-time' dan bermati-matian dengan perjuangan, apahal para pemerhati?

Begitulah kalau Islam dipejuangkan dengan cara yang salah, hasilnya tidak seperti yang diharapkan. Hati ingin tawan dunia, tapi makin hari dunia makin jauh dari kita. Islamnyamasihkekal dalambentuknamanya saja. Akhinnya nanti akan keseorangan dan terpaksa rehat dari perjuangan. Barangkali anaknya akan bertanya, "Apa jadi dengan perjuangan ayah?"Maka dia mengeluh;'Sepatutnya negara ini sudah ayah Islamkan. Tapi kenapa ayah boleh begini dan ke sini?" Tentu anaknya akan jawab kembali, "Barangkali ayah tersalah pilih jalan!"

G. Bandingan orang yang tidak sabar dengan ujian

Bandingan seorang hamba yang tidak sabar dengan ujian dari Tuhannya ialah seperti seorang anak yang memberontak ketika ibunya mengambil sesuatu padanya. Jasa ibu pada anak tidaklah terkira banyaknya. Kalau mahu

dinilai penat-lelahnya mengandungkan kita, melahirkan, menjaga, menyusukan, membesarkan, menyekolahkan, mendidik dan menyediakan segala makan minum, pakaian dan tempat tinggal, nescaya tidak ternilai. Kalau mahu dibayar dengan Wang rasanya boleh jadi berjuta ringgit. Tapi belum pernah berlaku seorang ibu minta dibayar segala pahit-jerihnya itu. Ibu sangat sayang' pada anak. Semua jasanya dilupakan kerana kasih sayang. Bila dia tua, tidak mampu hendak cari rezeki lagi, maka dia minta duit dengan anaknya sekadar lima puluh ringgit sebulan. Tapi anaknya yang gaji $1,000 sebulan tidak setuju. Dia berontak. Tidak senang, tidak setuju dan dia rasa tidak patut ibunya berbuat begitu. Apakata kita terhadap anak itu? Patutkah seorang anak memberontak dengan permintaan ibunya yang sekecil itu? Sedangkan pemberian ibu sudah berjuta ringgit, tapi hendak minta lima puluh ringgit pun dia marah.

Itulah anak derhaka. Anak tidak mengenang budi. Tidak tahu berterima kasih.

Begitulah halnya dengan hamba Tuhan yang tidak sabar dengan ujian. Tuhan yang sudah jadikan dia, lengkap dengan kaki tangan, kepala badan dan semua anggota-anggota dengan lengkap dan sempurna tanpa cacat. Kemudian diberi nafas supaya dapat hidup sekian lama. Diberi rezeki, kesihatan, kekayaan, pangkat, jawatan, anak isteri, rumah, kereta, harta benda, kawanrakan, kepandaian, kecantikan dan serba-serbi lagi kalau hendak dihitung tidakkanterhitung. Hendakdinilai denganduit, tidakterkira banyaknya. Harga gigi palsu saja terasa mahal, apa lagi yang asli dari Allah. Jantung yang berdegup, mata yang berkelip dan 1001 macam lagi nikmat yang sedang kita

gunakan saat demi saat. Sungguh banyak pemberian Allah pada kita. Begitu pemurahnya Allah. Cuma kadang-kadang Allah hendak uji hamba-Nya, sabar atau tidak, tahu bersyukur atau tidak, maka ditariklah satu nikmat daripada beribu-ribunikmatitu. Hambayangsedarbetapabanyaknya lagi nikmat yang masih ada, tentu terima ujian dengan sabar dan redha. Sebaliiya hamba yang tidak sedar diri atau tidak tahu menghitung nikmat Allah, tidak pandai bersyukur dan tidak sedar bahawa segala kepunyaannya hanya pemberian yang dipinjamkan oleh Allah, tentu membentak, tidak sabar, keluh kesah, danderhaka dengan Allah. Dia tidak terima takdir itu, dirasanya tidak patut, kejam, tidak bijak katanya dan ditentang, dirungut, diadu-adu, diungkit-ungkit, didengki, didendam dan macam-macam lagi protes yang lahir dari sikap tidak setuju dengan kehendak Allah.

Alangkah biadabnya hamba ini. Hamba yang tidak sedar diri, tidak kenang budi dan tidak tahu berterima kasih. Mungkin ada orang tidak sedar bahawa apa juga kesusahan yang ditanggungnya semuanya dari Allah. Cuma Allah jadikan dia bersebab. Mungkin sebab anak sebab isteri, sebab kawan, sebab kereta, sebab duit, sebab air, sebab polis, sebab api, sebab orang jahat dan 1001 sebab lain. Sebab-sebab itu Allah gunakan dengan tujuan menguji kita. Jadi kalau kita tidak terima ertinya kita tolak Allah. Kalau marah ertinya marahkan Allah. Kalau mengamuk ertinya mengamuk dengan Allah. Kalau sombong ertinya sombong dengan Allah. Kalau dengki ertinya dengki dengan Allah. Kalau dendam, dendamkan Allah. Kalau kecewa ertinya putus asa dari rahmat Allah. Kalau benci ertinya benci Allah. Kalau merungut, ertinya merungut dengan Allah. Dan apa juga kerenah yang kita lakukan sewaktu

ujian, ertinya kita buat perangai dengan Allah.

Siapakita, mahu angkat kepaladengan Allah? Sedangkan nafas yang kita gunakan untuk memanjangkan umur kita detik demi detik itupun adalah belas ihsan Allah. Sedetik lagi kita boleh mati kalau Allah mahu. Habis, mengapa berani kita sanggah Allah? Berani kita menolak keputusan Allah. Berani kita menjawab kehendak Allah?

Hamba yang sedar dirinya akan malu selalu dengan Allah. Budi Allah cukup banyak, tapi dia masih degil dan main-main dengan Allah. Pemberian Allah diterima dengan hati yang puas dan redha, sekalipun pemberian itu berupa ujian yang pahit. Sebab dia yakin setiap pemberian adalah dengan maksud baik dari Allah. Jadi tidaklah dia berlaku tidak senang dan hilang pertimbangan serta tidak sampai membuat perangai-perangai yang dilarang Allah.

Laksana seorang hamba dengan tuannya, si hamba tidak pernah tidak setuju dengan tuannya. Dia membodohkan dirinya. Menghina diri dan mati-matian kerja kerana taat. Tidak pernah dia rasa dia tuan. Sebaliknya yang dia rasa nasibnya ditentukan oleh tuannya. Oleh itu ,dia mesti terima segala-galanya, baik atau buruk. Ketakutan, cemas, bimbang, rasa bersalah, rasa tidak kena, takut kena marah dan macam-macam lagi rasa kehambaan sentiasa bermain dalam hatinya. Itu yang mendorong dia tidak penat-penat kerja. Tidak main-main dan tidak cuai. Kerja sentiasa beres. Malah selalu mengintai-intai apa yang boleh dibuat lagi. Bila ada saja, terus tangkas bingkas. Hilang letih penat tanpa kira waktu. Tidak ada masa rehat baginya. Tidak tahu erti penat. Yang dia tahu semua'kerja tuannya mesti siap. Itulah hakikat hamba.

Sepatutnya setiap kita merasa begitu terhadap Tuhan kita. Sebab pada hakikatnya kita memang hamba.

Kehambaan kita pada Tuhan patutnya lebii terasa dari penghambaan manusia kepada tuannya (majikannya) yang sama-sama manusia. Sedangkan kita dengan Tuhan tarafnya, kita ini barang buatan Tuhan. Hidup mati kita 100% berada dalam pengurusan dan pentadbiran Tuhan. Kalau Allah kata mati, matilah kita, kata lapar, laparlah kita, kata bodoh, bodohlah kita, kata miskin, miskinlah kita, kata terhina, terhinalah kita dan apa juga kehendak Allah pasti berlaku. Kita tiada kuasa sedikit pun untuk menahan atau menghentikan takdir dari berlaku. Hatta keupayaan untuk berusaha mengelak daripada satu takdir buruk itu pun, kalau Allah tidak izinkan tidak akan dapat. Kemudian keputusan dari usaha itu pula, tetap merupakan keputusan Allah. Kita sesungguhnya amatlah lemahnya dan setiap detik bergantung kepada keputusan Allah.

Kalau begitu bukankah sepatumya kita sentiasa cemas memikirkan apa yang akan Allah lakukan pada kita. Rasa malu sebab pemurahnya Allah pada kita. Macam-macam nikmat dilimpah ruah setiap ketika. Sedangkan kita terus derhaka, biadab, degil pada-Nya. Maha baiknya Allah, hinggakan kedegilan dan kesombongan hamba-Nya pada-Nya diterima dengan baik, tanpa marah dan hukuman. Nikmat terus dihantar juga, membuatkan si hamba lagi tidak sedar diri, lagi derhaka dan biadab dengan Tuhan-Nya.

Si hamba patut rasa hina sendiri, maklumlah asal-usul hanyalah dari setitis air mani, busuk, hanyir, berdarah berlendir, hina dina, miskin papa, jahil sejahilnya. Kalaulah Allah tidakmuliakan dengan sedikit ilmu, hartadanpangkat, kekallah kita dalam keadaan itu. Dalam keadaan itu layak danmunasabahkah kita mempersoalkan Allah, menyangka yang bukan-bukan pada Allah dan ragu-ragu dengan

ketuhanan Allah?

Tidaklah yang demikian itu, melainkan bagi orang-orang yang akan jadi kayu bakar api neraka. Moga-moga kita diselamatkan Allah dari itu.

Di dalam sebuah hadis Qudsi Allah ada berfirman yang bermaksud, *"Barangsiapa yang tidak bersyukur dengan nikmat dari-Ku, tidak sabar dengan ujian, tidak redha dengan ketentuan-Ku, maka carilah Tuhan selain Aku."*

H. Bandingan seorang pemimpin yang tidak ada pengikut.

Seorang pemimpin Islam yang tidak ada pengikut bandingannya ialah seperti kepala keretapi yang berjalan tanpa gerabak. Kalau ada pun barang yang hendak dibawa, terpaksalah diisi di kepala keretapi itu juga. Tentu tidak sebanyak mana, yang lebihnya terpaksa ditinggal.

Seorang pemimpin Islam tentu bercita-citamenegakkan Islam. Bukan setakat perkara-perkara fardhu ain, yakni urusan individu dengan Allah. Kalau setakat itu tidak berjuang pun boleh buat. Tujuan berjuang ialah ingin menegakkan soal-soal fardhu kifayah, seperti sistem pendidikan, ekonomi, perubatan, pergaulan dan lain-lain lagi secara Islam. Bahkan sistem politik dan pentadbiran negara pun mahu di-Islamkan.

Soalnya, bolehkah perkara-perkara itu dibuat seorang diri? Pembangunan sebuah sekolah saja perlu beberapa orang guru dan anakmurid yang ramai. Persiapan-persiapan bangunan dan kelengkapan lain juga penting. Jadi, tentu tidak boleh dibangunkan seorang diri. Sebab itu kalau pemimpin Islam tidak ada pengikut (hanya ada peminat) maknanya banyak perkara yang tidak boleh dibuat dan diselesaikan.

Ada hati untuk buat itu, buat ini, tetapi kerana tidak ada-tenaga maka terpaksalab dibatalkan. Macamlah kepala keretapi yang ingin bawa banyak barang tapi kerana tidak ada tempat maka terpaksalab ditinggalkan.

Seterusnya bandingan seorang pengikut kepada seorang pemimpin Islam ialah umpama sebuah gerabak keretapi yang dilekatkan kepada kepala keretapi. Manakala seorang peminat kepada seorang pemimpin itu umpama pekerja keretapi yang hanya memerhati dari luar. Gerabak akan turut bergerak kalau kepala bergerak. Tapi pekerja tidak ikut serta. Dia tinggal di stesyen, hanya lihat dan tunggu keretapi datang. Gerabak ikut ke mana saja kepala pergi dan buat apa saja yang kepala buat, tapi tidak dengan pekerja tadi.

Begitulah bandingan pengikut dengan peminat. Antara perbezaan sifat mereka ialah pengikut bersedia untuk bersama-sama dengan pemimpin dan taat pada perintah. Sebaliknya peminat hanya menunjukkan kesukaan dan persetujuandenganpemimpin,tapi tidakikutsertamemikul beban perjuangan. Di samping tidak boleh taat pada pemimpin itu.

Seorang pemimpin harus sedar hakikat ini. Bahawa bukan semua yang datang ke majlis ceramah kita, atau yang ikut pengajian fardhu ain kita, atau yang datang ke tempat kita, bahkan yang mendaftar nama sebagai ahli itu ialah pengikut kita. Mereka itu hanya peminat namanya. Mereka suka kita kerana apa yang kita buat sesuai dengan selera mereka. Tapi kalau terjadi sesuatu yang tidak sesuai dengan kehendak mereka, mudah saja mereka lupakan kita, bahkan turut mengata dan menentang kita. Itulah peminat namanya, bukan pengikut. Pengikut ialah orang yang menjadi bahu pada perjuangan, yakni turut sama

bekerja dan bersusah payah dalam membangun dan mempertahankan perjuangan.

Sebab itu berjuang sebenarnya bukan setakat berceramah,mengaji,berbahas, bentang kertas kerja, forum, dialog dan lain-lain bentuk cakap saja. Ahli mesti diajak bekerja membangunkan apa-apa yang kita cakapkan itu. Jangan ajak orang lain saja, diri dan keluarga sendiri serta ahli-ahli tidak dididik untuk melaksanakan. Dengan mengajak ahli-ahli kita berjuang bekerja dan bersusah-payah, barulah kita dapat kenal nanti siapa sebenamya pengikut kita, dan siapa pula yang suka-suka saja, yakni peminat. Katalah daripada ribuan orang yang datang ke majlis kita, bila kita arahkan sesuatu hanya 100 yang taat, maka 100 orang itulah saja pengikut kita. Yang lain itu hanya simpati atau peminat. Mereka perlu dididik lagi, difahamkan lagi, diyakinkan lagi tentang perjuangan, agar mereka meningkat ke taraf pengikut.

Sesebuah harakah yang ahli-ahli tidak boleh diarahkan tentu tidakdapat melakukan apa-apa kemajuandan aktiviti. Olehkeranapemimpinitutidakdapatmelakukannyasecara seorang diri, maka tentu harakah itu tidak dapat berjalan. Maka jadilah harakah yang tidak memberi apa-apa faedah pada masyarakat. Yang selalu riuh-rendah tapi hasilnya tidak nampak juga.

Seterusnya seorang pemimpin yang mengajak pengikutnya berjuang dengan semangat saja, bukan dengan amal soleh, akhlak, pengorbanan, zuhud, berkasih sayang dan taqwa adalah umpama keretapi yang siap dengan kepala dan gerabak tapi tidak boleh berjalan sebab injin lemah. Bunyinya memang kuat, tanda bersedia untuk bergerak, tapi bila start injin, rupanya injin lemah maka tidak boleh berjalan.

Peribadi pejuang Islam adalah peribadi yang bertaqwa, berakhlak, zuhud, berkasih sayang sesama mukmin, banyak amal ibadah dan amal soleh serta kuat berkorban. Orang beginilah yangbolehdanlayakdanmampuuntukberjuang. Tanpa sampai ke tahap ini, seseorang hanya setakat suka pada pejuang tapi tidak mampu hendak berjuang. Jadi kalau pengikut tidakdididikuntukmemiliki sifarini ertinya pemimpin tidak bawa berjuang, cuma setakat cerita tentang perjuangan. Keadaan inilah yang membuatkan orang boleh bertempikkan Islam! Islam! Islam! tapi dia sendiri (pemimpin)tidak mampu membawa pengikutnya perjuangkan Islam. Islam hanya ditegakkan pada dirinya sahaja. Malah, ada yang lebih parah, diri sendiri pun turut tidak dapat bertindak seperti apa yang dilaung-laungkan.

I. Bandingan orang yang tertipu dengan ibadah.

Seorang hamba Allah yang dapat menyelesaikan semua perintah Allah tapi kemudian merasa tenang hati dan hilang rasa kehambaan pada Allah, adalah ibarat seorang hamba di istana raja yang dapat buat semua kerja yang disuruh maka ia pergi mengadap raja sambil bercekak pinggang, sombong dengan kebolehannya serta membanggakan diiri di depan raja. Sekalipun raja itu seorang yang baik hati pada hamba-hambanya, tetapi sikap besar diri, sombong dan bangga dengan kebolehan hamba itu akan membuatkan raja murka. Bila raja murka, semua kerjanya tadi tidak akan bernilai lagi. Sebagai seorang hamba patutnya walaupun kerja dapat disiapkan, dia tetap berwatak hamba. Yakni mengadap raja dengan penuh takzim, merendahdiri dan takut kalau-kalau kerjanya tidak diterima, akan buruklah nasibnya nanti. Barulah datang kasih sayang dan belas kasihan raja kepada si hamba tadi.

Demikianlah seorang manusia yang berbangga dengan ibadahnya, dengan kebajikan dan perjuangannya, rasa selamat kerana telah menunaikan perintah Allah, rasa sombong kerana boleh melakukan sesuatu yang orang lain tidak dapat melakukannya, rasa ujub kerana mampu menyempurnakan program perjuangan dakwahnya, pidatonya, pengorbanannya, beraninya, gigihnya, maka orang ini sebenamya telah bersalah lagi dengan Allah. Sebab selaku seorang hamba Allah, sepatumyadia sentiasa rasa dia hanya hamba, yang mana setiap suatu adalah pemberian Allah, hatta ibadah-ibadahnya, pengorbanan, jihadnya, pidatonya dan lain-lain pun kalau Allah tidak izinkan nescaya dia tidak dapat melakukannya.

Orang yang faham begini tentu tidak merasa tenang dengan amal ibadahnya. Apa lagi untuk riak, ujub dan sombong dengannya. Sebab belum tahu Allah terima dan bemilai di sisi Allah. Kalau begitu dia tetap belum selamat dari hukuman dan kemurkaan Allah. Bukan ibadahnya yang menyelamatkan, tetapi rahmat Allah. Kalau susah payah kita beribadah itu, benar-benar ikhlas kerana Allah, diiringi pula rasa takut dan cemas kalau-kalau tidakditerima Allah hingga datang kasihan belas Allah, maka selamatlah kita.

Tetapi kalau ibadahitu dibuat kerana sesuatu kepentingan lain, dibangga-banggakanpula, dengan sombong dan besar diri, tentu Allah tidak suka. Mentang-mentang kerana ibadah sudah selesai, perangai sudah satu macam, lupa diri yang dia harry a hamba, yang semua kekuatan dan kebolehan yang ada bukan hak mutlaknya, tapi kumiaan Allah dan boleh ditarik balik bila-biia masa sahaja. Orang begini akan dibenci Allah dan semua ibadahnya tertolak. Dia hanya boleh lepaskan diri kalau dia sanggup bertaubat dan

sedarkan diri selalu bahawa setiap kebolehan dia hatta untuk rukukdan sujud itu adalah kumiaan Allah. Kalaupun nampaknya dia yang berusaha, tetapi bukan usaha itu boleh menyelamatkamrya dari api neraka.

Kalau begitu diakenacemas, takutdan bimbang sentiasa nasibnya dan tentang apa kata Allah padanya. Rasa hina diri, kurang dan mengharapkan belas kasihan Allah untuk menyelamatkannya. Segala-gala yang ada milik Allah dan kalau dia dapat, maka itu bukan hak dia tapi hak Allah. Bagaimana seorang boleh berbangga-bangga dengan nikmat orang lain sampai melupakan dan tidak hormat pada tuan punya nikmat? Sesungguhnya Allah benci pada hamba-Nya yang begitu.

Sebaliknya Allah suka dan kasihan pada si hamba yang sentiasa rasa kurang, rasa lemah, takut, cemas, rasa tidak selamat dan harap pada Allah, sekalipun amal baktinya tidak banyak dan kurang sempuma. Sepertilah hamba raja yang walaupun kerja-kerjanyakurang sempuma, kemudian pergi mengadap raja dengan penuh adab sopan dan rendah diri, maka tentu raja akan berbelas kasihan padanya. Sebab raja suka pada orang yang berbudi tinggi, berakhlak mulia, walaupun khidmamya kurang sempuma disebabkan kelemahan-kelemahannya.

Hamba yang paling Allah suka ialah yang dapat menyempumakan semua perintah-Nya dengan baik dan sempuma tapi dalam masa itu tetap rasa tidak selamat, rasa hina diri, rasa takut, rasa malu dan bimbang kalau ibadah tidak diterima. Di samping merasa apa yang dapat dibuat semuanya pemberian dan keizinan Allah. Inilah orang yang tertinggi darjatnya di sisi Allah SWT. Yang sudah selamat di dunia, selamat dari tipuan nafsu dan syaitan dan

selamat dari api neraka.

Orang yang paling tidak selamat ialah orang yang langsung tidak peduli dengan perintah Allah. Tapi merasa sombong, takabur, tidak takut dengan Allah dan rasa dia boleh selamat di akhirat. Dirasa aman dari azab Allah. Inilah isi neraka. Orang yang Allah tidak pandang padanya di akhirat nanti.

Perlu diingat bahawa ibadah yang dimaksudkan bukan saja sembahyang, puasa, haji tapi apa jua kerja kita yang kita niatkan kerana Allah.

J. Bandingan orang yang membiarkan anak isteri yang tidak dididik.

Bandingan seorang lelaki yang sibuk memperjuangkan Islam tapi anak-anak isteri dibiarkan dalam keadaan jahil dan maksiat, samalah seperti seorang yang sedang belayar membiarkan anak isterinya memasukkan air ke dalam kapal. Bila kapal karam, maka si suami turut karam. Anak-anak isteri adalah orang yang sangat penting dalam hidup kita. Kalau mereka baik, baiklah kita. Kalau mereka sihat, sihatlah kita. Kalau mereka suka, sukalah kita. Sebaliknya kalau mereka sakit, sakitlah kita dan kalau mereka rosak, rosaklah kita. Kerana itu Allah perintahkan diambil berat pada mereka itu, lebih utama dari memikirkan hal lain dan orang lain. Firman-Nya:

قُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Jagalah dirimu, dan ahli keluurgamu daripada api neraka.
(At Tahrim : 6)

Untuk selamat daripada api neraka, kita kena jaga diri dan ahli keluarga. Bukan jaga diri sendiri saja. Sebab

keselamatan anak isteri kita bererti keselamatan kita. Sebaliknya binasa mereka, binasalah kita.

Syariat telahmenetapkanbahawa kejahatan isteri bererti kejahatan suami. Sebab itu kalau suami baik tapi isteri jahat, maka dikira suami pun jahat juga. Sebab isteri itu pakaiankita, orang yang kita gunakanuntukmenyelesaikan masalah nafsu kita. Ertinya mereka itu sebahagian dari kita. Kalau begitu masakan kita tergamak memakai dan menggunakan sesuatu yang kotor dan jahat. Tentu tidak! Sebab itu Allah menghendaki agar anak isterilah dulu yang dididik sebelum mendidik orang lain. Ajar anak isteri dulu sebelum ajar orang lain. Hukum anak isteri dulu sebelum hukum orang lain. Jangan biarkan anak isteri liar dan jauh dari hukum-hakam Allah, tapi dalam pada itu kita bertempik sana, bertempik sini perjuangkan Islam. Keadaan ini akan menjatuhkan kita di sisi Allah dan di sisi manusia.

Manusia akan mengata kita dan tidak percaya pada perjuangan Islam. Manakala Allah sendiri tidak terima perjuangan kita.

Ini dapat dibuktikan dengan kisah yang berlaku pada seorang abid yang sudah tujuh puluh tahun beribadah. Satu hari dia menadah tangan ke langit dan berdoa, "Wahai Tuhan, terimalah amalanku."

Tiba-tiba terdengar suara menjawab, "Engkau adalah tertolak kerana mempunyai isteri yang jahat."

Terperanjat sungguh si abid, maka segeralah ia kembali ke rumah bertanya isterinya, "Apa yang engkau buat di belakangku?"Isterinyapunbercerita,"Sayapergi kemajlis kahwin yang penuh maksiat, hingga saya tertinggal sembahyang." Maka si suami tanpa bertangguh-tangguh lagi terus menceraikan isterinya itu: Kemudian dia kembali ke tempat ibadahnya dan terus bermunajat, "Wahai Tuhan,

terimalah aku." Maka menjawab suara tadi dari pihak Tuhan, "Sekarang amalan engkau diterima."

Dari kisah ini fahamlah kita bahawa isteri yang degil dan engkar boleh diceraikan demi menjaga hubungan dengan Allah SWT. Sebabdosa-dosa isteri bolehmenghijab (mendinding) suami dari Allah SWT.

Perlu diingat bukan senang mendidik isteri yang sudah rosak. Rosak iman, rosak akhlak, rosak ibadah dan rosak ketaatan dan kepatuhan pada suami. Mereka sudah gila dunia, sombong, takabur, hasad dengki, rasa pandai, rasa mampu, bahkanrasalebihdari suami, tidakperlubersandar pada suami, kalau dicerai cari yang lain. Dalam keadaanitu bukan senang hendak ajak mereka pada Allah, hendak suruh taat suami. Maka kenalah serius mencari jalan yang boleh membentuk mereka sedikit demi sedikit. Kita kena banyak-banyak sabar. Kalau mereka degil sangat, dalam keadaan dosa masih dilakukan, dan kita terlibat sama, maka boleh diceraikan. Tapi kalau tidakmahu cerai, kerana sayang, maka bersungguh-sungguhlah mendidik. Kalau tidak begitu, kita takut kalau-kalau kebahagiaan hidup bersamanya hanya setakat di dunia sahaja. Di akhirat tercampak dalam kemurkaan Allah. Suami ke mana, isteri ke mana. Bercerailah selama-lamanya.

Anak adalah darah daging kita. Sebab itu doa anak yang soleh untuk arwah ibu bapa diterima Allah. Maka didiklah mereka dengan sungguh-sungguh.

K. Bandingan antara cantik dan akhlak pada perempuan.

Perempuan cantik tapi berakhlak jahat, derhaka suami, adalah ibarat bunga raya, cantik tetapi tidak harum baunya. Sebaliknya perempuan yang tidak cantik tapi berakhlak

mulia, taat Allah, taat suami, ibarat bunga cempaka, tidak cantik tapi wangi baunya.

Antara bunga raya dan bunga cempaka, bunga cempaka lebih diminati. Sebab itu kita tengokbunga cempaka dijual dan dipakai tapi bunga raya tidak dijual dan dipakai.

Keutamaan petempuan samada cantik atau tidak cantik adalah pada akhlaknya, taqwanya dan taatnya pada suami. Perempuan cantik tidak berakhlak dan tidak taat adalah menyakitkan hati suami walaupun sedap matamemandang. Perempuan tidak cantik pula kalau tidak berakhlak dan tidak taat, menyakitkan hati dan menyakitkan mata. Sebab itu usah bangga dengan rupa dan usah risaukan sangat hal rupa paras yang tidak cantik. Tetapi berlumba-lumbalah untuk menjadi wanita yang bertaqwa, berakhlak mulia dan taat suami.

Kalau ini ada, nescaya Allah sayang, suami sayang dan semua manusia sayang. Bukankah itu yang menjadi cita-cita dan keinginan setiap wanita?

5

KALAU TIDAK BERTAQWA

SEMUA orang menganggap bahkan yakin bahawa dunia ini dan manusia ini tidak akan selamat kalau duit tidak cukup, atau ilmu tidak tinggi, atau jawatan tidak ada dan tidak tinggi atau pembangunan dan kemodenan tidak tercapai. Tegasnya kalau tidak tiru apa yang Barat buat, tidak jadi macam Barat, kita tidak akan selamat. Maka berlumba-lumbalah kita mengejar Barat. Seluruh jentera kemodenan dan pembangunan dikerahkan ke arah tujuan tadi. Semua menjadi yakin kalau kita jadi Barat, akan bahagialah hidup, akan senanglah hidup.

Hingga hari ini, sedikit sebanyak kita sudah membangun seperti yang kita kehendaki. Negara kita sudah agak cantik, berkatmenirupembangunan Yahudi dan Nasrani. Ekonomi pun seakan-akan sudahpulih, walaupunbelum ada seorang umat Islam yang dapat membangunkan supermarket di seluruh *shopping centre* di negara kita. Walaupun masih banyak gerai-gerai Melayu di tepi-tepi jalan menempah sejarah pendek umur, walaupun ikan-ikan tangkapan Melayu banyak yang masih menjadi sumber kekayaan kapitalisyangterus-menerusmenghisapdarahparanelayan. Dari segi ilmu pun, boleh dibanggakan memandangkan para lulusan universiti yang kian bertambah dan orang yang berdegree bertambah ramai. Namun ilmu-ilmuan

tadi tetap tidak boleh hidup kalau tidak diberi gaji. Yang tidak diberi kerja jadi bebanan pula pada negara. Mereka tetap tidak berdikari untuk membina pembangunan dan perindustrian sendiri yang bebas dari makan gaji. Di samping itu akhlak lulusan tinggi tetap tidak jauh beza dengan akhlak yang ada pada lulusan rendah. Mungkin juga sama, bahkan ada yang lebih teruk lagi. Soalnya, hinggadi tahap ini, adakah kita sudahmendapatmasyarakat bahagia yang hidup penuh aman damai?

Memandangkan pada penyakit masyarakat yang bertimpa-timpa dan kian kronik, dengan masalah tidak habis-habis, tentu kita belum boleh mengatakan masyarakat kita sudah bahagia. Memang mungkin ada individu-individu atau keluarga-keluarga yang merasainya, tetapi ini bukan majoriti. Ini tidak boleh mencorak masyarakat.

Secara umum penguasa-penguasa atau orang-orang yang ada kuasa tidak bahagia oleh penyakit gila kuasa. Orang kaya tidak bahagia kerana penyakit gila dunia. Orang miskin tidak bahagia kerana sering rindu pada harta. Ulama-ulama tidak bahagia kerana takut periuk nasi terancam. Ibu bapa hilang bahagia kerana anak derhaka. Guru tidak bahagia dengan perangai anak muridnya. Pemudi-pemudi tidak bahagia kerana diganggu dan takut jadi andartu. Pemuda hilang bahagia kerana susah hendak kahwin. Dan macam-macam lagi penyakit yang sedang meragut kebahagian hidup dalam masyarakat kita.

Dalam keadaan ini apakah peranan pembangunan, kemodenan, ekonomi, jawatan dan ilmu tinggi tadi? Mampukah ia menyelesaikan masalah ini? Lihat di Barat! Kemodenan hidup menghantar manusia ke kancah kehidupan yang bergelora. Sebagai contoh, cukup saya katalcan bahawa ramai sudah orang Barat yang hidup

berdua dengan anjing atau bertemankan kucing atau itik atau ayam. Kebahagiaan dengan sesama manusia sudah tiada. Apa erti dengan segala pembangunan tadi?

Kebahagiaan sebenarnya bukan terletak pada mata, tangan, kaki atau benda-benda lahiriah. Rasa bahagia itu tempatnya di hati manusia. Kalau hati senang, dalam miskin pun boleh rasa bahagia. Sebaliknya kalau hati rosak binasa maka ilmu tinggi manapun kaya raya macarnana pun dan sebesar manapun pangkat tetap tidak bahagia hidupnya. Itu bukti yang cukup jelas yang memang jadi pengalaman semua orang. Kerana itu, untuk mencapai kebahagiaan hidup untuk individu mahupun untuk masyarakat, apa yang mesti diutamakan ialah mendidik individu-individu manusiadengan iman dan taqwa. Bukan dengan duit, pangkat, ilmu tinggi, kemewahan dan kemodenan.

Imandantaqwabolehmembuatlcanorangmiskinterhibur dengan kemiskinan. Iman dan taqwa boleh membuatkan orang kaya pemurah dengan hartanya, terhibur kalau dapat menderma. Iman dan taqwa boleh membuatkan penguasa rendah hati dengan rakyatnya serta terhibur kalau dapat berkhidmat pada rakyat. Iman dan taqwa membuatkan anak-anak terhibur untuk taat ibu bapa, isteri suka dan terhibur untuk taat pada suami, pengikut terhibur mentaati pada pemimpin, anakmurid berhibur dan hormat dan kasih pada guru, si gadis jadi malu serta terhibur tinggal di rumah dan pemuda jadi sungguh bertanggungjawab.

Bila manusia sudah berada dalam keadaan itu, barulah duit banyak membawa bahagia. Barulah pangkat tinggi berguna dan segala kemodenan dan pembangunan akan jadi sumber keselesaan hidup yang bermakna.

Hari ini semua itu belum berlaku. Kerana hanya me-

mikirkan negara maju, maka yang terus maju ialah negara bukan orangnya. Yang membangun ialah negara, bukan orangnya. Masyarakat manusianya dibiarkan bet-main dengan nafsu, tidak dihiasi dengan iman dan taqwa. Maka nafsulah yang menjadi raja dan jadi Tuhan. Nafsulah yang mengatur kehidupan. Sebab itu masyarakat jadi hunt-hara.

Saya suka menyenaraikan nafsu jahat yang bersarang dan menjadi Tuhan dalam diri manusia itu.

1. Bila taqwa tidak ada, maka para ulama akan dikuasai nafsu-nafsu:

a. sombong atau ego
b. ujub dan riak
c. hasad dengki
d. susah untuk menerima kebenaran dari orang lain
e. ingin berlawan terutama sesama ulama
f. gunakan ilmu sebagai alat untuk kepentingan dunia, pangkat dan Wang ringgit
g. pemarah
h. ingin dihormati (gila puji)
i. kalau mampu, akan hidup bermewah-mewah.

Kalau hati tidak bertaqwa, maka mustahil kita temui mufti-mufti, tuan-tuan kadhi, ustaz-ustaz, tuan-tuan imam yang merendah diri, yang merasai diri kurang, menyayangi orang lain sebagaimana mengasihi diri sendiri, bersedia untuk ditegur walaupun oleh kanak-kanak, tidak suka menunjuk-nunjuk pandai dan kehebatan, menggunakan ilmu untuk kepentingan Allah dan kehidupan di akhirat, mudah melupa dan memaafkan kesilapan orang lain, tidak suka dihormati dan dipuji kerana yang layak dipuji hanyalah Allah dan zuhud serta warak.

Bila tidak ada ulama yang begini, maka umat seolah-olah ketiadaanlampu. Tinggallahdalam gelap gelita. Tidak tahu halal haram, tidak kenal Quran dan Hadis, tidak kenal Allah dan alam akhirat, tidak pandai membezakan akhlak baik dan akhlak buruk, tidak faham apa yang boleh dan apa yang tidak boleh, juga yang baik dan yang tidak baik. Maka hidup mereka tidak menentu. Kadang ke barat, kadang ke timur, terlanggar ke sana terlanggar ke sini, terjunam ke lembah-lembah, tersungkur di jalan dan macam-macam kacau-bilau lagi. Jarang dan mungkin tidak ada langsung yang selamat. Maka jadilah apa yang sedang terjadi hari ini. Umat Islam tidak bertaqwa dan tidak ikut Islam sepenuhnya, kadang-kadang jadi macam Yahudi, macam Kristian, macam Hindu, Buddha, macam Hippies dan macam-macam lagi. Budaya dan tamadun Islam tidak ada dan tidak dapat dibangun dan diperjuangkan. Yang ada ialah budaya campur-aduk dan kacau-bilau.

2. Bila pemimpin tidak bertaqwa. Akibat ulama tidak bertaqwa maka mereka tidak dapat mendidik pemimpin atau penguasa agar jadi pemimpin yang bertaqwa. Bila pemimpin tidak bertaqwa, maka hatinya akan dikerumuni oleh nafsu-nafsu jahat. Antaranya ego, sombong, takabur, riak, ujub, menzalim (diskriminasi), pilih kasih, gila kuasa, tidak adil, berburuk sangka, berhasad dengki terutama sesama pemimpin, menggunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan dunia semata-mata, menghukum sesuka hati, takut dengan rakyat sendiri, bersifat pemarah dart bermewah-mewah.

Kalau penguasa tidak bertaqwa sukar sekali untuk kita cari seorang menteri atau wakil rakyat atau presiden yang suka merendah diri dan merasa dirinya setaraf dengan

orang lain, tidak berbangga dengan kuasa, tidak rasa dirinya istimewa, berlaku adil dan lemah lembut, berbaik sangka, berkasih sayang sesama pemimpin, menggunakan kuasa untuk kepentingan Islam dan kehidupan di akbirat, berhati-hati ketika menghukum, suka memaafkan dan hidup ala kadar, iaitu sekadar keperluan.

Bila hati pemimpin dan sikapnya sudah rosak, kotor dan jahat sekali, maka tentu pimpinannya berjalan dengan bentuk dan arah yang sama, samada mereka sedar **atau** tidak, mahu atau tidak mahu. Memimpin bukan untuk menyelamatkan umat tapi kerana mempertahankan kuasa. Buat kebaikan bukan secara rela tapi terpaksa, sebab takut dihukum atau dikata nista oleh rakyat. Berlaku zalim, kejam, bermewah-mewah, betpoya-poya dengan maksiat mungkar. Kalau ada pun pemimpin yang baik, yakni tidaklah buat semua itu, tapi kalau bukan atas dasar taqwa, nescaya dia akan mencari kepentingan diri dan tidak tahan diuji. Dan ini akan membawa kepada 1001 masalah kepada dirinya dan kepada rakyatnya. Sebagai contoh, lihatlah di Malaysia hari ini. Pemimpin yang tidak bertaqwa telah menjadikan rakyat Malaysia berpecah-belah, bergaduh dan bersengit hati sesama sendiri. Bahkan di **kalangan** mereka pun sama, berdendam berdengki.

Apa alasan dan penyelesaian pada semua itu? Sebab ekonomi kurang, sebab kebodohan rakyat, sebab kemajuan tidak seberapa? Sebab ilmu tidak ada? Sebenarnya semua itu disebabkan manusia-manusia tidak bertaqwa. Yang mana kalaulah masyarakat kita bertaqwa, nescaya Allah lepaskan kita dari sebarang kesulitan dan masalah, dan menjadikan negara kita negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan Allah SWT.

3. Kalau orang kaya tidak bertaqwa maka jadilah hatinya penuh dengan sombong, ego, suka membazir, riak yakni suka menunjuk-nunjuk, menyalahgunakan harta seperti untuk mengumpan perempuan cantik, rasuah, suka berlumba-lumba terntama dengan sesama kaya, dalam pada itu masing-masing saling kata-mengata.

Lihatlah hari ini mereka berbangga dengan rumah besar dengan perabut kemas lagi mewah. Mereka bercuti ke sana bercuti ke sini. Beli barang bukan di Malaysia tetapi impot dari London. Duit orang kaya lebih banyak daripada duit negara. Walhal mereka tahu bahawa masyarakat mereka miskin. Tabung perjuangan Islam sentiasa kosong malah terhutang-hutang, negara tidakcukup duituntukmembiayai rakyat disebabkan orang kayanya berhati kejam dan sangat membazir. Dalam keadaan ini sampai bila pun manusia tetap akan beradadi dalam keadaan tidakpuas hati. Kecualilah, orang-orang kaya sanggup jadi bank akhirat, yang memberi pinjaman tanpa riba dan tidak minta dibayar di dunia. Sebab mereka faham kekayaan adalah pinjamau Allah, sekaligus sebagai ujian untuk melihat siapa yang sedar diri tentang asal usulnya.

4. Orang miskin kalau tidak bertaqwa maka tidaklah selamat hatinya dari sifat-sifat yang buruk seperti tidak sabar dengan kemiskinan hingga sanggup mencuri. menyamun, menipu dan membunuh. Mereka sangat hasad dengki dan sakit hati dengan orang yang berada, keinginan untuk kaya sangatlah tebal hingga bila tidak kaya-kaya juga, mereka jadi punts asa dengan Allah. Hal-hal yang demikianitu menyebabkan berbagai jenayahberlaku dalam masyarakat. Rompak, samun, seluk saku dan lain-lain bentuk kecurian telah menjadi pekerjaan tetap sehinggalah

bagi setengah mereka telah mendatangkan pendapatan yang lumayan. Hingga kerana itu, ramai manusia dalam ketakutan kalau-kalau rumahnya dimasuki pencuri.

PadahaI tidak sepatutnya perkara-perkara ini berlaku dalam masyarakat umat Islam. Kerana orang mukmin yang bertaqwa, kalau dia miskin, dia redha dengan takdir. Dia tidak terseksa dengan kemiskinan di dunia demi mengharapkan kekayaan yang Allah janjikan di akhirat.

5. Kaum ibu atau wanita kalau tidak bertaqwa maka kerja mereka ialah mengumpat, bersolek untuk menunjuk-nunjuk pada orang lelaki, gila dunia yakni gilakan perabut, hiasan, gelang, pakaian, hingga lupa pada Allah. Dan lupa akhirat. Seorang isteri yang tidak bertaqwa tidak akan dapatmelayandanmentaati suami dengan baik disebabkan tidak ada pada mereka sifat merendah diri pada suami dan sifat memandang mulia pada suami. Mereka bebas untuk keluar masuk rumah dan menyusun program sendiri, tanpa memikirkan sangat apa kata suami.

Bila kaum ibu berada dalam keadaan begini maka rumahtangga bukanlagi gelanggang cintadan kasih sayang, di mana suami terasa berada dalam sebuah mahligai yang penuh kebahagiaan di samping anak-anak yang terdidik dengan kasih sayang dan akhlak mulia dan ilmu yang berguna.

Oleh kerana semua manusia ini inginkan kasih sayang dan kebahagiaan maka jika rumah tidak dapat menyediakan itu, tentu mereka cari di luar. Lalu jadilah apa yang telah dan sedang terjadi. Yakni disko, kelab malam dan tempat manusia mencari kasih dan kebahagiaan secara keji itu sering penuh, bahkan merupakan satu perniagaan yang sangat menguntungkan. Ada yang menagih kasih dan

bahagia dari dadah, dari arak dan dari segala hiburan-hiburan yang kotor-kotor. Merekamenyangka itu semualah kebahagiaan hidup, tidak ada yang lain lagi. Walaupun mereka sedarbahawamelakukan semua itu bererti kehmaan dan kebinasaan hidup.

Sabda Rasulullah SAW, bermaksud: *"Dunia ini ialah perhiasan. Danperhiasan yang paling cantik ialah wanita solehah."*

Semua orang tertarik pada perhiasan. Apa lagi kalau alat perhiasan itu adalah sesuatu yang sangat cantik. Jadi, kalau dalam sebuah rumah itu ada wanita solehah, maka ahli-ahli rumah itu akan tertarik untuk sentiasa berada di rumah. Rumah adalah hiburan dan ketenangan hati mereka.

6. Kalau pemuda atau pemudi tidak bertaqwa, maka jadilahmereka manusia yang suka berpoya-poya, bercinta-cintaan dan berlagak ke hulu ke hilir dan rasa ingin menunjuk-nunjukkan diri. Bahkan menjadi kutu jalan. Kalau ada kesempatan mereka akan mengorat tanpa malu bahkan sudah jadi permainan yang lumrah. Rasa iri hati, cemburu dan hasad dengki sesama sendiri bersarang penuh dalam hati mereka. Dan ini semua dapat kita saksikan dalam lakonan hidup mereka. Mereka sering berangan-angan, khayal dan lalai dari tugas-tugas yang sepatutnya. Kes-kes zinadi kalangan muda-mudi yang turut melibatkan pelajar-pelajar sekolah sudah jadi perkara biasa dan seakan-akan mahu dibiarkan berterusan oleh kita.

Mana ada satu sekolah yang muda-mudinya sedang memperjuangkan agama, bangsa, negara dan tamadun umat supaya kita jadi gagah dan mulia di mata dunia. Tidak ada. Sebagai gantinya mereka itu sedang membina budaya lucah, gila harta, gila wanita, gila pangkat dan saling

berebutan hingga membuatkan jentera penggerak pembangunan tamadun dan nilai, kita jadi lemah dan lembab sekali. Mereka tidak kerja kalau bukan makan gaji. Masa kosong dibuang ke padang bola, bukan memikirkan projek pertanian, perindustriandanlain-lain yang sungguhpenting untuk kekuatan umat. Berapa kerat muda-mudi Islam yang dapat hmaikan sepenuhnya tuntutan sembahyang lima kali sehari itu? Maka sebanyak itu sajalah dari mereka yang boleh diletakkan harapan, selebihnya adalah pengganggu, pengacau dan penghalang perjuangan kebenaran.

Muda-mudi yangbertaqwaialahorang-orangyangserius terhadap tanggungjawab pada agama, bangsa dan negara. Mereka menyediakan tenaga, masa, fikiran dan semangat untuk tugas khalifah Allah di dunia. Mereka sanggup tinggalkan budaya liar berpoya-poya dan berlagak serta bergaya tidak menentu. Begitulah jauh bezanya antara umat yang bertaqwa dan tidak bertaqwa. Kalaulah kita dapat capai maqam ini, Insya-Allah akan jadilah kita bangsa dan agama yang aman makmur, seperti yang kita laungkan dan idam-idamkan. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Terjemahannya: Negara yang makmur dan mendapat keampunan Allah.

(As Saba : 15)

6

INILAH ISTERI-ISTERI YANG DERHAKA

MEMANG jodoh pertemuan di tangan Tuhan. Tetapi tidaklah bermakna usaha dan ikhtiar langsung tidak diperlukan. Ertinya sesudah berikhtiar'semampu mungkin, maka selepas itu terpulanglah pada Allah apa yang hendak ditakdirkan-Nya.

Perkahwinan adalah penting. Ia adalah suatu pembentukan awal sebuah masyarakat kecil yang akan berlanjutan ke anak cucu dan turun temurun. Dan ini sesuai pula dengan fitrah semulajadi manusia, iaitu memerlukan pasangan di dalam hidupnya. Oleh itu merancangkan satu perkahwinan yang tepat dan baik adalah ikhtiar yang tidak boleh dipandang kecil. Hal yang paling penting ialah mencari jodoh. Siapakah bakal isteri atau suami yang bakal dipilih? Yang mana kalaulah terjadi salah pilih, maka kesannya sangatlah buruk, terpaksa menanggung derita dan seksa di dunia hingga akhirat. Tiada bahagia dan kasih sayang.

Rasulullah SAW sudahberpesan tentang syarat memilih isteri. Sabda baginda yang bermaksud *"Dikahwini perempuan itu kerana empat perkara. Kerana harta, rupa, keturunan dan agamanya. Maka pilihlah yang baik agamanya."*

Fahamlah kita bahawa syarat penting memilih isteri

atau suami ialah yang beragama. Dengan kata lain yang beriman dan yang mengamalkan syariat Islam. Kalau syarat ini ada barulah kita fikirkan tentang hal-hal lain seperti rupanya, kekayaannya, keturunannya dan lain-lain. Tidak ada syarat lain lagi yang lebih baik daripada apa yang dikatakan oleh baginda itu. Sebab, wanita beriman, walaupun dia kaya atau cantik, nescaya dia tetap merendah diri pada suaminya. Tidak akan dikecilkan hati suaminya lebih-lebih lagi tidak akan ia derhaka pada suami. Sebaliknya wanita yang cantik pada wajahnya tetapi tidak beriman selalunya membuatkan suaminya berkeadaan serba salah. Begitu juga wanita kaya yang tidakberiman, biasanya akan memperbudakkan suaminya.

Ini selalu terjadi di dalam masyarakat kita hari ini. Oleh kerana mereka berkahwin bukan kerana Allah, memilih pasangan pula bukannya kerana agamanya, tetapi kerana jawatan, gaji, rupa dan lain-lain, ditambah dengan cara kenduri kahwin penuh kefasikan, maka hasilnya terjadilah seperti apa yang tejadi sekarang.

A. Kalau isteri berjawatan tinggi atau seorang yang terkenal maka rumahtangga mereka akan berada dalam keadaan:

1. Suami sering merasa hina diri (inferiority complex) terhadap isteri. Isteri tidak melayannya dengan sepatutnya, maklumlah sibuk dengan tugas dan sibuk melayan orang lain. Suami selalu tinggal sendiri. Kalau isteri ada di rumah pula dia merasai berhadapan dengan orang besar, yang dihormati ramai, maka masakan mudah baginya untuk mengajak isteri bermesra-mesra dan melayannya dengan baik. Kerana itu hiduplah suami dalam keadaan kesunyian selalu dengan rasa rendah diri. Kebahagiaan bersuami

isteri dan berkasih sayang tidak akan terasa lagi.

2. Oleh kerana isteri biasa mengarah-arahkan pekerja bawahannya atau orang ramai maka tentu dia terbawa-bawa ke rumah, yakni suka mengarah suaminya. Apa lagi kalau suaminya berjawatan kecil, sepertilah orang bawahannya. Maka dalam keadaan apa pun suami, akan rasa hina diri. Mengalah sajalah suami. Ikut sahaja apa isteri kata. Kalau pun kadang-kadang ia tidak suka dengan perkara itu, ditekan-tekan rasa. Pendeknya jadual rumahtangga akan diatur oleh isteri. "Kita balik kampung bang." "Kita keluar bang." "Malam ini jangan kacau I bang, I letihlah," dan sebagainya.

Bila suami ajak ziarah emak di kampung, dia jawab, "Saya ada mesyuarat esok, tak boleh cuti!" Kadang pula suami ajak pergi kenduri kahwin, dijawab, "I ada appointment petang ni." Sewktu-waktu pula suami ajak ke bilik tidur dia jawab, "I nak siapkan 'speech' untuk esok. Abang masuklah dulu!" Isteri jadi tuan. Suami jadi khadam. Orang yang tidak tahu mereka itu suami isteri akan menyangka suami itu orang gajinya.

3. Isteri sentiasa keluar. Siang keluar, malam keluar. Bila balik, sudah letih. Maka suami akan menjadi orang bujang. Ada isteri macam tidak ada isteri. Sebab dia tidak dapat miliki isteri itu. Hanya boleh dipandang-pandang, boleh dipegang-pegang sekali-sekali. Tetapi tidak boleh dikawal mengikut kehendak suami.

4.Oleh kerana isteri ada jadual sendiri dan ada pandangan sendiri, maka selalunya arahan suami akan dibahas dan dipertikaikan. Suami jarangmerasai isterinya taatpadanya.

Pun jarang si isteri meminta keizinannya untuk melakukan sesuatu.

5. Isteri tidak rasa bersandar hidup dengan suami. Biasanya seorang isteri bergantung hidup, nafkah dan tanggungjawabpada suami. Tetapi kerana isteri berjawatan, ia rasa lebih dari suaminya, maka isteri tidak lagi bersandar pada suami. Ia tidak memerlukan apa-apa dari suaminya; tiada istimewa dan tidak ada kelebihan apa-apa untuk dia bersandar hidup. Hatta kalau suaminya menceraikannya pun dia tidak rasa bimbang apa-apa. Maka dia berani buat apa yang disukainya terhadap suaminya.

B. Kalau isteri lebih pandai dari suami maka:

1. Isterinya akan membuatkan suami sentiasa rasa hina diri dan rendah diri, kerana isterinya akan banyak mengajarnya. Bukannya suami mendidik isteri tetapi berlaku sebaliknya. Kalau suami buat apa-apa yang silap atau tidak tepat selalulah kena komplen atau diketawakan oleh si isteri. Hendak marah atau hendak merajuk pun takut pula kena leter dengan isteri, maklumlah isteri bijak. Al hasil suami sentiasa rasa diperkecil-kecilkan oleh isteri. Dirasa dirinya sentiasa rendah di samping isterinya. Kasih sayang dan kebahagiaan yang layak bagi seorang suami tidak dapat dirasainya lagi.

2. Isteri tidak yakin dengan sikap, cakap dan arahan suami, maka dengan sebab itu dia tidak boleh taat pada suaminya. Kalau taat pun hanya atas dasar patuh.

3. Isteri berani untuk mengarah, menentang dan marah-marah pada suami. Si suami pula, kerana selalu rasa dikalahkan, tidak akan boleh mengawal keadaan begini,

maka terjadilah suami mengikut kata isteri, suami ikut cakap isteri. Hidup suami diatur oleh isteri.

4. Suami tidak akan memberi apa-apa maklumat dan hmjuk ajar pada isteri, disebabkan dia rasa malu pada-isterinya yang lebih pandai darinya. Oleh kerana kebiasaan isterinya menyanggahnya maka dia bimbang kalau-kalau maklumat atau ceritanya akandisanggahlagi ataudipandang kecil oleh isteri. Keranaitu selalunya isterilah yang banyalc cakap, suami menurut saja. Ertinya suami belajar dengan isteri.

5. Kemuncak dari itu, ialah suami takut untuk membuat arahan atau permintaan pada isteri. Tegasnya suami akan takut pada isteri.

C. Kalau beristeri cantik danisteri sedardan bangga dengan kecantikannya, maka suami akan selalu kalah dengan kehendakisteri. Si suami pula suka akan kecantikan isteri, dia menyayangi isterinya atas dasar isterinya cantik. Maka jadilah keadaan di mana segala kehendak isteri di-ikutnya. Isteri tentu sedar akan hal ini maka diambil ke-sempatan untuk mengarahkan suaminya, ikut ragam dan kerenahnya. Minta itu minta ini, arah itu arah ini. Kalau tidak dapat, merajuk, meragam dan merengek-rengek. Kalau kemahuannya tidak diikut dia mengugut hendak balik kampung atau minta cerai. Dia tahu suaminya tidak akanmenceraikannya. Si suami pula kerana terlalu sayang, ikut saja. Bukan senang hendak dapat isteri cantik. Tetapi hati menderita. Bak kata orang, mata sedap hati sakit. Ibarat buah kepayang ditelan pahit dibuang sayang. Hal ini jarang berlaku pada wanita-wanita yang tidak cantik. Mereka tidak berani meragam sebab mereka tahu suaminya boleh menceraikannya, cari yang lain.

D. Kalau beristeri kaya, suami akan jadi hamba, sebab si suami bersandar rezeki pada isteri. Isteri jadi boss', boleh buat apa saja arahan yang disukai. Oleh kerana rasa termakan budi, suami merasai tidak patut **pula** kalau tidak menurut arahan isterinya. Akhirnya diperhambakan isteri. Dalam keadaan itu suami akan rasa rendah dan hina diri dan tidak beranilah si suami berlaku sebagai ketua rumahtangga untuk mengarahkan itu dan ini. Maka akhimya isterilah yang jadi ketua rumah, jadi queen control. Jadual dan program isteri yang tentukan. Suami mengiyakan sahaja.

E. Kalau beristeri yang tidak kaya, tidak pandai, tidak tinggi jawatan, hanya biasasaja yakni setarafdengan suami atau lebih rendah lagi tidaklah susah sangat suami dibuatnya. Isteri itu terpaksa bemandarsepenuhnyadengan suami. Dan dia pula tidak boleh memberi apa-apa pada suami, dan dirasai suaminya lebih daripadanya. Ada. kekuatan dan keistimewaan. Maka mudahlah dia hormat dan taat. Selamatlah hati suami. Namun ketaatan ini bukanlah ketaatan yang suci mumi, kerana dibuat dengan terpaksa. Yang mana kalaulah isteri itu kaya misalnya, nescaya dia turut menyusahkan suaminya juga.

Ada waktu-waktunya isteri akan engkar juga dengan suaminya, terutama di waktu suami ada salah silapnya. Iaitulah wanita yang tidak beriman yang selalu menyusahkan suami. Suami tidak rasa terhibur dengan isteri. Rasa bahagia, mesra dan kasih sayang dengan isteri semakin hilang dari hari ke hat-i. Suami merasai lebih bahagia kalau berada di luar rumah atau jauh dari isteri. Setiap kali hendak balik ke rumah, suami cemas menanti apa pula ragam si isteri. Soalan apa yang akan ditanya. Apa

pula yang akan dirungutkan, apa yang akan dimintanya. Panjang mana pula leter yang akan didengar. Semasam mana pula mukanya dan macam-macam lagi ragam dan kerenah yang akan dihadapi.

Pemah berlaku seorang suami tiba-tiba saja menghulur lima puluh ringgit pada isterinya.

"Hadiah," katanya. Hairan isterinya kerana kejadian yang tiba-tiba itu.

"Hadiah apa ni?"

Maka berkatalah suaminya, "Hadiah kerana tadi ketika saya tiba ke rumah, awak sambut baik, tak tanya itu ini macam selalu. Pada ha1 biasanya kalau saya tidur di luar, pagi baru balik, awak tak gini. Sebab itu dalam perjalanan balik tadi saya sudah bimbang apa nak jadi. Rupa-rupanya awak sudah berubah. Itu pasal saya hadiah lima puluh ringgit." Isterinya pun tersipu-sipu.

Itulah cerita isteri yang sedang dididik dengan iman. Suami keluar dakwah, kadang-kadang tidak balik. Maka sedikit sebanyak sudah boleh menerima keadaan itu, boleh bersabar dengan ujian kesusahan. Tetapi kalaulah tidak dididikdengan iman,mustahil seorang isteri bolehbermanis muka dengan suami di waktu dia sendiri sedang berduka.

Isteri solehah akan sentiasa berfikir untuk memberi kebahagiaan kepada suaminya, dalam apa jua keadaan pun, akan sanggup mengorbankan dirinya untuk menghiburkan suami demi mengharap kasih sayang Allah dan syurga-Nya.

Lihatlah sejarah seorang wanita Mukmin, ketika anaknya meninggal dunia, ditutup mayat itu baik-baik menunggu suaminya pulang. Bila kembali suaminya dia tidak terus mengadu kejadian malang itu tetapi dihiburkan, dilayan suaminya hinggalah selesai suami menunaikan hajatnya

barulah dia bertanya, "Abang, kalau kita diberi pinjam sesuatu, adakah kita kena memulangkan barang itu kepada tuan punyanya?"

"Tentu sekali," jawab suaminya.

Kemudian dia menyambung,"Allah telah meminjamkan kita seorang anak. Tapi sekarang Allah ambil kembali anak itu dari kita."

"Innalillahi wa inna ilaihi raajiuun," kata suaminya dengan tenang. Maka barulah ditunjukkan mayat anaknya pada suaminya. Begitu mampunya wanita solehah menenangkan hati suaminya. Bukan memekik, melolong, menangis, merapu dan mengungkit itu ini hingga suami jadi dua kali susah. Susahkan ujian yang berlaku, susahkan sikap isteri.

Hat-i ini mana ada wanita solehah yang mengorbankan diri untuk kebahagiaan suami demi mengharapkan keredhaan Allah dan nikmat syurga di akhirat kelak. Yang ada ialah wanita-wanita yang selalu menyusahkan suami untuk keuntungan dirinya kerana semata-matamemuaskan diri dan nafsunya.

Sebenarnya perkara-perkara yang saya senaraikan di atas, tidak ada atau kurang berlaku kalau kita beristerikan wanita solehah. Sekalipun wanita itu berpangkat tinggi, bijak bistari, cantik molek, kaya raya, namun dia tetap taat dan merendah diri pada suaminya. Suka berkhidmat, menyelesaikan masalah suami (bukannya membuat masalah) bahkan semuamiliknya ditukargeranmenjadi milik mutlak suaminya. Lihat Sayidatina Khadijah, Sayidatina Aisyah dan Siti Fatimah Az Zahrah. Semua kekayaan, kepandaian, danjiwaraganyadikorbankanuntukmembantu perjuangan Rasulullah SAW. Siti Khadijah yang asalnya hartawan Quraisy, tetapi setelah menjadi isteri Rasulullah, habis

hartanya diserahkan, untuk menyumbangkan pada agama Allah. Hingga waktu wafat beliau, tempat tinggalnya hanya satu bilik usang berpintu satu. Sayidatina Aisyah, Ummul Mukminin selaku pembantu kuat Rasulullah, turut giat samaberjuangdenganmengorbankansegalakebolehannya kepada perjuangan suaminya. Sesudah wafat Rasulullah, dia bertindak selaku mahaguru kepada para sahabat besar. Siti Fatimah binti Rasulullah adalah isteri yang rela miskin dan bersusah payah untuk Islam, pun begitu dia tetap dapat memberi senyum manis pada suaminya.

Itulah ciri dan contoh wanita beriman. Wanita beginilah yang mesti kita sediakanuntuk diperisterikan. Agar rumahtangga kita nanti adalah syurga kecil yang sementara, yang menjadi sumber tenaga buat kita berjuang mendapatkan syurga yang maha besar lagi kekal abadi di akhirat nanti.

7

MAT1 BOLEH DATANG SEDETIK LAG1

CUBA bayangkan dan fikirkan sejenak keadaannya kalau tiba-tiba kita dijatuhkan hukuman gantung hingga mati. Atau kalaupun bukan diri kita, cuba bayangkan hal nasib kawan kita atau siapa saja yang telah dijatuhkan hukuman gantung padanya, akibat kesalahan yang dilakukan.

Dihukum gantung bererti mati. Jadi kalau sejam lagi kita atau kawan kita akandigantungbererti sejam lagi akan mati. Kalaulah kita sedar sejam Iagi akanmati, apa keadaan kita waktu itu? Apa yang kita fikirkan dan rasakan? Dan apa yang akan kita lakukan?

Terfikirkah waktu itu hendak beli rumah banglo? Tukar kereta baru? Isteri muda? Hendak buat simpanan di bank? Hendak ambil loan? Pangkat tinggi? Gaji besar? Ingin pujian dan sanjungan manusia? Dan kalau ada orang puji waktu itu sukakah lagi hati kita? Rasa sakit hati dengan manusia? Rasa dengki, dendam, bakhil, sombong, marah, angkuh, ujub, riak dan seribu satu macam kejahatan dan kelalaian yangkita buat selama ini?Tentu tidak. Semua itu hilang lesap dari fikiran kita. Kosong sekosongnya, bahkan kalau terlintaspun, terasa benci dan kesal yang tidak terkira-kira.

Waktu itu kitalah manusia yang paling susah di dunia. Tiada sedikit pun rasa tenang, indah dan suka ria lagi.

Kalau sate depan matapun, tidak lalu lagi. Apa juga nikmat dunia tidak guna lagi. Yang ada ialah takut, cemas, kecut, bimbang, kesal, gerun, keluh-kesah, sakit dada (kalau ada sakit jantung mungkin mati dulu sebelum digantung), bingung, perasaan bergelombang, fikiran buntu, perasaan kacau-bilau, huru-hara, kelam-kabut dan sesungguhnya adalah tidak terkata dan tidak tertulis di sini.

Anda rasailah sendiri denganmembayangkan yang sejam lagi anda akan mati. Boleh membawa rosak akal dan perasaan kita, bahkan boleh gila. Pemah diceritakan orang, mereka yang dalam kurungan sedang ditahan untuk dihukum gantung, masing-masing macam tidak siuman. Ada yang minum arak supaya mabuk kerana mahu melupakan kesusahan itu. Dahsyatnya kematian itu. Dia melenyapkan seluruh kebahagiaan manusia. Gelak ketawa, bergurau senda, bergembira, lenyap dari hidup manusia. Orang beriman tentu akan buat taubat Nasuha. Hatinya akan dipersembahkan sebulat-bulatnya pada Allah, diperhambakan seluruhhidup ke hadrat Allah,meratap, merintih, menangis, merayu dengan segala harapan agar Allah terima kematiannya dengan baik. Dalam pada itu diwasiatkan pada yang tinggal agar memaafkan kesalahan dan dosanya, membayar hutangnya, menjaga anak isterinya. Maka dia melangkah ke tali gantung dengan hati yang bergantung pada Allah SWT.

Tetapi kalau orang yang tidakberiman atau imanlemah, yang mana hatinya tidak kenal Allah, tidak kisah dengan Allah, tidak pernah minta, tawakal dan tidak tahu menggantung harap pada Allah, maka kucar-kacirlah jadinya. Itulah saat penderitaan yang paling dahsyat bagi sepanjang hidupnya. Di samping disusahkan kematian yang sejam lagi akan datang, kesusahan lain ialah menge-

nangkan apa kan jadi pada anak isteri dan apa hendak jadi pada harta benda yang disayangi. Itulah kesusahan di dunia sedangkan di barzakh lebih teruk lagi.

Demikianlah gawamya saat-saat kematian itu. Yang mana kalaulah dirasai oleh kita, nescaya hal ini akan menentukan satu corak hidup yang jauh berbeza dengan apa yang kita lakukan sekarang. Kita tahu kita akan mati tapi kita tidak rasa yangkitaakan mati. Atau kalau rasapun, kita kira lambat lagi. Rasa-rasa tidak mtmgkin yang Allah boleh matikan kita seminit dari sekarang. Sebab itu kita masih merancang hendak hidup lama dan lupakan persoalan-persoalan mati.

Kita masih dan sedang merancang hendak besarkan lagi rumah yang sudahbesar. Sedang berkira-kira hendak ambil loan untuk dapat kereta baru. Bersuka-suka dengan perempuan yang tidak halal. Ingin bahkanrebutjawatan, pangkat, gaji besar supaya dapat berbangga, menunjuk-nunjuk, bermewah-mewah. Gila puji, gila dunia, sombong, takabur, dengki, dendam, bakhil dan macam-macam lagi sifat jahat lahir mahupun batin yang kita jadikan mainan hidup kita. Walhal kalau kita sedar dan rasa yang kita akan mati, tentulah semua kejahatan itu dapat kita elakkan. Tentu rumah yang ada sudah cukup, bahkan mungkin hendak dikecilkan lagi, sebab takut dihisab nanti. Tentu tidak ambil riba lagi dan tidak bantu bank-bank riba. Bahkan duit-duit simpanan pun dikeluarkan dari. bank dunia dimasukkan ke bank akhirat. Tentu sudah takut hendak bergaul bebas dengan perempuan yang haram bagi kita. Bahkan hendak pandang pun takut. Takut zina mata. Takut mata itu nanti dibakar oleh api neraka. Sudah takut hendak pegang jawatan besar dan gaji besar sebab itu semua akan

memberatkan dan menyusahkan hisab di Padang Mahsyar. Takut hendak bermewah apalagi membazir, kerana takut tidak dapat jawab dan tidak lepas dari hukuman Allah. Sebab itu semua itu diserahkan kepada tabung jihad, tabung akhirat. Dengan harapan untuk bermewah di akhirat.

Pendek kata apa juga perkara yang boleh menyusahkan kita di alam Barzakh dan di alam kubur nanti tentu kita elakkan sedaya mungkin. Hatta soal-soal hati pun dijaga, jangan biarkan busuk dan kotor kerana hati begitu nanti tidak selamat juga daripada dibakar oleh api neraka. Firma.n Allah :

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Terjemahannya: Pada hari itu (hari kita pergi mengadap Allah) tidak berguna lagi harta dan anak kecuali mereka yang pergi membawa hati yang selamut.

(Surah As Syuara' : 89)

Kerana itu orang yang sedar dan rasa dia akan mati bukan saja membersihkan amalan lahir tetapi hati pun dijaga betul. Supaya kekotoran sifat mazmumah diganti oleh mahmudah. Selagi hati masih kotor dan selagi dosa-dosa lahir masih dibuat, selama itu kita tidak rasa tenang dan bahagia. Sebab takut dan rasa tidak selamat dari hukuman Allah di alam barzakh dan di akhirat. Tapi kalau ada orang yang masih rasa tidak apa dan, rasa seronok dengan maksiat lahir mahupun batin, orang itu sebenarnya tidak sedar yang dia akan mati. Orang begini adalah orang yang bodoh. Kata Rasulullah, orang yang paling cerdik ialah orang yang banyak ingat mati. Maknanya orang yang

paling bodoh ialah yang langsung tidak fikir tentang mati. Lebih kurang macam kambing yang walaupun nampak pisau di tangan tuannya, sedang dihala ke lehemya, bakal mengambil nyawanya, tapi dia masih ketawa dan manis muka. Bodoh betullah dia.

Tetapi tidak apalah, sebab dia kambing. Kambing tidak akan disoal oleh mungkar nakir. Tidak akan dihisab di Padang Mahsyar. Apa hal dengan manusia yang macam kambing?

Ataukah mereka rasa lepas mati kita tidak hidup lagi? Itu satu perkiraan yang tidak wajar. Sebab kehidupan di dunia perlu diadili. Kerana itu Allah akan bangunkan sekali lagi untuk satu pengadilan dan kira bicara yang mutlak. Agar hidup benar-benar bermakna pada semua orang. Ayat Al Quran:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Terjemahannya: Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan yang sebenarnya dan hanya kepada Kamilah, kamu dikembalikan.

(Al Anbiya' : 35)

Ya, mati pasti datang! Dankita akandihidupkan kembali untuk dipersoalkan tentang apa-apa yang Allah pertanggungjawabkanpadakitadi dunia. Soalnyabilakahmasanya kita akan mati? Jawabnya kematian itu mungkin akan berlaku sejam lagi! Mati boleh datang sedetik lagi! Jawabnya kematian itu mungkin akan berlaku seminit lagi. Mati

boleh datang sedetik lagi! Jangan kita nafikan ha1 ini. Jangan kita remehkan ha1 ini, bahawa Allah cukup kuasa untukmematikan kita sebentar lagi. Kalau kita tidak gentar dengan keperkasaan Allah ini, cuba doakan agar Allah tarik nyawa kita sekarang juga. Jangan fikir Allah tidak boleh buat. Allah boleh matikan seluruh manusia di dunia sekaligus sekelip mata. Begitu kuasa Allah. "Jadi!" Maka jadilah. Cuma Allah tidak berbuat begitu. Dia benarkan lagi kita hidup untuk beberapa waktu lagi agar sempat lagi kita taubat dan menambah bakti dan mengabdikan diri pada-Nya. Ingat firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahannya: Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembah Aku.

(Ad Drariat : 56)

Maknanya Allah panjangkan lagi umur kita ini dengan tujuan memberi peluang lagi kita mencari jalan untuk menyembah-Nya. Sebab itulah setiap kali Allah bangunkan kita untuk hidup sehari lagi, dan sehari lagi, syukurlah banyak-banyak sebab Allah beri peluang lagi untuk kita mencari dan menambahkan lagi bekal untuk perjalanan dan hidup di akhirat. Serta mintalah pada Allah hidayah dan taufik untuk hari itu dan hari-hari berikutnya, agar dapat kita gunakan sepenuhnya untuk dan kerana Allah.

Dalam pada itu;kita mesti selalu ingat bahawa bila-bila masa saja Izrai1 bolehdatangmenjemputkitauntukkembali ke hadrat Allah. Memang Izrail tiap-tiap hari menjenguk atau memandang kita. Dua kali sehari. Dia lihat kalau-

kalau sudah tiba masanya untuk kita dibawa ke alam barzakh. Izrail tidak pemah cuti. Kalau begitu nyawa kita bolehdiambil bila-bila saja. Mungkin seminit dari sekarang!

Masya-Allah! Cuba kita rasakan benar-benar yang kita bolehjadimatiseminitlagi. Aduh! Akanjadilahsepertimana orang yang dihukum gantung, yang dibincangkan di awal tadi. Nescaya kita tidak berani lagi hendak buat maksiat kecil atau besar. Bukan saja maksiat, bahkan perkara harus pun sudah tidak lalu. Panggang hati atau ayam pun kalau dihidang tidak ada makna. Isteri muda yang cantik molek pun dibawa, kita tidak ada mood lagi. Yang kita fikir ialah dosa-dosa yang bertimbun. Tentu akan kejar sana, kejar sini, cari orang yang kita ada buat dosa, untuk minta maaf. Panggil siapa sempat untuk wasiat agar bayar hutang, wakafkan harta benda, keluarkan duit di bank. Sambil itu menangis dengan Allah minta ampunkan dosa-dosa. Minta tangguh kalau boleh agar beri masa untuk buat segala-gala amal soleh. Hati tidak fikir lain lagi melainkan Allah, Allah, Allah.

Itulah faedahnya ingat mati. Kita akan takut dengan dosa, bahkan amal yang sia-sia pun tidak terbuat lagi. Ingat mati benar-benar kontrol kita untuk minta ampun dengan Allah dan dengan manusia. Tidak terlikir lagi hendak derhaka pada Allah dan hendak bersengit-sengit hati dengan kawan-kawan. Di samping itu ingat mati akan tambah kekuatan untuk membangunkan amal kebaikan dan berkorban serta berjuang menegakkan agama Allah. Kita tidak fikir panjang lagi untuk korban segala-galanya di jalan Allah. Tidak letih lagi berjuang untuk menegakkan hukum Allah. Inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah bahawa orang cerdik ialah orang yang banyak ingat mati. Yang mana, hasil ingat akan mati akan tercetuslah segala

kebaikan dan hapuslah sikap jahat kita. Bukannya bila ingat mati langsung tidak mahu keluar rumah. Hendak sembahyang saja.

Itulah perangai orang jahil. Orang yang faharn Islam, bila sebut mati maka berlompatanlah mereka berjuang, membangunkan Islam agar mati syahid. Sebab kematian yang paling mulia ialah mati syahid. Rasulullah dan para sahabat ialah generasi umat Islam yang sangat banyak ingat mati. Apakah mereka bangsa yang pasif dan jumud? Tidak. Di tangan merekalah 314 dunia menyerah pada Islam. Mereka berhabis-habisan menyerah tenaga, fikiran dan segala-galanyauntuk Allah, sebagai simpanan di akhirat nanti.

Itulah hasil ingat mati. Dan kalau kita boleh ulangi sikap ini (sentiasa ingat mati) nescaya kita juga jadi bangsa yang sentiasa bertenaga untuk berkorban dan berjuang di jalan Allah demi menegakkan Islam ke seluruh dunia. Insya-Allah.

8

JADIKAN JEMAAH ISLAM ITU BAYANGAN NEGARA ISLAM

APABILA seseorang mulai insafdan sedar, bahawa diriny% selama ini tidak mengamalkan Islam, maka mulalah dia mengubah keyakinannya dari meyakini undang-undang sekular kepada undang-undang Allah. Ramai juga yang terus saja menukar cara hidupnya dari jahiliah kepada cara-cara hidup Islam dalam aspek-aspek yang tertentu. Misalnya, dari tidak sembahyang pada sembahyang. Dari dedah aurat, kepada tutup aurat. Dari bergaul bebas dengan perempuan kepada menundukkan pandangan dari perempuan ajnabi. Tetapi kelompok ini tidak terlalu ramai. Yang ramainya di kalangan kita ialah orang yang mula yakin dengan Islam, kemudian terus memandang negatif saja pada orang-orang yang belum yakin dan belum sedar. Sampai kepada pemerintah pun terus dikritiknya, konon tidak Islamik. Maka mulalah tertanam cita-cita hendak dapatkan negara untuk di-Islamkan.

Demikian melalut-lalutnya fikiran hingga terlupakan diri yang baru sedar, dan belum pun jauh bezanya dengan orang-orang yang belum sedar itu. Bezanya baru setakat topik percakapan, yang mana kita suka cakap Islam manakala dia tidak. Namun dari segi praktikalnya, ilmu pengetahuan dan penghayatan masih sama-sama belum melakukannya. Masih buat maksiat lahir dan maksiat batin.

Masih cuai sembahyang, enggan puasa dan zakat apa lagi haji. Masih bergaul bebas tanpa batas, masih mengumpat, ambil loan, gila dunia, gila pangkat, tamak haloba, hasad dengki, dendam, marah, ujub, riak, bakhil, sombong, takabbur dan lain-lain. Sama-sama masih begitu. Cuma yang satu sedar kesilapan manakala yang satu lagi belum sedar.

Tapi aneh, bagaimana boleh orang yang masih belum sempurna Islamnya, ilmunya, sudah mahu bangunkan negara Islam? Sudut mana negara itu yang hendak di-Islamkan? Kalau sudut masyarakat taqwa, kita pun belum taqwa. Kalau sudut pembangunan kita pun belum pandai membangun. Mungkin supayanegara diiktirafkan undang-undang Islam, sepertimana Arab Saudi dan Pakistan, yang mana perlembagaan negaranya Islam, tapi orang-orangnya secara umum tidak tahu apa-apa pun tentang Islam.

Saya suka melanjutkan perbincangan ini dengan mengajak saudara bersama saya menilai diri apakah sudah layak bagi kita untuk meng-Islamkan negara. Dan kalau layak, apakah persediaannya?

1. Dari segi taqwa kita samada pemimpinnya atau pengikumya, sudahkah mencapai ciri taqwa yang sebenar iaitu:

رُهْبَانٌ فِي اللَّيْلِ وَفُرْسَانٌ فِي النَّهَارِ

Menjadi abid di malam hari dan menjadi pejuang yang gigih bagai singa di siang hari.

Atau kalau pun belum begitu, tapi adakah kita mempunyai perancangan ke arah itu, yakni dengan menyusun program tarbiah dan ibadah serta aktiviti perjuangan yang

bakal membawa ahli-ahli jemaah itu kepada ciri taqwa yang disebutkan tadi. Jika sudah bersyukurlah kerana Allah telah izinkan kita untuk melayakkan diri menjadi tentera-Nya. Tapi kalau belum, maka patut sangat ditangisi kelemahan, kekurangan serta kelalaianini. Sebab ia adalah syarat penting dalam menjadi 'tentera' yang ingin meng-Islamkan dan menyelamatkan masyarakat dan negara. Salehuddin Al Ayubi tidak membenarkan tenteranya yang tidak bangun malam untuk beribadah, pergi ke medan perang, kerana katanya, bimbang kalau-kalau kerana mereka nanti pertolongan Allah tidak datang pada tentera Islam. Mungkin ada yang berkata itu di medan perang, patutlah begitu disiplinnya, sedangkan kita kini bukannya berperang. Itu adalah pandangan yang tidak tepat. Sebab kita hakikatnya sedang berperang. Cuma mereka perang senjata, sedangkan kita perang pemikiran dan keyakinan.

Dan musuh kita itu jauh lebih gagah kekuatan fikiran dan keyakinan atas apa yang mereka perjuangkan. Kerana itu kita terlalu mengharapkan bantuan Allah. Dan bantuan itu hanya datang untuk orang yang bertaqwa. Firman-Nya:

وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah penolong orang yang bertaqwa. *(Surah Al Jasyiyah : 19)*

Adakah ibadah pemimpin dan pengikut jemaah kita bagaikan si abid yang sangat rindu dan cinta pada Allah SWT? Yang bangun di waktu malam sunyi sepi untuk mengabdikan diri pada Tuhannya itu. Dan daya juang mereka adalah bagaikan singa yang lapar mencari musuh Allah untuk ditangkap dan ditundukkan pada Allah SWT.

Serta tangkas dan cergas sepenuh masa membangunkan sistem hidup Islam di atas runtuhan hidup jahiliah yang diperjuangkan sekian lama. Kalau belum begitu keadaan kita, apaharapankitauntukmenghadapi kegagahanmusuh-musuh Islam yang kini sudah menguasai seluruh dunia dengan segala kekuatan ekonomi dan senjata yang tiada tolok bandingannya?

2. Sudah adakah dalam jemaah kita ilmu-ilmu yang bermanfaat, yang boleh membina, memajukan dan mengembangkan kemajuan itu dari masa ke semasa, sehingga jemaah kita mempunyai identiti sendiri yang jauh beza dengan apa yang ada pada penentang-penentang Islam atau orang-orang yang tidak memperjuangkan Islam. Memang tidak dinafikan sudah ramai profesor yang ada kelulusan Ph.D., M.A., B.A. dan lain-lain kategori ilmu yang telah dicapai oleh ahli-ahli jemaah kita, tapi dapatkah ilmuitumenyumbangkankemajuan-kemajuanpadajemaah Islamiah selain daripada gaji yang dihasilkannya setiap bulan? Kalaulah ilmu itu tidak pun membantu melancarkan satu aktiviti untuk jemaah, apalah yang dibanggakan ia. Hakikatnya sama saja, antara orang yang tidak ada ilmu itu dengan orang yang memilikinya, sama-sama tidak memberi apa-apa manfaat pada Islam.

Ilmu yang dimaksudkanialahsesuatu pengetahuan yang kerananya gerakan perjuangan Islam jadi giat dan aktif dengan berbagai aktiviti serta produktif dari masa ke semasa serta kian berkembang dengan projek dan pembangunan yang dipelbagaikan. Sekalipun ilmu itu datangnya dari seorang yang tiada kelulusan apa-apa tapi siapa boleh menafikan bahawa sumbangan itu lebih besar nilainya daripada seorang profesor yang hanya boleh keluarkan 5%

daripada gajinya untuk jemaah Islam.

Tapi aneh, masih ada pejuang Islam yang terus-menerus membanggakan intelek-intelek yang ramai dalam jemaah-nya sekalipun golongan intelek itu belum dapat meng-usahakan satu buah kedai jahit pun untuk mengeluarkan pakaian-pakaian Islam untuk ahli jemaah sekurang-kurang-nya. Usah ditanya tentang projek Odio Video dan Pusat Komputer yang begitu saintifik, kalau kedai jahit pun belum diusahakan. Apalagi pendidikan, ekonomi, pertanian dan lain-lain. Dan jangan pula merasa itu semua tidak penting dalam sebuah harakah Islamiah. Sebab seorang Islam yang mukmin, dia rasa hina kalau masih pakai pakaian yang dijahit oleh orang lain, apalagi kalau masih melihat video bikinan musuh Islam. Janganlah lagi ada yang berkata atau menganggap, semua itu akan bangun berdiri nanti bila negara dapat di-Islamkan. Janganlah lagi berfikir bagai Mat Jenin, yang baru sedang panjat kelapa, tapi angan-angannya sudah sampai menjadi taukeh besar. Yang akhirnya dek leka berangan, terjatuh dari pokok kelapa sebelum sempat dapatkan sebiji buah kelapa pun.

Bukankah pepatah Barat ada berkata, "Itali tidak boleh dibangunkan dalam masa satu hari." Apalagi hendak bangunkan satu sistem dan budaya hidup Islam dalam keadaan manusia merasai asing darinya, mana boleh di-mulakan dengan mengejut dan memaksa. Ia mesti diasaskan dari satu masyarakat kecil secara halus dan perlahan-lahan, agar ia benar dijiwai dan mendarah daging dalam diri tiap individu manusia, yang kemudiannya diperturun-kan pula pada generasi anak dan cucu-cucunya.

Dari situ nanti manusia akan melihat dan menilai serta menyertainya sedikit demi sedikit, hinggalah jemaah kecil itu kian disertai ramai dan membesar. Gahlah nanti berita

tentangmereka ke seluruhdunia, hinggakanmakinramailah orang-orang yang mengikuti. Dan proses ini berlanjutan . sehinggalah wajah dunia akhirnya berubah kepada wajah Islam, tanpa merebut-rebut dan bergaduh-gaduh dan bermaki-hamun dengan sesiapa pun.

Begitulah proses peralihan manusia dari jahiliah kepada Islam di zaman awal kedatangannya dibawa oleh kekasih Allah, Nabi Muhammad SAW. Dan sejarah akan berulang kembali dengan cara itulah. Siapa menganggap ada cara lain untuk memperjuangkan Islam maka pandangan itu saya kira tidak tepat. Dan hasilnya pun tentu tidak sama dengan apa yang didapati oleh Rasulullah dan para sahabat.

Adakah intelektual Islam hari ini dapat mengamalkan ilmu mereka mengikut disiplin syariat sepertimana ilmu yang diamalkan oleh Rasulullah dan para sahabat? Supaya kitadapatberjuangsepertimerekaberjuangdanmenempah sejarah seperti mana mereka menempahnya?

Kalaulah jemaah kita tidak dapat menunjukkan corak Islam yang kita ingin tegakkan dalam negara, bagaimana kita mahu membuktikan pada masyarakat bahawa perjuangan kita benar-benar membawa kepada tertegaknya negara Islam? Orang akan berkata kalau dalam jemaah yang kecil pun Islam belum nampak tertegak, apa hal dalam negara yang masalahnya lebih besar dan musuh-musuhnya lebih banyak. Tentu memerlukan kemampuan-kemampuan yang lebih hebat. Dan izinkan saya bertanya lagi,betul-betulkahpejuang-pejuangIslamkitamenjadikan Quran dan Sunnah sebagai rujukan mereka dalam semua hal dan semua masalah? Misalnya dalam menghadapi krisis yang berlaku, adakah penyelesaiannya benar-benar dibuat mengikut kata Allah dan Rasul. Dan dalam memilih teknik atau metod perjuangan ini, benar-benarkah jalan

perjuangan Rasulullah yang dipilih? Ya atau tidak boleh dilihat pada natijahnya. Adakah kesan perjuangan kita hampir-hampir sama sebagaimana hasil dan pertolongan yang diberikan pada Rasulullah dan para sahabat. Jika tidak, akuilah, bahawaperjuangan kita tidak akan membawa kita kepada apa yang kita idam-idamkan.

3. Perjuangan kita ke mana halanya?

a. Adakah pemimpin-pemimpin memberi atau menunjukkan kasih sayang dan simpati pada pengikut-pengikut? Dan sebaliknya pengikut sering rindu dan sayang pada pemimpin-pemimpin mereka?

b. Kehidupan para pemimpin-pemimpin, ibadahnya,. akhlak, ilmu, taqwa, zuhud dan warak adakah sudah layak untuk dijadikan contoh kepada pengikut dan pemerhati-pemerhati di luar jemaah. Berlaku atau tidak, anggota jemaah lebih minat kepada pemimpin nombor dua dan nombor tiga lebih daripada pemimpin nombor satu?

4. Sudahkah para pemimpin jemaah dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan para pengikut? Dengan kata lain dapatkah pemimpin bergaul dengan pengikut bagaikan sahabat-sahabat yang saling berkasih sayang, bermesra dan bertolong bantu dalam semua masalah. Ertinyapemimpin tidakmembina jurangpemisah antara tarafnya sebagai pemimpin dengan pengikutnya. Bahkan pemimpin sentiasa bertanyakan masalah, memerhati dan meninjau keadaan pengikut kalau-kalau ada yang terbiar, dalam apa-apa hal sekalipun.

5. Sejauh mana para pemimpin berani menegur dan mengkritik setiap kesalahan anggota jemaah dan pe-

ngikutnyadibandingkan denganberaninyamereka menegur orang-orang yang di luar jemaah.

6. Sudahkah pemimpin memerintahkan pengikutnya berhenti dari kerja-kerja haram seperti riba? Kemudian sebagai tukaran kerja, jemaah menyediakan peluang kerja yang layak, dengan bayaran yang sesuai mengikut keperluan hidup mereka?

7. Adakah jemaah kita merupakan satu negara kecil yang di dalamnya terdapat segala keperluan masyarakat yakni hukum-hukum fardhu ain dan sunat ain. Yakin ibadah hablumminallah dan juga fardhu kifayah dan sunat kifayah atau hal-hal hablumminannas?

Dengan kata yang lain, jemaah kita ialah bayangan negara Islam yang kita mahu tegakkan. Yang di dalamnya terdapat keluarga dan rumahtangga yang kita bangunkan hasil perkahwinan antara anggota jemaah itu sendiri, menggunakan kaedah munakahat menurut Islam. Dari situlah kita harapkan berlakunya pertumbuhan penduduk dalam negara kecil itu dari masa ke semasa. Kemudian untuk keperluanpelajaran danpendidikan anggota jemaah, kita bangunkan sekolah yang benar-benar menjalankan dasar pendidikan Islam. Dengan guru dan sukatan pelajaran serta kaedah pendidikan yang jauh bezanya dengan apa yang ada dari sekolah sekular. Jangan risaukan bilangan sekolah, guru dan murid yang kecil dibandingkan dengan apa yang ada pada orang lain. Sebab itu adalah asas atau tapak. Tidak ada satu apa pun yang bermula dari yang besar. Segala-gala yang besar itu semuanya asal dari kecil dan lemah. Tugas kita yang utama dan pertama ialah membina asas kepada seruan dan cita-cita kita.

Kalau asas ini tidak dibangunkan jangan harap kita boleh menegakkan sekolah pendidikan Islam secara besar-besaran, kerana mungkin tiba-tiba sekolah-sekolah itu diserahkan oleh orang lain kepada kita. Sepertilah kita tidak boleh berharap untuk dapat ilmu yang tinggi, kalau kita tidak mahu menuntutnya dari bawah. Atau mustahil kita boleh dapat Ph.D sedangkan kita tidak lulus SPM dan lain-lain. Sebab untuk fikirkan sekolah yang lebih besar kita mesti ada sekolah contoh, yang dengan sekolah contoh itu senang kita fahamkan orang lain tentang apa yang kita mahu, di samping kita sendiri sudah bersedia dan sudah tahu apa yang dan bagaimana caranya membangunkan sistem pendidikan Islam. Dengan lain perkataan, kita sedikit sebanyak telah ada pengalaman.

Untuk keperluan kesihatan masyarakat dalam jemaah, kita mesti bangunkan sistem perubatan Islam. Begitu juga ekonomi, sosial, budaya, media massa, pertanian, perkilangan, dan lain-lain lagi. Semuanya kita asaskan dulu dalam jemaah kita, dalam bentuk Islam yang tulin. Bila semua itu sudah kita bangunkan, maka kita perlukan tenaga-tenaga pekerja. Maka itulah peluang pekerjaan dan sekaligus merupakan langkah-langkah perjuangan yang kita sediakan untuk pengikut kita. Dengan itu tidaklah lagi pengikut kitabekerja denganorang lain, hinggakan terpaksa lebih taat kepada boss pejabatnya daripada dengan pemimpin jemaahnya, sebab dia merasakan pemimpinnya tidak memberi apa-apa padanya. Dia lebih terhutang budi pada orang yang dimusuhi oleh bossnya. Sebab itu Islam kita masih pada cakapnya. Belum wujud secara praktikal dalam realiti hidup. Jemaah Islam bukan saja tidak boleh member-i kerja pada ahli-ahlinya, bahkan kalau ada janda dan anak yatim atau fakir miskin, muallaf datang serah diri

minta pembelaan pun, kita tidak sanggup untuk memberi tempat tinggal, makan minum, pakaian dan pendidikan.

Sebab, nampaknya halaperjuangan tidak ke situ. Hanya tumpu satu perkara. Soal-soal kebajikan ahli, khidmat masyarakat dan membina Islam itu sendiri secara kecil-kecilan tidak diambil berat. Sedangkan kalau dapat negara nanti, hal itu yang akan diungkit olehmasyarakat. Sekiranya kita tidak bersedia, apa yang mahu kita tunjukkan pada masyarakat tentang Islam yang kita ingin tegakkan. Jangan sampai nanti terjadi macam bidan terjun atau pepatah, hampir hendak buang air besar baru hendak cari lubang.

8. Anggota-anggota wanita yang bersama-sama kita dalam jemaah adakah wanita-wanita solehah yang sangat menjaga dirinya, auratnya dan maruahnya. Dan rela berkhidmat di rumah untuk suami dan anak kerana Allah. Bahkan membenarkan poligami untuk tujuan perjuangan dan untuk menghiburkan suaminya.

9. Semangat pengorbanan anggota jemaah kita sebesar mana? Adakah mereka sangat cintakan jemaah dan perjuangan hingga kerana itu cukup ghairah korban harta benda, tenaga, masa, fikiran dan lain-lain, kepada Allah dan Rasul? Hinggatabungjemaah sentiasapenuh sepanjang masa, tanpamusim dan jemaahjadi kayadi atas kemiskinan ahli-ahlinya. Ertinya mereka rela miskin untuk memberi kekayaan pada Islam. Ataukah tabung jemaah sering kosong kerana poket ahli-ahlinya sentiasa penuh. Dan mereka korbankan segala-galanya untuk isteri dan rumahtangga lebih daripada untuk Allah dan Rasul?

10. Sejujur mana pula anggota jemaah pada perjuangan.

Yang mana kalau nanti dapat negara mereka tidak akan minta itu dan ini seperti lesen balak, jawatan danpinjaman. Serta tidak lagi terpengaruh dengan dunia, dengan rasuah dan dengan perempuan.

11. Sekiranyabenarlah kita dapat negara, samada kerana kita meminta atau tidak, maka sudah bersediakah kita? Mana dia puluhanmenteri yang bertaqwa yang mempunyai ilmu Islam yang dapat menjalankan dasar Islam? Mana pula ribuan pegawai tadbir yang bertaqwa, yang faham pentadbiran Islam? Mana dia berpuluh-puluh orang duta yang bertaqwa dan faham Islam untuk dihantar ke luar negeri? Mana pulaberatus-ratus orang hakim yang bertaqwa yang faham tentang undang-undang Islam? Dan rakyat seluruhnya, adakah merupakan rakyat yang bertaqwa yang cintakan Allah dan Rasul serta cara hidup Islam, lebih dari segala-galanya.

Kalau belum, usah mimpi kita dapat tegakkan negara Islam. Cakap-cakap kita itu hanyalah cakap-cakap kosong dan cakap-cakap besar belaka. Sepatutnya perjuangan kita ialah menyiapkan keperluan-keperluan untuk bangunkan negara Islam. Bukannya hanya tumpu pada dapatkan kuasa untuk memerintah negara, tapi persediaan untuk memerintah tidak ada. Kalau pun dapat memerintah nanti akan gagal, apalah ertinya.

Perjuangan Islam yang sebenamya ialah melakukan usaha-usaha membangunkan Islam itu, walaupun dalam masyarakat kecil yakni anggota jemaah kita. Dengan kata yang lain, buat dulu secara kecil-kecilan, mudah-mudahan dia akanmembesar. Mulakan denganperkara-perkara yang patut diutamakan, kemudian ikuti dengan hukum-hukum yang patut dikemudiankan. Ibadah dulu. Bila selesai urusan

tiap-tiap individu dengan Allah SWT, buat pula muamalah secara Islam. Yakni perjuangkan sistem ekonomi Islam. Mulakandengan sebuah kedai atau sebuah kilang. Jalankan hukum Islam sepenuhnya di kedai atau kilang itu. Belajar dan cari pengalaman di bidang ini dan lihat betapa sulimya untuk mentadbir satu kedai atau satu kilang sajapun. Bagaimanakah kiranya kita terpaksa Islamkan seluruh kedai-kedai di negara kita?

Bangunkan juga rubu' ketiga yakrii munakahat. Kahwinkan anggota-anggota jemaah sesama mereka betul-betul mengikut cara Islam. Ini pun bukannya senang. Kalau senang tentu sudah lama kita buat. Sekurang-kurangnya untuk anggota jemaah kita. Bersihkan betul-betul majlis nikah kahwin dari sebarang dosa dan amalan-amalan sia-sia dan membazir. Ini cukup sulit. Dan kalau dalam keluarga sendiri punkita tidakmampu membangunkannya, apa jaminan bila dapat negara nanti terus saja mendadak boleh dibuat munakahat secara Islam?

Tentang hukum jenayah Islam, yakni menjalankan hukuman secara Islam terhadap kesalahan-kesalahan jenayah, tidaklah boleh dilakukan dalam jemaah Islam yang kecil, yang tidak ada kuasa memerintah untuk dilakukan. Tapijanganlah risau dan cemaskan sangat soal ini. Jangan sampai bergaduh dan mencaci mencerca sesama Islam hanya kerana soal ini. Dan jangan pula kerana sibuk memikirkan hukum jenayah yang belum dijalankan sampai terlupa hendak menegakkan hukum-hukum fardhu ain dan fardhu kifayah yang selainnya, yang wajib ditegakkan, iaitu seperti pendidikan, ekonomi, klinikdanlain-lain. Sebab:

1. Allah tidak akan tanya kita kenapa kamu tidak jalankan Qisas dan Hudud, sebelum Allah serahkan

pemerintahan itu kepada kita. Ertinya untuk masa ini kita tidak berdosa kerana tidak dapat menegakkannya kerana memang kuasa bukan di tangan kita. Allah tahu betapa inginnya kita untuk melakukannya tapi kita tidak dapat kerana tidak ada kuasa.

2. Dalam satu jemaah Islam, yang al linya sudah cintakan Allah dan Rasul, tentunya kurang ber aku kes-kes jenayah. Jadi keutamaan perjuangan, kenapa mesti ditumpukan pada hendak dapat kuasa untuk tegakkan hukum jenayah. Patut fikirkan dulu hendak menegakkan hukum-hakam yang menjadi keperluan harian individu mukmin dalam jemaah seperti menegakkan sistem pendidiian Islam, sistem ekonomi, sistem perubatan, sistem sosial, sistem perhubungan, sistem masyarakat melalui kampung-kampung contoh, melatih di bidang ihnu kehakiman dan wujudkan kumpulan da'i, yang bekerja untuk meng-Islamkan orang-orang yang bukan Islam. Itu semua wajib dibuat sebab perintah fardhu kifayah. Anggaplah jemaah kita itu negara kita.

Maka tunggu apa lagi? Siapa halang untuk kita lakukan semua itu. Selagi ianya perintah Allah, kenapa takut untuk dibuat? Kerana takut pada manusia? Mana tauhid kita? Mana tawakal kita? Mana keberanian kita? Dan mana dia cinta kita pada Allah SWT?

Aneh, jemaah Islam tidak pun membangunkan sistem hidup Islam untuk dijalankan di kalanganahli-ahli. Sedangkan kuasa tidak menghalang berbuat begitu. Apa mereka tidak takut nanti ketika Allah tanya, kenapa kamu tidak tegakkan perintah Aku dalam jemaah kamu? Yakni perintah yang memang boleh dibuat tanpa kuasa memerintah? Jemaah Islam hanya menunggu! Tunggu hendak dapat

negara Islam. Aneh sekali, bagaimana jemaah Islam yang tidak punya apa-apa boleh buat negara Islam? Bagaimana seorang yang tidak punya apa-apa boleh bercita-cita mahu dapatkan sebuah istana? Sedangkan istana itu sendiri milik orang lain. Mungkirikah? Kalau mungkin dapatkah nanti dia Islamkan istana itu, sedangkan dirinya pun tidaknampak Islamnya. Baru cakap-cakap. Apalah yang ada pada cakap kalau cakap itu tidak serupa bikin?

Keinginan memerintah untuk tegakkan hukum Allah memang baik. Tapi janganlah itu yang dijadikan pilihan utama perjuangan. Sebab hukum-hakam lain yang boleh dibuat tanpa kuasa memerintah lebih banyak dan boleh dibuat bila-bila masa kalau kita mahu. Kenapa tidak dibuat? Kenapa? Apa kerana hendak tunggu dapat kuasa dulu? Sungguhdiluarlogikmanusia.Yanglogiknyaialahjangan-jangan cinta kuasa itu lebih daripada cintakan hukum-hukum Allah. Jangan-jangan kerana kuasa itu menyediakan peluang keemasan untuk hidup senang? Itukan sangat sesuai dengan kehendak nafsu kita?

Bagaimana boleh terjadi, dalam keadaan ibadah belum sempuma, muamalah penuh riba dan munakahat bagaikan Hindu, tiba-tiba melaung-laungkan hasrat ingin tegakkan hukum-hukum Allah yangberkaitdenganmasalahnegara? Dan oleh kerana kuasa melaksanakan hukum-hukum itu masihberadadi tangan orang lain, maka bergaduh-gaduhlah sesama Islam untuk merebutkan kuasa itu. Hingga kerana ituulama-ulamadancerdikpandaibermaki-makian,tuduh-menuduh, kafir-mengkafir dan hancurlah perpaduan sehancur-hancumya.

Itulah hasilnya bila kuasa yang direbutkan. Islamnya entah ke mana. Dalam keadaan begini saya menganggap kalau pun kuasa itu Allah serahkan pada jemaah Islam,

negara Islam. Aneh sekali, bagaimana jemaah Islam yang tidak punya apa-apa boleh buat negara Islam? Bagaimana seorang yang tidak punya apa-apa boleh bercita-cita mahu dapatkan sebuah istana? Sedangkan istana itu sendiri milik orang lain. Mungkinkah? Kalau mungkin dapatkah nanti dia Islamkan istana itu, sedangkan dirinya pun tidaknampak Islamnya. Baru cakap-cakap. Apalah yang ada pada cakap kalau cakap itu tidak serupa bikin?

Keinginan memerintah untuk tegakkan hukum Allah memang baik. Tapi janganlah itu yang dijadikan pilihan utama perjuangan. Sebab hukum-hakam lain yang boleh dibuat tanpa kuasa memerintah lebih banyak dan boleh dibuat bila-bila masa kalau kita mahu. Kenapa tidak dibuat? Kenapa? Apa kerana hendak tunggu dapat kuasa dulu? Sungguhdiluarlogikmanusia. Yanglogiknyaialahjangan-jangan cinta kuasa itu lebih daripada cintakan hukum-hukum Allah. Jangan-jangan kerana kuasa itu menyediakan peluang keemasan untuk hidup senang? Itukan sangat sesuai dengan kehendak nafsu kita?

Bagaimana boleh terjadi, dalam keadaan ibadah belum sempuma, muamalah penuh riba dan munakahat bagaikan Hindu, tiba-tiba melaung-laungkan hasrat ingin tegakkan hukum-hukum Allah yang berkait denganmasalahnegara? Dan oleh kerana kuasa melaksanakan hukum-hukum itu masihberadadi tanganorang lain, makabergaduh-gaduhlah sesama Islam untuk merebutkan kuasa itu. Hingga kerana ituulama-ulamadancerdikpandaibermaki-makian, tuduh-menuduh, kafir-mengkafir dan hancurlah perpaduan sehancur-hancurnya.

Itulah hasilnya bila kuasa yang direbutkan. Islamnya entah ke mana. Dalam keadaan begini saya menganggap kalau pun kuasa itu Allah serahkan pada jemaah Islam,

nescaya yang akan dihukum kerana melakukan jenayah itu termasuklah ahli-ahli dari jemaah Islam itu sendiri. Dan kalau ini berlaku, sungguhlah pelik. Bagaimana pejuang-pejuang Islam sendiri termasuk dalam senarai penjenayah-penjenayah yang wajib dihukum? Sedang mereka sewajarnya menjadi contoh dan suri tauladan di tengah masyarakat yang dahagakan Islam.

Apa yang mahu saya katakan di sini ialah perjuangan Islam itu ialah bermula dari diri, rumahtangga, kampung, daerah, negeri dan seterusnya negara dan antarabangsa. Islam mesti ditegakkan pada diri, keluarga, rumahtangga, kampung halaman dan dalam jemaah Islamiah itu sendiri, barulah proses itu akan berkembang ke peringkat yang lebih besar. Itulah proses kebangkitan serta sistem hidup. Sistem tabi'i. Yang mesti bermula dari benihnya. Bukannya secara dipaksakan melalui kuasa pemerintahan. Budaya yang wujud kerana paksaan, bukan dari kefahaman dan keyakinan adalah budaya pura-pura yang tidak akan panjang umumya.

Jadi, perjuangan Islam sebenamya ialah perjuangan membangunkan satu jemaah Islam yang menjadi jemaah contoh atau bayangan kepada negara Islam. Yakni satu perjuangan yang mempunyai pandangan perjuangan serta teknik dan pendekatan yang tepat danbenar. Tanpa syarat-syarat ini walau seramai mana pun ahli atau sebanyak mana pun degree atau sekaya mana pun orang-orang dalam jemaah itu, pasti perjuangannya tidak ada kekuatan apa, ibarat buih di laut. Ia tidak lebih dari sebuah organisasi biasa yang hanya memberi peluang ahlinya mengisi masa lapang mereka. Tapi organisasi itu tidak memperjuangkan cara hidup dan tidak menuju ke arah tertegaknya satu tamadun Islam yang lengkap dan sempuma serta gilang-

gemilang sebagaimana berlaku di zaman salafussoleh. Lihatlah pada badan-badan Islam yang ada kini, sekalipun sudahcukupdewasaumumya, tapi belum kelihatanidentiti Islam itu pada badan-badan itu. Masih baru di peringkat bercakap-cakap tentang Islam, tapi praktikalnya sedikit sekali. Kalau Islam belum benar-benar bertunjang dalam jemaah pejuang-pejuangnya, apa persediaan mereka untuk jadikan Malaysia negara Islam? Oleh itu jadikanlah dulu jemaah Islam itu bayangan negara Islam.

Saya berseru kepada anggota-anggota Jemaah Arqam khususnya Jemaah Muhammadiah, agar membanyakkan lagi khidmat masyarakat. Gunakan kemudahan-kemudahan yang ada melalui projek ekonomi, pertanian, perkampungan,klinik, pendidikan, media massa untuk berkhidmat pada masyarakat terutamanya janda-janda, anak-anak yatim, fakir miskin, muallaf dan lain-lain.

Bekerjalah, berjuanglah. Jangan mengalah pada musuh. Musuh memang kerjanya mahu menghalang kita. Maka tugas kita ialahberjuang terus hingga musuh letih dan takut pada kita. Insya-Allah.

9

MASUKLAH SYURGA DENGAN RAHMAT ALLAH

SEMUA orang ingin masuk syurga di akhirat. Siapa kata dia tidak mahu masuk syurga, nyatalah dia berbohong. Buktinya lihat bagaimana seluruh manusia tanpa kecuali seorang pun sedang sibuk mencari jalan dan berusaha untuk dapat syurgadunia. Iaitu sekurang-kurangnya rumah besar yang lengkap dengan perabut dan pakaian, makanan, hiasan dan lain-lain serba mewah. Itulah keinginan semua. Kerana semua menganggap pada rumah yang begitulah ada kebahagiaan dan keindahan hidup. Dan itulah hakikat syurga. Walaupun syurga dunia sebenarnya bukan pada rumah tapi pada hati. Yang mana kalau hati bahagia rumah kecil pun indah, walhal dalam keadaan hati menderita, kalau berada dalam istana sekalipun tetap terasa juga penderitaan itu. Rasa sempit dan menghimpit. Sebab itulah bagi orang yang mengetahui rahsia ini, hidupnya tidak digunakan untuk memburu kekayaan. Keutamaan akan diberikan pada memburu iman dan taqwa. Yakni hati yang penuh berisi ingatan dan cinta pada Allah dan pertemuan dengan-Nya yakni di hari kiamat.

Bagaimana pula untuk dapat masuk syurga di akhirat? Dengan sembahyang, puasa, haji, zakat dan dengan segala amalan-amalan kita selama ini? Jawabnya, tidak. Sebab ahli syurga itu semuanya ke syurga kerana rahmat Allah.

(Walaupun am al ibadah itu juga adalah dituntut). Manakala ahli neraka itu masuk neraka kerana keadilan-Nya. Siapa yang dapat rahmat dapatlah syurga itu dan siapa yang tidak dapat rahmat itu, maka tidak akan terbukalah pintu syurga untuknya walau bagaimana banyak pun ibadahnya. Kalau begitu, kenalah kita mencari dan mendapatkan rahmat Allah. Iaitu dengan melakukan amalan-amalan atauperkara yang boleh mendatangkan kasihan belas Allah pada kita. Lihat pertanyaan Allah pada Imam Ghazali, sesudah wafat beliau, "Amalanmu yang mana yang menyebabkan Aku menerima engkau dekat padaku?" Dalam keadaan Imam itu tertanya-tanya, Allahpunberitahu, "Iaitu keranaengkau membiarkan seekor lalat meminum dakwat dari penamu sewaktu engkau sedang menulis."

Tentu kita pelik dengan kisah ini. Kenapa Allah tidak pandang pada jasa bakti Imam Ghazali yang sungguh banyak dan besar-besar terhadap agama Allah itu, sebagai sebab untuk dia masuk syurga? Sedangkan Allah berjanji untuk balas semua kebaikan sekalipun sebesar zarah? Jawabnya pintu syurga terbuka kerana satu amalan yang paling ikhlas, yang dibuat dengan susah payah dan betul-betul kerana Allah. Yang mana kalau bukanlah kerana takutkan Allah pasti amalan itu tidak dapat dibuatnya kerana susah dan payahnya amalan itu bagi individu itu.

Lihat pula kisah seorang wanita ahli syurga yang diberitahu oleh Rasulullah, yang kerana taatnya pada suaminya, maka dia akan masuk ke syurga dahulu sedikit dari penghulu wanita syurga iaitu Fatimah Az Zahrah binti Rasulullah. Adakah Siti Fatimah tidak taat pada suaminya? Dan tidak melayan suaminya dengan baik? Mustahil. Tapi kenapa hanya wanita itu yang dikatakan ahli syurga kerana taat pada suami? Saya kira itu adalah kerana wanita

itulah yang paling ikhlas serta paling susah dan berat baginya untuk melakukan, tapi dibuat juga kerana cinta dan taat pada Allah SWT. Orang lain mentaati suami dalam keadaan suaminya kacak, lawa, terkenal, berada dan memanjakannya, maka mudahlah ketaatan itu dibuat. Tapi bagaimana halnya kalau suami hanyalah seorang miskin, hodoh, tidak siapa yang kenal serta tidak memanjakan isteri, bukan senang untuk taat danmelayan sebaik-baiknya, Maka dalam keadaan itu, kalau adalah wanita yang boleh taat maka terbukalah pintu syurga baginya. Di situlah jatuhnya kasih sayang Allah padanya. Dan itulah rahmat Allah.

Amalan yang boleh membuatkan seseorang itu masuk syurga bukannya sama, antara seorang dengan seorang yang lain. Sebab manusia memang tidak sama hal keadaan mereka. Ukuran senang dan susah itu berbeza dari seorang ke seorang. Kerana itu darjah keikhlasan dalam melakukan satu-satu amalan tidaklah sama. Siapa yang dapat melakukan amalan yang paling berat padanya untuk dilakukan dengan niat betul-betul kerana Allah, maka berjayalah dia untuk mendapatkan kasihan belas (yakni rahmat Allah) dan syurga-Nya. Yang mana kalau orang lain melakukan hal yang sama, belum tentu sebab itu orang itu dapat masuk syurga. Sebab perkara itu mungkin tidak berat baginya, malah memang dia suka melakukannya.

Sayidina Abu Bakar dijamin syurga kerana merupakan orang yang sangat membenarkan Rasulullah, sekalipun di waktu orang lain semuanya menyesatkan baginda. Di sinilahdarjat Sayidina Abu Bakar. Yang tidakbolehdicapai oleh sesiapa pun. Begitu juga Siti Khadijah wanita pertama yang mengiktiraf kerasulan Muhammad SAW, Sayidina Umar Ibnu Khattab masuk syurga kerana sifat keras dan

tegasnya memegang hukum Allah. Siti Khadijah isteri Rasulullah adalah kerana dapat menghibur dan menguatkan jiwa Rasulullah sesudahperistiwadi Gua Hira'. Siti Aisyah r.a pula darjamya ialah pada pemurahnya, hinggakan di waktu tiada apa lagi untuk dimakan, dia akan mencari sekalipun sebelah kurma untuk disedekahkan.

Siti Fatimah Az Zahrah yang terpilih selaku wanita penghulu syurga itu, adalah kerana susah payah danmiskin papa yang ditanggungnya dengan penuh sabar dan redha pada Tuhan. Di waktu suaminya pulang tanpa bawa apa-apa, sedangkan di rumah mereka di waktu itu kosong dari segalanya, Siti Fatimah menyambut suaminya dengan muka dan senyum paling manis. Sabar dan redhanya begitu hebat hingga dia tidak pandai menarik muka di depan suami apa lagi untuk berleter-leter dan merungut-rungut. Sayidina Abu Hurairahpula kehebatannya ialah walaupuri sudah tiga hari tidak makan, tapi pasti tidak mengadu dan tidak menunjukkan lapar. Dia bagaikan orang kaya yang tidak pernahmeminta-minta. Uwais Al Qami memperolehi kemuliaannya di sisi Allah adalah kerana tidak dikenali di dunia malah dikatakan pengembala kambing yang tidak normal. Sebab kepalanya setiap masa memukul-mukul dadanya dengan zikrullah, hinggakan kerana asyiknya dengan Allah, dia tidak mahu berjumpa orang sekalipun yang datang padanya ialah Sayidina Umar dan Sayidina Ah, Khulafa-ur-Rasyidin.

Begitulah, masing-masing diri mempunyai bidang dan peluang tersendiri untuk mendapatkan rahmat Allah dan membuatkan pintu syurga terbukauntuknya. Yakni dengan melakukan amalan-amalan tambahan (sesudah menyempumakan fardhu ain) secarapaling ikhlas, iaitu tiada terselit sedikit kepentingan diri pun sewaktu melakukannya, betul-

betul kerana Allah. Dan lagi, amalan itu berat baginya untuk dilakukan, tetapi diusahakannya juga semata-mata kerana mencari kasih sayang dan belas kasihan dan rahmat Allah.

Seorang yang diberi Allah segala keistimewaan ilmu, kepandaian, kuasa, harta dan lain-lain maka darjatnya adalah kalau dia boleh merendah diri, menggauli semua peringkat manusia dengan kasih sayang. Bagi seorang yang miskin, papa, darjatnya ialah kalau ia boleh redha, malah dapat berlaku pemurah, sebagaimana Sayidina Ali yang mana dia sendiri sangat susah tapi dialah juga yang digelar bapa kepada janda dan anak yatim serta orang-orang miskin kerana kedermawannya.

Seorang ulama darjatnya ialah kalau dia mahu belajar dan menerima teguran dari seorang kanak-kanak serta sanggup duduk-duduk bersama orang-orang yang jahil dan miskin. Seorang pemuda darjatnya ialah bila seorang perempuan menggodanya untuk berzina tapi dia menolak kerana takut pada Allah. Seorang perempuan boleh mulia di sisi Allah kalau rela duduk di rumah dalam keadaan ketiadaanperhiasan-perhiasandan barang kemas. Begitulah seterusnya bagi setiap orang ada cara tersendiri untuk mendapatkan kasihan belas dari Allah SWT dan rahmat-Nya. Maka hendaklah masing-masing berusaha. untuk mendapatkannya. Tapi harus diingat bahawa seorang tidak boleh membuat sesuatu dengan tujuan meniru orang lain. Seorang yang beramal atas dasar meniru, bukan saja tidak dapat darjat bahkan pahala pun tidak dapat dari amalan itu. Meniru dengan niat kerana Allah, iaitu ingin melakukan amal soleh yang diperintahkan Allah seperti mana yang dilakukan oleh orang lain itu, tidaklah salah. Namun belum tentu ianya jadi sebab untuk dapat rahmat

Allah dan terbukanya pintu syurga buat kita.

Kita disuruh menemui atau bergaul dengan orang-orang soleh, ahli syurga, adalah untuk mendapat berkat. Bukan untuk rebut keistimewaan yang telah diperolehinya. Kalau pun kita dapat buat lebih baik dari dia, belum tentu itu yang menjadi darjat bagi kita. Bahkan kalau disalah niat atau salah faham akan membawa dosa dan celaka bagi kita. Misalnya seorang isteri yang kerana terlalu melayan suaminya hingga suami cuai dengan jihad fisabillah, itu bukan lagi layanan yang membawa bahagia tetapi bawa celaka.

Menziarahi orang-orang soleh dan solehah yakni bakal penghuni syurga adalah disuruh. Dengan harapan mendapat berkat dan rahmat Allah. Cara untuk datangkan berkat itu pula berbagai-bagai. Mungkin pandang muka dia pun sudah cukup. Setengahnya pula dengan meminta didoakan kita. Atau minta padanya yakni pendapatnya, atau bawa berjalan-jalan, yang mana dengan adanya dia dalam perjalanan itu cukuplah untuk dapat barakah. Atau dengan memberikan dia hadiah. Dan boleh juga dengan meniru kebaikan yang dilakukannya. Terpulanglah pada masing-masing diri, dan pada kedudukan, keistimewaan dan bidang darjat yang dicapai oleh hamba yang soleh atau solehah itu. Perlu diingat bahawa orang-orang soleh itu sendiri tertentu saja bidang ilmunya dan jarang ada seorang yang mampu dalam semua bidang. Ertinya ahli syurga itu bukannya mesti mengetahui semua hal. Hingga kerana itu kita boleh merujuk semua masalah padanya. Dan tidak mestinya serba serbi yang dia buat itu betul, dan mesti diikut. Seorang isteri solehah, misalnya belum tentu dia faham masalah ekonomi jemaah atau masalah dakwah dan lain-lain. Jadi kalau hal itu ditanya padanya, maka jawapannya

itu janganlah dikira mutlak. Kecuali kalau dia berkata, "Saya tidak tahu."

Menziarahi mereka itu pula janganlahsesuka hati. Cukup untuk ambil berkat. Minta doa, minta nasihat, bersalam cium tangan dancium mukanya atau bawa hadiahuntuknya atau lihat perilakunya. Kemudian pulanglah. Jangan sampai dia jemu danteruji dengan kedatangan kita. Seelok-eloknya bawa buah tangan, supaya tidak menyusahkannya dalam menyambut tetamu. Ikutlah disiplin 'ziarah dalam Islam. Jangan sampai ziarah itu membawa dosa. Pahala tidak dapat, berkat pun tidak dapat. Bagi setengah orang yang terlalu ghairah dengan hal ini, mereka telah bertindak melulu. Melakukan hal-hal di luar ukuran ilmu syariat. Sebab itu hasilnya bukannyamasuk syurga tapi lagi hampir ke neraka. Mana boleh ziarah waktu makan, waktu dia dalam bilik bersama suaminya, waktu dia rehat? Atau terlalu banyak bertanya hingga berjam-jam yang sangat mengganggu tugas hariamiya.

Cuba fikirkan yang tiap-tiap hari orang datang menemui mereka itu. Bukan kita saja. Kalaulah satu orang 1 jam, 5 orang 5 jam. Habislahmasakerja,masarehat,masadengan suami danmasa-masalain yangdiperlakukan untuk Tuhannya. Lagilah kejam kalau kita pergi dari pagi ke petang. Akan jadi satu ujian besar padanya. Cuma ahli syurga memang dia redha dengan ujian, jadi tidaklah kita disuruh balik. Namun, pandai-pandai kitalah menimbangkan hal ini. Saya kira dalam hal-hal tertentu cukup kalau kita kirimkan hadiah-hadiah untuknya dan pesankan minta didoakan kita dengan apa yang menjadi hajat kita, sebagai ganti ziarah kita. Atau kalau perlu sangat pergi, cukuplah setakatbersalamdanciumpipinyadanberisesuatupadanya untuk menghiburkan hatinya kemudian tinggalkan dia. Itu

lebih utama daripada kita saja-saja lengahkan urusan bersamanya.

Seterusnya elok diingatkan bahawa dalam beramal dengan amalan ahli syurga, kita kena berhati-hati tentang niat dan natijahnya serta risiko-risikonya. Kalau perkara-perkara ini tidak dititik-beratkan secara serius, bimbang kalau-kalau syaitan dannafsu akanmenipu danmenenggek di situ. Katakanlah amal soleh yang kita ingin lakukan itu ialah melayan suami. Memang hadis telah menegaskan bahawa perempuan yang meninggal dunia dalain keadaan suaminya redha, maka syurgalah tempamya. Jadi tidak hairanlah kalau para isteri hari ini berlumba-lumba untuk melayan suami sebaik-baiknya. Tapi harus hati-hati. Sebab nafsu kita pun memang suka melayan suami. Sebab itu setengah isteri dapat membuatkan suaminya malas keluar untuk ikut program perjuangan. Kerana nafsunya memang ingin agar suaminya berjuang di rumah saja. Sebab itu, niat itu penting. Pastikan yang usaha-usaha melayan suami itu benar-benar kerana melaksanakan perintah Allah dengan mengharapkan keredhaan Allah.

Hal ini memang mudah dibuat ketika kita rasa suka pada suami. Tapi pahitnya untuk dilakukan ketika kita tersinggung atau merajuk dengan suami. Maka bagi wanita solehah di sinilah nilai dirinya. Di sinilah kemuliaannya dan di sinilah kasih sayang Allah untuknya. Iaitu dalam keadaan sedih dan kecil hati pada suami dia bersalam juga dengan suaminya, bibimya mengukir senyum dan terus dilayansuaminyasebaik-baiknya. Dalam hatinya iaberbisik pada Tuhan, "Ya Allah, tidak kulakukan semua ini kalau bukanlah kerana mengharapkan kasihan belas dan rahmat-Mu padaku." Dengan kata lain, dia bercakap dengan Tuhan bahawa semua yang dilakukan itu adalah untuk mendapat

rahmat Allah. Dan dia yakin Allah akan tolong dirinya.

Hal ini tidak akan berlaku pada isteri-isteri yang tidak ikhlas. Layanan dan kasih sayang hanya ditunjukkan sewaktu nafsunya mahu begitu. Tapi waktu hati sakit, dia akan pulaukan suaminya. Dia akan melakukan perkara-perkara yang boleh mencacatkan perasaan suaminya. Atau paling tidak dia mengutuk-ngutuk suaminya dengan hatinya. Sedangkan isteri solehah tidak pemah mencacatkan hati suami samada denganmulut ataudengan hati. Sekalipun dalam keadaan dia tidak redha dengan sikap suaminya tapi hatinya berkata, ini ujian dari Allah. Suamiku tidak jahat, tidak ingin melakukan dosa. Moga-moga aku sabar dan suamiku diampunkan oleh Allah dengan ujian ini. Itulah hati wanita solehah. Dan suara hati inilah yang didengar dan dinilai tinggi oleh Allah SWT. Dan amalan ini bukan boleh ditiru-tiru. Amalan lahir bolehlah. Tapi hati tidak. Ianya hanya akan boleh dibuat oleh orang-orang yang ikhlas, yakin dan berilmu dengan ilmu yang tepat. Jika tidak, tiada seorang pun boleh selamat dari tipuan nafsu dan syaitan itu.

Seterusnya, natijah daripada melayan suami itu hendaklah baik dan sesuai dengan syariat. Yakni, suami itu bertambah hampir dengan Allah, bertambah ibadah dan juga semangat perjuangannya. Isteri solehah di samping dapat mencurah cinta kasih yang mumi pada suami, dapat juga menyuburkan iman dan perjuangan suami. Yakni sesudah dibelai dan dihiburkan suami semahu-mahunya, maka direhatkan suami dengan kasih sayang, seterusnya diingatkan pula suami pada Allah, pada Rasul, pada syurga, neraka, pada mati. Hasil ingatan itu membuatkan suami terdorong untuk tambah ibadahnyadanlebih serius berjuang fisabilillah. Itulah isteri solehah.

Sebaliknya isteri yang hanya memuaskan kehendak nafsu suami dan nafsunya sendiri kemudian terus-menerus kehendak nafsu itu juga yang diperkata dan diingat-ingatkan, maka nanti suami akan terdorong untuk banyak masa di rumah, cari duit untuk rumah, fikiran hala ke rumah, tenaga habis di rumah dan perjuangan serta pengorbanan pun untuk rumah, untuk isteri, untuk anak, tiada lagi untuk Allah dan Rasul. Tertipulah ia oleh nafsu dan syaitan. Dan terkunmglah dia dalam perangkap musuh Allah itu. Oleh itu berhati-hatilah dalam hal ini dan dalam hal apa juga, yang membolehkan syaitan tipu kita. Pintalah pimpinan dari Allah dan mintalah doa dari orang-orang yang dikabulkan doanya. Moga-moga jalan yang kita tempuh ini benar-benar membawa kepada keredhaan dan keampunan Allah SWT.

10

PENYAKIT LEMAH JIWA

KITA sungguh biasa dengan istilah lemah jantung. Sebut saja lemah jantung segeralah kita fahami ia nya satu penyakit fizikal yang merbahaya, yang meletakkan pesakit itu di ambang maut. Tapi kita kurang arif dengan penyakit lemah jiwa. Dan kita pun kurang tahu yang penyakit ini lebih bahaya daripada sakit lemah jantung. Sebab penyakit ini bila-bila masa saja boleh membunuh jiwa. Bila jiwa mati, manusia sebenamya sudah mati sebelum mati. Dan kes ini sebenamya lebih dahsyat daripada kes kematian itu sendiri. Tapi sayang, doktor-doktor tidak dapat mengesan sakit ini. Sebab ia bukan sakit fizikal, yang boleh dikesan dengan komputer lahir. Ia adalah sakit rohani yang bersifat rohaniah yang hanya dapat dikesan oleh doktor-doktor rohani yang mursyid. Hanya mereka itu yang dapat melihatnya, menggunakan pandangan basyirah mereka serta pandangan hati yang tembus. Seterusnya mereka jugalah yang tahu sebab-sebab terjadinya penyakit ini dan apa pula cara pengubatan dan ubat-ubatan yang boleh menyembuhkannya.

Rasulullah SAW bersabda dalam satu hadis Qudsi ertinya, *"Takutilah olehmu firasat (pandang tembus) orang Mukmin kerana mereka memandang dengan pandungan Allah. "*

Maknanya, Allah-lah yang membukakan rahsia-rahsia

di alam hakikat untuk diketahui oleh hamba-hamba-Nya yang dikasihi-Nya. Supaya menjadi panduan pada orang-orang lain, yang mahu mengambil pengajarandan kebaikan darinya. Sebab itu Allah berfirman:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّـٰهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّـٰهَا

*Terjemahannya: **Beruntunglah** orang-orang yang **me**-nyucikan jiwanya. Rugilah orang-orang yang mengotorkun jiwanya.* ***(Surah Asy Syam : 9-10)***

Jiwa yang bersih adalah jiwa yang sihat, sejahtera dan selamat. Manakala jiwa yang kotor itulah jiwa yang sakit. Sakit lemah jiwa.

Jiwa yang sihat ialah jiwa yang merdeka, berani dan kuat. Jiwa mukmin yang sihat ialah jiwa yang berpegang kuat dan terlalu yakin pada Allah. Maka jadilah dia cukup merdeka, berani dan kuat memegang danmempertahankan keyakinan jiwanya itu.

Sebaliknya jiwa yang sakit ialah jiwa yang lemah, mudah goyang oleh keadaan, terhoyong-hayang ke sana ke mari tidak ada pendirian dan takut. Bagi seorang Islam yang jiwanya sakit, keyakinan pada Allah adalah lemah, bergoyang-goyang bila ditiup angin dan penakut. Dan inilah yang sudah terjadi pada seluruh umat Islam hari ini. Jiwa mereka yang sakit itu terasa sakitnya dan lemahnya bila bertembung dengan kejadian-kejadian malang atau ujian atau nikmat. Jiwa akan lemah dan bergoyang dan tumbang bila menghadapi keadaan-keadaan yang men-cabamya, sam ada positif atau negatif. Tegasnya keyakinan

dan pergantungan pada Allah jadi lemah bila berhadapan dengan ujian atau pun nikmat. Jiwanya akan menyerah pada kehendak keadaan dan jadi longgar atau terlepas langsung pergantungan dengan Allah. Mari kita lihat beberapa contohnya:

1. Bila berhadapan dengan rumah mewah, kereta besar, binatang ternak dan ladang-ladang tanaman yang luas, terpautlah jiwa padanya. Lemahlah jiwa dan terus menyerah pada dunia itu. Iaitu dengan berusaha dan berharap untuk mendapatkamrya. Hingga kerana itu tinggallah perjuangan di jalan Allah, berhentilah ia dari memberi khidmat kepada manusia. Takut untuk menegakkan kebenaran. Jiwa diserah pada dunia yang melambai-lambai itu. Dan lemahlah penyerahan pada Allah SWT.

2. Bila dapat jadi orang atas, orang besar, pemimpin atau ketua kumpulan, berhadapan dengan kemewahan hidup, sogokan pujian orang, maka lemahlah jiwa dengan Allah. Sebab jiwa terpaut pada kemewahan, sanjungan dan sogokan tadi. Padahal sebelum itu, sebelum berada di kedudukanituberia-iaberjanjimahumembelanasibrakyat, kalaulah dirinya terpilih jadi pemimpin atau wakil rakyat. Tapi jiwa yang suci itu jadi lemah bila dimasuki oleh keinginanmengambil kemewahandansogokansertapujian orang itu untuk kepentingan diri sendiri. Lupa tanggungjawab. Diri terasapenting, istimewa danmahu bolot semua peluang-peluang istimewa sebagai orang besar itu untuk diri. Bukan lagi untuk Allah. Itulah penyakit lemah jiwa.

3. Bila berhadapan dengan perempuan cantik, hati pun tertarik dan jatuh padanya. Lupa Allah, lupa isteri, lupa

tanggungjawab. Jiwadiruntunolehperempuanitu, hinggakan kerja-kerja lain yang lebih besar, jadi kecil dan kurang penting. Keinginan untuk memiliki perempuan itu begitu mencengkam hati hingga jika perempuan itu mengenakan syarat-syaratapapun,nescayadiasanggupterima,sekalipun berlawanan dengan syariat Allah.

4. Bila dapat kejayaan dalam hidup seperti naik pangkat atau dipuji orang, maka hilanglah rasa kehambaan, kekurangan dan kelemahan diri pada Allah SWT, terus rasa ujub dan riak, rasa diri mampu, besar, istimewa dan hebat. Seterusnya terasalah pula besar diri dan hebat diri, dan terlupalah bahawa segala-gala kejayaan itu pinjaman Allah semata, sedangkan diri tetaplah kerdil dan lemah serta hina. Sama saja dengan orang lain. Lalu menyombonglah ia dengan manusia. Tiada kasih sayang, timbang rasa, kasihan belas pada orang lain terutama orang bawah yang kurang dan lemah. Senyum pun mahal, apa lagi hendak duduk-duduk bersama mereka itu. Kerana rasa tidak layak dan hendak jaga status. Berlanjutanlah keadaan itu hingga akhimya orang semua benci dan kawan pun lari, tinggallah seorang diri. Itulah akibat penyakit lemah jiwa.

5. Pejuang-pejuang Islam yang sexing berkorban dan terkorban, hmgga hiduplah dia dalam susah payah walhal dilihatnya orang lain hidup senang-lenang maka lemah jiwanya pun datang. Dirasanya tidak sabar lagi untuk bersusah-payah. Ingin rasa lapang dan senang macam orang lain. Syaitan pun memberikan suntikan dan menghasut, maka jadilah pejuang tadi pejuang yang letih dan malas.

6. Para pejuang yang mempunyai isteri yang cerewet, tidak taat, degil dan sombong, selalu mengalah dengan isteri itu. Jiwa perjuangan dan cinta pada Allah dan Rasul tergugat, bergoyang-goyang dan lemah oleh kehendak isteri. Bila isteri minta kurangkan keluar rumah, cukup dengan pergi kerja dan balik, tidak payah 'over-time' dengan perjuangan, dia pun tidak berani atau tidak sampai hati hendak tolak pandangan isteri itu. Maka tinggallah perjuangan. Tinggallah Allah dan Rasul demi cinta pada seorang perempuan.

7. Dalam mencari rezeki yang halal, selalunya disiplin sangat ketat. Sengaja orang-orang yang anti-Islam me-ngenakan undang-undang yang keras misalnya, hendak: kerja tidak boleh pakai purdah atau tidak boleh berjubah serban. Maka si lemah jiwa pun tidak berani lagi hendak ikut syariat Allah, maka ikut kata boss pejabat. Atau bagi orang-orang yang berniaga, oleh keranamodal kecil, lambat untung, maka kerana hendak untung besar dan cepat, buatlahpinjaman yang adariba. Longlailah jiwanya kerana menyerah pada keuntungan dunia yang sedikit. Atau peniaga-peniaga juga sering berhadapan dengan masalah barang yang halal, kurang laris, tapi yang haram laris sekali. Maka lemahlah jiwanya. Dijuallah barang haram atau syubhat itu. Maka dapatlah untung di dunia, tapi alangkah ruginya di akhirat nanti.

8. Ada pemimpin-pemimpin yang kuat jiwanya, pada mulanya. Tapi bila diuji dengan pengikut yang tidak suka dengan perkara-perkara yang diperintahkan Allah seperti sembahyang, tutup aurat, pergaulan yang terbatas lelaki perempuan, menghormati danmengasihi oranglain, jangan

mengata, jangan menuduh. Maka, kerana takut pengikut lari, pemimpin itu pun korbankan prinsip. Berlagaklah dia ikutkehendakpengikut denganmembelakangkankehendak Allah. Itulah jiwalemah. Dia sanggup korbanprinsip demi harapkan pengikut sokong dan undi dia untuk terus jadi pemimpin. Gila kuasa lebih dari cintakan Allah SWT.

9. Bila diuji dengan kesusahan hidup seperti turun pangkat, orang kata, miskin, ugutan di tempat kerja, maka jiwa yang asalnyabegitu optimis, tiba-tiba saja terasa sakit dan lemah. Rasa kecewa, terhina, takut, putus asa, derita, gelisah, keluh-kesah dan kucar-kacir sekali. Ada yang rasa tidak mahu hidup lagi, terus bunuh diri. Ada yang hendak lupakan semua itu, minum arak atau ambil dadah atau buat maksiat-maksiatlain. Adayangmenuduh-nuduh, meracau-racau, mengadu-ngadu, menghina diri bahkan menyangka-nyangka buruk terhadap Allah SWT. Hingga kerana itu sanggup mengecil-ngecilkan perintah Allah dan Rasul untuk ikut nafsu dan syaitan. Ujian itu tidak dapat diambil sebagai ingatan dari Allah dan penghapusan dosa, pada dosa-dosa yang telah banyak dilakukan. Sedangkanmelalui kesusahan-kesusahanlah ramai orang mendapat kebaikan dan kemuliaan dalam hidup. Dalam kesusahan penuh kebaikan, tapi si lemah jiwa jadi lebih susah dengan kesusahan. Susah di dunia dan akhirat. Itulah hasil dari sakit lemah jiwa. Lebih dahsyat dari akibat sakit lemah jantung. Sebab lemah janhmg boleh bawa maut tetapi lemah jiwa boleh bawa ke neraka dunia dan akhirat. Ini adalah kerana pesakit jantung tidak bersalah, tapi pesakit lemah jiwa adalah pesalah, penderhaka dan kufur dengan Allah SWT. Allah sudah ingatkan supaya datang ke dunia untuk menghambakan diri pada Allah, yakni dengan

merasakan diri adalah hamba Allah. Firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahannya: Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembah-Ku.

(Surah Az Dzariat : 56)

Dalam pada itu tiap-tiap kali berdiri sembahyang mengadap Allahberjanji lagi, hanya Allah yang aku abdikan diriku, bahkan hidup mati untuk Allah. Habis kenapa dalam melaksanakan hidup, berdolak-dalik dengan Allah, bahkan Allah dibelakangkan? Kata-kata Allah, pesanan Rasul, tiada dipakai langsung. Bahkan dipertikai dan diragui, bahkan dikecil-kecilkan dan diketawakan. Konon terasa diri itu pandai, mampu, kuat, berkuasa dan rasa tuan bahkan kadang-kadang rasa ketuhanan itu menguasai hati. Rasa hati seperti apa yang dirasa oleh Firaun itu. Hingga dia berkata, “Akulah Tuhan.”

Sebcnamya rasa inilah sudah masuk dalam hati-hati kita. Terutamanya orang-orang yang Allah kurniakan padanya nikmat bijak pandai, kaya, mewah, disanjung, sihat, cantik, mampu dan serba boleh. Seolah-olah dia berkata akulah Tuhan, dilihat pada sikap dan cakapnya. Rasa kehambaan yakni rasa kecil dan hina bagaikan kecil dan hinanya air mani yang darinyalah Allah reka-bentukkan diri ini, sudah disapu bersih oleh kejahilan, kedegilan, kesombongan, keangkuhan yang sudah berkarat di hati. Yang tinggal dalam hati dan jiwa ialah nafsu dan syaitan. Jadilah jiwa itu kotor sekotor-kotomya. Maka sakitlah ia. Sakit lemah jiwa. Bila dapat nikmat terlonjak-lonjak, lupa diri,lupaasa.lusuldanlupabahawaAllahberkuasamenarik balik nikmat itu, bila-bila masa saja.

Sebaliknya, bila dapat ujian, rasa putus asa, mender-ha, kecewa dan hilang pertimbangan. Itulah sifatnafsu amarah dan lawwamah. Nafsu yang sangat jahat, yang setiap detik meruntun jiwa untuk kufur pada Allah. Maka nerakalah tempatnya selama-lamanya. Siapa yang boleh lepas? Sedangkan tiada seorang dari kita yang sihat jiwanya. Semuanya sakit. Pemimpin sakit, ulama sakit, pejuang Islam pun sakit, tok guru pun sakit, anak murid apa lagi. Ayah sakit, anak-anaklebihlagi. Suami sakit, isteri sakit. Pemuda kena pemudi pun sama. Pendek kata semuanya sakit-sakit belaka. Semuanya masih berada di senarai ahli neraka. Wal'iyazubillah.

Tepatlah sabda Rasul tercinta, bahawa. di akhir zaman umatnya ramai. Tapi mereka itu dikeronyok oleh musuh bagaikanmakanan dikeronyok oleh tanganmanusia. Sebab mereka semuanya sakit., Yakni jiwa mereka lemahnya bagaikan buih. Kerana diserang oleh sakit wahan. Cinta dunia dan takut mati.

Inilah taraf taqwa kita semua. Taqwa yang penuh dengan keinginan pada dunia hingga lupakan akhirat, lupakan mati, bahkan mahu lupa-lupakan mati itu, kerana takut dan benci. Maka inilah hasilnya. Umat Islam hidup bagaikan mayat yang boleh diperlakukan apa saja oleh musuhnya. Umat Islam tidakpunyaidentiti sendiri. Semuanyabersalut dengan salutan musuh, hingga kerana itu makin hari makin hancur dan berkecai, punah-ranah. Mana ada satu negara Islam dan masyarakat Islam yang benar-benar ditakuti kawan dan lawan? Hatta jemaah yang memperjuangkan Islam pun tidak wujud identiti Islamnya.

Kesilapan utama dan pertama pada kegagalan ini ialah kerana kita tidak cukup iman. Hati kita, jiwa kita tidak sekuat yang sepatutnya. Iman dan taqwa kita terlalu lemah.

Maka selemah itulah jiwa kita dan nilai diri kita. Sebab Allah tidak bersama kita. Yang memimpin dan mendorong kita selama ini ialah nafsu dan syaitan. Dalam pada itu kita kata kita Islam, Allah Tuhan kita, Muhammad nabi kita. Walhal yang sebenamya jadi Tuhan dan Nabi kita ialah nafsu dan syaitan. Manalah Allah tidak kutuk kita dan umat Islam seluruhnya.

Kalaulah keadaan ini tidak dibaiki, pasti kita tidak selamat, di dunia pun tidak boleh selamat, apa lagilah di akhirat. Tujuh buah neraka telah disiapkan untuk orang-orang yang sesat dan orang-orang yang Allah benci. Pesakit-pesakitlemah jiwa adalah termasukorang-orang kebencian Allah, yang pasti menjerit melolong nanti di akhirat oleh azab-Nya. Jangan sampai berita ini diragukan atau tidak difikirkansecara serius. Sebab Allah tidakpemah mungkir janji-Nya. Firman Allah:

إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah tidak mungkirjanji.
(Surah Ali Imran: 194)

Orang yang selamat di dunia dan akhirat ialah orang yang hatinya selamat. Lihat betapa indahnya firman Allah. Dan firman Allah lagi:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

*Terjemahan: **Pada** hari itu, tidak berguna **lagi harta dan** anak-anak melainkun mereka yang membawa **hati** yang selamat sejahtera.* *(Surah As Syuara' : 89)*

Hati dan jiwa yang selamat ialah yang mendapat maqam mutrnainnah atau sekurang-kurangnya mulhamah. Iaitu orang-orang yang mempunyai iman ayyan, yang hatinya sentiasa teringat Tuhan yang Pengasih itu, yakni Allah SWT. Hati diperhambakan betul untuk Alah hingga tidak pernah membesar dan memuliakan diri, walau bagaimana besar pun nikmat yang didapati. Dan hatinya tidak pemah cacat dengan Allah, walau bagaimana dahsyat pun ujian yang diberi. Hati ini adalah hati yang sungguh gagah dan kuat. Nikmat dan ujian tidak pun menggoyang dan melemahkannya. Dia cukup merdeka untuk Allah. Berani dan yakin serta tawakal dan harap pada Allah menyebabkan . dia sangat mengutamakan kehendak dan hukum Allah. Hinggal sekiranya dia terpaksamati untuk tugas itu, maka dirasanya kematian itu ialah pintu pertemuannya dengan Allah yang sangat dicinta dan dirinduinya. Dia sanggup mati mempertahankan prinsip Islam.

Kenapa kita tidak mencuba dapatkan hati yang begitu? Sedangkan Allah sudah berlaku terlalu baik dengan kita. Patut kita sudah rasa terlalu terhutang budi dan malu dengan Allah. Jadilah hendaknya kita umat yang merdeka jiwa. Merdeka dengan Allah. Takut hanya dengan Allah. Tidak lagi takut pemerintah, takut isteri, takut periuk nasi tidak berasap, takut miskin, takut masuk dapur, takut emak dan bapa mertua dan macam-macam lagi. Sebab semua itu tidak ada kuasa apa-apa kalau bukan dengan kuasa dan kehendak Allah. Agar dengan itu selamatlah kita dari penyakit lemah jiwa.

11

PEJUANG-PEJUANG YANG TERTIPU

MANUSIA bukan saja suka menipu, tetapi selalu kena tipu. Tipuan manusia tidaklah begitu licin dan hebat, tetapi tipuan oleh musuh-musuh tersangat halus, licin dan dahsyat. Allah SWT menceritakan antara penipu-penipu manusia yang selalu menipu mereka ialah syaitan, nafsu dan dunia. Firman-Nya:

إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Terjemahannya: Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu adalah musuh yang amat nyata.

(Surah Yaasin : 60)

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahannya: Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak pada kejahatan. *(Surah Yusuf : 53)*

وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ

Terjemahannya: Tidak ada hidup a? dunia itu melainkan mata benda yang menipu daya.

(Surah Ali Imran: 185)

Ketiga-tigamusuh ini sentiasamengelilingi setiap orang dari kita untuk ditipu. Maksud tipuan mereka sangatlah jahat dan kejam. Iaitu untuk mendorong manusia kepada kejahatan-kejahatan yang dengan itu akan menjerumuskan manusia semuanya masuk neraka. Hari ini usaha-usaha penipuan sudah begitu berjaya. Sebab, hampir semua orang sudah derhaka pada Allah, sudah mengikut nafsu, gila dunia, lupa akhirat. Benci dengan amal soleh tapi ghairah sekali membuat dosa.

Pejuang-pejuang Islam pun ditipu juga. Tapi tipuan itu lebih halus sehingga yang kena tipu itu pun mungkin tidak sedar. Misalnya, orang yang tengah sembahyang, merasa dirinya selamat kerana sembahyang itu. Siapa sangka itu adalah tipuan dan kerana itu sembahyang itu tertolak. Atau orang yang berderma beribu-ribu ringgit kemudian merasa bangga keranadialah yang paling banyakberkorban. Itupun tipuan, yang mana kerana itu pengorbanan itu tertolak di sisi Allah atau orang yang melihat kejayaan yang diperolehinya dengan menganggap itu semua adalah kerana kemampuan dan kebolehannya. Itupun tipuan. Dan hampir manusia tidak sedar bahawa dia ditipu dan amalan itu tidak diterima oleh Allah.

Begitulah halusnya tipuan olehmusuh batin itu. Tapi itu kurang bahaya pada masyarakat. Ada tipuan yang lebih jahat lagi telah dibuat oleh musuh-musuh Allah itu ke atas orang-orang yang inginperjuangkan Islam. Di antara tipuan itu adalah:

1. Berbangga dan berpuas hati dengan istilah-istilah yang hebat-hebat bunyinya. Tapi tidak pun minat untuk melaksanakan atau memperjuangkan maksud istilah itu. Apa yang dimaksudkan dengan istilah-istilah itu ialah agar

cakapnya jadi begitu hebat hingga tercengang-cenganglah orang yang mendengar. Dalam pada itu, dengan menggunakan istilah-istilah yang begitu 'sofisticated' maka sedikit sebanyak tertutuplah apa-apa kekurangan yang ada pada dirinya.

Ini boleh kita saksikan kalau kita pergi ke tempat-tempat berkumpulnya mereka itu. Istilah-istilah yang akan kita dengar nanti antaranya ialah fikrah Islamiah, usrah, tannin, tarbiah, tajdid, harakah, syumul, iltizam dan lain-lain. Terdengar saja istilah-istilah itu, kita pun terasa bodohnya kita, kerana tidak pandai guna istilah itu. Dan hati kita pun berkata, "Pandainya mereka ini." Dengan itu tercenganglah kita pada mereka hingga merasakan perjuangan mereka itu begitu hebat sekali. Tapi begitukah hakikat yang sebenamya? Betul-betulkah mereka itu mempunyai fikrah Islamiah, berusrah, bertamrin, membuat tarbiah, kelompok tajdid dan membangunkan Islam secara syumul?

Mari kita kaji perbuatan mereka sebenamya. Usrah mereka bukannya satu pertemuan antara ahli keluarga yang penuh mesra dan kasih sayang untuk mendalami QurandanHadis,supayadapatimandanilmusertaukhuwah Islamiah. Apa yang berlaku ialah berbahas tentang politik, tentang isu semasa dan tentang fikiran masing-masing. Hingga hampir bertekak dan bermasam muka. Pecahlah ukhwah dan bermulalah dengki dan dendam di hati.

Program yang dikatakan tarbiah itu pula bukannya membuatkan hati rasa hebat dengan Allah, cinta pada-Nya, syukur dan redha dengan takdir-Nya. Tarbiah yang patutmendidikmanusiadenganakhlakmuliatelahdikotori dengan dosa-dosa mengata-ngata orang, menghina dan menanam benih benci-membenci sesama Islam. Balik dari

tarbiah ini bukan tambah khusyuk sembahyang tapi makin merapu-rapu dan merayau-rayau dalam sembahyang. Makin bakhil, makin degil, keras hati, berketawa-ketawa dan susah menangis. Istilah tajdid jadi mainan setengah orang. Seolah-olah merekalah yang mengembalikan kehidupan sunnah ke tengah masyarakat. Seolah-olah di kalangan merekalah mujaddid itu. Tapi bila kita tengok dalam kumpulanmereka, bukan saja hukum-hukum fardhu kifayah belum dicetuskan, fardhu ain pun tidak beres. Yang berdegar-degar syarahkan Islam itu, sembahyang, Subuhpun lewat - 'Subuh Gajah.' Isteri masih bermesra dengan lelaki ajnabi. Tutup aurat pun bermusim-musim. Itukah Islam? Sekolah Islam sudah ada tapi anak tidak dihantarke sana. Masih seronokdengan bankdan simpanan riba. Dan kenduri kahwin masih banyak tiru barat dari mencontohi sunnah Rasulullah SAW.

Kemudian istilah syumul, sungguh lumrah digunakan. Seolah-olah sudah syumullah Islam mereka pada diri, pada jemaah dan pada masyarakat mereka. Tetapi rupa-rupanya mabuk istilah saja. Baru slogan saja. Mereka tidak pun bersungguh-sungguh membawa perjuangan kepada kesempumaan Islam seperti yang dilaungkan. Syumulnya Islam ialah kerana am alan dan sikap menegakkan *hablumminallah* dan *hablumminannas;* fardhu ain dan fardhu kifayah; sunat ain dan sunat kifayah. Serta terbangunnya hukum-hukum ibadah, muamalah, munakahat dan jenayah. Serta tumpasnya segala perkara-perkara yang haram dan makruh. Mana dia semua itu? Sudah bangunkah dalam harakah Islamiah kepunyaan mereka itu?

Kedengaran mereka begitu ghairah dengan hukum-hukum jenayah, Qisas dan Hudud hingga kerana itu hukum-hukum lain yang patutnya lebih awal dioangunkan di-

diamkan begitu saja, seolah-olah bila jenayah selesai, selesailah semua. Walhal sebenarnya kalau iman dan ibadah diselesaikan dulu, jenayah itu berkurangan dengan sendirinya. Dan dengan sendiri juga individu-individu itu berjuang membangunkan sistem hidup Islam seperti pendidikan, ekonomi, budaya, kesihatan, pentadbiran dan lain-lain. Kalaupun hukuman jenayah belum dapat dijalankan tetapi sekurang-kurangnya yang lain-lain sudah siap. Tinggal tunggu yang satu lagi, itu saja. Bukannya kerana tunggu yang satu, yang lain semuanya tidak dibuat. Itupun tertipu namanya. Tertipu dengan istilah, tertipu dengan kaedah. Istilah seolah-olah menjadi matlamat.

2. Tipuan lain ialah tentang cara berjuang. Bila syaitan melihat manusia sudah ada yang mahu perjuangkan Islam dan dia pun tidak dapat lagi menahan niat suci itu, maka ia mencari jalan bagaimana supaya pejuangan itu gagal. Maka antara yang sudah dapat dibuatnya ialah menjadikan orang berjuang dengan kasar dan sombong. Iaitu suka kata-mengata, tuduh-menuduh, berdengki, berdendam, marah-marah dan sakit hati. Mengapa perjuangan suci untuk agama Ilahi itu dicemar dengan perangai kotor kita itu? Mana boleh dalam ibadah kita berhasad dengki, mengata dan sakit hati? Kalau terjadi juga, itu bukan ibadah namanya. Itu bukan jihad fisabilillah, tidak sekali-kali!

3. Selain dari itu, ialah tentang pandangan perjuangan yang sunguh keliru. Niat hendak tegakkan sistem Islam tapi tidak tegak-tegak pun. Dari muda hinggalah tua sudah, sistem pendidikan belum buat-buat juga lagi. Kertas kerja bertimbun-timbun sudah, tapi belum satu pun dimulakan.

Anak-anak terpaksalahdihantarjugalagi ke sekolah sekular yang tidak Islamik, yang konon tidak disukai itu. Tertipulah namanya itu. Memang tadika sudah dibuat tapi selepas tadika, tidak ada. Pelajar-pelajar tadika terpaksa melanjutkan pengajian ke satu sistem yang sungguh berbeza dengan sistem tadikanya. Mengapa ini terjadi? Kenapa tidak dibangunkan sekolah rendah dan seterusnya. Jawabnya, kerana hendak ubah sekolah-sekolah yang ada. Bila hendak ubah? Dan kalau tidak juga berubah... Sedangkan hendak ubah tadika pun tidak boleh, terpaksa buka tadika sendiri; inikan pula hendak ubah sekolah rendah, menengah, universiti danlain-lainlagi. Hampir-hampirmustahil rasanya. Tetapi, bagaimana pejuang-pejuang intelek itu menganggapitusatupandanganyangkonkritdandijadikan dasar dan teknik serta matlamat perjuangannya? Itulah tipuan namanya.

4. Tipuan juga lagi bila ada pejuang-pejuang yang terus-menerus hendak fikir negara Islam, sedangkan masyarakat kecil dalam jemaahnya pun belum dapat di-Islamkan sungguh-sungguh. Kampung mereka pun tidak nampak Islamnya, bagaimana boleh untuk Islamkan negara. Tok penghulu pun belum dapat di-Islamkan, bagaimana hendak putarkan kepala pengarah, pengurus, doktor, arkitek dan lain-lain. Alangkah halusnya tipuan ini. Hampir-hampir tidak dapat dikesan kalau bukan dengan pimpinan Allah SWT jua.

Macam-macam lagilah tipuan hinggalah yang lebih halus dari itu ialah bila dalam membangunkan Islam, dunia melambai-lambai, syaitanmerayu-rayu supaya perjuangan itu dilakukan dengan segala mazmumah. Ujub, riak,

sombong, bakhil, gila dunia, gila pangkat, ingin puji, marah-marah, berdengki-dengki dan lain-lain. Hingga . kembalilah kita pada kemurkaan Allah, dan perjuangan itu tidak ada nilai-nilai apa-apa di sisi Allah.

Apa yang sebenamya patut dibuat ialah Islam diperjuangkandenganpenuhikhlas bersama rasa kehambaan yang tinggi. Rasulullah berdakwah dengan akhlak yang agung. Dia tidak minta negara, tidak minta kuasa. Tapi hanya meminta agar manusia menyembah Allah dan menyerahkan bakti seluruhnya pada Allah. Baginda tidak berkasar dengan manusia. Memaafkan, pemurah, zuhud, tawaduk, sangat cinta pada Allah, kuat ibadah dan gigih berjuang hingga sanggup serah nyawa kepada Allah di medan perang. Baginda boleh ambil istana untuk tempat tinggalnya, tapi hanya tidur di tikar daun kurma. Dia boleh bunuh semua orang-orang Makkahketika dapat ditawannya, tapi semuanya dimaafkan. Dia dijamin syurga, tapi tetap beribadah hingga bengkak-bengkak kakinya. Dia tidak rehat-rehat demi memperjuangkan hak Allah. Dan hatinya tidak terpaut pada pujian dan tidak cacat dengan kejian manusia kerana hatinya telah terpaut sepenuhnya pada Allah SWT. Dalam keadaan inilah, maka Allah telah menyerahkan dunia dan kuasa padanya.

Begitulab sikap pejuang yang hakiki, yang layak dapat keampunan Allah SWT. Dan kalau kita ingin begitu, kenalah kita mengambil jalan-jalan ke sana dengan mengorbankan pilihan dan jalan kita sebelum ini. Mogamoga tidak tertipu lagi.

12

PANDANGAN PERJUANGAN YANG KELIRU

NAMPAKNYA Allah SWT telah memilih bumi kecil Malaysia untuk dijadikan sebagai gelanggang perjuangan Islam akhir zaman. Dan umat Islam di Malaysialah yang menjadi pejuang-pejuangnya. Alangkahbesarnya kumiaan ini buat kita. Hampir-hampir kita tidak percaya bahawa kita adalah orang-orang yang diamanahkan untuk perjuanganbesar ini. Apalah istimewanya orang Melayu yang kecil-kecil dan tidak cantik dan tidak menarik ini? Kepandaian pun kurang apa lagi ekonominya. Tapi kuasa Allahmengatasilojikkita. Bahkanmemang Allahselalunya sengaja menjadikan orang yang tidak diduga itu sebagai orang penting-Nya.

Maka sejak lebih 20 tahun dulu kita di Malaysia sudah ghairah dengan Islam. Cuma di peringkat awal, tidak begitu ramai yang terlibat. Namun begitu ia berkembang pesat. Hinggalah kini Malaysia kelihatan bagaikan sebuah negara yang kuat ajaran Islamnya, dibandingkan dengan negara-negara lain. Tapi kita sama-sama pelik bila melihat terdapat banyak badan-badan Islam yang memperjuangkan Islam dengan menggunakan pandangan perjuangan yang berbeza antara satu sama lain. Kenapa tidak satu saja? Itulah soalan yang sering kita dengar. Tapi kita pun tidak cukup pandai untuk menjawabnya. Hanya Allah yang tahu

kenapa semua ini ditakdirkan-Nya.

Saya di sini ingin mendedahkan apa yang menjadi pandangan saya dalam soal ini. Iaitu dari segi niat, semua pejuang-pejuang Islam itu tidakberbeza. Semuanya bemiat untuk memperjuangkan Islam. Tetapi, cara berjuang, pandangan perjuangan, pendekatan yang dipilih serta teknik adalah berbeza-beza, malah jauh bezanya. Kalau hendak diibaratkan perkara ini, sepertilah orang-orang yang sama-sama mahu tanam pokok, cuma cara menanam tidak sama. Ada yang guna biji benih, ada tanam secara tut atau ada yang hendak cabut satu pokok dari satu tempat lain untuk kemudian ditanamkan pokok itu di tempat yang lain pula. Pendek kata macam-macam cara lagilah. Kemudian dari itu, semuanya berharap untuk dapatkan hasil dari pokok yang ditanam itu.

Saya kira, walaupun semua cara-cara itu ada baiknya, tapi tentu ada satu yang terbaik dan tercepat memberi hasil. Manakala yang lain-lain itu adalah kurang tepat dan mungkin keliru dan mengelirukan. Disangkanya pokoknyalah yang cepat tumbuh dan cepat berhasil, walhal, dik salah cara tanam dan cara menjaga, pokoknyalah yang akan mati sebelum memberi hasil apa-apa. Ini tidak mustahil. Berapa orang yang lulusan pertanian, tapi tidak satu pokok pun yang hidup di tangannya. Sebaliknya berapa orang pula yang tidak pernah belajar di Universiti Pertanian tapi mereka pandai menanam dan memberi hasil yang memeranjatkan. Sebelum itu berlaku, tentu orang semuamenganggap yang lulusan fakulti pertanianlah yang akan berjaya. Rupa-rupanya Allah tidak berkata begitu.

Faktor penentu jaya atau gagal perjuangan seseorang bukannya kerana masuk universiti atau tidak masuk, tapi pada ilmu yang tepat lagi bermanfaat, yang diambil dari

guru yang benar-benar mendidik. Sekiranya ilmu Islam hanya diambil dari bacaan-bacaan yang tidak menentu, maka kefahamannya adalah dipandu oleh akalnya saja, bukan oleh guru yang tahu selok-belok Islam itu.

Dan bila ini berlaku, maka akal akan membawa kepada kaedah yang berbagai-bagai, tidak tepat dan sangat me-' ngelirukan. Dan dikatakan itulah Islam. Orang lain, lain pula akalnya. Ertinya, lain pulalah Islamnya. Maka terjadilah perjuangan Islam itu dibuat dengan berbagai-bagai bentuk.

Di antara fahaman-fahaman perjuangan yang keliru itu ialah:

1. Kerajaan sekarang inginmenerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Niat itu sangat baik dan mulia. Itu petanda masyarakat Malaysia walau siapa dan di mana, semuanya sudah ingin pada Islam. Tapi sayang, niat itu sudah dipadamkan oleh tindakan yang lahir dari fahaman yang keliru. Kata mereka, nilai-nilai yang tinggi yang ada dalam Islam seperti, bersih, cekap, amanah, jujur dan bersungguh, berdisiplin, taat, setia dan lain-lain yang hendak diterapkan dalam pentadbiran itu, supaya semuaorang boleh terima, tidak payahlah dikatakan ianya dari Islam. Cukup diperjuangkan supaya ianya jadi akhlak semua orang, tanpa menonjol-nonjolkan sangat perkataan Islam itu. Tujuannya konon supaya orang-orang yang anti Islam atau orang yang bukan Islam boleh menerimanyabersama, tanpa kecuali. Mereka seolah-olah yakin, bahawa tanpa tonjolkanIslam,nantimudahlahmembawamanusiakepada nilai-nilai yang baik yang ada dalam Islam itu. Sebaliknya kalau sebut-sebut sangat Islam itu, apa lagi melabelkan sifat-sifat itu dengan Islam, sangka mereka akan susah dan

kuranglah orang dapat miliki nilai-nilai yang baik itu. Itu sangka mereka. Itulah fikiran mereka. Dan itulah dikira kaedah perjuangan yang tepat dan cepat.

Saya mahu membandingkan kaedah ini dengan seorang doktor yang berkata terhadap pesakitnya, "Dengan ubat ini kamu akan sihat, cergas, kuat, cerdik, bertenaga, tahan lasak dan lain-lain kebaikan. Kamu makanlah ubat ini. Tapi kamu tidak payah tahulah nama ubat ini. Kerana saya takut kalau kamu dengar namanya, nanti kamu tidak mahu makan. Sebabnamaitumungkmsangatpahituntukkamu."

Memanglah kalau sekali fikir, ada lojiknya. Tetapi kalau difikirkan dua tiga kali, nanti macam-macam kemungkinan buruknya:

i. Mungkin orang lain atau musuh ambil kesempatan pada ubat yang tidak bernama itu.

ii. Macamana orang lain selain pesakit yang jumpa doktor itu boleh tahu tentang ubat ini. Nanti ubat itu tidak laku.

iii. Nanti orang curiga dengan doktor itu, kenapaubatnya tidak bernama, sedangkan ubat-ubat orang lain semua bernama. Kenapa doktor ini lain dari yang lain?

Itu kalau ubat. Tapi kalau Islam tidak mahu disebut, akibatnya lagi dahsyat dari itu. Cuba lihat hasil atau pengalaman perjuangan yang sebegitu rupa. Manusia bukan saja tidak boleh jadi cekap, bersih dan amanah dan lain-lain, tapi mereka jadi lebih tidak bersih, tidak amanah dan tidak cekap dari sebelumnya. Proses penerapan nilai-nilai Islam secara menyorokkan nama Islamnya itu, membawa manusia lebih rosak dan jahat dari sebelumnya. Team A dan Team B dalam UMNO terjadi sesudah kempen bersih,

cekap, amanahlah! Rasuah dan penipuan besar-besaran pun berlaku dalam gelanggang bersih, cekap, amanahlah. Dan matinya UMNO pun masa itulah. Kenapa? Kenapa begitu sekali ujian atau bala atau kutukan yang Allah timpakan ke atas negara kita?

Kerana khalifah Allah, yang Allah amanahkan supaya memperjuangkan Islam dalam negara ini, telah terang-terangan khianat terhadap amanah itu. Mengapa tidak? Islam itu dari Allah, kepunyaan Allah dan Rasul-Nya. Tiba-tiba khalifah tadi malu atau takut hendak sebut Islam. Ertinya malu atau takut hendak sebut Allah dan Rasul. Tidak yakin kalau ketengahkan nama Allah dan Rasul. Dia lebih takut dan malu pada manusia daripada Allah dan Rasul-Nya. Dia lebih ingin, hendak ambil hati manusia daripada hendak ambil hati Allah dan Rasul. Dia terlupa yang Allah itu pengetahuan-Nya lebih hampir padanya daripada orang tadi. Sebab itu Allah hukum mereka dengan hukuman yang dahsyat sekali. Yang tidak pemah berlaku sebelumnya dan pada orang-orang lain. Sebab orang sebelum ini tidak bersumpah dengan Allah untuk berjuang atas nama Allah. Mereka itu jahil. Orang jahil Allah tidak marah walaupun Dia tidak suka. Tapi Allah marah pada orang yang tahu tetapi mempermain-mainkan-Nya.

Mana boleh sorokkan nama Islam. Itukan matlamat perjuangan. Yakni supaya tertegak hukum Islam, supaya orang semua menganut Islam, beramal dengan amalan Islam supaya manusia diredhai oleh Allah, diampunkan-Nya dan diselamatkan dari neraka-Nya. Manusia yang buat berjuta-juta kebaikan pun tapi dia bukan Islam, maka dia tetaplah dikira orang yang tidak selamat. Kalau begitu, kita kena berusaha bawa dia pada Islam. Kita kena beritahu dia, Islamlah kamu agar kamu selamat. Sebab hanya Islam

yang boleh menyelamatkan kamu.

Siapa yang ingin memperjuangkan Islam tapi tidak mahu sebut Islam, hakikatnya dia pun tidak faham Islam. Sebab, nilai-nilai Islam yang ingin diterapkan itu bukan boleh diterapkan macam terap kuih. Dia mesti dimulakan dengan menanamkan keyakinan yang kuat dalam fikiran dan hati manusia terhadap Allah dan Rasul. Dengan kata lain dia mesti bermula dengan iman. Sebab hanya iman yang boleh dorong manusia agar melakukan amal-amal kebaikan zahir dan batin, dan iman yang juga boleh kawal manusia dari melakukan kejahatan.

Bila hati rasa yakin dengan Allah, maka rasa yakin itulah yang membuatkan dia takut hendak buat dosa dan ingin melakukan kebaillan. Tanpa rasa hati yang cinta dan takut pada Allah, apakah lagi perkara yang boleh 'kontrol' manusia agar setiap masa membuat kebaikan walaupun waktu seorang diri? Dan setiap masa takut untuk melakukan dosa, walaupun waktu sendirian! Kalau di depan orang, manusia boleh berpura-pura berkelakuan bersih, cekap, amanah, tapi kalau waktu sendirian, apalagi yang boleh halang dia khianat dan curang? Kecuali orang-orang yang hatinya yakin bahawa Allah melihatnya walau di mana dan setiap ketika. Kalaulah dia buat perkara yang Allah tidak suka, dia yakin Allah akan junamkan ke dalam api neraka di akhirat, atau mungkin Allah hukum dia di dunia lagi. Kerana itu jadilah dia orang yang jujur, cekap, bersih, amanah, taat, setia, sabar, redha dengan takdir, bersyukur, pemurah, mengasihi orang lain sebagaimana mengasihi dirinya, merendah diri, timbang rasa, bertolak-ansur, dan lain-lain nilai kebaikan yang ada dalam Islam.

Maka dengan sendirinya, dia tidak lagi mahu menyombongkan diri, angkuh, takabur, gila pangkat, gila

dunia, hasad dengki, marah, dendam, ujub, riak, bakhil, mengadu domba, mengumpat, memfitnah dan lain-lain. Orang Mukmin yang sebenar, akan berusaha sedaya upaya untuk mengikis sifat-sifat jahat ini, kerana takutnya pada kemurkaan Allah. Dan sekiranya masih ada atau terbuat juga perkara-perkara jahat itu, maka dia akan menyesal, bertaubat minta ampun dengan Allah, dengan sesama manusia. Walaupun kejahatan itu orang tidak nampak, sebab ianya soal batin, tapi mereka yakin Allah tahu dan Allah tidak suka. Sebab itu dosa batin pun ditakuti dan dikikis juga dari masa ke semasa, hinggalah batinnyabenar suci, bersih dan mulia.

Itulah rahsia hati orang Islam. Yakni kekuatan dalaman yang memberi tenaga untuk manusia itu mengikut semua perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Yakni melakukan segala kebaikan atau nilai-nilai yang mulia lahir dan batin, serta meninggalkan segala keburukan atau nilai-nilai yang jahat lahir mahupun batin. Tanpa kekuatan dalaman ini yakni tanpa iman dan taqwa, sekali pun dia seorang Islam, bahkanpejuang Islam pun, pasti tidak dapat menghayati nilai yang mulia yang ada dalam Islam itu. Nescaya mereka akan dibawa oleh kemahuan nafsu yang ingin dan suka pada nilai-nilai yang jahat. Sebab dalam diri manusia memang ada suara-suara sumbang yang sentiasa menolak keinginan pada kebaikan-kebaikan yang mahu dilakukan.

Itulah nafsu jahat namanya. Kalau iman tidak kuat, yakni rasa hati yang ingin kepada kebaikan itu tidak cukup kuat untuk mengatasi kemahuan nafsu itu, maka akan terdoronglah manusia kepada kejahatan sekalipun akal fikirannya tidak menyetujuinya. Sebab akal tidak boleh lawan nafsu. Fungsi akal setakat tahu mana baik mana

buruk. Itu saja. Akal tidak boleh dorong atau kawal orang dari melakukan kejahatan atau kebaikan. Sebab itu fikrah Islamiah saja tidak cukup. Berjuang atas nama fikrah Islamiah tidak membawa manusia benar-benar melaksanakan semua suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Buktinya boleh dilihat nyata hari ini, bagaimana orang-orang yang bertempik-tempik mahukan Islam, pun cuai sembahyang, cuai melakukan sunnah Rasulullah dan tidak mengambil berat tentang aurat, pergaulan bebas, sistem sekular, ekonomi riba dan lain-lain. Bukan mereka tidak tahu itu semua haram, nanti masuk neraka, tapi mereka tidak mampu untuk lawan nafsu.

Oleh itu, perjuangan Islam sebenamya mestilah dilandaskan di atas jiwa Islam atau roh Islamiah yakni dengan iman dan taqwa. Yakni iman yang bertunjang di hati, bukan di akal. Iman ayyan namanya. Iman orang-orang soleh yang sifat hatinya digambarkan oleh Allah:

ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَـٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا
مَا خَلَقْتَ هَـٰذَا بَـٰطِلًا سُبْحَـٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Terjemahannya: Mereka sentiasa mengingati Allah di waktu berdiri. berbaring dan duduk. Dan mereka sentiasa bertafakur tentangpenciptaan langit dan bumi. (Kemudian mereka berkata) Tuhan kami, tidaklah Engkau ciptakan ini semua dengan sia-sia. Oleh itu selamatkan kami dari api neraka.

(Surah Ali Imran : 191)

Firman-Nya lagi:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

Terjemahannya: Orang yang beriman itu, bila disebut nama Allah, gementarlah hati-hati mereka dan kepada Allah mereka bertawakal

(Surah Al Anfal : 2)

Bila hati sudah jadi begitu, manusia akan benci dengan sebarang kejahatan lahir mahupun batin. Kerana itu, hiduplah mereka dalam amal-amal soleh, dengan sunnah Nabi dengan sentiasa berjuang fisabilillah. Apa jua rintangan perjuangan tidak mengubah sikap mereka bahkan diri rela terkorban demi Islam. Itulah ciri-ciri hamba Allah yang sebenamya. Supaya jadi begitu iman itu hendaklah diajar, dididik dan dimasukkan ke hati. Ini memerlukan kaedah pembelajaran dan pendidikan yang tersendiri dan jauh bezanya dengan sekolah-sekolah yang ada kini. Dasar, kurikulum sukatan pelajaran mesti diatur serapi dan setepat mungkin, supaya terbentuklahnanti peribadi-peribadi pelajar yang bertaqwa, berakhlak mulia, beramal soleh dan berjuang di jalan Allah. Itulah dasar pendidikan Islam. Satu pendidikan yang telah dicontohkandi dalam madrasah Rasulullah, 1500 tahun dulu. Dan kita juga boleh buat kalau kita mahu.

Bila iman sudah masuk ke hati, sepertimana masuknya iman ke dalam hati-hati Rasulullah dan para sahabat, maka bangunlah generasi contoh yang melaksanakan Islam secara syumul, seperti apa yang ada pada jemaah Rasulullah. Itu

mesti. Kalau benih durian yang disemai, maka durian jugalah buahnya. Mustahil buah durian dihasilkan dari benih rambutan. Maknanya kalau kita berjuang Islam, tapi hasilnya tidak sama dengan apa yang didapati oleh para sahabat, tentu kerana kita telah tersilap cara. Ertinya kita telah gagal.

Tapi kalau bukan dengan iman, etika kerja yang dicetuskan di pejabat-pejabat itu, tidak akan dibawa ke rumah atau ke tempat-tempat lain, di waktu yang lain. Mungkin dia jujur di pejabat, tapi di luar pejabat dia boleh jadi pengkhianat. Depan boss dia nampaknya cekap, tapi belakang boss dialah petualang yang melemahkan jentera kerajaan. Di tengah umum dialah tokoh Islam, tapi di rumah terajang isteri. Kebaikan yang dicetus di satu tempat tidak akan lahir di tempat lain, kalau kebaikan itu dibuat bukan kerana Allah. Mungkin kerana ingin naik pangkat, ingin pikat perempuan, ingin terkenal, dipuji dan lain-lain, maka kebaikan itu bukanlah perangainya. Orang begini orang munafik, atau hipokrit atau pura-pura. Tempatnya di neraka yang paling bawah. Sebab dosanya ialah dia berbohong dengan Allah, dengan manusia.

Manusia sangka dia baik, maka mereka berilah macam-macam kepercayaan agar dilaksanakan. Tetapi kemudiannya dia jadi pengkhianat yang sekejam-kejamnya. Kita tentu tidak mahu orang-orang begini. Tapi orang beginilah yang ramai sekarang. Sebab itu Malaysia kini bagaikan telur di hujung tanduk. Nasibnya telah begitu malang sekali dikerjakan oleh pemimpin-pemimpin yang tidak bertaqwa, yang menyuruh orang buat baik sedang dia sendiri lintang-pukang. Cakap Islam tapi dialah bapa munafik yang sangat benci pada Islam. Ditambah pula, dengan pemimpin-pemimpin Islam yang takut hendak menonjol-

kan Islam. Maka lagi cepatlah hukuman Allah itu datang. Dan bila Allah bertindak, maka profesor atau doktor mana pun tidak akan dapat buat apa-apa lagi. Kecuali kalau semua bertaubat, menyesal dan berjanji untuk tunduk pada Allah SWT, dan membetulkan semua kesilapan-kesilapan yang dibuat selama ini. Dan memilih Islam yakni Allah dan Rasul sebagai dasar dan matlamat perjuangan.

Kaedah perjuangan pula mestilah tepat. Bukannya ikut suka apa hendak buat. Yang mana suka ambil, yang tidak suka, buang. Nanti termasuk dalam ingatan Allah:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ

Terjemahannya: Apakah kamu percaya akan sebahagian dari isi kitab dan engkar dengan sebahagian yang lain. Tidak ada balasan bagi orang yang melakukan yang demikian itu melainkan hina, di dunia dan di akhirat akan dikembalikan pada azab yang dahsyat

(Al Baqarah : 85)

Perjuangan yang keliru tiada nilai di sisi Allah. Pahala pun tidak dapat. Hasil di dunia pun tidak ada. Dunia akhirat tidak dapat apa-apa. Sebab dalam Islam, ganjaran pahala untuk sesuatu amalan itu bergantung pada niat. Rasulullah bersabda:

انَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ

Terjemahannya: Sesungguhnya amalan itu bergantung pada niat. (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Amalan yang sama, dilakukan dengan niat yang berbeza, akan diberi ganjaran yang berbeza. Yang ikhlas dapat pahala, yang tidak ikhlas, tidak dapat apa-apa.

Kalau begitu, seorang yang memiliki dan mengamalkan nilai-nilai akhlak yang baik tanpa niat kerana Allah, dia akan rugi dan tidak dapat apa-apa pahala di sisi Allah. Begitu juga orang yang meninggalkan kejahatan tanpa diniatkan kerana Allah, pun tidak dapat pahala. Maknanya perjuangan menerapkan nilai-nilai Islam, tapi disorokkan nama Islam itu dari manusia, adalah perjuangan Islam yang sia-sia. Tidak dapat pahala dan tidak menyelamatkan manusia dari neraka.

Mengapa didorong manusia pada kebaikan tanpa diberitahu tentang janji pahala yang Allah janjikan itu? Kenapa tidak mengajak orang merebut pahala seperti mengajak orang berebut duit di dunia ini? Bukankah kemewahan dunia dibeli dengan duit dan kemewahan akhirat di tukardengan pahala? Apa kurang ghairahdengan syurga, dengan Allah dan Rasul? Atau malu hendak sebut syurga? Atau kurang yakin dengannya atau ragu-ragu atau tidak ambil peduli?

Walau apa pun sebab musababnya, maka itulah nilai iman kita. Lemah iman, lemahlah keinginan pada syurga. Kuat iman kuatlah keinginan padanya. Tapi jangan pula beramal kerana syurga!

Islam meminta umatnya melakukan sesuatu amalan secara sedar, yakin, tahu tujuan dan sebab musababnya. Supaya amalan itu benar jelas, yakni demi Islam, untuk Allah dan Rasul, dipertanggungiawabkannya ketika diminta menanggungjawabkannya, di dunia atau di akhirat. Supaya amalan baik itu tetap jadi perangai dan akhlaknya walau apapun halangari dan rintangan cuba menyekat ia-

nya tetap diteruskan. Islam tidak mahu umatnya jadi daun pisang kering. Yang bergoyang ikut arah angin. Angin ke barat, dia ke barat, angin ke timur dia ke timur, tanpa tahu kenapa ke barat dan kenapa pula ke timur. Islam tidak mahu umatnya menjalankan undang-undang masuk kandang kambing jadi kambing, masuk reban ayam jadi ayam.

Umat yang tidak tahu prinsip dan matlamat hidup adalah umatyanglemah,tidakmerdeka,penakutdantidakberjuang untuk membina satu tamadun yang tinggi. Sukakah kita masyarakat Islam yang begitu? Kalau tidak, mengapa mahu sorok nama Islam? Bukankah Islam itu ialah satu pandanganhidupdancarahidupyangbersumberkanwahyu Allah dan Sunnah Nabi? Samakah hak Allah dengan ideologi bikinan otak manusia? Tentu tidak. Maha Tinggi zat Allah dan apa-apa yang diajarkan-Nya. Kalau begitu mengapa malu dan takut serta rasa 'inferiority complex' untuk dedahkan dan tonjolkan Islam di mana-mana?

Perjuangkan sungguh-sungguh hingga semua orang dengar dan tahu dan faham serta yakin laksanakan apa saja yang kita ambil dan tahu tentang Islam. Biar apa orang hendak kata, asalkan Allah suka. Itulah prinsip orang beriman dan itulah yang dipertahankan sesungguh hati. Barulah berjuang namanya. Yakni perjuangkan Islam! Barulah ada nilai di sisi Allah. Ada pahalanya. Dan ada berkatnya. Di samping manusia juga tahu apa yang kita maksudkan dan mudah untuk mereka menilai samada mahu ikut atau tidak. Tapi kalau main sorok-sorok, siapa yang tahu? Maka macam mana orang mahu terima Islam dan mengiktirafnya sebagai agama Allah dan Rasul. Dan bagaimana kita hendak katakan kita perjuangkan Islam sedangkan orang tidak tahu, kerana kita tidak beritahu yangkitaperjuangkanitu ialah Islam! Bagaimanapulakita

hendak mengaku pada Allah di hari akhirat nanti bahawa kita memang mengajak manusia pada Islam? Bolehkah kita tanya Tuhan, mana pahala untuk saya kerana perjuangan saya dulu?

2. Ada orang yang mengaku perjuangkan Islam tapi bila kita tanya kenapa tidak bangunkan sistem hidup Islam, pendidikan Islam, perubatan Islam, ekonomi Islam, perkilangan Islam, lain-lain hukum Islam dalam soal-soal kemasyarakatan yakni hukum fardhu kifayah di dalam, jemaah, maka jawab mereka, "Tidak perlu dibuat lagi, Islamkan saja yang sudah ada!" Begitu mudahnya didengar tapi sudah berbelas tahun pejuangan berlangsung belum satu pun diubah sistem jahiliah itu kepada Islam? Bila agaknya tarikh sebenarnya perubahan itu mahu dilancarkan? Dan bila pula selesainya program perubahan itu di seluruh Malaysia?

Kemudian kita hendak tanya lagi. Bagaimana proses perubahan itu hendak dilakukan? Apa dulu yang diubah dan apa yang dikemudiankan? Katakanlah hendak ubah sebuah sekolah sekular kepada sekolah Islam. Bagaimanakah caranya? Takkanlah hendak tukar kurikulum pelajaran atau sukatannya. Atau takkan pula hendak tukar buku-buku teks yang digunakan? Atau hendak tukar guru-guru yang mengajar atau apa? Walau apa pun, tidak mengapalah, tapi mana persediaannya? Mana perlembagaan sistem baru itu? Mana perancangan dan keperluan-keperluan teknikal dan ilmu dan tenaga pengajar untuk mengalih sistem sekular pada Islam. Kalau ada, sudah cukupkah? Kalau belum bagaimana perubahan itu boleh dibuat? Alangkah keliru fahaman ini dan sangat mengelirukan orang!

Islam bukan suruh ubah orang punya. Tapi Allah suruh buat sendiri. Asaskan dulu sistem itu dalam jemaah kita sendiri. Kemudian seru orang lain supaya mereka laksanakan seperti apa yang kita laksanakan. Kalau pun orang tidak mahu menyerah, maka kita perjuangkan kita punya hingga dia membesar dan merata-rata. Itulah perjuangan dan kita mesti optimis bahawa kebenaran akan hidup dan yang bathil akan lenyap.

Firman Allah:

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ

Terjemahannya: Hendaklah kamu berbuat nanti Allah akan melihat, Rasulullah melihat dan orang Mukmin akan melihat.

(Surah At Taubah : 105)

ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ

Terjemahannya: Hendaklah kamu melaksanakan mengikut pendirian kamu.

(Surah Hud : 93)

Memang Allah suruh buat, bangunkan, laksanakan apa yang kita yakini dan yang kita ingini itu. Sedikit atau banyak bukan soal, jaya atau gagal jangan kira dulu. Kecil atau besar jangan disusahkan. Allah bejanji untuk melihat sekali pun kecil. Rasul juga melihat. Dan orang Mukmin pun lihat, nampak kebaikan yang kita cetuskan itu. Kalau betul ikhlas dan betul caranya tentu Allah dan Rasul restui

dan manusia akan ikut nanti. Itukan peraturan alam yang mesti berlaku. Sedangkan perjuangan taghutpun membesar danmendapat pengikut. Inikan pula hak Allah. Tentu Allah tidak biarkan. Tapi pelik, pejuang-pejuang Islam kita ada yang tidak mahu buat, kerana hendak ubah yang orang buat. Apa maknanya itu?

Adakah:

a. Kerana mereka itu ingin berkuasa. Kononnya bila sudah berkuasa baru boleh ubah sistem-sistem itu. Ubah tulisanperlembagaannya. Tapi belum tentu tulisan baru itu dapat dilaksanakan sepenuhnya, disebabkan oleh kelayakan tidak cukup. Keperluan berkurangan dan persediaan tidak ada!

b. Mahu lari dari tanggungjawab. Sebab hendak buat sendiri, memang susah. Kepentingan diri kena korban itu ini, hingga terkorbanlah. Maka biar mudah cerita, katakan sajahendakubahyangtelahada.Bilamahuubah?Entahlah! Ertinya dia tidak tahu bila pejuangannya akan dimulakan sebenarnya.

Firman Allah:

أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Terjemahannya: Adakah kamu menyuruh manusia berbuat baik sedangkan kamu lupakan diri kamu? Sedangkan kamu membaca kitab. Apakah kamu tidak berfikir?

(Surah Al Baqarah : 44)

Kitapun tidak mampu hendak buat. Sebab memang

susah hendak buat hukum Allah ini, tiba-tiba kita suruh orang lain buat dulu dari kita. Kita harap hendak ubah sistem dan hendak ubah orang, sedangkan kita pun dan jemaah kita pun belum benar-benar berubah. Bagaimana keadaan ini boleh terjadi? Keadaan beginilah yang saya maksudkan pandangan perjuangan yang keliru.

3. Ada juga pejuang Islam yang berkata, "Dalam perjuangan Islam kita tidak berhajat untuk bangunkan budaya Arab seperti pakai jubah serban, berpurdah bagi wanita dan lain-lain ciri-ciri lahiriah kehidupan Rasulullah." Mereka menganggap soal-soal pakaian, cara makan, cara-cara hidup harian Rasulullah dan para sahabat itu sebagai budaya orang Arab. Jadi tidaklah perlu diperjuangkan.

Saya kira, pandangan ini jauh menyimpang dari ajaran Islam. Sebab perbuatan Rasulullah bukan budaya tapi sunnah, yang kalau dibuat akan dapat pahala.

Sembahyang dengan serban akan dapat pahala 70 lebih dari orang yang tidak berserban. Itu maksud hadis. Ertinya kita disuruh berserban. Rasulullah tidak pemah pakai kemeja dan seluar. Baginda pakai jubah, gamis, wama putih, hijau dan hitam. Itulah pakaian sunnah kalau diikut dapat pahala sunat. Begitulah dalam hal apa juga kalau kita buat kerana Allah, untuk menegakkan kehidupan sunnah maka akan dapat pahala. Ertinya perkara itu elok dibuat.

Tapi ada pejuang Islam tidak mahu ikut itu semua. Dia hendak ambil Islam yang hebat-hebat nilai-nilainya, yakni sifat-sifat hati yang mulia seperti jujur, bersih, cekap, amanah, taat setia dan lain-lain. Itulah Islam yang sebenar kata mereka. Pada saya, mereka ini ibarat orang yang hendak makan buah di atas pokok. Dia terus-terus hendak ambil buah, tanpa mahu panjat pada batang, ranting, dahan, me-

lalui daun-daunnya. Mana boleh.

Islam tertegak atas akidah, ibadah, fardhu ain, fardhu kifayah, sunat ain, sunat kifayah, akhlak, sistem-sistem hidup habhunminannas yang berbagai-bagai jenisnya. Maka kalau hendak tegakkan Islam, kena buat semua itu dan tinggalkan yang haram dan makruh. Mana boleh ambil satu saja daripada Islam itu. Kalaupun dapat, itu belum boleh dikatakan Islam.

Inilahsatulagi pandangan yang kelim tentangperjuangan Islam. Moga Allah selamatkan kita semua.

13

BEGINILAH CARA MEREKA MENYOROKKAN KELEMAHAN DIRI

DI SINI saya ingin mendedahkan satu kesilapan agak besar yang dibuat oleh setengah-setengah pejuang-pejuang Islam di Malaysia.

Oleh kerana badan-badan Islam berbagai jenisnya, bermacam-macam pula cara dan fahaman dan keyakinan pun berbeza, maka terjadilah semacam satu persaingan antara mereka itu. Ada usaha nak menjatuhkan badan-badan lain disamping menaikkan badan sendiri. Kalaulah yang dikatakan itu memang betul, boleh tahan juga, sekurang-kurangnya membantu pihak yang terlibat, membetulkan jemaah mereka. Tetapi sebenamya apa yang dikatakan itu adalah bertujuan menyorokkan kelemahan sendiri supaya orang tidak mengatakan jemaah kepunyaan mereka itu lemah atau tidak betul. Dengan kata-kata itu bolehlah ditutup kelemahan sendiri di samping lepaslah mereka daripada tanggungjawab.

Biar saya beri beberapa contoh untuk perhatian kita bersama:

1. Di antara jemaah-jemaah Islam itu ada satu dua darinya telahmembangunkan ekonomi Islam dalam Jemaah mereka. Jemaah-jemaahlain tidakbegitu. Makaberkatalah

orang yang tidak buat ekonomi Islam pada yang buat, "Kita badan dakwah bukan badan ekonomi!" Mula-mula . dengar tentulah kita rasa itu memanglah prinsip mereka. Tak apalah. Tapi yang pelik, tidak lama selepas itu orang, yangberkata itu buatekonomi Islam dalam jemaah mereka. Sikap ini membuatkan kita nampak bahawa sebenarnya bukan mereka tidak setuju dengan pembangunan ekonomi Islam dalam jemaah Islam, tetapi kerana waktu itu mereka belum mampu atau mereka belum mahu buat. Jadi dikatakanlah perbuatan orang lain tak betul. Tapi bila mereka sudah mampu nak buat, mereka pun buatlah! Ertinya perbuatan itu memang bagus dan elok dibuat.

2. Bila dilihat ada badan Islam bangunkan pendidikan Islam maka adalah badan-badan lain berkata, "Apalah sibuk-sibuk nak bangunkan sekolah, sekolah kan dah banyak? Islamkan yang ada. Atau cuba dapatkan negara Islam, nanti sekolah pun jadi Islam." Dalam orang menunggu mereka nak Islamkan sekolah-sekolah yang ada tiba-tiba kita dengar mereka buat sekolah. Paling tidak individu dalam jemaah mereka telah bangunkan sekolah Islam. Apa maknanya ini?

Sebenamya waktu berkata dulu tu, bukan kerana membangunkan sistem pendidikan Islam itu tidak bctul. Betul. Tapi, tak mampu nak buat, ataupun memang belum nak buat lagi. Jadi nak tutup kelemahan atau supaya lepas dari tanggungjawab maka mereka katalah begitu. Sebab itu bila mereka sudah mampu maka merekapun membangunkanlah seperti badan Islam tadi bangunkan.

3. Ada orang perjuangkan jubah serban dan purdah sebagai salah satu program perjuangan mereka. Maka

adalah yang menyampuk, "Itukan remeh-temeh. Perjuangan Islam adalah perjuangan besar, tentang masalah antarabangsa."

Tak lama kemudian bila serban sudah jadi kegemaran ramai, maka orang yang berkata tadipun lilit serban juga. Mereka tutup muka juga. Ertinya kata-kata tadi ialah kerana belum nak buat. Bukannya perkara itu tidak betul!

4. Bila dilihat ada badan Islam yang sibuk dengan usrah dantarbiah maka berkatalah tukang-tukang kata ini, "Asyik usrah dan tarbiah, nanti negara disapu orang." Alih-alih lepas itu kita tengok mereka pula yang ke hulu ke hilir membuat usrah dan tarbiah. Kenapa jadi begitu? Kerana itulah yang betul bukannya apa yang mereka katakan itu. Cuma dulu tu sengaja tidak mahu iktiraf pendapat orang dan nak tutup kelemahan diri.

5. Ada juga dengarpejuang-pejuang Islam komen tentang asrama puteri. Tak sunnah kata mereka. Tak lama lepas tu mereka pula yang bangunkan asrama puteri. Aneh, bagaimana boleh terjadi? Apa yang ada di sebalik itu semua?

Patutnya pejuang-pejuang Islam ialah orang-orang yang berlapang dada. Tidak melulu, emosional, gopoh-gapah dan suka pada kritikus. Sebaliknya jadi orang yang sensitif dengan kebenaran sekalipun datang dari seorang budak. Barulah badan-badan Islam aman damai dan dapat kita sepakat dalam perjuangan. Yang baik sama-sama buat. Yang tak baik sama-sama jauhi.

Sayadedahkanhalinibukanlahbertujuannakpulangkan paku buah keras, tapi bermaksud untuk menampakkan pada masyarakat bahawa mereka harus hati-hati terhadap

orang-orang yang suka menyorokkan kelemahan diri dengan menjatuhkan orang lain. Sudah lama masyarakat termakan perkara-perkara yang negatif ini, hingga kerana itu bercelarulah hubungan antara umat Islam, berpecah dan berlaga-laga. Siapa yang untung? Siapa pula yang rugi?

14

BAGAIMANA MEMBANGUN UMMAH

KEKUATAN seseorang manusia tidak diukur pada kekuatantubuhbadan, kerana itubererti menyamakanmanusia dengan binatang. Kekuatan manusia tidak diukur dari kecerdasan akal, kerana orang yang bijak belum tentu dapat menahan diri daripada bujukan hawa nafsu yang mengarah kepada kejahatan. Kekuatan manusia juga, tidak diukur hanya semata-mata kepada jiwanya, kerana jiwa yang kuat tanpa akal yang bijak serta fizikal yang sihat akan menumpulkan daya juang dan lembab bertindak. Jadi di mana sebenamya kekuatan seseorang manusia?

Untuk memudahkan kita memahami hal ini, marilah kita lihat unsur-unsur yang ada pada seseorang manusia. Seorang manusia mempunyai tiga unsur yang penting untukdibina, disuburkan dengan dilatih agarketiga-tiganya dapat berfungsi dengan baik. Unsur-unsur itu ialah jiwa, akal dan anggota fizikal. Islam sangat mementingkan pembangunan ketiga-tiga kekuatan ini, kerana di sinilah punca kekuatan ummah. Dari seorang Muslim yang kuat akan terbinalah keluarga, masyarakat, negara dan seterusnya dunia Islam yang kuat dan gagah perkasa. Tanpa individu muslim yang kuat, tidak ada gunanya bet-slogan untuk membina kekuatan Islam peringkat antarabangsa.

Membina fizikal yang kuat

Fizikal yang kuat mesti dibina melalui aktiviti-aktiviti makrufat dan gerak kerja luar yang mencergaskan badan. Latihlah diri supaya banyakbersembahyang sam ada fardhu dan sunat. Sembahyang bukan sahaja menggerakkan hati untuk mengingati Allah, tetapi juga menggerakkan anggota badan dengan tangkas, tertib dan teratur. Dengan ini rasa malas akan tertekan, lama kelamaan akan terbinalah sifat rajin, disiplin dan menepati waktu. Fizikal yang kuat juga dapat dibangunkan dengan melakukan ziarah, bermusafir dan berhijrah ke satu-satu tempat dengan tujuan dakwah dan perjuangan. Bermusalir melatih diri cekal, tahan lasak dan bijakbertindakdalam menyelesaikanmasalah-masalah yang timbul dalam perjalanan. Selain daripada itu umat Islam juga dituntut membuat latihan jasmani, bersukan dan melakukan aktiviti-aktiviti riadah yang tidak bercanggah dengan syariat. Rasulullah SAW bersabda:

"Ajarilah anak-anak kamu berenang, memanah dan menunggang kuda."

Dengan kesihatan tubuh badan akan terhindarlah seseorangdari penyakit. Ini penting kerana kesihatan tubuh badan amat besar pengaruhnya kepada jiwa dan akal. Tubuh yang sakit tidak akan mampu berfikir secara serius, tidakmampu memikul kerja keras, berjihad di jalan Allah, tidak mampu menanggung kesusahan dan penderitaan fizikal yang sudah menjadi asam garam dalam perjuangan. Kesegaran tubuh badan sangat diperlukan menghadapi cuaca panas, dingin, daerah lembah, bukit-bukit dan menghadapi kekurangan makanan dan ketidakselesaan tempat tinggal. Sebaik-baiknya, biasakanlah hidup susah

kerana nikmat itu tidak abadi. Islam tidak akan dapat dibangunkan oleh umat yang lemah fizikalnya. Individu Islam yangmengantuk, malas, lembabdanlambatbertindak menandakan fizikalnya terabai, tidak dibangunkan. Ini merupakan satu penyakit kepada perjuangan!

Membangunkan akal

Kekuatan dapat dibina dengan berfikir. Dan fikiran dapat diasuh dengan pembacaan, penelitian dan penyelidikan. Bagi seorang muslim, dorongan berfikir sangat kuat. Firman Allah:

أَفَلَا يَعْقِلُونَ

Terjemahannya: Mengapa kamu tidak berfikir?
(Surah Yaasin : 68)

Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya, "Berfikir sesaat lebih baik dari seribu rakaat sembahyang yang tidak khusyuk."

Olehituberfikir di dalam Islam adalah ibadah. Bertaqlid secara membuta tuli itu satu kejelekan. Ini disebabkan, berfikir adalah anak kunci kepada kefahaman dalam beragama.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Barangsiapa yang dikehendaki Allah baginya kebaikan, maka diberinya pengertian (kefahaman) dalam soal agama."

Oleh itu kekuatan fikiran mestilah dihalakan ke arah mencari iktibar, hikmah, pengajaran samada yang tersurat mahu pun yang tersirat tentang isi Al Quran. Al Quran ialah sumber ilmu yang paling utama. Memahaminya bererti memahami segala pokokilmu sam ada yang berkaitan

dengan ilmu dunia atau pun akhirat. Islam tidakmenghalang penganutnya membuat penyelidikan, eksperimen atau 'research' di dalam apajuga bidang, yang tidakbertentangan dengan syariat. Ahli ekonomi, ahli politik, ahli sains dan tenaga-tenagaprofesionalyanglain,bebasuntukmembuat penyelidikan mengikut kaedah masing-masing. Bahkan mengikut ajaran Islam, bidang-bidanginidiletakkansebagai fardhu kifayah.

Kekuatan akal juga dapat dibina dengan banyak membaca. Islam sangat mementingkan tabiat membaca di kalangan umatnya. Membaca adalah anak kunci pengetahuan. Fit-man Allah:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Terjemahannya: Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu. *(Surah Al A 'laq: I-2)*

Namun apa yang perlu diingat, bahan bacaan mestilah yang sesuai dengan syariat. Membaca sesuatu yang mungkar, lucah dan batil samalah dengan memberi racun kepada fikiran. Fikiran yang kotor akan mendorong seseorang memikirkan bagaimana hendak melakukan kemungkaran. Akhimya terbentuklah masyarakat yang kreatif dalam membuat kejahatan hasil daripada bahan bacaan yang mungkar!

Akal yang tajam juga dapat dibina melalui muzakarah-muzakarah tentang ilmu dan isu-isu semasa. Di sinilah kita dilatih supaya cekap memahami butir-butir perbincangan, berani memberi pandangan, berakhlak dalam berhujjah dan sabar menghadapi pendapat-pendapat yang bertentangan.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Hidupnya ihnu dengan muzakarah."

Muzakarah adalah tradisi para ulama di zaman salafus soleh. Berkembangnya ilmu di zaman keagungan Islam itu adalah disebabkan hidupnya suasana muzakarah di kalangan para ulama. Mereka mampu member-i hujah yang tepat dan dalil-dalil yang benar di atas apajua permasalahan umat. Sebab itulah Imam Ghazali digelar Hujjatul Islam.

Seorang pemah memuji Imam Syafie dengan katanya: "Akal Imam Syafie menyamai akal separuh penduduk dunia."

Tentang kehebatannya berhujjah, Ibnu Rawuhih pemah berkata: "Beliau adalah ahli pidato, luas pandangan dan mengetahui rahsia kejiwaan."

Begitulah dengan imam-imam mazhab yang empat. Mereka terkenal sebagai individu yang bijak, kuat ingatan dan banyak membaca. Dengan sifat-sifat itulah mereka mampu menangkis hujjah pembawa bid'ah dari aliran-aliran fikiran yang sesat; pengaruh falsafah Yunani, kaum Muktazilah, Syiah, Jabariah, Khawarij, Qadariah dan lain-lain lagi.

Malangnya, suasana ini tidak berlaku lagi sekarang. Muzakarah diganti dengan mujadalah (berbantah-baritah). Umat Islam terseret ke medan pertikamanlidah, berbantah-bantah, bertegang leher dalam suasana yang panas dan sensitif. Perkara ini berlaku di mana-mana. Tidak kira di parlimen (kononnya tempat orang-orang bijak berbincang), di kedai-kedai kopi, di stesyen-stesyen bas, hatta di dalam masjid sekalipun. Mujadalah tidak akan menghidupkan ilmu, sebaliknya ia adalah bibit-bibit yang akan menimbulkan persengketaan yang lebih dahsyat. Rosaknya

masyarakat hari ini ialah kerana banyaknya mujadalah. Akibamya kebenaran yang dicari semakin jauh, api permusuhan pula yang semakin marak.

Sabda Rasulullah SAW bermaksud, "Barangsiapa yang meninggalkan mujadalah dalam pada ia dalam kesalahan maka Allah akan binakan istana baginya di tepi syurga, Dan barangsiapa yang meninggalkan bermujadalah itu dalam pada ia dalam kebenaran, Allah akan bina istananya di dalam syurga."

Rasulullah juga bersabda:

"Kerosakan Bani Israel ialah kerana banyak bertanya dan banyak berbantah-bantah (bermujadalah)."

Jika kita ingin membina umat yang kuat akalnya, sudah tibalah masanya untuk memberhentikan sebarang mujadalah danmenghidupkan semulatradisi bermuzakarah. Dan sebagai umat Islam; Al Quran dan hadis dan kitab-kitab ulama muktabar mestilah dijadikan tempat rujuk dalam setiap muzakarah. Setiap pendapat yang paling hampir dengan bahan rujukan, itulah pendapat yang paling tepat. Tidak ada gunanyabennuzakarah jika setiap golongan mengutamakan pendapat masing-masing tanpa mahu tunduk kepada satu rujukan. Jika itu berlaku juga, muzakarah kita hakikamya masih mujadalah!

Daripada umat yang telah dibangunkan kekuatan fizikal kemudian dikuatkan pula oleh akal fikirannya maka terbentuklah barisan individu yang kuat, ilmu yang luas, strategi perjuangan yang tepat, bijak mengenal lawan atau kawan dan pandai bertindak. Namun, kekuatan umat Islam tidak lengkap hanya dengan kekuatan-kekuatan ini. Ertinya, umat Islam masih dikira lemah jika hanya dapat membina fizikal yang kuat dan akal yang bijak. Malah, jika

salah tadbir, dua kekuatan ini akan disalah-gunakan.

Umpamankan senjata api. Jika jatuh ke tangan polis ia akan digunakan ke arah menjaga ketenteraman awam. Tetapi jika jatuh ke tangan perompak, bumk padahnya. Oleh itu, faktor terpenting untuk menjamin kedua-dua kekuatan ini tidak disalah-gunakan ialah membina kekuatan roh ataupun jiwa.

Membangunkan roh atau jiwa

Inilah kekuatan yang paling utama dan paling pokok dalam usaha membina individu muslim yang kuat. Hanya jiwa yang baik dan terasuh akan dapat menghalakan kekuatan fizikal dan akal ke arah kebaikan. Ia adalah 'generator' atau raja kepada seluruh tindakan manusia, lahir dan batin. Sabda Rasulullah SAW bennaksud:

"Sesungguhnya dalam tubuh anak Adam itu ada segumpal daging, apabila segumpal daging itu baik, maka baiklah seluruh badan. Dan apabila ia jahat maka jahatlah seluruh anggotatubuh. Ketahuilah bahawa daging itu ialah hati (jiwa)"

Membinakekuatan hati tidak samadengancaramembma kekuatan akal. Lebih-lebih lagi tidak sama dengan cara membina kekuatan fizikal. Hati ataupun roh adalah soal-soal maknawi, halus lagi seni. Rasulullah SAW pemah ditanya tentang roh, baginda terdiam sehingga turun firman Allah yang berbunyi:

قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي

Terjemahannya: Katakanlah, rohadalah urusan Tuhanmu (Allah).

(Surah Al Israq' : 84)

Hanya pakar-pakar kerohanian sahaja yang nampak cara bagaimana hendak membina kekuatan hati (jiwa). 'Doktor-doktor kerohanian' ini bekerja atas jalan yang diwarisi dari Rasulullah SAW. Sudah tentu, jiwa yang bersifat unik perlu kepada cara pembinaan yang unik juga. Di sinilah letaknya kehebatan Rasulullah, guru-guru sufi dan waliullah. Mereka bekerja mencanai hati manusia, mengubat jiwa yang sakit dan menyuburkannya dengan sifat-sifat baik (mahmudah). Ahli olahraga, para saintis malah profesor-profesor yang mempunyai ijazah yang berjela-jela tidak akan berdaya mengupas persoalan mengenai hati dan jiwa manusia. Hati yang dimaksudkan bukanlah daging yang dapat dilihat dan dirasa tetapi ia adalah "latifah rabbaniah" yang telah wujud lama sebelum terbentuknya tubuh badan. Tidak ada mikroskop yang dapat mengesan dan melihat rupa dan perlakuannya. Sebab itu, dunia hari ini dipenuhi oleh berbagai-bagai kerosakan lantaran kurangnya pakar-pakar jiwa yang terdiri daripada ulama ul amilin, para waliullah dan juga orang-orang soleh. Jika ada pun, masyarakat sering menyisihkanmereka secara sedar ataupun tidak. Maka muncullah 'pemimpin-pemimpin palsu' yang diangkat menjadi juru selamat umat, yang jahil dalam soal hati dan buta terhadap jalan-jalan kerohanian!

Pembangunan jiwa

Jiwa dibangunkan dengan iman. Dan iman yang dimaksudkan di sini bukanlah hanya satu kepercayaan yang rapuh, kosong dari amalan tanpa dibuktikan dengan jihad dan pengorbanan. Iman yang hanya didasari oleh kepercayaan adanya Tuhan pencipta alam tidak akan

menguatkan jiwa. Iman peringkat ini hanya setarafdengan kepercayaan yang ada di dalam hati orang-orang kafir.

Firman Allah:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۚ قُلِ
ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ

Terjemahannya: Jika kamu (Muhammad) tanyakan kepada orang kafir (Quraisy) siapakah yang menjadikan langit dan bumi, nescaya mereka menjawab: Allah.

(Surah Lukman : 25)

Tegasnya, iman yang dimaksudkan di sini ialah iman yang diucapkan penuh berani olehlidah, diyakini sedalam-dalamnya oleh hati, sekaligus dibuktikan oleh perbuatan. Inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah:

ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَٱلصَّٰبِرِينَ عَلَىٰ مَآ أَصَابَهُمْ
وَٱلْمُقِيمِى ٱلصَّلَوٰةِ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ

Terjemahannya: Dan berilah khabar gembira kepada mereka yang tunduk patuh (kepada Allah), iaitu mereka yang apabila disebut nama Allahgementarlah hati mereka, mereka yang sabar terhadap apa yang menimpanya, yang mendirikan sembahyang dan menafkahkan sebahagian daripada apa yang Kami rezekikan kepada mereka.

(Surah Al Haj: 34 - 35)

Malangnyaumat Islam pada hari ini, sangat berpuas hati dengan iman yang ada dalam hati mereka walaupun iman

itu setaraf ataupun tinggi 'sedikit' sahaja daripada kepercayaan orang-orang kafir. Mereka marah jika ada orang mengkafirkan mereka, tetapi tidak ambil pusing untuk membuktikan mereka Islam dalam ertikata sebenamya. Sebenarnya, rasa bertuhan adalah naluri setiap manusia. Cuma dalam 'mencari' Tuhan sahaja berbeza. Ada yang salah (orang-orang kafir) dan ada yang benar (orang-orang Islam). Seorang komunis walaupun lidahnya menatikan kewujudan Tuhan namun hati kecilnya tetap mengakui kewujudan Tuhan. Bila mereka sakit, terdetik dalam hatinya perasaan, "Kalaulah ada kuasa yang boleh menyembuhkan aku." Itulah rasa inginkan Tuhan. Tidak hairanlah tanpa sedar mereka sebenamya telah "bertuhankan" Lenin, Karl Marx dan Mao Tze Tung.

Kalau dengan angkuh mereka bertanya: "Apa bukti Tuhan ada?" Kita seharusnya bertanya kembali: "Apa pula bukti Tuhan tidak ada?"

Iman yang hendak ditanam ke dalam jiwa ialah iman yang boleh menimbulkan rasa takut, hebat, gerun dan cinta kepada Allah. Terasa kerdil dan sentiasa diawasi oleh Allah. Meresap perasaan cinta bercampur takut yang mendalam dalam hati. Sehinggadenganperasaanitumendorong kita mengawal kata-kata, perbuatan, kerlingan mata mahupun detikan hati agar sentiasa tepat dengan kehendak Allah. Firman Allah:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ
مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ

Terjemahannya: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan

oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya." *(Surah Qaf : 16)*

Dengan iman yang kuat, hati akan menjadi penasihat kepada seluruh perbuatan. Jika kebaikan, didorongnya. Jika kemungkaran di halangnya. Sabda Rasulullah bermaksud, *"Siapa yang ada penasihat dari dalam hatinya maka adalah bagi dirinya pengawal dari Allah."*

Sabda Rasulullah SAW lagi:

"Mintalah fatwa kepada hatimu sendiri, mintalah fatwa kepada jiwamu. Sesungguhnya kebaikan itu adalah sesuatu yang jiwa menjadi tenteram olehnya dan dosa itu adalah sesuatu yang menggelisahkan dan meragukan jiwa."

Apakah kesan membangunkan kekuatan jiwa melalui penanaman dan penyuburan iman? Dengan iman seorang manusia akan mampu melawan hawa nafsu yang tidak boleh dikalahkan hanya dengan kegagahan tubuh badan mahupun kecerdasan akal. Ada kalanya akal dan tubuh badantunduk kepada kemahuan nafsu. Nafsu yang dibantu oleh kekuatan tubuh dan kecerdasan akal ini akan lebih bermaharajalela. Duniarosakbukankeranakejahatanorang lemah ataupun orang bodoh tetapi adalah kerana rakusnya nafsu orang kuat dan orang bijak. Hanya orang yang kuat imannya dapatberjuangmelawanhawanafsu sesuai dengan sabda Rasulullah yang bermaksud: Seorang mujahid (pejuang) itu ialah orang yang berjihad melawan nafsu dan menundukkannya supaya patuh kepada Allah SWT.

lman yang kuatjuga membuahkan sifat-sifat mahmudah seperti sabar, syukur, pemurah, berani, tasamuh (toleransi), suka meminta atau memberi maaf, tunduk kepada kebenaran, tawaduk, berkasih sayang; bertimbang rasa,

pemalu, kuat kemahuan, kuat jiwa, berani dan lain-lain lagi. Sifat-sifat mahmudah inilah yang menjadikan umat itu terhormat, kuat dan berdaulat. Sebenarnya ramai manusia, termasuk umat Islam telah tandus dengan sifat-sifat ini. Tidak ada sifat malu menyebabkan manusia tergamak melakukan dosa sewenang-wenangnya. Tidak ada sifat kasih sayang menyebabkan hilang persaudaraan danmudahbersengketa.Pengecutmenimbulkansifatdayus dan hilang semangat bejuang. Tidak ada kekuatan kemahuan menyebabkan lemah bila diuji, tidak mampu memikul tugas besar dan sering mengalah kepada kesusahan. Cukuplah sekadar itu untuk membuktikan bahawalemahnya imanbererti lemahlahseseorang individu atau masyarakat Islam.

Kekuatan sesuatu umat tidak boleh dibina oleh slogan-slogan muluk yang berapi-api. Tidak boleh disuburkan denganmelobi semangat bangsa dan tidakbolehdigembar-gemburkan dengan karisma pemimpin semata-mata. Yang penting ialah iman. Kuatkan keyakinan kepada Allah, kepada Rasulullah dan kepada hari akhirat, syurga dan neraka. Kekuatan ekonomi, kekuasaanpolitik, keampuhan angkatan bersenjata akan menjadi debu yang tidak ada nilainyatanpa kekuataniman. Pembangunan yangdiusahakan akan runtuh oleh sifat tidak amanah, rasuah, rakus dan lain-lain sifat buruk oleh individu-individu yang kering imannya. Oleh itu pembangunan jiwa jangan sekali-kali dilupakan dalam usaha membina kekuatan ummah. Inilah yang dimaksudkan oleh sabda Rasulullah yang bermaksud: "Mukmin yang kuat lebih baik dan disukai Allah dari mukmin yang lemah."

Sekarang kita sudah dapat menjawab persoalan: Mengapa umat Islam hari ini lemah? Jawabnya, kerana

lemahnya kita membma ketiga-tiga kekuatan - jiwa, akal dan fizikal. Umat Islam telah hilang pimpinan kerana hatinya tidak memimpin. Perjuangannya gelap kerana ilmunya yang kurang buat menyuluh. Dan tenaga kerjanya lemah kerana fizikalnya tidak dibangunkan. Ada manusia yang sibuk membangunkan akal tetapi mengabaikan pembangunan jiwa. Ada manusia yang menumpukan sepenuhnya kepada kekuatan jiwa. Lebih malang, ada manusia yang mengabaikan ketiga-tiga kekuatan.

Umat yang membangunkan akal dan fizikal semata-mata tetapi mengabaikan pembangunan jiwa akan senasib dengan orang-orang barat. Kemajuannya tinggi melangit, tetapi akhlaknya runtuh menyapu bumi. Kaya harta diiringi oleh sakitjiwa, frust dan bunuh diri. Jenayah menjadi-jadi, AIDS, dadah dan berbagai-bagai penyakit sosial mengancam semua orang termasuk bayi yang ada dalam kandungan. Umatnya gagah, meraih pingat-pingat kemenangandalam olahraga tetapi kalahdalam memerangi hawa nafsu. Otaknya bijak tetapi tidak dapat menahan diri dari perbuatan curang, menipu, dan rasuah. Di mana ada kebahagiaan? Di mana ada ketenteraman? Melalui tangan-tangan merekalah tercetusnya kerosakan di muka bumi ini. Firman Allah:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ

Terjemahannya: Lahirlah kerosakan di daratan dan di lautan akibat perbuatan tangan manusia.

(Surah Ar Rom :41)

Nanti di neraka, akan ada lagi azab yang lebih pedih dan lebih dahsyat, Na'uzubillah!

Sementara umat yang membina kekuatan jiwa sahaja, tetapi tidak membina kekuatan akal akan menjadi orang yang beku-kaku dalam perjuangan. Walaupun imannya ada tetapi hanya setakat dapat mengawal diri semata-mata. Tidak boleh menyelamatkan orang lain. Jika ia ulama, ia menjadi ulama yang beku. Mudah ditipu oleh musuh. Jika ia pejuang, ia menjadi pejuang yang tidak bijak berstrategi, tidak progresif dan tidak peka pada persekitarannya. Jika ia pendakwah, dakwahnya tidakmendapat sambutan kerana gagalmemahami mentaliti dan suasanamasyarakat. Jika ia pemimpin, ia menjadi pemimpin yang lemah kerana gagal menggariskanmatlamatdankaedahperjuang~yadengan tepat.

Apa pula yang terjadi jika hanya fizikal dibangunkan, akal dan jiwa diabaikan? Inilah yang terjadi kepada bangsa Monggol, yang satu ketika dulu menjadi penakluk kepada sebahagian besardunia. Bila akal danjiwa tidak dibangunkan, ertinyaumat itu dipimpinseratus peratus olehnafsunya. Bangsa Monggol telah menyerang Baghdad tepat ketika di mana umat Islam telah lemah jiwanya (lemah iman dan taqwanya). Tanpa membawa jiwa dan akal yang kuat merekameruntuhkankerajaanumatIslam.Merekamenang di medan pertempuran tetapi kalah oleh "serangan" budaya, ilmu, tamadun dan akhimya agama anak jajahannya. Akhimya mereka memeluk agama Islam dan membina cara hidup mengikut kekuatan akal dan jiwa daripada golongan agama yang baru mereka anuti (Islam).

Oleh itu, umat Islam harus berhati-hati. Jika mereka gagal membina kekuatan akal lebih-lebih lagi kekuatan jiwa mereka akan sanggup menukar agama kerana kekosongan jiwa. Pintu ke arah ini memang telah terbuka

sekarang, malah ada yang telah terjerumus... berhati-hatilah!

Akhirnya, kita tegaskan sekali lagi, tidak ada jalan lain untuk membina kekuatan umat Islam di Malaysia (atau di mana sahaja) kecuali dengan jalan menguatkan jiwa, akal dan fizikal. Kekuatan akal dan jiwa mesti digabungkan pada tubuh badan yang kuat untuk melaksanakan cita-cita perjuangan. Malangnya kita kekurangan pemimpin-pemimpin yang boleh menguatkan jiwa. Kita rasa kekuatan akal dan kekuatan fizikal telah sedikit sebanyak dapat dibina. Cuma kekuatan jiwa berteraskan iman dan taqwa sahaja yang masih lemah. Walaupun begitu, kita telah dapat melihat munculnya toifah-toifah Islamiah yang sedikit sebanyak telah cuba membina ketiga-tiga kekuatan itu.

Kita pasti, pertolongan Allah akan tiba. Insya-Allah.

15

APA ITU POLITIK ISLAM

RAMAI pihak yang berpendapat bahawa adalah lebih baik berpolitik untuk mendapatkan kuasa memerintah negara kerana dengan itu mudahlah Islam ditegakkan. Dan seperti yang kita sedia maklum, setiap parti yang ingin berkuasa di negara ini mestilahmelalui politik pilihanraya kerana itu adalah satu-satunya jalan yang sah dan sedia ada menurut undang-undang negara. Perlu kita ingat, politik pilihanraya yang diamalkan sekarang ini adalah kaedah ataupun cara perjuangan yang diimpot dari Barat. Ertinya, politik yang ada pada hari ini adalah ciptaan orang kafir, bukan daripada Islam. Ia dibuat tanpa berpandukan undang-undang Islam. Jika kita mengikut kaedah pejuangan mereka dengan sendirinya kita terjebak ke jalan yang menyimpang daripada syariat. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Terjemahannya: Sesiapa yang menyerupai sesuatu golongan maka dia juga akan tergolong dalam kaum itu.

Jadi jelas kepada kita, politik Barat ialah sesuatu yang salah dan jika kita mengikutnya kita juga bersalah. Justeru itu kita mesti menghindarkan diri dan jemaah perjuangan

kita daripadanya. Sesuatu yang temyata salah pasti tidak akan membuahkan natijah yang baik. Jika kita tempuh juga maka itulah yang menimbullcan huru-hara, kacau-bilau danpersengketaandi tengahmasyarakat. Ini sudahterbukti. Masyarakat Barat sendiri mengakui kekotoran politik yang mereka lagang, kata mereka, “Politic is a dirty game.”

Oleh itu kita sebagai umat Islam, mestilah menolak jalan yang kotor ini kerana Islam adalah agama yang suci dan mementingkan kebersihan, samada lahir mahupun batin.

Dalam politik berpilihanraya seperti yang ada pada hari ini, kuasa dan pengaruh adalah penting untuk merebut tampuk pemerintahan negara. Sudah tentu dalam usaha mendapatkan pengaruh ini banyak tolak-ansur ‘terpaksa’ dilakukan. Ini dapat dilihat dengan jelas terutamanya sewaktu pilihanraya diadakan. Dalam berkempenmisalnya, kita tidak akan mempersoalkan apakah orang di hadapan kita itu sembahyang atau tidak, menutup aurat atau tidak, bergaul bebas atau tidak... Mengapa? Ini disebabkan kita takut mereka lari daripada kita. Sikap mementingkan undi telah menyebabkan kita bertolak-ansur dan pejam mata terhadap kemungkaran yang mereka laksanakan. Ini bertentangan dengan ajaran Islam!

Hal ini memang terjadi dalam masyarakat kita. Jarang soal sembahyang, pendedahan aurat, pergaulan bebas disentuh secara serius dalam kempen-kempen politik kerana hendak “mengambil hati” para pengundi. Kita terdorong untuk bercakap atas topik yang sedap pada pendengaran orang ramai sahaja. Sedangkanmenurut ajaran Islam adalah menjadi kewajipan menegur dan membetulkan kesalahan yang berlaku di hadapan mata kita. Dan kesalahan yang besar mestilah diutamakan lebih dahulu sebelum cuba

membetulkan kesalahan-kesalahan yang kecil. Dengan ini, sikap tolak-ansur dengankemungkaran adalah tertolak, kerana ia menjenunuskan kita kepada sifat nifaq ataupun talam dua muka.

Melalui sistem politik Barat ini juga, kita cuba menggunakan kuasa yang ada di tangan untuk menundukkan orang ramai kepada Islam dengan menggunakan tekanan dan paksaan melalui akta-akta, undang-undang, peraturan-peraturan dan lain-lain lagi. Ertinya, Islam yang mereka tegakkan bukanlah atas dasar kesedaran, keinsafan, kefahaman dan bukan dari dorongan iman.

Bila ini terjadi, dua perkara mungkin berlaku. Pertama, oleh kerana undang-undang Islam masih asing dan janggal padapandanganmasyarakat, dengandiam-diam hati mereka menolaknya. Ini akan menyuburkan rasa tidak puas hati yang lama kelamaan, semakin meluas di kalangan masyarakat yang belum mempunyai kesedaran dan kefahaman Islam itu. Ini merbahaya. Lebih-lebih lagilah jika yang menolak dan tidak puas hati itu ialah pihak-pihak keselamatan (anggota polis atau tentera). Dengan mudah kerajaan Islam akan digulingkan melalui pemberontakan bersenjata ataupun demontrasi-demontrasi rakyat jelata. Jika pun tidak sampai ke peringkat itu, perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat jelata pasti mendorong mereka menjatuhkan kita dalam tempoh pilihanraya yang akan datang. Ibarat pokok yang belum berbuah tetapi telah dicantas orang, begitulah kerajaan Islam yang dibina bukan atas dasar iman, pasti akan runtuh sebelum sempat menegakkan Islam di seluruh bidang kehidupan.

Kemungkinan yang kedua, rakyat akan berpura-pura patuh kepada ajaran Islam di hadapan pemimpin, tetapi di belakang pemimpin ia menjadi orang yang munafik atau-

pun fasik. Walaupun mereka sebenamya memusuhi Islam tetapi tidak berani angkat muka kerana takut dan tidak ada kekuatan untuk mencabar kuasa pemerintah. Mereka laksanakan Islam kerana takutkan hukuman bukan kerana takutkan Allah. Manusia boleh berpura-pura di hadapan manusia tetapi tidak di hadapan Allah. Inilah yang berlaku di setengah-setengah negara Arab yang telah mengisytiharkan kepada dunia bahawa negara mereka ialah negara Islam. Misalnya, perempuan-perempuan mereka hanya menutup aurat dengan tudung dan purdah di dalam negeri tctapi jika berada di luar negeri, mereka buka dan dedahkan aurat dengan fesyen pakaian Barat. Ini selalu kita lihat, bila menaiki kapalterbang dalam perjalanan berdakwahdi luarnegeti. Wanita-wanita Arabakanmenaiki kapalterbang dengan pakaian yang mendedahkan aurat dan bila hampir sampai ke negara mereka, barulah purdah disarungkan kembali. ApakahIslam yangbegini kitamahu? Islam pura-pura!

Sementara di pihak pembesamya pula, akan berlakon di hadapan rakyatnya dengan menjalankan undang-undang Islam. Di dalam negaramerekaberlagak sebagai pemerintah Islam tetapi bila mereka melancong ke luar negeri seperti ke Thailand, Perancis dan London sikap mereka pun bertukar. Mereka buat maksiat dan kemungkaran semahumahunya. Inilahperibadi-peribadi yang kononnya penaung kepada negara Islam. Apa sudah jadi? Pemimpin berlakon di hadapan rakyat, rakyat berpura-pura di hadapan pemimpin? Inikah negara Islam yang kita cita-citakan? Oleh itu yakinlah, bahawa negara Islam yang sebenamya ialah negara yang diasaskan atas dasar iman, di mana pcmimpindan rakyatnyamelaksanakan ajaranIslam kerana takut dan cinta kepada Allah semata-mata.

Sekiranya kita hendak melaksanakan Islam secara syumul dengan menguasai negara terlebih dahulu, ertinya kita mengarahkan orang bersembahyang, berakhlak, menutup aurat, jangan bergaul bebas, memotong tangan pencuri-pencuri dan lain-lain hukum-hakam Islam, bukan atas dasar iman. Yakni mereka terpaksa tunduk kepada Islam bukan dengan kesedaran, bukan dengan kefahaman Islam dan bukan dengan dorongan iman tetapi terpaksa kerana terikat dengan akta, undang-undang, peraturan-peraturan dan lain-lain. Ini berlaku kepada kedua-dua golongan, samada dalam pemerintah ataupun kepada rakyat jelata.

Bagi pemerintah yang naik berkuasa melalui jalan politik bukan atas dasar iman, mereka akan dengan sendirinya terdedah kepada kemewahan, kesenangan, pangkat, wang ringgit dan lain-lain. Ini kerana merekalah yang paling berkuasa dalam sesebuah negara. Apakah mereka sanggup berhadapan dengan godaan dunia ini? Tidak mungkin. Tidak mungkin. Mengapa? Ini kerana mereka hanya memiliki kuasa tetapi iman tidak kukuh, tidak kuat dan akan mudah dikelabui oleh mata benda dunia. Bila ini terjadi, cita-cita untuk menegakkan Islam musnah. Kuasa sudah di tangan tetapi tidakdapat dijadikan alat sebagai menegakkan matlamat (Islam). Bukan sahaja Islam tidak dapat ditegakkan di dalam masyarakat dan negara, bahkan dalam diri pcmimpin itupun gagal. Inilah akibatnya mengutamakan kuasa politik daripada pembinaan iman!

Kenyataan ini bukanlah tuduhan melulu tetapi jelas kita lihat melalui pcngalaman hidup di dalam masyarakat. Individu-individu yang bercita-cita Islam ramai tewas dengan kemewahan sebaik sahaja mereka berkuasa.

Kadang-kadang baru sekadar menguasai kerusi dalam

satu-satu kawasan pilihanraya, namun cara hidupnya mendadak berubah. Rumah semakinbesar, kereta bertukar ganti, sudah menjadi taukeh balak secara diam-diam dan lain-lain kemewahan. Itu baru satu kerusi... bayangkanlah kalau ia menguasai negara, sudah tentu lebih banyak peluanguntukmendapatkemewahanterbuka. Lebihbanyak kedudukan yang tersedia dan bermacam-macarn kemewahan akan menggolek datang. Ketika itu nanti akan terjadilah rebutan dan krisis sesama sendiri. Akhirnya perebutan kuasa terjadi. Dan dengan sendirinya cita-cita menegakkan Islam bertukar kepada cita-cita untuk menegakkan kepentingan hawa nafsu semata-mata.

Sebenarnya ajaran Islam yang syumul itu dapat ditegakkan dalam diri, masyarakat, hinggalah kepada persoalan negara melalui pembangunan iman. Inilah cara yang perlu dititikberatkan dan perlu diusahakan secara bersungguh-sungguh. Iman perlu dibangunkan melalui dakwah dan tarbiah. Denganini orang ramai akan didorong, ke arah memahami, menghayati dan mengamalkan Islam secara lemah lembut, kasih sayang dan penuh hikmah. Kefahaman dan kesedaran Islam yang bertapak dalam diri individu-individu itu dengan sendirinya akanmenimbulkan cinta dan kasih kepada Islam tanpa dipaksa-paksa.

Menanam iman dan menyuburkan melalui dakwah dan tarbiah mestilah dibuat secara langsung. Ibadah, akhlak, ukhwah, setiap anggota masyarakat mestilah dibimbing terus dengan cara menanamkan kesedaran dan kefahaman melalui dakwah dan diikuti dengan memberi tarbiah. Ertinya, masyarakat bukan hanya diberi kefahaman yang tepat melalui teori-teori, tetapi tents dibimbing melalui didikan secara praktikal.

Bila ini dapat dibuat secara kemas dan berkesan, dengan

sendirinya akan lahirlah individu-individu yang beriman . dan bersedia bila-bila masa sahaja untuk menegakkan hukum-hakam Islam.

Firman Allah:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ
أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Terjemahannya: Sesungguhnya tidak ada jawapan dari orang mukmin itu apabila diajak kepada Allah dan Rasul menghukum di antara mereka melainkan ucapan: Kami dengar dan kami patuh. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung."

(An Nur : 51)

Melalui ayat ini, jelas kita lihat bahawa hanya orang mukmin sahaja yang mampu mematuhi perintah Allah. Orang mukmin yang telah ditarbiah ini, akan melaksanakan apa sahaja perintah Allah tanpa banyak soal, tidak kira di mana pun jua dan walau dalam keadaan apa sekalipun. Jika ia menjadi wakil rakyat, maka ia akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya secara Islam. Jika iamenjadi penghulu, ia akan mentadbir diri dan kampungnya secara Islam. Begitulah seterusnya hinggalah ke peringkat pemimpin negara.

Hujjah membangunkan Islam melalui dakwah dan tarbiah, bukan melalui politik pilihanraya adalah kuat. Tidak ada nas secara jelas dan Qat'ie menunjukkan Islam mesti dibangunkan melalui politik. Di dalam Al Quran dan Sunnah tidak pemah disebut secara tepat dan soreh tentang nas-nas yang menunjukkan jika Islam hendak ditegakkan secara syumul mestilahmelalui politik . . . Tidak ada! Tidak

pernah **kita** temui kalimah **“Susu”** (سُوْسُوْا), maksudnya: “Hendaklah kamu bersiasah atau berpolitik.” Tetapi yang **banyak kita** temui ialah kalimah-kalimah seperti:

بَلِّغُوْا عَنِّى وَلَوْ آيَةً

Terjemahannya: Hendaklah kamu sampaikan daripadaku walaupun satu ayat.

Ini kalimah yang membawa maksud dakwah. **Firman** Allah **lagi:**

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ
وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ۚ

Terjemahannya: Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan penuh hikmah dan pengajaran yang baik. Dan berbahaslah dengan mereka dengan sebaik-baiknya.

(An Nahl : 125)

Di dalam ayat **ini** disebut perkataan hikmah. Danhikmah yang dimaksudkan ialah hikmah dalam berdakwah. Selanjutnya, **Firman** Allah:

مَّا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ۗ

Terjemahannya: *Sesungguhnya tidak* ***ada*** *kewajipan* ***bagi*** *Rasul-rasul itu* ***melainkan*** *untuk menyampaikan.*

*(**Surah** Al **Maidah** : 99)*

Jadi jelas kepada **kita,** perintah “menyeru” dan **“me**nyampaikan” melalui ayat Al Quran dan **Hadis ini** ialah perintah dakwah bukan siasah (politik **Barat).**

Selain daripada itu, **kita boleh** membuktikan kenyataan

ini melalui pengalaman hidup sehari-hari. Melalui mata kepala kita sendiri, jelas dapat dibuat perbandingan antara kesan dan kemajuan gerakan dakwah dengan gerakan politik dalam usaha menegakkan Islam secara syumul. Dapat dilihat dengan jelas, Islam yang ditegakkan melalui dakwahlebihmajudanlebihmendatangkankesandaripada pergerakan politik. Hakikat ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa. Ramai orang yang telah kembali menghayati dan mengamalkan ajar-an Islam hasil dakwah dan tarbiah. Sembahyang mula ditegakkan, riba ditinggalkan, pergaulan bebas dihentikan, wanita-wanita menutup aurat, pengajian agama hidup di merata-rata, pakaian Islam seperti jubah dan serban mula banyak kelihatan dan lain-lain tanda kebangkitan Islam, ialah hasil dakwah bukan siasah. Hukum-hakam Allah ini mula ditegakkan kembali setelah adanya perjuangan Islam melalui dakwah. Sedangkan sebelum ini, iaitu ketika perjuangan Islam melalui politik telah lama dilaksanakan oleh parti-parti tertentu... tidak nampak tanda-tanda kebangkitan Islam seperti yang telah disebutkan tadi.

Ini disebabkan keimanan, kesedaran, kefahaman yang ditanam di dalam jiwa melalui dakwah dan tarbiah berjaya menyediakan orang-orang patuh, tunduk dan taat kepada Allah dengan rela. Mereka sanggup menempuh apa sahaja rintangan dalam melaksanakan perintah dan pentadbiran secara Islam. Dari hati, tanpa dolak-dalik lagi. Malah kepakaran, kemahiran dan apa sahaja bakat semulajadi yang ada pada individu itu secara otomatik akan digunakan untuk menegakkan perintah Allah. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah ke atas diri para sahabat. Sayidina Abdul Rahman bin Auf yang memang pakar dalam bidang ekonomi sebelum Islam, dengan sendirinya melaksanakan

kehendak-kehendak syariat bila hatinya dipenuhi iman. Ertinya, Rasulullah cuma memberitahu polisi-polisi dari kehendak Islam di bidang ekonomi untuk dilaksanakan oleh Abdul Rahman bin Auf, yang memang sedia mempunyai kepakaran di bidang itu. Rasulullah tidak mengajar Abdul Rahman bin Auf berekonomi tetapi de-ngan menanam iman, kepakaran ekonomi itu dengan sendirinya digunakan untuk Islam.

Begitulah yang terjadi kepada para sahabat yang lain seperti Sayidina Ali, Umar, Abu Bakar, Salman dan lain-lain. Kepakaran-kepakaran yang sedia ada pada peribadi mereka bukanlah diajar oleh Rasulullah, tetapi bila mereka telah beriman semua kepakaran itu dipergunakan untuk Allah. Jadi, mengenai kepakaran, kemahiran dan bakat semulajadi yang ada padadiri masing-masing terus dipupuk oleh Islam ataupun boleh diambil dari mana-mana pihak asalkan penanaman iman telah lebih dahulu dibuat pada individu-individu berkenaan. Bila iman mantap, dengan sendirinya polisi, dasar dan pelaksanaan bidang-bidang itu akan tepat mengikut syariat!

Tetapi jika penanaman iman diabaikan, walaupun seseorang itu mempunyai kepakaran khusus di bidang agama sekalipun, namun kepakaran itu tidak akan dapat digunakan untuk menegakkan Islam. Buktinya berapa ramai orang yang mempunyai ijazah di bidang Usuludin, Feqah, Tasauf dan lain-lain tetapi tidak mengamalkan Islam selaras dengan ilmu yang dipelajarinya. Ia pakar tasauf tapi mendedahkan aurat, dia pakar Usuludin tapi makan riba, dia pakar ilmu feqah tapi tak sembahyang.

Perkara-perkara ini lebih jelas terbukti melalui pengalaman kita semasa melawat dan berdakwah di Timur Tengah. Sedih bila kita lihat, ada guru (pensyarah) yang

mengajar Usuluddin (aqidah) dengan memakai mini skirt! Ertinya dia mengajar aqidah tetapi amal lahimya tidak beraqidah. Mengapa ini terjadi? Kerana dia hanya diberi ilmu aqidah tetapi tidak ditanam iman di dalam hatinya, maka akibat dari itu anggotanya tidak mencerminkan peribadi beriman.

Oleh itu, tugas kita yang utama ialah berdakwah dan mendidik masyarakat. Para ulama dan para da'i mestilah menjadi penasihat kepadapemerintah, bukanuntukmerebut kerusi pemerintahnya. Para pendakwah wajib memberi nasihat. Kewajipan pendakwah atau para ulama ialah menasihatipemerintahdanmenjadi kewajipanpulakepada pemerintahmenerimanya. Jikapemerintahengganiadikira berdosa di hadapan Allah sedangkan para da'i telah pun melaksanakan tugasnya iaitu menyampaikan.

Jadi kewajipan para da'i dan ulama-ulama tidak semestinya dia memerintah untuk menegakkan Islam tetapi yang wajib baginya ialah memberi nasihat. Yang wajib memerintah secara Islam ialah mereka yang telah duduk di kerusi pemerintah. Kalaulah ulama dan para da'i mesti memerintah,mengapakahpara-paraulamadizamandahulu seperti Imam Ghazali, Imam Syafie, Imam Malik, Imam Hambali dan lain-lain menolak apabila ditawarkan untuk memerintah? Jika ulama wajib memerintah dalam usaha menegakkan Islam dalam diri, masyarakat dan negara, sudah tentu ulama-ulama yang kita sebutkan tadi menerimanya, kerana mereka lebih faham tentang ajaran Islam danlebihtakut kepada Allah. Ini membuktikan: mengambilalih kuasa untuk menegakkan Islam itu tidaklah mesti!

Rasulullah SAW sendiri pernahditawarkan kuasauntuk memerintah di peringkat awal perjuangannya (iaitu di peringkat Makkah). Tetapi beliau menolaknya. Mengapa

Rasulullah tidakmemikirkanuntukbermainstrateji dengan mengambil kuasa itu dan secara langsung atau tidak langsung menggunakannya untuk menegakkan Islam? Ini kerana Rasulullah sedar tanpa penanaman iman melalui dakwah dan tarbiah, Islam tidak akan dapat ditegakkan menurut apa yang Allah kehendaki. Rasulullah juga sedar, untuk mentadbir sesebuah negara perlu kepada tenaga yang ramai, tidak boleh dibuat secara seorangan. Mana hendak dicari individu seramai itu, sedangkan masyarakat ramai masih belum faham dan tidak bersedia untuk menerima peraturan-peraturan Islam? Jika pun dapat dicari, tetapi belum ada jaminan individu-individu yang bakal mentadbir itu terdiri daripada orang-orang yang benar-benar beriman dan kuat memegang syariat. Atas dasar ini, Rasulullah tetap memegang prinsipnya iaitu menegakkan Islam mestilah melalui dakwah.

Tindakan Rasulullah SAW dan para ulama salafussoleh ini mestilah dicontohi, kerana perjuangan mereka telah terbukti bejaya, dalam ertikata mendapat keredhaan Allah. Sedangkan sejarah perjuangan umat mutakhir terutamanya yang bergerak atas dasar politik pilihanraya sudah banyak yang gagal.

Malah semakin berjuang, semakin terhina. Ini bukan sahaja melanda parti politik yang bercita-cita Islam di Malaysia bahkan turut menimpa parti-parti politik yang seumpamanya di seluruh dunia.

Jadi jelaslah Allah menyuruh kita member-i nasihat, samada melalui lisan atau tulisan. Nasihat ini pula mesti disampaikan penuh kasih sayang dan hikmah. Kita diperintahkan berlaku lembut dalam sikap tetapi tegas dari segi prinsip. Tetapi apa yang berlaku hari ini ialah orang lebih suka menghentam, mengutuk dan mengumpat

individu-individu yang masihlalai danbelum faham tentang kehendak-kehendak Islam. Jarang benar para ulama dan para da'i memberi nasihat secara empat mata melalui pertemuan-pertemuan dari hati ke hati. Logiknya, pertemuan-pertemuanseumpamainihanyabolehdilakukan melalui usaha-usaha dakwah bukan politik, kerana politik selalunya adalah medan yang penuh kecaman dan nista antara parti-parti yang bertentangan.

Ada pihak yang berpendapat, politik berpilihanraya adalah satu-satunya jalan untuk menguasai negara bagi menegakkan Islam dan kerana itu mengikut kaedah usul Feqah ia dihukumkan wajib aradhi. Ini berdasarkan kaedah usul feqah yang berbunyi:

مَا لاَ يَتِمُّ الْوَجِبُ اِلاَّ بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

"Tidak sempurna sesuatu yang wajib melainkan dengan satu perkara yang lain maka perkara yang mendatang itu dikira wajib juga."

Dalam kata-kata yang lain mereka berpendapat, politik berpilihanraya adalah sebagai wasilah menuju matlamat (iaitu menegakkan Islam). Oleh kerana menegakkan Islam itu wajib maka politik pilihanraya (wasilah menujunya) dihukum wajib juga. Begitulah pendapat mereka!

Sebenarnya pendapat mereka itu tertolak. Yang dikatakan terpaksa menempuh jalan (wasilah) yang ada ialah apabila wasilah yang lain tidak ada. Tetapi jika masih ada jalan-jalanlain menuju matlamat yang samamaka jalan itu tidak dihukum wajib. Contohnya, kita wajib menggali perigi untuk mengambil wuduk bila air paip tidak ada, air sungai tidak ada, air tasik, air laut dan sebagainya tidak

ada.Yangmampukitabuatuntukmendapatkanairhanyalah melalui perigi maka ketika itulah menggali perigi jatuh wajib hukumnya. Tetapi jika air paip masih ada ataupun lain-lain sumber masih ada maka menggali perigi tidak boleh dihukumkan wajib. Ketika itu menggali perigi hanya dihukumkan sunat sahaja.

Tegasnya wajibnya kita menempuh sesuatu jalan yang sedia ada ialah apabila tidak ada jalan lain. Politik pilihanraya bukanlah satu-satunya jalanuntuk menegakkan Islam. Ada berbagai-bagai jalan lain untuk menegakkan Islam. Malah jalan ini terbukti lebih berkesan dan menepati syariat. Mengapa kita harus mengorbankan jalan yang jelas nasnya dalam Al Quran untuk meminjam jalan politik barat demi memperjuangkan Islam? Sudah tertutupkah jalan bagi kita untuk berdakwah, berziarah, berdialog, bertemu melalui majlis silaturrahim untukmenarikmanusia kepada Islam? Tidak! Jalan-jalan ini masih terbuka luas untuk kita dan masyarakat sentiasa menunggu-nunggu untuk mendengar dakwah kita.

Jika kita terus mempertahankan cara berpolitik barat untuk menegakkan Islam, ertinya kita telah menyempitkan ajaran Islam itu samada secara sedar ataupun tidak. Mengapa? Ini kerana seolah-olah kita menanggap ajaran Islam tidak syumul, sehingga terpaksa mengambil kaedah orang kafir (barat) untuk menegakkan Islam. Secara tidak sedar kita telah menghina Allah dan Rasul kerana menganggap Allah tidak menggariskan kaedah yang jelas dan tepat untukmenegakkan agama-Nya. Ini satu kesalahan yang berat! Apakah kita menganggap Allah hanya memperjelaskan matlamat perjuangan tetapi tidak memperjelaskan kaedah untuk menuju matlamat itu, sehingga kita terpaksa mengambil kaedah orang barat? Tidak sekali-

kali. Sedangkan yang sebenamya Allah SWT melalui Rasul-Nya telahpun menggariskan satu garis per-juangan yang tepat untuk memperjuangkan Islam. Kaedah ini telah dicatit oleh sejarah dan terbentang di hadapan mata kita. Mustahil kita tidak dapat melihatnya.

Jadi, jika ada orang yang menuduh kita berdosa kerana tidak mengikut jalan politik pilihanraya seperti yang ada sekarang ini, maka itu adalah satu kesalahan. Meskipun yang berkata demikian ulama, terutama ulama-ulama politik. Merekaitu bukanlahulama-ulamamujtahid.Lebih-lebih lagi pendapat itu bukan ijmak ulama mujtahidin. Walaupun mereka berkata itu adalah ijmak ulama tetapi bagi kita tetap menolaknya jika ijmak ulama itu bukan ijmak ulama-ulama bertaraf mujtahidin.

Oleh kerana pendapat itu bukan ijmakulama mujtahidin maka tidak salah jika ada individu lain (yang mampu berijtihad) menolaknya. Dan mungkin pendapat daripada ulama yang seorang itu lebih bemilai daripada pendapat ramai yang kurang arif dalam agama.

Sebenamya, usaha menegakkan negara Islam mestilah bermula dari tapaknya, iaitu diri. Setiap individu mestilah menegakkan Islam dalam dirinya. Jika ini dapat dilaksanakan oleh seluruh lapisan masyarakat ertinya Islam telah wujud dalam diri rakyat, guru-guru, petani-petani, penghulu-penghulu, pegawai-pegawai daerah, imam-imam, hakim-hakim, menteri-menteri dan seterusnya. Denganini barulah tertegaknegara Islam melalui perpaduan seluruhlapisan masyarakat atas dasar iman dan sama-sama ingin menegakkan hukum-hakam agama melalui bidang masing-masing. Jadi jelas menunjukkan meng-Islamkan diri itu lebih penting datipada meng-Islamkan negara kerana dengan tegaknya Islam dalam diri dengan sendiri-

nya tertegak Islam dalam negara. Tetapi jika negara kita diisytiharkan sebagai negara Islam sedangkan peribadi-peribadi yang ada di dalam negara itu belum Islam dalam ertikata sebenarnya, maka itu masih dikira gagal!

Sebab itu Hukamak ada berkata, "Tegakkan Islam pada dirimu, nescaya akan tertegaklah Islam di negara kamu."

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan ahli kamu dari azab api neraka.
(Surah At Tahrim : 6)

Melalui ayat ini Allah memerintahkan kita supaya memulakan usaha menegakkan Islam (agar terhindar daripada neraka) daripada diri, kemudian keluarga dan akhimya barulah ke tahap yang lebih besar iaitu dalam jemaah perjuangan kita, masyarakat, negara dan dunia seterusnya. Bila diri telahberubahmakamudahlah keluarga berubah dan selepas itu dengan sendirinya jemaah berubah diikuti oleh masyarakat, negara dan insya-Allah dunia seluruhnya. Iman yang telah bertapak kukuh dalam diri nescaya dengan berperingkat-peringkat mempengaruhi masyarakat sekeliling.

Seperkara lagi, orang akan mudah ditarik kepada Islam dengan adanya contoh-contoh atau model yang dapat dilihat dan dirasa keindahannya. Tidak ada gunanya kita hanya pandai berteori tentang kesempumaan Islam jika amalan Islam kita sendiri nampak serpih! Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab anggota sesebuahjemaah Islamiah untuk mewujudkan aktiviti-aktiviti dan program-program

di dalam jemaah mereka sendiri supaya contoh itu dapat dilihat dan dimanfaatkan oleh masyarakat. Jika jemaah kita hanya pandai bercakap tetapi tidak berbuat bagaimana orang-orang luar mahu yakin dengan seruan kita?

Atas dasar ini, mewujudkan amalan Islam samada Habluminallah mahupun Habluminannas dalam sebuah jemaah Islamiah adalah penting. Orang akan meneropong ke dalam diri jemaah Islamiah yang bercita-cita hendak menegakkan negara Islam, apakah telah wujud amalan-amalan Islam secara praktikal dalam jemaah berkenaan? Jika tidak ada, maka orang akanbersungut, "Mana mungkin jemaah Islam itu dapat menegakkan negara Islam, sedangkan dalam jemaahnya yang sekecil itupun tidak mampu diisi dengan aktiviti-aktiviti Islam? Apalagi dalam sebuah negara yang lebih besar?"

Sebaliknya, jika amalan-amalan Islam dapat dilihat dalamsesebuahjemaahIslamiah(walaupunbelumbertaraf negara) maka orang akan berkata, "Oh, jemaah ini, kalau takdimya mendapat negara mungkin ia dapat menegakkan Islam dalam seluruh aspek kehidupan. Kita bolehbemaung di bawahnya."

Inilah realiti yang mahu dilihat oleh masyarakat dan jika kita berjaya menegakkan model masyarakat yang kita seru nescayamudahlahmasyarakatmenerimadanmelaksanakan Islam. Tanpa paksaan. Tanpa tekanan.

Bagaimana dan apakah bentuk amalan Islam yang perlu ditegaklcan dalam sesebuah jemaah Islamiah? Ini boleh dibuat dengan bermacam-macam cara. Jemaah Islamiah mestilah menegakkan ekonomi Islam sebagai altematif ekonomi riba yang mereka tentang. Jemaah Islam mesti menegakkan pendidikan Islam (sekolah dan pusat-pusat tarbiah) sebagai jawapan kepada pendidikan sekular yang

dipersalahkan. Begitulah dengan amalan-amalan Islam yang lain. Hanya dengan itu, barulah masyarakat sedar rupa-rupanya jemaah Islam pandai membina, bukan hanya pandai mengkritik dan menyalahkan! Dengan adanya aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ini, terbinalah hubungan baikdanmesra antaraorang ramai dengan jemaah Islamiah. Khidmat masyarakat yang diberikan oleh jemaah Islamiah secara langsung dan secara tidak langsung itu menjadi penambat hati sekaligus menjadi medan kepada anggota-anggota jemaah Islamiah untuk berbakti kepada Allah dan kepada sesama manusia. Inilah tujuan kita berjuang dan berjihad.

Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُالنَّاسِ مَنْ يَّنْفَعُ النَّاسُ

Terjemahannya: Sebaik-baik manusia ialah yang dapat memberi manfaat kepada manusia lain.

Jemaah Islam yang telah mewujudkan ekonomi,’ pendidikan, perubatan, media massa, kampung-kampung, pertanian, dakwah, hubungan luar negeri dan lain-lain aktiviti bercorak Islam dengansendirinya kelihatan sebagai sebuah “negara” dalam jemaah itu sendiri. Jika kita gagal menegakkan “kerajaan” Islam dalam jemaah kita sendiri, mana mungkin kita dapat menegakkan kerajaan Islam dalam sebuah negara? Di sini jelas menunjukkan bahawa sistem hidup cara Islam yang dibina dalam jemaah Islam itu adalah sebagai bukti keikhlasan para pejuang dalam perjuangarmya. Mereka bukanlah inginkan kuasa dalam tugas mereka, tetapi semata-mata ingin melihat Islam berdaulat.

Khidmat masyarakat yang dijalankan oleh jemaah Islamiah mestilah dibuat setakat kemampuan dan tenaga yang ada. Sebelum kita memberi khidmat kepada masyarakat melalui negara (seperti yang dicita-citakan) cubalah memberi khidmat kepada masyarakat melalui jemaah yang telah kita kuasai. Tetapi jika melalui jemaah yang ada kita kuasai pun belum boleh membuat khidmat kepada masyarakat, sudah tentu bila negara kita kuasai, kita juga akan gagal memberi khidmat kepada orang lain. Mungkin kesempatan itu nanti akan kita selewengkan, kita salah-gunakan berkhidmat kepada diri sendiri!

Lebih malang lagi jika sesuatu jemaah Islamiah itu bukan sahaja tidak dapat memberi khidmat kepada masyarakat di luar jemaahnya, bahkan ia juga gagal memberi khidmat kepada anggotanya sendiri. Kebajikan ahlinya terbarai, pendidikan anak-anak tidak disediakan, tiada khidmat perubatan kepada ahli-ahli yang sakit, ada ahli-ahli yang miskin tidak dibantu dan berbagai-bagai lagi kelemahan. Ini akan menghilangkan keyakinan semua orang. Bukan sahaja kepada masyarakat di luar jemaah bahkan ahli-ahlinya nanti akan bosan dan akhirnya mengundurkan diri daripada perjuangan.

Inilah perkara-perkara penting yang mesti difikirkan, difahamkan dan diperjuangkan oleh semua jemaah Islamiah, tidak kira apa namanya ataupun di mana sahaja mereka berada. Mudah-mudahan perjuangan kita diredhai Allah. Amin.

16

INILAH RAHSIA KASYAF

ADA pemimpin menempuh kejayaan di dalam mengatur masyarakat, ada yang menempuh kegagalan. Ada pemimpin mudah menerokai kawasan-kawasan baru untuk didakwahkan, ada pula yang sentiasa menghadapi kebuntuan dalam hal ini. Ada pemimpin dapat membezakan di antara musuh dan kawan hingga kerja-kerja pengurusan pentadbirannya tidak terjejas. Ada pemimpin kerana tidak berkemampuan menyangka musuh itu kawan, hingga segala rahsia diri dan pemerintahannya terbongkar.

Bezanya kepimpinan di antara yang berjaya dan yang gagal seperti mana di atas adalah kerana yang satu mampu membaca perkara yang tersirat disuratkan dan yang satu lagi hanya terhad kepada apa yang tersurat semata-mata sahaja.

Oleh itu dalam kita ingin membina iman, ingin memperbetulkan diri sendiri. ingin memperjuangkan Islam, dan ingin mengubah masyarakat, maka kita perlu berkemampuan membaca perasaan, sikap dan mengatur tingkahlaku individu dan masyarakat itu agar dapat diubah ke jalan taqwa, yakni ke jalan menempuh syariat Allah.

Secara kasar terdapat tiga cara untuk kita menguasai ilmu bagi memudahkan yang tersirat disuratkan. Cara yang pertama adalah berdasarkan ilmu psikologi, yang

keduaberdasarkan ilmu firasat dan yangketiga berdasarkan ilmu kasyaf.

Cara yang pertama adalah melalui bidang psikologi yakni melalui ilmu jiwa. Berdasarkan penelitian dan pemerhatian individu atau kelompok masyarakat tertentu, tentang tabiamya, wataknya, kehendak-kehendaknya, satu rumusan tersirat dapat dikesan. Ilmu dalam bentuk ini tidaklah terhad kepada orang Islam sahaja. Orang kafir pun mampu menguasainya juga. Malahan pada masa ini orang Barat didapati lebih mendalami ilmu ini berbanding dengan kemampuan yang ada pada kita. Pengamatan yang dibuat oleh sarjana-sajana barat, kajian yang telah dijalankan, jenis kaedah dan teknik yang digunakan telah membantu mereka untuk membaca dan memahami perasaan, sikap dan tingkah laku manusia.

Ilmu firasat, satu cabang daripada ilmu makrifat, adalah jalan atau kaedah kedua bagi membolehkan kita membaca yang tersirat untukdisuratkan. Ihnu firasat lebih merupakan gerak hati, rasa di mana seseorang itu dicampakkan ilham ke dalam hatinyaoleh Allah SWT untuk memahami perkara-perkara yang tersirat. Ianya bukan ilmu berasaskan pemikiran, renungan, pengamatan atau kajian. Ianya diperolehi dengan secara tiba-tiba, jatuh ke dalam hati insan itu. Dia akan merasa senang hati, seronok, tenang atau terhibur apabila berhadapan dengan perkara-perkara yang akan membuahkan kebaikan kemudiannya. Atau merasa perasaan meluap, kebencian, tidak sedap hati dan sebagainya apabila berhadapan dengan perkara-perkara yang akan mengakibatkan terjadinya keburukan.

Ilmu yang didapati dari bentuk ini berbeza dari psikologi. Ilmu psikologi adalah hasil pembacaan, pengamatan, kajian dan hasil kerja-kerja akal, manakala ilmu firasat adalah

gerak hati yang dicampakkan oleh Allah. Sebab itulah . mereka yang memperolehi ilmu firasat tidak menghadapi masalah keletihan akal kerana ilmunya lahir dari pancaran hati yang terikat dengan tali keimanan, yang digariskan atas syariat Allah walaupun ianya dapat menghasilkan ilmu yang banyak.

Kaedah paling berkesan dan praktikal sekali yang boleh diperolehi oleh manusia dalam menilai dan memahami perkara-perkara yang tersirat dengan tepat ialah melalui ilmu kasyaf(pandang tembus), yakni sebahagian dari ilmu makrifat juga. Di sini insan tadi Allah akan mengangkat hijabnya hingga dapat melihat alam roh dengan sebenar-benamya. Sehinggakan apabiia melihat seseorang, ia boleh melihat samada orang itu berkepala atau tidak, berkepala babi atau berkepala kambing atau berkepala ular dan sebagainya, pasti secaralahimya sifat-sifat itu akan terpapar. pada tingkah laku peribadi tersebut. Malah bukan itu sahaja, ada yang dapat melihat pokok-pokok bertasbih, ayam membaca Al Quran dan sebagainya yang mana ini semuadianggappelikbiiadiukurdengankacamatalahiriah.

Kasyaf ini terbahagi kepada empat jenis.

A. Kasyaf yang berlaku kepada para Rasul, Nabi dan Waliyullah. Mereka ini telah terbina imannya, telah teruji kepaduan imannya, telah berjaya bermujahadah melawan nafsu dan syaitan serta tipu daya dunia hingga dapat menjadikan ianya hampir dengan Allah serta tergolong dalam kumpulan para kekasih Allah. Mereka ini tidak terpaut dan tidak terasa hebat dengan kelebihan-kelebihan yang dianugerahi Allah. Pengabdian mereka kepada Allah bukanlah kerana ganjaran syurga, atau takut dengan neraka, apatah lagi kerana dunia yang penuh tipu daya ini, tetapi

adalah semata-mata kerana ianya hamba Allah. Tegasnya, merekaadalahorang-orangyangdikumiakankasyafkerana hati mereka telah bersih dan bulat sepenuhnya mencintai Allah.

B. Dalam jenis kedua pula, Allahberikan kasyaf kepada seseorang itu sebagai modal untuk meyakinkannya akan kebesaran Allah dan tentang keesaan-Nya. Dengan pemberian ini menjadi penyebab untuk ia taat kepada Allah selaras dengan syariat Allah.

Lnilah yang terjadi kepada orang-orang tertentu sebagai "rezeki" dari Allah kepada mereka. Contohnya, seperti yang telah terjadi kepada wali-wali besar Ibrahim Adham, Bisyru Al Hafi, Malik bin Dinar dan lain-lain. Mereka asalnya adalah orang awam, tetapi setelah dikurniakan kasyaf sebagai cara didikan terus dari Allah, maka mereka terdorong untuk membuat perubahan besar dalam hidup mereka, iaitu semata-mata berbakti kepada Allah.

Ibrahim Adham yang asalnya seorang raja, gemar berburu pada hari Jumaat. Beliau tidak menghiraukan "pantang-larang" umat Islam yang sangat memuliakan hari Jumaat sebagai hari yang dikhususkan untuk beribadat.

Suatu ketika sedang ia berburu tiba-tiba ia terdengar satu suara: "Wahai Ibrahim Adham! Adakah kerana ini Allah menjadikan kamu?" Ibrahim terpinga-pinga. Dia tidak dapat melihat siapa dan dari mana suara itu datang. Ia pun meneruskan pemburuannya. Tetapi sekali lagi suara itu bergema. Akhimya, hati beliau tersentuh dan insaf atas kelalaiannya selama ini.

Ia pun meninggalkan kemewahan, dan cara hidupnya sebagai raja. Ia berkelana dan hidup sebagai seorang sufi.

Mulai saat itulahdarjatnyameningkat hinggalahmencapai taraf wali.

C. Kasyaf yang dikurniakan Allah kepada seseorang kerana berkah guru atau ibubapanya ataupun kerana sesuatu amal yang diistiqamahkannya dengan penuh ikhlas. Individu yang telahdikumiakan kasyafjenis ini sebenamya belum bersih lagi jiwanya. Ia hanya menerima berkat dari seseoranglain yang ada hubunganrapat dengannya. Kasyaf jenis ini juga merupakan modal awal yang sangat tinggi nilainya kepadanya untuk hampir kepada Allah. Jika ia anggota kepada sebuah jemaah Islamiah, maka ia merupakan saluran kepadaberita-berita ghaib yang sangat besar manfaatnya kepada seluruh anggota jemaah.

Hal ini dapat dicontohkan dengan kasyaf yang dikumiakan kepada Rabiatul Adawiyah. Beliau sebenamya telah dikumiakan mukasyafah waktu sebelum bertaraf wali. Denganmukasyafahitulahiadapatmerasai kebesaran Allah dan menjadi pendorong kepada dirinya berubah menjadi wanita solehah dan akhimya menjadi seorang wali. Mengapakah Allah memilihnya? Ini disebabkan barakah dari ibunya yang sering mendoakan kesejahteraan anaknya (Rabiatul Adawiyah). Jadi kasyaf yang diberikan padanya bukanlah hasil mujahadah tetapi sengaja Allah campakkan barakah doa seorang ibu kepada anaknya!

D. Dalam jenis keempat pula Allah memberi ilmu kasyaf kepada seseorang lebih merupakan satu ujian ke atasnya. Adakah ia akan mudah terasa hebat dengan kekasyafannya atau terasa seronok dengan kebolehannya. Dengan kekasyafan ini akan tergambarlah watak-watak terpendam pada orang itu seperti keikhlasannya dalam

ibadahnya, tentang rasa kehambaannya pada Allah serta akhlak baik dan buruknya. Ini merupakan perangkap ke atas dirinya dalam menguji sifat kehambaan yang ada pada dirinya.

Bagi para wali mereka tidak mudah tertipu dan tidak mudah terperangkap dengan ilmu kasyaf yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka. Contohnya, kita boleh lihat pemah suatu ketika, di waktu Syeikh Abdul Kadir Al Jailani sedang berzikir dan bermunajat dengan Allah. Ketika itu datanglah satu cahaya dan bersuara, "Wahai Syeikh Abdul Kadir Al Jailani, engkaulah kekasihku. Mulai sekarang telah halal apa yang diharamkan ke atasmu."

Syeikh Abdul Kadir Al Jailani terus melontarkan kasutnya ke arah cahaya itu dan berkata, "Pergilah, wahai syaitan yang terkutuk!"

Mendengaritu, suara tadi (syaitan) pun berkata, "Engkau hebat! Telah ramai wali yang telah aku sesatkan dengan cara ini. Ini sudah tentu berkat ketinggian ilmumu."

Mendengar itu, Syeikh Abdul Kadir Al Jailani pun terus berkatalagi, "Jangan kau cuba menipu aku sekali lagi. Aku selamat dari tipu dayamu bukan kerana ilmuku tetapi kerana rahmat Allah!"

Inilah bentuk ujian Allah atas kasyaf yang dikumiakan kepada Syeikh Abdul Kadir Al Jailani, samada ia tertipu atau tidak. Alhamdulillah wali besar itu mendapatpimpinan Allah dan sentiasa dapat mengekalkan sifat kehambaannya walaupun kedudukannya di sisi Allah sangat tinggi.

Begitu juga dengan Rabiatul Adawiyah, walaupun dianugerahkan dengan kehebatan-kehebatan pada dirinya, dia tidak pula terasa kagum hingga hilang sifat kehambaannya kepada Allah. Di antara karomah-karomahnya

ialah dia boleh melempar tikar sejadah ke udara dan bersembahyang di atasnya. Tetapi perkara ini adalah terlalu kecil baginya. Alam kenyataan telah membuktikan ini adalah perkara biasa pada burung yang sentiasa boleh berterbangan di udara.

Sebaliknya tidak dapat kita nafikan melalui sejarah, dapat kita lihat ramai para wali yang sudah terpesona, tertipu, sudah terasa 'superman' dengan kebolehan hingga tipu daya ini membawa mereka ke kancah kekufuran. Mereka telah gagal dalam ujian yang berbentuk kerohanian ini. Kasyaf yang dikurniakan Allah kepada mereka ini menyebabkan mereka lupa, takabur dan sombong.

Terdapat satu kisah tentang seorang wali yang bernama Syeikh Barsisa yang sudah begitu lama beribadah dengan Allah tetapi di saat akhimya terpedaya dengan tipu daya syaitan sehingga melanggar syariat Allah. Beliau mempunyai banyak kelebihan-kelebihan sehinggakan anak muridnya telah boleh terbang bagaikan burung di udara tetapi akhimyamati kufur. Rupa-rupanya tersingkap rahsia bahawa Barsisa menerima nasib yang sedemikain kerana hatinya kurang dengan rasa syukur. Sebab itulah kumiaan kasyaf bukanlah jaminan untuk selamat dunia dan akhirat tetapi sebagai pendorong sahaja untuk lebih membaiki diri.

Dalam hal ini kenalah kita berjaga terutama mereka yang diberi kasyaf hanya selaku modal untuk mencetuskan perubahan pada diri mereka. Sebelum ini mungkin mereka sudah terlampau jauh dengan Allah malahan sudah menentang Allah. Sebab itulah orang di dalam kategori ini, apabila didakwah dan diziarah agak payah bagi mereka hendak membawa perubahan. Sekiranya kita tergolong di

dalam kategori ini, untuk mengelakkan dari ditipu, kenalah kita mendekati dan menyerahkan diri kepada kepimpinan seorang guru yang mursyid. Biarlah penglihatan kasyaf kita itu dan apa yang kita rasai itu dinilai olehnya. Biarlah setiap perasaan, sikap hingga tingkah laku kita sekalipun juga dibentuk olehnya. Apatah lagi sekiranya kita jahil dengan Islam dan dengan seruan dan hukum-hakam Allah.

Memang ujian yang menimpa akan menjadi lebih berat sekiranya kita jahil kerana kita akan mudah ditipu oleh syaitan dan jin kerana kejahilan kita, dan mudah terpaut dengan tipu daya dunia yang lara ini. Didapati juga syaitan yang menjadi pendorong kepada kita ke arah menjadikan kita seorang abid dan dapat juga memesongkan perjalanan ibadah kita dari merasa kehebatan Allah dengan menyemarakkan nafsu buruk kita. Apatah lagi syaitan yang boleh menyerupai peribadi lain samada tuan guru kita, ibu bapa kita dan dia boleh menyerupai dalam segala bentuk untuk menipu daya anak cucu Adam agar mensyirikkan Allah, kecuali rupa paras Rasulullah SAW.

Bagi yang sedang diuji Allah perihal kasyafnya, maka ujian syariat- batin adalah ketara sekali. Terpautkah ia dengan kehebatan kasyafnya hingga ia lupa menjaga riak-nya, ujubnya, sumaahnya, kesombongannya, egonya, dan berbagaisifat-sifatmazmumahyanglainyangakanmenjadi hijab pada dirinya hingga hancurlah jalinan pautan hatinya dengan Allah SWT. Dalam hal ini tidak mengambil kira seseorang itu berilmu agamakah apatah lagi jahil. Orang yang sedar dalam bentuk ini perlu dipimpin agar perkara-perkara ini tidak terjadi dan agar segala tipu daya nafsu dan syaitan dapat dibendung.

Seperti halnya terjadi di antara Nabi Khidir dengan Nabi Musa a.s. Walaupun Nabi Khidir diberi ilmu kasyaf, diangkat hijab keilmuannya, hingga bukan sahaja dia dapat membaca perkara-perkara lahiriah bahkan juga dapat mengetahui perkara-perkara batiniah hinggalah kepada kesan, sebab, akibah, sikap dan tindak-tanduk yang sedemikian pada diri manusia itu di masa hadapannya. Hal inilah yang menyebabkan Nabi Musa tidak "mampu" menandingi Nabi Khidir. Tetapi ini tidaklah bermakna yang Nabi Khidir lebih tinggi makamnya, darjatnya, kedudukannya daripada Nabi Musa.

Nabi Musa adalah seorang Rasul yang bukan sahaja diwajibkan Allah mendidik dirinya malah juga masyarakat keseluruhannya. Dia memikul satu beban tanggungjawab yang amat berat daripada Nabi Khidir. Nabi Khidir hanya seorang Nabi yang tidak dituntut Allah untuk memimpin dan mendidikmasyarakat. Wahyu yangditerimanya adalah khusus untukdirinya sahaja. Nabi Musa (berbanding dengan NabiKhidir)lebihmemerlukankesabaran,ketahananjiwa, dan sifat pengorbanan yang tinggi. Kepimpinan Nabi Musa sebagai Rasul adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah daripada ilmu kasyaf Nabi Khidir. Sebab itulah Nabi Musa digolongkan dalam Rasul-Rasul bertaraf Ulul Azmi (Rasul-Rasul yang paling teruk diuji dan paling tahan bersabar). Ertinya iman para Rasul Ulul Azmi adalah lebih tinggi daripada Rasul-Rasul dan Nabi-Nabi yang lain.

Walaupun di sudut kedudukan kerohanian Nabi Khidir "mengatasi" Nabi Musa tetapi iman Nabi Musa tetap lebih tinggi daripada Nabi Khidir. Ini membuktikan pandangan-pandangan kerohanian (seperti kasyaf dan lain-lain) yang dikumiakan kepada seseorang bukanlah bermakna imannya

dan darjatnya juga turut tinggi di sisi Allah. Atau dengan kata-kata yang lain kekasyafan seseorang itu tidak boleh menggambarkan kehebatan darjatnya hingga dia patut terasa bangga dengan karomahnya.

Pengajaran yang sama dapat kita ambil berdasarkan cerita-cerita di zaman sahabat Nabi, Sayidina Umar Al Khattab r.a yang diberi ilmu firasat dan kasyaf juga oleh Allah kepadanya, seperti ia boleh memarahi jin yang berbentuk makhluk halus atau mengarah tentera-tentera Islam yang sedang dikepong oleh tentera-tentera musuh di Palestin dari mimbar khutbah Jumaamya di Madinah. Namun ia lebih mengharapkan peranan kasyaf ini dimainkan oleh sahabamya Sayidina Abu Huzaifah r.a yang mana Allah mempermudahkan agardia dapat melihat dengan mata hatinya persoalan ghaib dan ini banyak membantu pentadbiran Sayidina Umar Al Khattab r.a dalam masa pemerintahannya. Hingga sikap dan perbuatan Abu Huzaifah kerana kekas yafannya menjadi garis panduan untuk Sayidina Umar membuat setiap tindakannya.

Contohnya dalam menyembahyangi jenazah, jikalau Sayidina Umar mendapati yang Sayidina Abu Huzaifah tidak menyembahyanginya, maka tindakan yang sama akan diikuti oleh beliau. Keengganan Abu Huzaifah menyembahyangi jenazah itu menggambarkan yang sahabat tersebut mati dalam kemunafikan.

Hubungan di antara Abu Huzaifah dengan Sayidina Umar ialah hubungan dalam bentuk yang berbeza yakni seorang pengikut dan seorang lagi pemimpin. Kemampuan ini tidak pula memberi rasa hati yang angkuh pada Abu Huzaifah untuk tidak mentaati Sayidina Umar. Di sinilah kedudukan kasyaf dalam Islam dan perangkap-

perangkapnya hingga ianya dapat membantu seseorang itu dalam tugas-tugas hariatmya.

Sepatutnya, hakikat ini menjadi pengajaran yang sangat bemilai kepada gerakan-gerakan Islam terutamanya yang bergerak atas dasar perjuangan kerohanian. Tidak dapat tidak mesti ada hubungan yang kuat antara pemimpin dan pengikut dalam soal menilai, memahami dan bertindak dalam kerohanian ini. Pemimpin tetappemimpin, walau di sudut mana sekalipun. Jangkauan penilaian dan pemerhatian seorang pemimpin lebih luas sehingga membolehkan ia membuat penyesuaian antara pandangan kerohanian, kestabilan jiwa dan fizikal pengikut-pengikutnya dan juga keadaan masyarakat sekeliling, iaitu gelanggang perjuangannya.

Di sudut apa pun, kekasyafan Nabi Khidir yang kecil, dibandingkan dengan kepimpinan Nabi Musa sebagai seorang Rasul itu mestilah menjadi pegangan. Jangan sampaiadapandangan-pandangankerohanianmenjejaskan perjalanan sesebuah jemaah dan menjejaskan ketaatan pengikut kepada pemimpin-pemimpinnya. Jika ini berlaku, ertinya sudah ada individu-individu yang tertipu dengan pandangan kerohaniannya dan tidak bijak menimbang antara apa yang dinilainya dengan apa yang sedang dinilai oleh pucuk pimpinan. Tentulah penilaian pucuk pimpinan lebih tepat dan universal daripada penilaian pengikut yang terbatas.

Tiga cara di atas adalah di antara kaedah-kaedah yang ada, yang mampu diperolehi oleh setiap manusia dalam ia hendak memperbaiki dirinya, pergaulannya, mengatur masyarakatnya,mendidikdanmemimpinorang-orang yang diamanahkan kepadanya.

Di sinilah kehebatan ilmu dalam Islam di mana atas hasil keimanan dan ketaqwaan, manusia dapat memahami perkara yang tersurat dan yang tersirat dapat disuratkan. Perkara ini berlaku bukan dengan pancaran akal semata-mata, walaupun kita tidak menafikan peranannya, tetapi adalah dengan pandangan Allah, dengan petunjuk Allah yang menembusi batas mata lahiriah, batas akal. Keilmuan yang didasari akal kesannya banyak meletihkan jasad manusia dan hasilnya belum terbukti tetap dengan kenyataan. Ini terjadi kerana kita memutuskan tali jalinan, tali pergantungan dengan Allah.

Kaedah keilmuan di dalam Islam yang didasari tali keimanan, telah dapat membuka luas ruang ilmu, daripada tahap lahiriah hingga ke alam roh dan dengan tepat pula. Ini terjadi, dibolehkan kerana ilmu itu lahir di atas dasar iman dan diikat dengan batas syariat, sehingga Allah memberi kejayaan, bantuan, kemuliaan, kemenangan dan sebagainya termasuklah syurga-Nya. Inilah natijah keimanan dan pengabdian diri kepada Allah SWT. ,

Ambillah contoh dengan mengkaji kipas yang sedang berpusing tanpa diikat dengan besi ke bumbung rumah. Akanbertaburandantidakketentuanarahjadinya. Begitulah dengan akal, jika tidak diikat dengan iman dan dibatasi dengan syariat Allah, akanmencetuskan manusia-manusia yang derhaka dengan Allah, yang dibaluti hatinya dengan kekosongan, kebingungan dan berbagai penyakit mazmumahhinggadirinyarosakdanmasyarakatnyahancur kerana telatah hati kotomya itu.

17

KEISTIMEWAAN ULAMA YANG MEMIMPIN

FIRMAN Allah SWT:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِذَا كَانُوا۟ مَعَهُۥ
عَلَىٰٓ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا۟ حَتَّىٰ يَسْتَـْٔذِنُوهُ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَـْٔذِنُونَكَ
أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۚ فَإِذَا ٱسْتَـْٔذَنُوكَ
لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمُ
ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya yang benar-benar orang Mukmin ialah orang-orang yang benar-benar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah dalam sesuatu urusan yang memerlukan pertemuan , mereka tidak meninggalkannya (Rasulullah) sebelum meminta izin kepadanya. Sesungguhnya orang-orang yang meminta izin kepadamu (Muhammad) mereka itulah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, maka apabila mereka meminta izin kerana sesuatukeperluan, berilah izin kepada

siapa yang kamu kehena'aki di antara mereka, dan mohonkanlah ampunan untuk mereka kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. *(An Nur: 62)*

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ
بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُم بَعْضًا قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ
يَتَسَلَّلُونَ مِنكُمْ لِوَاذًا فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ
أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Terjemahannya: Janganlah kamu jadikan panggilan Rasul di antara kamu sepertipanggilan sebahagian kamu kepada sebahagian yang lain. Sesungguhnya Allah telah mengetahui orang-orang yang beransur-ansur pergi di antara kamu dengan berlindung (kepada kawan), maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah-Nya takut akan ditimpa cubaan atau ditimpa azab yang pedih.

(An Nur: 63)

Allah sendiri menetapkan peraturan-peraturan untuk para sahabat berhadapan dengan Rasulullah. Iaitu masa melawat, akhlak, perkara yang dipercakapkan, dilakukan dan keperluan-keperluan lain. Sungguh halusnya pentadbiran Allah, hingga perkara-perkara yang berkait dengan kemahuan dan kepentingan diri individu Rasulullah pun dititik-beratkan, diundang-undangkan, diperlembagakan hingga termaktublah di dalam Al Quran seperti firman di atas.

Kalaulah tidak diundang-undangkan begitu, barangkali para sahabat tidak terfikir pun bahawa perjumpaan dengan

Rasulullah itu mesti diundang-undangkan. Sebab kehidupan Rasul berbeza dengan orang lain. Dan kerana para sahabat tidak mengalaminya, maka mereka mungkin tidak dapat membezakan antara jadual hidup merekadengan kehidupan Nabi mereka.

Rasulullah ialah pemimpin, sekaligus adalah pendidik dan guru kepada manusia. Ia dilantik sendiri oleh Allah SWT, bermaksudmembawamesej dari Allahuntuk hamba-hamba-Nya di bumi. Ilmu, cara mendidik dan cara memimpin diberi sendiri oleh Allah SWT. Jadi Rasulullah adalah ikutan umat. Pengikutnya ramai. Yakni orang yang yakin, yang taat, yang kasih dan yang ingin belajar, ingin ziarah, ingin bertanya dan mengadu serta ingin memberi khidmat, ingin lihat, ingin dengar dan macam-macam lagi, terlalulah ramai. Masing-masing dengan hajat dan kemahuan tersendiri.

Ertinya Rasulullah akan sering dikunjungi manusia. Bukan saja habis masa untuk ini bahkan kalau hendak dilayan semuanya nescaya tidak cukup masa. Bila hendak ibadah dengan Allah, bila hendak rehat, menyendiri, bila hendak keluar berjuang, bila hendak fikirkan permasalahan umum, bila hendak bermesra dengan anak isteri dan lain-lain. Juga menguruskankeperluan individu selakumanusia biasa. Atas dasar itulah maka Allah SWT menetapkan masa dan cara serta adab-adab untuk mengadap Rasulullah.

Rencana ini bukan bermaksud menggariskan apakah cara-cara dan adab-adab dengan Rasulullah. Sebab kita kini sudah ketiadaan pesuruh Allah. Tapi kita dikurniakan oleh Allah wakil atau khalifah Rasulullah. Sabda Rasulullah, "Ulama adalah pewaris para Nabi." Jadi ulama-ulamalah orang-orang yang ditugaskan oleh Allah untuk menggantikan dan mengambil-alih kerja Rasulullah. Ulamalah

orang yang dilahirkan untuk menyampaikan mesej Ilahi kepada manusia abad kini. Ulamalah yang memimpin, mendidik dan mengajar umat dengan ilmu dan pendidikan serta pimpinan dari Allah, diambil dari Rasul-Nya.

Kalau begitu sebagaimana Nabi ada pengikut maka ulama juga tentu ada pengikut. Yakni ada orang yakin dengan didikan dan pimpinannya, taat pada arahan dan suruhan dan atas segala jasa baktinya memimpin dan mendidik manusia ke jalan kebenaran dan kebahagiaan hidup dunia dan akhirat, maka ramailah orang yang kasih, terhutang budi dan ingin membalas budi padanya. Dan kerana kebolehan ulama menyelamatkan manusia dari maksiat mungkar dan kesesatan serta kekufuran, maka bangunlah syaitan dan kuncu-kuncunya untuk menghalang perjuangan ulama tadi, memusuhi, mengkhianati, mencerca, menuduh, mengugut dan bermacam-macam cara lagi.

Hasilnya, sebagaimana Nabi ditentang oleh Abu Lahab maka ulama-ulama juga ada musuh ketatnya dan orang-orang yang sangat membencinya. Bahkan musuh itu adakalanya terdiri dari orang yang dikatakan ulama juga oleh masyarakat. Itulah ciri penting yang patut ada pada seseorang, yang hendak dipanggil ulama. Iaitu hasil dari pimpinan dan didikan yang dilakukan, maka ada orang yang ikut (pengikut) yang sedia patuh dan taat dengan kasih sayang. Dalam pada itu ada pula penentang dan penghalang yang sangat benci dan memusuhinya. Itulah ulama. Tanpa keadaan ini, tidak bolehlah seseorang itu dipanggil ulama. Yakni pewaris para Nabi.

Ulama sekalipun darjatnya tidak setinggi darjat nabi, tapi kerja, tanggungjawab dan pengalaman serta corak hidupnya adalah sama seperti Nabi. Mereka keluar ke tengah masyarakat manusia untuk mengajar, mendidik,

dan memimpin manusia ke jalan Allah. Mereka sentiasa berfikir apa dan bagaimana pendekatan dan teknik penyampaian mesej yang baik bagi manusia. Yang mana, lain orang lain ragamnya, maka lain pulalah cara dakwahnya.

Ulama selalu diuji dengan segala macam kata nista, tuduhan, fitnah, ugutan, serangan, kehabisan wang, kehilangan kawan, ragam pengikutnya dan lain-lain lagi. Ulama juga disanjung, dijunjung, dikunjung dan diziarah oleh pengikutnya untuk memberi dan membuktikan ketaatan, kepatuhan dan kasih sayang. Mereka sentiasa ingin bersama dan berdekatan untuk mendapat tunjuk ajar,', didikan, pimpinan, di samping untuk melahirkan kasih sayang, taat setia dan memberi khidmat. Maka atas dasar ini semualah maka jadual dan program hidup ulama tidak sama dengan orang lain. Maka kalau Rasul dijadualkan oleh Allah, tentang cara dan masa pertemuan dengannya, lalu ulama juga tentu layak untuk mendapat keistimewaan dan penghormatan itu. (Oleh kerana manusia yang ingin berjumpa dengannya terlalu ramai). Yang mana tanpa peraturan khusus ini akan memungkinkan tergendala atau terganggunya program perjuangan dan jadual hidup mereka sebagai manusia biasa.

Maka di sini sukalah saya menyenaraikan apakah adab-adab, cara dan masa pertemuan dengan ulama yang memimpin serta peraturan-peraturan hidup yang khusus bagi mereka:

1. Masa untuk mengadap bukannya semua masa atau bila-bila masa sahaja. Bukan semua hari dan mana-mana hari saja. Dan bukan tiap-tiap minggu atau bila-bila minggu dan tiap-tiap bulan atau mana-mana bulan saja. Ada masa

khas yang dijadualkan. Yakni selain daripada masa ketika ia dengan Allah menunaikan ibadah sembahyang, zikir wirid (tawajjuh), baca Quran dan lain-lain. Tidak juga masa ia sedang dalam tugas dakwahnya seperti membaca, menulis, merancang dan berfikir serta ketika menyelesaikan masalah masyarakat umum seperti hal ekonomi, sekolah dan lain-lain. Juga bukan waktu ia keluar untuk musafir. Bukan juga waktu ia baru balik dari musafir dan waktu rehat serta waktu ia sekali-sekali bertemu anak isteri. Carilahmasa yang kosong dari semua itu kecualilah kerana hal-hal yang mendesak. Kalau kita tidak tahu masanya, tanyalah kepada orang yang tahu terutama setiausaha peribadinya. Eloklah seseorang ulama menentukan masa pertemuan dengan orang ramai dan dengan orang pentingnya.

2. Tujuan mengadap, samadauntukziarahsilatunahii, untuk bertanya masalah, untuk minta tunjuk ajar atau tarbiah, untuk mengadu, untuk menyampaikan sesuatu atau apa juga, biarlah yang penting-penting sahaja. Sukatan penting itu ialah kalau perkara itu tidak diselesaikan akan membawa mudarat samada pada individu, keluarga lebih-lebih lagi jemaah dan masyarakat. Tapi kalau perkara itu boleh diselesaikan dengan orang lain seperti timbalannya atau setiausahanya, eloklah berurus dengan mereka sahaja.

3. Apabila masuk mengadap mestilah dengan akhlak yang mulia. Supaya senang hati ulama itu dan mudahlah baginya untuk membantu menyelesaikan masalah yang dibawa.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَرْفَعُوٓا۟ أَصْوَٰتَكُمْ

فَوْقَ صَوْتِ ٱلنَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا۟ لَهُۥ بِٱلْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ
لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَٰلُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ

Terjemahannya: Haiorang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih daripada suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara yang keras. (Surah Al Hujurat: 2)

Yang mana kalau waktu itu beliau sedang menanggung ujian-ujian perjuangannya, tidaklah tambah berat penanggungannya. Selain dari itu, akhlak mulia boleh menambahkan kasih sayang pada kita. Kasih sayang guru bererti kasih sayang Allah. Elok juga dibawa buah tangan. Bukan kerana ulama itu perlu dijamu, diampu dan diambil hati. Itu tuntutan syariat., Kalau pada Nabi hal itu diwajibkan, untuk ulama perkara ini sunat. Firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَٰتَهُمْ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ
ٱلَّذِينَ ٱمْتَحَنَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ لَهُم مَّغْفِرَةٌ
وَأَجْرٌ عَظِيمٌ

Terjemahannya: Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertaqwa. Bagi mereka ampunan dan pahala yang besar (Al Hujurat : 3)

Memandangkandirumahmerekaadalahtumpuanorang terutama orang miskin. Orang-orang itu perlu dilayan dan diberi keperluannya. Ulama-ulama perlu barang dan kewangan untuk tujuan tadi. Maka kalau kita bawa buah

tangan bererti kita membantu beliau menyelesaikan keperluan orang ramai terutamanya orang miskin.

Bila bercakap, cakaplah, tanyalah, mintalah, adulah, laporlah dan buallah yang perlu saja. Jangan meleret-leret dan kosong serta sia-sia. Jangan sampai beliau jemu dan benci dan susah. Sebab beliau itu ada banyak perkara lagi yang hendakdifikirkan. Kebencian ulama bererti kebencian Allah. Bila selesai, mintalah izin dan keluarlah secara terhormat.

Bagi ulama itu sendiri, kalau ada pengikut atau murid yang kurang adab, yang kurang cerdik, yang membebel atau buat kerenah, hendaklah ia berlapang dada dengan mengharap pahala dari Allah. Lihat bagaimana sikap Rasulullah ketika ada orang dusun kencing di dalam masjid baginda. Dibasuhnya kencing itu kemudian dinasihatinya dengan baik.

4. Seterusnya para pengikut atau murid harus sedar akankedudukan masing-masing di sisi guru ataupemimpin mereka. Apa tugas dan peranan serta khidmat yang boleh disumbangkan pada ulama itu demi membantu perjuangan serta menghubungkan kasih sayang antara pengikut dan pemimpin atau guru dengan murid. Bila masing-masing sedar dan tahu kedudukan masing-masing maka mudah dan teraturlah jadinya urusan pertemuan dengan guru itu. Tidaklah lagi semua orang hendak berjumpa dalam satu masa, bayangkanlah kalau satu orang jumpa setengah jam, apahal kalau dua puluh orang?

Sebab itu perlulah masing-masing diri menilai kedudukan dan keperluan sendiri di sisi gurunya.

Sebagai panduan saya berikan beberapa contoh:

1. Bagi orang-orang penting kepada ulama itu, samada kalangan pemimpin atau petugas-petugas penting, kedudukan mereka adalah istimewa. Sebab mereka dikehendaki selaluuntukberjumpa, keranamembincangkan masalah perjuangan dan membantu kerja pucuk pimpinan menyelesaikanmasalahyangadakaitandenganmasyarakat. Bahkan ada di kalangan mereka yang menjadi tempat untuk menceritakan rahsia-rahsia perjuangan. Jadi mereka ini kenalah faham kedudukan masing-masing. Mereka diperlukan selalu dan kerap. Jangan pula mereka ini mengambil sikap menjauhkan diri dan takut-takut hingga jarang berjumpa. Sikap begini memungkinkan pemimpin atau guru akan marah dan benci.

2. Ada pula di kalangan pengikut atau murid yang tugas merekamemberikhidmat kepada pemimpin. Terutamanya dalam hal memandu kereta, jurutaip, jurutulis, menerima danmembalas surat, tolong urusan membeli belah, menjaga rumah dan kerja-kerja di rumah, melayan tetamu termasuklah merawat kesihatan seperti urut-mengurut, menjaga jadual harian, dan lain-lain, maka mereka ini juga adalahorang-orang yang diperlu sentiasa ada dekat dengan pemimpin tadi. Tugas mereka memang diperlukan selalu. Dan mereka disenangi keranakhidmat itu. Maka janganlah mereka ini menjauh-jauh dari dan menyerahkan tugasnya pada orang lain. Belum tentu orang lain itu dapat memberi khidmat sebaik orang pertama.

3. Selain daripada dua golongan di atas maka pengikut yang ramai lagi itu dikira tidak terlalu penting untuk berjumpa pemimpin. Mereka hanya perlu di waktu-waktu tertentu untuk berjumpa seperti hari keramaian dan hari

raya (rumah terbuka). Barangkali untuk ziarah, bertanya, mengadu dan lain-lain. Untuk mereka ini, eloklah menilai masa yang sesuai dengan cara yang beradab serta seringkas mungkin. Supaya kesempatan yang sama diberi pula pada orang lain. Atau kalau sewaktu-waktu susah sangat hendak bertemu boleh juga hubungi melalui telefon, surat atau mengirim pesan melalui orang-orang yang hampir.

Hal ini telah dinyatakan di awal tadi. Perlu diingat bahawa dari segi kasih sayang antara pengikut dengan pemimpin, bukanlah mesti jumpa selalu. Kita sayang pada Rasulullah bukan kerana berjumpa. Jadi jangan anggap tidakberjumpa tidakdisayangi. Bahkan kalau kitabejumpa selalu, walhal kita tidak diperlukan, boleh membuatkan kita dibenci. Ada orang yang kerana berjauhan datang kasih sayang.

5. **Adab-adab lain ketika berhadapan dengan guru** atau pemimpin ialah cara bersalam. Berjabat tangan memang sunat hukumnya, untuk tujuan dan simbol ikatan persaudaraan saudara-saudara seIslam. Dan mencium tangan pun tidak salah bagi tujuan memuliakan dan kasih sayang. Adalah digalakkan anak cium tangan ibu ayahnya. Isteri cium tangan suami ketika bersalaman. Murid cium tangan guru atau pengikut yang setiacium tangan pemimpin yang berjasa. Mudah-mudahan bila tangandicium masakan tergamak melakukan derhaka.

Persoalannya ialah bila dan cara bersalam. Pemimpin atau guru itu sentiasa jumpa orang. Kadang ramai kadang tidak ramai. Katakanlah dalam satu perhimpunan samada untuk usrah, ceramah, fardhu ain atau sembahyang raya yang dihadiri oleh ribuan orang murid atau pengikut. Memang murid atau pengikut suka sekali dapat peluang

jumpa atau bersalaman dengan ketua mereka. Pihak pemimpin pun suka juga. Tapi fikirlah, sudahlah letih berceramah satu dua jam, kena pula berdiri sejam dua untuk bersalaman. Hal ini kalau kita ada pengalaman, bukan lagi suka tapi sangat membebankan.

Orang ramai mesti faham hal ini. Jadi kalau sewaktu-waktu pemimpin tidak mahu bersalaman dengan kita janganlah kecil hati, atau biarlah beliau bersalam dengan orang yang duduk dekat-dekat saja, tak payah kita datang berkerumun. Atau kalau waktu beliau izinkan, jangan pula melampau. Cukuplah bersalaman dan mencium tangan. Jangan ambil masa lebih untuk cium dahi, cium pipi dan apa-apa lagi. Juga elakkan dari memeluk beliau. Pelukan sesama kawan dalam Islam dibenarkan ketika baru bertemu sesudah lama tidak berjumpa atau ketika hendak berpisah. Lepas sembahyang, dalam majlis ilmu atau pertemuan-pertemuan biasa tidaklah sunnah berpeluk-peluk. Kalau begitu, dalam keadaan guru atau pemimpin berhadapan dengan ribuan pengikutnya tidak payahlah kita memeluk mencium apa lagilah hendak bercakap-cakap. Bersalam sudah cukup.

Berkait dengan perkara ini saya teringat isu cium tangan yang diheboh-hebohkan oleh setengah pihak. Kata mereka cium tangan itu bidaah dan lain-lain. Ini timbul kerana ada pengikut kepada beberapa orang ulama mencium tangan pemimpin mereka itu. Isu ini tidak pun kedengaran kalau orang ramai cium tangan menteri dan raja, menteri cium tangan raja atau peristiwa-peristiwa cium tangan yang lain yang lebih dramatik. Seperti orang cium bintang filem. Tidak pula dihebohkan tentang boleh atau tidak bolehnya. Supaya tidak meragu-ragukan masyarakat umum saya

suka menjelaskan hal ini setakat mampu.

Ulama adalah mulia kerana jadi pewaris para nabi. Kerja-kerja dan jasa yang diberikan oleh ulama terhadap masyarakat adalah besar. Yakni mendidik dan memimpin manusia kepada Iman dan Islam. Yakni kepada kebenaran dan kebahagian hidup dunia dan akhirat. Selamat dari neraka dunia dan neraka akhirat. Manusia berubah dari tidak sembahyang kepada sembahyang. Dari jahil pada alim. Dari jahiliah kepada Islam. Dari maksiat pada amal soleh. Setiap orang yang merasai dan menerima tunjuk ajar ini, pasti rasa terhutang budi yang besar pada ulama tadi, yang sekaligus dianggap guru dan pemimpinnya. Hasil dari keadaan ini maka mereka akan memberi kasih sayang, ketaatan dan khidmat yang murni sekali. Dengan kata lain mereka beri hati mereka. Yang mana hal ini tidak boleh dibeli dengan duit. Bukan senang hendak ambil hati ribuan manusia.

Sebab itu ulama yang buat kerja kerana gaji, kerana jawatan, mereka tidak dapat penghormatan begitu dari orang yang diajamya. Sebab manusia merasa tidak terlalu terhutang budi. Mereka tidak dapat hidayah yang boleh mengubah mereka dari orang berdosa kepada orang soleh yang dapat keampunan Allah. Dari kaki maksiat kepada amal-amal baik. Dari pakaian ala Yahudi kepada kepada pakaian sunnah. Dari jadi penyebar maksiat kepada seorang pendakwah. Dari jalan syaitan kepada jalan Allah. Daripada cinta duniapadacinta akhirat. Daripadamazmumah kepada mahmudah. Daripada dosa yang akan menjerumuskan ke neraka, untuk pergi kepada keampunan Allah. Itu tidak boleh dibuat oleh ulama pejabat, yang kerja waktu rasmi dan bertempoh-tempoh setakat pencen. Bukan saja orang ramai, malah yang sepejabat dengannya pun tidak rasa

istimewa apa-apa. Sama saja. Sama-sama cari kerja, cari makan untuk hidup dunia dan sama-sama menunggu pencen. Tidak lebih dari itu. Lalu tidak pelik kalau anak buah tidak rasa hendak muliakan dengan mencium tangan bossnya. Bukan saja itu, bahkan mereka (ulama) ini dibiarkan oleh Allah membanting tulang mencari rezeki, Allah tidak tolong mereka sebagaimana Allah tolong orang bertaqwa.

Tapi bagi ulama 'amilin yang mengambil alih tugas-tugas paranabi, makamereka itu dimuliakan oleh manusia. Memang ujian tidak habis-habis, tapi rahmat Allah melimpah-ruahuntukmereka. Hendaknyajanganlahulama pejabat iri hati dengan mereka. Ini bukan perkara baru. Murid cium tangan guru adalah cerita lama. Ulama-ulama sudah bahaskan hal ini, panjang lebar. Imam Sayuti, Imam Nawawi, Imam Ghazali membenarkannya. Orang zaman ini saja yang kurang tahu hal ini. Sebab ilmu sekular yang dituntut memang tidak ajar bagaimana adab murid dengan guru. Sebab itu sudah berlaku murid cabar guru. Murid hendak tembak guru, tumbuk guru. Murid mengorat guru. Sabda Rasulullah:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يُوَقِّرْ كَبِيْرَنَا وَلَمْ يَرْحَمْ صَغِيْرَنَا

Bukanlah dari golongan kami orang yang tidak menghormati orang besar kami dan tidak menyayangi orang kecil kami.

(Riwayat Tabrani)

Jadi budaya cium tangan sebenamya ada dalam Islam. Yakni cium tangan orang yang patut dimuliakan. Seperti anakterhadap ibu bapa. Murid terhadap guru. Isteri terhadap suami. Dan pengikut terhadap pemimpin yang soleh.

6. Adab ketika berjalan bersama guru terutama ketika, berbelanja. Biasanya seorang pemimpin rezeki yang Allah untukkan padanya adalah lebih daripada pengikut tapi mereka nampaknya selalu kekurangan, kerana sifat zuhud mereka, yang menghabiskan harta untuk agama Allah, bukan untuk diri. Kerana mereka buat kerja Allah, maka Allah tanggung keperluan mereka. Firman-Nya:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ۝٢ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Terjemahannya: Barangsiapa bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah berikan mereka rezeki dari sumber yang tidak diduga dan Allah beri jalan keluar dari kesulitan mereka.

(At Talaq : 2&3)

Dan firman-Nya lagi:

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Terjemahnnya: Allahpembantu bagiorang yang bertaqwa.

(Al Jasyiyah: 19)

Atas dasar itulah ulama-ulama seperti para nabi dijaga (ditolong) oleh Allah. Rezeki danurusan-urusan lain terbela dengan cara-cara yang Allah tentukan dan di luar dugaan manusia. Tapi ini tidak didapati oleh ulama-ulama yang kerja dengan manusia (boss) yang tidak buat kerja-kerja yang diwarisi oleh Nabi.

Jadi, pemimpin-pemimpin Islam (ulama) biasanya boleh berhelanja bukan sahaja sekeluarga tetapi juga kawan-

kawan yang berjalan dengannya. Janganlah anakmuridnya yang rezekinya agak rendah belanjakan gurunya kerana konon hendak ambil hati guru. Hal begitu sebenamya boleh menyinggung perasaan guru. Mungkin beliau rasa terhina. Sebab sepatutnya dia yang belanja, tapi tiba-tiba orang yang miskin belanja gurunya. Tidak patut. Namun begitu memang ada di kalangan pengikut yang bergaji besar atau pendapatan lumayan. Memang mereka ini berlebih-lebih duit. Pada merekamemang patutlah, bahkan satu penghormatan pula kalau mereka itu berbelanja sebaliknya kalau mereka ditanggung oleh guru seakan-akan mencabar mereka pula. Jadi dalam hal ini eloklah guru menerima pemberian muridnya.

Begitulah serba sedikit panduan para pengikut untuk berjumpa dengan pemimpin yang juga guru mereka. Islam menghendaki umatnya hidup dalam tenang, bahagia, teratur, berdisiplin dan cantik di mata kawan mahupun lawan. Jadi sikap taat pada sebarang undang-undang, wajiblah jadi kemahuan bersama setiap kita. Ucapan kita ketika dapat sesuatu arahan ialah kami dengar dan patuh. Ingatlah bahawakejayaanperjuanganituadalahkeranakitasanggup jadi kaki tangan, mata telinga dan bahu yang menanggung bebannya.

Keredhaanibu bapabererti keredhaan Allah. Keredhaan guru bererti keredhaan Allah. Kalau kita jadi hamba yang diredhai maka layaklah kita jadi manusia-manusia yang dibela oleh Allah.

18

KENAPA BIARKAN PENYAKIT EGO MENJAHANAMKAN KITA?

BILA seseorang manusia itu alim yakni banyak ilmu dan lebih dari orang lam samada ilmu dunia dan akhirat, dan bila seseorang itu berpangkat besar atau bila seseorang itu otaknya lebih dari orang lain atau bila seseorang itu kaya atau keturunan mulia dan ternama seperti raja, ulama, orang besar dan bila seseorang itu berkelulusan tinggi dan bila seseorang perempuan itu cantik dan bila seseorang lelaki itu gagah maka rasa tinggi diri, sombong, angkuh dan takabur hinggaplah pada hatinya. Sedar atau tidak sedar, sengaja atau tidak sengaja.

Sebab bila seorang rasa mampu, berkebolehan, berjaya, istimewa, lebih dari orang lain, maka lenyaplah rasa kekurangan, kelemahan dan kehambaan diri pada Allah SWT dari hati nuraninya. Maka ruang kosong itu segera pula diisi oleh rasa hebat, rasa besar, rasa istimewa, rasa tuan, bahkan rasa Tuhan. Maka bila hati sudah jadi begitu, meninggilah diri dengan yang lain, memandang rendah sesama hamba Allah, jijiklah dia terhadap manusia yang lemah dan hina, maka sombonglah dia, angkuh dan takaburlahia. Samada secara sengaja dan dirancang ataupun bukan secara dirancang dan tidak disedari.

Sebab ada orang bila tahu dia istimewa maka dia pun aturlah hidupnya sebagai orang yang istimewa dan

berusahalah dia menjaga statusnya. Sebaliknya ada pula orang yang sedar keistimewaan dirinya, tetapi kerana dia faham Islam maka dia tidaklah mahu membesar-besarkan diri. Tapi oleh kerana taqwanya lemah, maka dia tidak dapat mengawal nafsu yang sudah rasa istimewa itu dari bertindak dengan perangai-perangai orang sombong dan takabur. Dia tidak mahu sebab dia tahu sikap itu dosanya besar, tetapi dia tidak dapat lawan nafsunya. Maka termasuklah juga dia dalam senarai orang yang sombong, ego, takabur.

Mazmumah yang sangat dibenci oleh Allah ialah penyakit ego (sombong) sebab ego itu membawa kesan yang sangat buruk. Iblis, kerana penyakit ego telah derhaka pada Tuhan. Lihat Allah ceritakan kisah ini dalam Al Quran:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ
أَبَىٰ وَٱسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ

Terjemahannya: Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat, sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali iblis, ia enggan dan takabur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir.
(Surah Al Baqarah : 34)

Kerana merasa dirinya lebih istimewa daripada Adam, dia lebih mulia, lebih pandai, lebih senior dalam syurga, maka sepatutnya dialah yang jadi ketua dan orang lain sujud padanya. Tiba-tiba Allah minta dia sujud pada Adam yang dipandang rendah itu, hatinya menolak. Dia lupa dia hamba Allah, keistimewaannya itu pemberian Allah yang

mana kalau Allah tarik semuanya, kembalilah dia selaku hamba yang dhaif. Hatinya yang sudah dikuasai rasa hebat diri itu, sudah cukup keras, hingga dia tak dapat sujud ketika Allah perintahkan dia berbuat begitu. Sombongnya dia. Dan Allah pun murka. Lalu Allah tarik balik pinjaman-Nya pada Iblis. Kemudian Iblis dihukum buang dari syurga ke satu tempat buangan yang susah dan hina iaitu di dunia ini. Tapi Iblis sangat sombong. Sudah dihukum pun dia tidakmahu merendah diri juga. Bukannyadia minta ampun dengan Tuhan, minta untuk sujud pada Adam, tapi dimintanya untuk menghasut dan menggoda manusia supaya manusia semua kufur dengan Allah dan masuk neraka.

Pemah juga Iblis itu memberitahu Nabi Musa yang dia ingin taubat. Nabi Musa pun tanya Allah bagaimana caranya Iblis boleh bertaubat. Allah berfirman minta dia sujud di kubur Nabi Adam. Mendengar itu, sombong Iblis pun bangun kembali. Apa katanya, "Waktu Adam hidup pun aku tidak sujud padanya, inikan pula waktu dia sudah mati? Tidak jadilah aku nak bertaubat," kata Iblis.

Begitu sekali kesombongan Iblis. Diacukup kenal Allah, sudah nampak api neraka, tapi kesombongannya membuatkan dia pandang kecil pada Allah. Seolah-olah ia berkata, "Peduli apa dengan Allah! Masuk nerakapun nerakalah, asalkan aku puas." Maka sekarang Iblispun mengamuklah di tengah manusia, untuk menjahanamkan anak cucu Nabi Adam, agar semuanya masuk neraka bersamanya. Baru dia puas!

Beberapa ramai hari ini orang yang hatinya sudah jadi seperti hati Iblis. Merasa diri istimewa, hinggamemandang rendah pada orang lain. Kalau ditegur melenting, bahkan mencabar orang yang menegur. Hinggakan demi me-

muaskan hati, sanggup melakukan dosa-dosa yang boleh tercampak ke neraka. Allah berfirman dalam Hadis Qudsi: *"Kibir atau sombong itu selendang-Ku. Siapa yang memakai selendang-Ku nescaya dia tidak akan mencium bau syurga."*

Adakah kita termasuk senarai orang yang sombong? Lihat sifat berikut ada atau tidak ada pada diri anda!

1. Memandang rendah pada orang lain, terutama orang yang difikirkan kurang dari dirinya.

2. Menghina, memalukan, menengking, marah, mengamuk, berang, memaki-maki, mencerca, meninggi suara, masam muka, dan membeliakkan mata terhadap orang yang dipandang rendah tadi, bila didapati orang bawahitu tersilap atau tersalah dalam sesuatu hal. Setengah orang dalam meracau-racau tu ditambah pula dengan berkata, "Tak kenal ke aku ni siapa?"

Paling tidak hatinya berkata, "Dia tak hormat aku, dia tak tahu agaknya aku ni besar!"

3. Pendapat orang, walau benar sekalipun tidak akan diterima. Dia akan lawan sampai dia rasa dia yang benar, dan dia yang menang. Kalau orangnya pandai bercakap maka dia akan putarkan cakap supaya orang terkeliru dan menganggap dia yang benar. Namun begitu, hati kecilnya tetap bersuara lemah, "Orang itu betul, aku yang salah!" Tapi suara itu tidak dilayan. Rasa angkuh memaksa dan mendesak-desak agar dia tidak mengaku salah. Dia akan buat apa saja untuk membela dirinya, dan hatinya puas.

4. Di dalam majlis, dia saja yang 'borong', orang lain jangan. Suaranya ditinggikan, lebih dari perlu. Kalau ada orang menyampuk dia buat dengar tak dengar saja. Duduknya pun, kaki atas kaki bersilang dengan badan diangkat-angkat, ditegakkan, ditinggikan kepala supaya nampak hebat.

5. Dia tidak suka menziarahi orang tapi meminta orang ziarah dia.

6. Berjalannya dengan gaya angkuh dan bangga seperti yang diisyaratkan oleh Quran tentang orang yang berjalannya pun nampak dia membanggakan diri. Bila tiba di depan orang terus cekak pinggang dan pandangannya diseriuskan tanpa kasihan belas dan kasih sayang.

7. Dia tidak duduk bersama dengan orang yang dipandang rendah. Dia cari orang yang dirasa setaraf atau lebih dari dia. Dirasanya terhina bila ditempatkan di tempat orang yang statusnya rendah. Dan bangga biladitempatlcan di tempat yang layak.

8. Dia mahu kemajuan dan kebenaran itu dari dia. Dia tak iktiraf hasil usaha orang lain. Pantang orang lain nak ajar dia. Walaupun betul dia tak akan terima.

9. Tolak ansur, timbang rasa, kerjasama, bertolong-bantu dan hormat menghonnati tidak ada padanya. Biar orang ikut aku jangan aku ikut orang. Orang kena taat padaku, dan aku jangan harap nak taat pada orang. Biar akuperintah orang, jangan orang perintah aku. Maka kalau berlaku sebaliknya, jadilah dia pemarah, pendendam,

dengki, penghasut, pengadu domba, menfitnah, mengumpat dan lain-lain lagi.

Itulah sombong namanya. Perangai Iblis. Akhlak terkutuk. Siapa memilikinya, nerakalah tempatnya.

Rasulullah SAW dan para sahabat serta ambia' dan solehin (orang soleh) sangat tawaduk orangnya, yakni merendah diri sesama manusia. Lihatlah betapa mulianya hati Rasulullah. Firman Allah dalam Al Quran:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ

Terjemahannya: Telah lahir Rasulullah di kalangan kamu, sangat susah dengan kesusahan kamu dan menginginkan keselamatan bagi kamu dan penyayang dengan orang-orang mukmin." (Surah At Taubah : 128)

Itulah hati orang yang tawaduk. Yang rasa dirinya hamba Allah dan orang lain adalah saudara-saudaranya yang dikasihinya. Dia tidakmerasa dirinyalebih dari orang lain. Walaupun dia telah diangkat oleh Allah menjadi kekasih-Nya, manusia paling mulia dan paling tinggi pangkatnya, terkenal namanya, luas pengaruhnya, tapi dia rasa dia hamba Allah seperti juga orang lain yakni hamba Allah. Kalau dia tak mahu susah, orang lain pun tak mahu juga. Kalau dia tak mahu dimalukan, dimarah, dicaci dan dihina, orang lain pun begitu juga. Kalau dia suka pada keselamatan dan kebahagiaan, maka orang lain pun sama. Begitu dia menimbang perasaan orang. Sebab itu dia mengasihi orang lain sepertimana dia kasihkan dirinya. Dan kalaulah dia telah melukakan perasaan orang, maka

itu dirasanya satu beban dosa yang sangat dikesali dan ditakuti! Takut nanti Allah akan hukum dirinya sebagaimana dia menganiaya orang lain.

Hasilnya Rasulullah sangatlah menyayangi dan menghibur sahabat-sahabatnya dan seluruh orang-orang mukmin. Pada orang yang memusuhi didoakan, "Wahai Tuhan, berilah pehmjuk pada kaumku itu, kerana mereka tidak mengetahui." Sebab Rasulullah boleh duduk dan bermesra dengan kasih sayang dengan orang-orang miskin dan orang-orang yang kekurangan. Malah baginda meminta pada Allah:

اَللّٰهُمَّ أَحْيِنِى مِسْكِيْنًا وَأَمِتْنِى مِسْكِيْنًا
وَاحْشُرْنِى فِى زُمْرَةِ الْمَسَاكِيْنِ -

"Jadikanlah aku orang miskin, matikanlah aku dalam kemiskinan dan masukkanlah aku dalam syurga bersama-sama orang miskin." *(Riwayat Tarmizi)*

Kenapa begitu? Sebabnya orang mukmin yang miskin dan kurang, rendah hatinya pada Allah dan pada manusia. Mereka kurang dihisab pada hari kiamat dan masuk syurga jauh lebih awal dari orang kaya.

Begitu hati Rasulullah. Dia tak rasapun yang dia istimewa dan hebat walaupun segala keistimewaan Allah limpahkan padanya. Sebab padanya keistimewaan itu semuanya hak Allah. Allah pinjamkan untuknya dan nanti Allah akan tanya, "Untuk apapinjaman itu digunakan?" Kerana itu dia cukup hati-hati dengan nikmat itu. Malah dia takut ketika isterinya Siti Aisyah, Ummul Mukminin bertanya, "Kenapa tuan bersusah-susah begini sekali beribadah pada Allah hingga bengkak-bengkak kaki dan terjatuh-jatuh?

Bukankah tuan sudah dijamin selamat di akhirat bahkan disediakan syurga paling tinggi untuk tuan?"

Apa jawab baginda? "Terpulanglah pada Tuhan untuk buat atau beri apa saja pada hamba-Nya ini. Namun aku adalah hamba-Nya yang hina dina, yang lemah dan kurang segala-galanya, yang patut mengemis dan menyerah diri sepenuhnya pada Tuhanku itu."

Dalam kitab diriwayatkan satu kisah bagaimana Allah bertanya pada pesuruh-pesuruh-Nya:

"Musa, engkau siapa?"

Jawab Musa, "Ana Kalamullah."

"Ibrahim, engkau siapa?"

Jawab Nabi Ibrahim, "Ana Khalilullah."

"Isa, engkau siapa?"

Jawab Nabi Isa, "Ana Rohullah."

Kemudian Allah bertanya pada Nabi kita, "Muhammad, engkau siapa?"

Jawablah Rasulullah dengan rendahnya, "Ana yatim."

Tents Allahmenyahut, "Engkau kekasihku, Habibullah."

Orang yang merendah diri Allah angkat setinggi-tingginya. Rasulullah boleh makan sedulang dan duduk sebelah menyebelah bertindih lutut dengan orang dusun yang selekeh, hodoh, bodoh, berlendir-lendir, berdarah dan bernanah kudis di seluruh tubuhnya, ketika orang itu berdiri di pintu majlismakan baginda. Mana ada pemimpin dunia hari ini, ulama, orang kaya, cerdik pandai, boleh memberi kasih sayang sebegitu rupa pada rakyamya yang paling dhaif? Baginda bagaikan seorang ayah yang kasihnya lebih pada anaknya yang cacat dan lemah. Itulah hati Nabi kita, yang patut kita contohi dan hayati. Agar benar-benarlah kita jadi pengikutnya dan pewarisnya. Dan rupanya

roh baginda yang terus hidup itu memandang kita dengan penuh kasih rindu dan supaya disyafaatkan kita nanti di hari kiamat.

Pemimpin Islam hari ini kecil atau besar kalau mahu diterima dan dikasihi oleh pengikut kenalah berakhlak dengan akhlak Rasulullah. Atau seperti Sayidina Abu Bakar yang habis harta bendanya dikorbankan untuk perjuangan Islam, kemudian dia berkata, "Yang tinggal padaku hanyalah Allah dan Rasul. Dan aku merasa cukup dengan keduanya." Atau bagaikan Sayidina Umar yang keras dan tegas melaksanakan hukum Allah tapi telah berkata, "Kiranya diberitahu bahawa semua orang masuk syurga kecuali seorang, maka aku rasa akulah yang seorang itu." Dia merasa dialah yang paling banyak dosa. Sebab itu dia sangat merendah diri pada rakyatnya. Ditanggungnya guni gandum di belakangnya, dibawa ke rumah seorang janda bersama-sama anak-anaknya yang waktu itu ketiadaan makanan. Khadamnya minta biar dialah yang menanggungnya, jawab Sayidina Umar, "Bukan engkau yang akan menanggung beban tanggungjawab di akhirat nanti."

Atau, sebagaimana Sayidina Usman yang mempunyai sifat kasih sayang terhadap rakyatnya. Mahupun, seperti Sayidina Ali yang sangat sabar dengan kemiskinannya hingga walaupun dia miskin papa tetapi mendapat gelaran "Bapa" janda-janda dan fakir miskin serta anak yatim.

Adakah seorang raja atau menteri, ulama, orang besar, orang kaya di dunia yang seperti Sayidina Abu Bakar, Umar, Usman dan Sayidina Ali sekarang ini? Kalau tidak ada, tidak peliklah mengapa dunia tidak aman. Sebab rakyat bukan saja tidak sayang pada pemimpinnya bahkan berdendam dan cari peluang untuk mengganti tempat duduk pemimpinnya itu.

Kesombongan manusia hari ini tidak pernah dimuktamarkan. Sedangkan itulah punca bagi segala krisis di dunia ini. Penyakit yang begitu bahaya dibiarkan melanda dunia, tanpa seorang pun berusaha untuk mengubatinya, akan ranaplah nanti dunia ini dikerjakan oleh manusia yang sudah jadi Iblis itu.

Islam, melalui bidang tasauf telah menggariskan ubat-ubat untuk penyakit-penyakit terkutuk itu. Biar saya senaraikan di sini setakat yang Allah izinkan pada saya, supaya bergunalah ia bagi orang yang mahu menggunakannya.

Mula-mula gunakan fikiran untuk fikir tentang nasib orang yang sombong! Iblis tercampak ke neraka walaupun dia ketua segala malaikat. Begitu juga nasib diktator dan penyombong-penyombong lainnya di dunia ini, mana ada yang baik-baik? Semuanya mati dalam kehinaan, semua tinggal seorang diri. Orang benci, orang kata dan orang pulaukan. Walaupundepannyaorangmenangguk-angguk. Siapa suka begitu? Kalau begitu kenapa menyombong diri? Kehebatan kita sementara saja. Boleh jadi dia tinggalkan kita sebelum kita tinggalkan dia. Berapa banyak orang kaya jatuh papa kerana kekayaan diragut oleh kebakaran, banjir. Berapa banyak kejadian peniaga jadi bengkrap dan diisytiharkan muflis. Berapa ramai menteri yang masih muda tapi sudah jatuh dari jawatannya.

Bila-bila masa saja Allah boleh hantar penyakit-penyakit bahayapadakita. Bila-bilamasasaja Allahbolehmiskinkan kita kalau Allah mahu. Sepatutnya kita takut dengan Allah. Bila terbuat perangai sombong segeralah taubat. Jangan sampai Allah murka. Macam-macam boleh jadi nanti. Berani melawan Allah? Namrud konon nak lawan Allah, baru nyamuk masuk telinga terus ke kepala, bermain-main

dalam otaknya. Itupun sudah tewas, terus mati masuk neraka. Firaun yang sombong mengaku Tuhan, maka Allah belah lautan, tenggelamlah ia. Mati dek air, jadi bangkai yang tercampak.

Apalah dibanggakan kehebatan kita itu. Dia tidak menyelamatkan kita malah mungkin kalau salah gayanya, sebab nikmat itu boleh jatuh di dunia apalagi di akhirat . . . j atuh neraka hidup menderita.

Kita kan asal dari setitis mani, air mani tu kan hina? Kalau jatuh ke air, itik pun tak sudu, di daratan ayam tak patuk. Maka kalaulah kita mahu sedar diunhmg, patutnya kita selalu menghinakan diri kita dan merasa hina untuk Allah, sehina air mani. Kemudian bermurah hati dengan manusia. Hiburkan manusia sebagaimana kita suka dihiburkan. Barulah orang suka dengan kita. Katakan selalu pada diri: "Wahai diri, engkau bagaikan sampah yang selalu menyusahkan orang. Bila-bila masa Allah boleh buangkan engkau dalam bakul sampah-Nya iaitu Neraka Jahanam."

Sebagai tambahan, ubat somborg ini amalkanlah ayat Quran ini tiap-tiap hari.

إِنَّ شَجَرَتَ ٱلزَّقُّومِ ٤٣
طَعَامُ ٱلْأَثِيمِ ٤٤ كَٱلْمُهْلِ يَغْلِي فِي ٱلْبُطُونِ ٤٥ كَغَلْيِ
ٱلْحَمِيمِ ٤٦ خُذُوهُ فَٱعْتِلُوهُ إِلَىٰ سَوَآءِ ٱلْجَحِيمِ ٤٧ ثُمَّ
صُبُّوا فَوْقَ رَأْسِهِۦ مِنْ عَذَابِ ٱلْحَمِيمِ ٤٨ ذُقْ إِنَّكَ
أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْكَرِيمُ ٤٩ إِنَّ هَٰذَا مَا كُنتُم بِهِۦ تَمْتَرُونَ ٥٠
إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِي مَقَامٍ أَمِينٍ ٥١ فِي جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ

٥٢ يَلْبَسُونَ مِن سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُّتَقَٰبِلِينَ ٥٣
كَذَٰلِكَ وَزَوَّجْنَٰهُم بِحُورٍ عِينٍ ٥٤ يَدْعُونَ فِيهَا بِكُلِّ
فَٰكِهَةٍ ءَامِنِينَ ٥٥ لَا يَذُوقُونَ فِيهَا ٱلْمَوْتَ
إِلَّا ٱلْمَوْتَةَ ٱلْأُولَىٰ وَوَقَىٰهُمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ٥٦ فَضْلًا
مِّن رَّبِّكَ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ٥٧ فَإِنَّمَا يَسَّرْنَٰهُ بِلِسَانِكَ
لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ٥٨ فَٱرْتَقِبْ إِنَّهُم مُّرْتَقِبُونَ ٥٩

*Terjemahannya: Sesungguhnyapohon **zaqqum** itu makanan orang yang **banyak dosa, (ia)** sebagai kotoran minyak yang mendidih di dalam perut, seperti mendidihnya air yang **sangat panas**. Peganglah dia kemudian seretlah dia ke tengah-tengah neraka. **Kemudian** tuangkanlah di **atas** kepalanya seksaan (dari) air yang **sangat panas.** Rasakanlah, sesungguhnya kamuorang yangperkasa **lagi** mulia. Sesungguhnya **ini adalah** arab yang dahulu **selalu** kamu meragu-ragukannya. Sesungguhnya orang yang bertaqwa berada dalam tempat yang **aman** (iaitu) didalam **taman-taman dan matair-matair,** mereka memakai sutera yang **halus** dan sutera yang tebal, **(duduk) berhadap-hadapan,** demikianlah. Dan **Kami** berikan kepada mereka bidadari. Mereka tidakakan merasakan **mati** di dalamnya kecuali **mati di** dunia. Dan Allah memelihara mereka **dari** azab neraka sebagai kurnia dari Tuhanmu. Yang **demikian** itu **adalah** keberuntungan yang besar. Sesungguhnya **Kami** mudahkan Al Quran itu dengan bahasamu supaya mereka mendapat pengajaran. **Maka** tunggulah, sesungguhnya mereka itu **menunggu (pula).***

(Surah Ad Dukhan : 43 - 59)

Dan selawatlab **pada Nabi** sebanyak **mungkin,** setiap masa, sebagai ubat untuk melembutkan **hati.**

19

DIA PASTI DATANG

AKU memang tidak pernah sekolah tinggi. Justeru itu tidak ada satu sijil apa pun yang aku miliki sekali pun SRP. Cuma darjah 7 sekolah Melayu dan Senawi 3 di Maahad Hishamuddin, Kelang. Apakah hikmah agaknya Allah mentakdirkannasibku begitu sekali, sedangkan Allah tentu tahu bahawa keinginanku untukmenuntut ilmu besar sekali. Duit aku pada waktu itu, sengaja aku simpankan. Ayahku pun, selaku seorang pegawai kastam mampu untuk menanggung persekolahanku, tapi disuruhnya aku kahwin dan cukup dengan ilmu sekolah Arab sekadar Senawi tiga (tingkatan 3) yang kupelajari sebelum itu.

Maka berhentilah aku dari belajar, terus kahwin dan bekerja dan berjuang. Berjuang dengan PAS waktu itu dengan cita-cita Islam. Sebab itu waktu dalam PAS lagi, aku sudah berjuang, sepertimana berjuang dalam Arqam ini. Kerana cita-cita itu tidak dapat dibangunkan dalam PAS, sebab. itu aku akhimya meninggalkan PAS, untuk kemudiannya melaksanakan apa yang sedang kulaksanakan sekarang bersama kawan-kawanku di Darul Arqam.

Aku terpaksa jadi pemimpin (kerana secara kebetulan akulah yang memimpin, jadi guru pada kawan-kawanku sejak awal) sebuah harakah Islam, sekalipun itu bukan cita-cita danpermintaanku. Pemimpin yang boleh dikatakan

tidak bersekolah dan tidak ada 'degree'. Ini adalah luar biasa. Di luar kemahuan dan dugaan logik manusia. Lalu tidak peliklah kalau aku menjadi pemimpin yang begitu kontraversial sekali. Bagaikan kisah Thalut (petani) di tengah-tengahpembesarcerdik pandai Bani Israil. Kawan-kawanku dan orang-orang yang simpati padaku, sangat kasih bahkan 'fanatik' padaku, kerana aku juga kasih dan cintakan mereka. Tapi selain mereka, ada orang yang mentertawakan aku, menolak kepimpinanku, menuduh-nuduh dan bahkan pemah aku dikafirkannya. Aku sedar itu semua, adalah kerana aku tidak ada degree. Tidak mengapalah! Aku tidak menyesali takdir ini. Kerana banyak lagi nikmat Allah yang boleh aku syukurkan.

Allah menjayakan perjuanganku hingga tahap ini. Jemaah Arqam sudahpunya kekuatan, perpaduan, ekonomi dan harta benda yang di luar dugaanku, sekalipun kejayaannya belumlah boleh dibanggakan. Bahan-bahan cetak (akhbar, majalah), letronik (kaset video) sudah laris di pasaran. Hampir 1 juta pembacanya. Buku-bukuku yang sudah lebih kurang 30 buah itu kian diterima masyarakat.. Kampung Arqam di seluruh Malaysialebih 20 buah, klinik 10 buah, 30 buah kiiang, 5 buah bengkel membaiki kereta, ladang pertanian dan temakan puluhan ekar. Markas-markas cawangan ratusan banyaknya, dalam dan luaf negeri. Sekolah rendah dan menengah lebih 20 buah. Tadika ratusan banyaknya. Kedai-kedai bermacam jenis tidak kurang 100 buah. Tidak kurang 20 pelajar, telah dibiayai oleh Al Arqam melanjutkan pelajaran ke luar negeri untuk kedoktoran dan lain-lain. Tanah yang belum dibangunkan ada beratus ekar. Di luar negeri Arqam sedan& menjadi bahan bual orang Islam dan yang bukan Islam.

Aku malu dengan Allah, kerana memberikan itu semua . padaku yang dhaif danberdosaini. Moga-moga pemberian ini tambah meyakinkan aku tentang apa yang aku perjuangkan dan aku kata-katakan selama ini, untuk aku lebih gigih dalam perjuangan di jalan Allah ini. Barulah kutahu bahawa bantuan Allah itu adalah atas dasar rahmat-Nya, bukan atas dasar kelebihan yang ada pada kita. Maka di sini sesudah kukatakan semua itu, aku ingin mengajak saudara membincangkan satu yang sungguh kontraversi selama ini.

Aku yakin Mujaddid abad 15 pasti lahir iaitu tidak lebih dari tarikh 1415 H ini. Sebab Rasulullah telah beritahu, akan lahir di setiap awal kurun seorang manusia yang akan membaharukan agama iaitu Mujaddid. Dalam bukuku Siapa Mujaddid Kurun ke 15, telah kukatakan Mujaddid kurun ke lima belas ialah Imamul Mahdi. Itu keyakinanku, dengan hujah-hujah yang telah kunyatakan dalam buku tersebut. Terpulanglah pada saudara untuk meyakini atau menolaknya, sebab saudara tidak wajib percayakanperkara ini. Tetapi eloklah dijadikan bahan fikir.

Maka dalam buku ini, INILAH PANDANGANKU, biar kulanjutkan bicara tentang Mujaddid itu. Pada pandanganku, Mujaddid itu akan lahir tidak lewat 7 tahun dari sekarang atau lebih awal lagi. Apa perlunya perkara ini dibincangkan di sini? Kerana aku mahu saudara lebih serius samada dalam menerima atau menolak kemungkinan ini. Sedangkan kalau Thatcher atau Reagan mahu datang ke Malaysia pun kita heboh-hebohkan, bersiap itu bersiap ini. Inikan pula yang akan tiba itu ialah orang simpanan Allah, khalifah Rasulullah dan penyelamat umat Islam

akhir zaman dan pembersih bumi dari noda dan dosa. Tentulah ianya suatu berita yang sungguh menakjubkan dan sangat besar serta patut sekali dibesar-besarkan.

Maka, sekalipun ramai yang tidak boleh terima tapi aku merasa bertanggungjawab untuk membuka fikiran saudara tentang dia. Supaya ketika Imam Mahdi muncul nanti, waktu itu saudara sudahbersediauntuk samada... menerima atau menolaknya. Sebab saudara sudah dengar tentang kemungkinan ini. Kalaulah saudara langsung tidak mendengamya sebelum ini, aku kira sukar bagi saudara untuk menilainya. Dan ini sungguh rugi. Sebab siapa menolak kepimpinan Imam Mahdi, (sesudah dia mengisytiharkan dirinya) sedangkan dia benar, (berdasarkan Hadis Rasulullah) sebagai kiriman Allah untuk kita, maka kafirlah dia. Wal'iyazubillahi min zalik. Itulah tujuanku. Moga-moga Allahmemimpin kita semua terhadap soal ini.

Apa perlunya Imam Mahdi? Sebab dunia ini dan manusia-manusianya, sudahlah terlalu rosaknya. Sudah sama dengan orang-orang di zaman jahiliah sebelum kelahiran Rasulullah. Kekufuran mereka pada Tuhan sudah melampau sekali. Umat Islam pun nama saja Islam tapi cara hidup dan perangai dahsyat sangat menentang Allah. Undang-undang bukan daripada Quran dan Sunnah.

Arak jadi minuman utama sebahagian besar manusia di dunia, termasuk umat Islam. Di setengah negeri umat Islam jadikan arak minuman ringan, diminum di kedai-kedai kopi yang murah, di tepi jalan. Judi, satu permainan yang diiktiraf. Dan orang besar sekalipun Islam kalau tidak pandai main judi dipandang bagaikan tidak sah. Judi diiklankan bagaikan iklan suatu barang penting dan istimewa. Berhala dan agama-agama karut bertapak kuat

di merata-rata negeri di dunia. Tenung nasib dan sihir jadi amalan biasa orang temama dan cerdik pandai. Wanita dengan wajah dan tubuh yang telanjang jadi barang dagangan yang sungguh biasa, murah dan laris. Permainan seks difilemkan untuk tatapan umum manusia sedunia. Perzinaan, pelacuran jadi suatu hiburan yang diterima baik, dihalalkan oleh undang-undang mahkamah di dunia. Apa lagi sesudah itu yang membolehkan anda berkata, masyarakat manusia hari ini sungguh moden dan maju jaya? Bukankah kekufuran mereka pada Tuhan sudah sama bahkan lebihlagi dari orang-orang di zaman jahiliah? Bukankah taraf hidup mereka sudah sama seperti manusia zaman batu dan hampir-hampir sama dengan binatang atau mungkin lebih lagi.

Apa lagi yang saudara mahu banggakan dengan orang zaman ini? Pada sains dan teknologi yang telah bawa manusia ke bulan? Ya, itu bagus, tapi apahal kalau manusianya yang mencipta itu semua kufur, penzina, penjudi,penipu,pembunuh,perasuah,penyalahguna kuasa, kekayaan dan ihnu dan perosak keamanan manusia? Saudara mahu berbangga dengannya? Misalkan ada orang beri anda $1000, tapi kemudian dia rogol anak perempuan anda. Istimewakah dia itu?

Itulah persoalannya. Yang mana saudara patut sedar bahawa dunia ini sudah terlalu memerlukan seorang pemimpin untuk memandu seluruh manusia kepada kebenaran, kejujuran, keamanan, keharmonian, keselamatan dan kebahagiaan yang hakiki. Yakni seperti di zaman salafussoleh. Manusia saling berkasih sayang, timbang rasa, bertolong bantu. Orang kaya jadi bank pada orang miskin. Pemerintah sangat adil hinggakan rumahnya lebih kecil dari rumah orang miskin di zamannya. Makan satu

lauk dan tidak tidur malam kerana menangisi dosanya manakala siang berada di tengah rakyatnya. Wanita malu dan sangat taat suami hingga rela dipoligamikan. Ulama sentiasa jadi guru yang memimpin tangan umat kepada Tuhannya. Apa saudara tidak rindu pada sebuah negara yang begitu? Atau apa salahnya kalau kita minta pada Tuhan agar dunia ini jadi seaman itu, sebelum ia di ranapkan kerana gempa kiamat?

Allah SWT tentu tahu keperluan ini. Memang dia Maha Tahu. Maka sebagaimana Dia telah bermurah hati untuk hantarkan Rasul-Nya untuk orang-orang jahiliah dulu, maka saya yakin tentu Allah akan kirimkan juga untuk kita seorang pemimpin yang begitu. Pemimpin Islam yang ilmunya, taqwanya, karamahnya dan daya pimpinnya boleh tundukkan Russia dan Amerika. Insya-Allah. Sejarah mesti berulang. Menjadi sunnah alam bila kerosakan sudah memuncak maka akan patah terkulailah ia dan berakhirlah riwayatnya, lalu bangkitlah kebaikan untuk mengambil tempatnya. Tradisi sejarah ini tentukan berulang.

Untuk itu Imam Mahdi, Insya-Allah tidak lama lagi akan datang. Datangnya membawa iman dan Islam, kebahagiaan dan keselamatan ummah sedunia dan mencabar musuh Islam dan membela umat Islam samada raja atau rakyat, kaya atau miskin, lelaki atau perempuan kecuali kalau ada yang menentangnya. Mari kita tunggu dan berharap untuk bersamanya dengan menyiapkan diri dengan iman dan taqwa, dengan Islam yang diamalkan mengikut cara hidup sunnah dan berjuang gigih bagaikan singa-singa Allah yang hidup di zaman salafussoleh.

PENUTUP

ITULAH PANDANGANKU. Aku kira kebanyakan pandangan itu adalah asing bagi anda! Sukar untuk anda meyakininya, apa lagi untuk mengamalkannya. Oleh itu, terpulanglah pada saudara untuk melaksanakannya, atau tidak. Cuma di sini ingin kuingatkan lagi bahawa semua pandanganku itu adalah prinsip perjuangan dan telah menjadi program perjuangan yang praktikal yang kebanyakan telah wujud dalam jemaah Darul Arqam. Malah telah menjadi identiti jemaah itu sendiri. Maka kalau anda mahu melihat wajahnya itu, datanglah ke perkampungan-perkampungan Darul Arqam khususnya di Pusatnya Sungai Penchala, Kuala Lumpur. Di sana saudara boleh saksikan secara nyata apa yang kumaksudkan ini.

Pohon ribuan maaf pada para pemimpin, ulama, cerdik pandai, pejuang Islam, orang-orang kaya, orang miskin, pemuda-pemudi, para wanita dan siapa juga yang ada kusebut kesilapan-kesilapan mereka itu dalam buku ini. Lebih-lebih ampun maaf lagi kupinta jika cara teguranku itu tidak sehikmah yang dikehendaki Allah dan Rasul. Itulah kelemahanku.

Akhirnya pada Allah jua kupersembahkan buku kecil ini untuk dinilai apakah ianya dikira ibadah atau tidak. Moga-moga diampunkan kesilapan dan kelemahanku. Dan diberkati buku ini untuk membolehkan kita semua mendapat taufik dan hidayah, iman dan Islam, akhlak yang mulia serta cita-cita perjuangan yang tidak padam-padam, hingga ke akhir hayat.

SENARAI BUKU-BUKU KARANGAN USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

DARI TAHUN 1976 HINGGA 1988

SIR1 **FALSAFAH** DAN TARBIAH

01-01-01	Ibadah **Menurut** Islam	1980
01-03-03	**Apa** Itu Masyarakat Islam	1981
01-04-04	Ke Arah Membangun Negara dan Masyarakat Islam	1981
01-05-05	Huraian Ke Arah Membangun Masyarakat dan Negara Islam	1981
01-06-06	Huraian **Apa** Itu Masyarakat Islam	1981
01-07-07	Bergembiralah Dengan Al Quran **dan** Sunnah	1981
01-08-08	Falsafah Dalam Menyelesaikan Masalah **Hidup Menurut** Islam	
01-09-09	Bersatu **Menurut** Islam	1984
01-10-10	**Iman** dan **Persoalannya**	1983
01-11-11	Inilah Jalan **Kita**	1984
01-12-12	**Matlamat** Perjuangan **Menurut** Islam	1984
01-13-14	Kemerdekaan **Menurut** Islam	1984
01-14-U	Yang Tersirat Disurat	1983
01-15-16	Mengenal Diri Melalui Rasa **Hati**	1985
01-17-27	Kembara Membuktikan Kebenaran Al Quran	1987
01-18-30	Aurad Muhammadiah Pegangan **Darul** Arqam	1986
01-20-32	Bahaya Syiah	1987

01-22-39	Krisis dan Jalan Penyelesaiannya	1987
01-22-40	Siapa Mujaddid Kurun ke- 15?	1987
01-24-42	Inilah Pandanganku	1988

SIRI CERAMAH UMUM

02-01-21	Pembahagian Manusia Di Akhirat	
02-02-22	Keindahan Islam	
01-03-23	Hidup Menurut Pandangan Islam	
01-04-24	Keindahan dan Kebesaran Sembahyang	
01-05-25	Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat	

SIR1 NOVEL

05-01-20	Selamat Tinggal Duniaku	1985

SIRI ANTOLOGI SAJAK/MADAH

06-01-02	Di Ambang Pintu Kiamat	1976
06-02-03	Cahaya	1977
06-03-14	Di Antara Rintihan dan Harapan	1983
06-04-15	Kesedaran	1985
06-05-25	Madah Hatiku	1986
06-07-42	Hatiku Bermadah Lagi	1988

DENGAN izin Allah, aku akan membawa anda mengembara bersama Iman dan Islam. Menjangkau soal-soal dunia dan akhirat, hidup dan mati. Tentang padang mahsyar, syurga, neraka, kubur; tentang kebenaran, keadilan, kebahagiaan; tentang mahmudah dan mazmumah. Tentang watak manusia, tentang hablum minallah dan hablum minannas; Fardhu ain dan fardhu kifayah. Tentang politik, ekonomi, sosio-budaya, perpaduan ummah; tentang kaedah memahami masyarakat, perjuangan Islam, dan kemuncaknya ialah cita-citaku mahu melihat bumi ini bersih dan aman makmur dengan mendapat keredhaan Allah S.W.T. Bacalah! Nanti anda akan rasa apa yang kumaksudkan dan mudah-mudahan anda suka untuk bersamaku menempuh jalan ini.

Inilah harapan, isi hati dan cita-citaku bila kuhadapkan seluruhnya untuk anda dalam apa yang kumaksudkan

inilah pandanganku

AL ARQAM الارقم

PENERANGAN AL ARQAM